



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

---

Bil. 20

Iasnin

17 Disember 2018

---

**K A N D U N G A N**

**PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)

**URUSAN MESYUARAT**

(Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 30)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2019 (Halaman 31)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**Isnin, 17 Disember 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara ini mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“11 Disember 2018

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. (DR. 25 / 2018) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2018;
2. (DR. 26 / 2018) Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2018;
3. (DR. 27 / 2018) Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2018;

4. (DR. 32 / 2018) Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) (Pindaan) 2018; dan
5. (DR. 34 / 2018) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2018.

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

### **URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon makluman supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, baiklah. Silakan.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Khairul Azwan Harun** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, apakah resolusi yang telah dicapai pada Kongres Masa Depan Bumiputera, dan apakah pencapaian semasa yang telah dicapai kongres tersebut.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018 atau KBN 2018 yang telah diadakan pada 1 September 2018 yang lalu merupakan platform penting kepada kerajaan baharu untuk memperkasakan Agenda Ekonomi Bumiputera. Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk melaksanakan resolusi yang dicadangkan oleh kongres berdasarkan kepada kajian dan penelitian yang telah dan sedang diperhalusi.

Kongres Ekonomi Bumiputera telah diadakan beberapa kali sebelum ini. Namun begitu, suasana dan cabaran semasa adalah berbeza dengan beberapa dekad yang lalu. Maka KBN 2018 dianjurkan untuk mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan Bumiputera selaras dengan cabaran semasa. Kongres ini telah mendapat

penyertaan yang amat menggalakkan bermula daripada sesi pra kongres. Seramai lebih 300 pakar rujuk bumiputera daripada pelbagai bidang telah menyumbang buah fikiran dan idea. Manakala seramai 2500 peserta termasuk dari Sabah dan Sarawak telah menyertai kongres tersebut.

Peserta kongres telah mengambil bahagian aktif sepanjang kongres berlangsung. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucaptama perasmian telah melontarkan beberapa gagasan baharu untuk menggesa satu anjakan minda dalam kalangan bumiputera dan orang Melayu. Antaranya ialah agar mereka mempunyai ilmu dan kemahiran, memiliki nilai-nilai moral, integriti dan etika yang baik, bersedia untuk bersaing serta menolak rasuah. Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut jelas menunjukkan komitmen kerajaan baharu untuk menjadi sebuah kerajaan yang *business friendly*, dengan izin, dan mendukung usaha untuk memberdayakan ekonomi bumiputera dan orang Melayu.

Pembentangan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pengarah Pusat Governan Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) yang menekankan soal nilai dan integriti telah menjadi teras utama dalam kongres ini dan mendapat sambutan yang cukup positif daripada peserta Komuniti Ekonomi Bumiputera (KEB). Ini menunjukkan satu pendekatan dan penerimaan yang berbeza di kalangan usahawan bumiputera. Peserta menerima baik saranan GIACC untuk memperkuuh sistem penyampaian dan penyertaan orang Melayu dan bumiputera serta mendukung tindakan tegas terhadap mereka yang mensabotaj ekonomi.

Kongres ini telah menghasilkan 63 resolusi merangkumi empat bidang fokus iaitu nilai, moral dan etika, pendidikan dan modal insan, pemilikan dan penciptaan kekayaan serta keusahawanan dan perniagaan. Sebahagian daripada cadangan resolusi tersebut telah diambil kira dalam hala tuju strategi dan inisiatif Kajian Separuh Penggal RMK-11 (KSP RMKe-11). Antara cadangan resolusi yang telah dikemukakan adalah seperti berikut:

- (i) menjadikan Kongres Bumiputera Nasional sebagai platform untuk memantau pelaksanaan resolusi, menepati niat serta aspirasi komuniti bumiputera;
- (ii) menstrukturkan semula agensi sedia ada supaya lebih efektif dan efisien serta bebas daripada campur tangan politik;
- (iii) memperkasa agensi sedia ada untuk mengawal selia dan melibatkan diri dalam pembangunan tanah rizab Melayu dan tanah wakaf;
- (iv) menubuhkan jawatankuasa tindakan khusus yang melibatkan kementerian dan agensi untuk mengkaji dasar dan akta di peringkat Persekutuan dan negeri dan;

**■1010**

- (v) mewujudkan pangkalan data bersepada atau *integrated database*, dengan izin, dan boleh diakses daripada pelbagai agensi sedia ada menuju ke arah inisiatif data raya atau *big data*.

Kerajaan komited untuk memastikan agenda bumiputera agar terus kekal sebagai agenda nasional. Dalam hal ini, tonggak kedua dalam Dokumen KSP RMKe-11 telah memberi penekanan khusus kepada strategi memperkuuh KEB. Ini termasuk inisiatif untuk memperkuuh keberkesanan institusi dan program, memperkasa pendidikan dan modal insan, meningkatkan kawalan efektif dan kemampunan dalam pemilikan ekuiti korporat, meningkatkan pemilikankekayaan serta membina KEB yang berdaya tahan dan mampan.

Ahli Yang Berhormat boleh merujuk dalam Bab 11 di muka surat 11-13, Dokumen KSP RMKe-11 yang mencerakinkan strategi dan inisiatif secara terperinci. Sekian, terima kasih.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya pertama statistik dari segi pemilikan saham oleh bumiputera Melayu dan Peribumi Sabah dan Sarawak sama ada melalui individu ataupun agensi yang bertanggungjawab.

Keduanya, mengenai tindakan *affirmative* ataupun *affirmative action* dalam pelaksanaan. Apakah ia masih menjadi asas pada setiap pelaksanaan hasil resolusi itu yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, *affirmative action* masih wujud ataupun tidak. Dasar *affirmative* untuk membantu. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih, Senator Khairul Azwan Harun. Berkaitan dengan jumlah pemilikan ekuiti korporat bumiputera ianya masih di bawah sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus yang daripada jumlah keseluruhan pemilikan ekuiti korporat. Tahap pencapaian pemilikan ekuiti bumiputera berdasarkan nilai tara atau *par value* pada tahun 2011 adalah 23.4 peratus. Kerajaan pada hari ini sedang mendalami isu berkaitan dengan pemilikan ekuiti bumiputera ini.

Tentang *affirmative action* seperti mana yang disebut tadi, kita sedang melihat agenda bumiputera adalah salah satu agenda nasional dan *affirmative action* yang berkaitan dengan agenda bumiputera akan dilihat, dikaji dan didalami dan kerajaan sedang merangka satu pelan strategi dalam isu *affirmative action* bumiputera. Apa yang perlu ditekankan seperti mana saya sebut tadi antara inti pati utama Kongres Bumiputera, masa depan bumiputera dan negara adalah melahirkan bumiputera usahawan yang berkualiti yang tidak ada lagi sistem Alibabanya. Itu lah yang ditekankan oleh Tan Sri Abu Kassim

dalam ucapannya dan itulah yang akan ditekankan dalam akta yang berkaitan dengan sabotaj ekonomi.

Kita mahu melahirkan kumpulan usahawan bumiputera dan kumpulan bumiputera yang mampu bersaing dan bersaing sama sendiri dan pemilihan mereka adalah berdasarkan kepada merit. *Affirmative action* adalah berdasarkan merit di kalangan mereka, di kalangan bumiputera kita pilih bukan berdasarkan hubungan politik dan sebagainya. Ini kita menjangka kita dapat rasakan dapat mengurangkan kebocoran-leakages, penyelewengan dan sebagainya. Ianya akan diberikan pada kumpulan sasar yang mampu berdasarkan rekod yang ada. Sekian, terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Pakatan Harapan sebenarnya telah membuktikan bahawa Agenda Melayu Bumiputera disegerakan dengan adanya Kongres Bumiputera enam bulan selepas memerintah. Syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada beberapa Agenda Melayu Bumiputera yang ter gagal oleh kerajaan terdahulu seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Ekonomi Nasional, Wawasan 2020 dan sebagainya.

Jadi supaya tidak disalah tafsir oleh masyarakat ataupun rakyat jelata, hala tuju bumiputera sebenarnya untuk kestabilan negara. Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kerajaan sediakan bancian secara komprehensif mengenai pencapaian dan kekayaan semua kaum di negara kita? Tambahan pula, tunjukkan data-data tidak kira apa bangsa, apa kaum, apa etnik sama ada Melayu, Cina, Tamil, Orang Asli, Sikh, Melanau, Iban, Dusun, Murut, Bidayuh, Kedayan dan sebagainya supaya kita dapat melihat dengan jelas secara hitam putih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih, Senator Datuk Razali. Pertamanya tentang agenda bumiputera saya ingin tegaskan, kita banyak kali tegaskan bahawa kerajaan komited untuk meneruskan agenda bumiputera, kerajaan baru komited untuk meneruskan agenda bumiputera tetapi kita akan lihat pada pendekatan baru disebut tadi Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya.

Kadang-kadang polisinya ada agak baik, dasar yang ada agak baik tetapi bila sampai di peringkat pelaksanaan di situlah kita melihat terlalu banyak kelompongan. Inilah yang akan ditekankan oleh kerajaan apabila kita ingin laksanakan dan kita ada dasar, kita akan bentuk dasar, kita akan pastikan pelaksanaan tersebut mencapai hasrat dasar yang dibuat. Itu tentang yang pertama.

Kedua, tentang statistik dan sebagainya saya ambil maklum cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Datuk Razali. Terima kasih.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil kesempatan ini hendak ucapkan Selamat Hari Lahir kepada

Tuan Yang di-Pertua yang ke berapa saya tidak tahu... [Tepuk] Moga panjang umur dan murah rezeki.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan tambahan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Okey, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir menyifatkan kegagalan Dasar Ekonomi Baru memajukan kaum Melayu adalah disebabkan kaum Melayu itu sendiri. Menurut Perdana Menteri, Dasar Ekonomi Baru telah beri banyak peluang dan bantuan kepada orang Melayu tetapi tetap gagal kerana orang Melayu dikatakan malas. Orang Melayu tidak bekerja kuat seperti orang lain dan tidak mengambil berat terhadap aspek tanggungjawab selain lemah dalam menguasai ilmu serta makluman yang diperlukan.

Soalan saya, sejauh manakah perancangan kerajaan ke arah mewujudkan golongan Melayu yang kurang bergantung kepada subsidi ataupun bantuan secara terus daripada kerajaan ekoran dakwaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, orang Melayu yang dikatakan malas dan sentiasa mengharapkan tongkat daripada kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih, Senator Datuk Mustapa Kamal. Pertamanya, apabila kita lihat tentang pelaksanaan dasar, kita perlu lihat pelaksanaan ini secara holistik, secara keseluruhan. Seperti mana yang saya sebut tadi dalam jawapan lisan saya tadi, bahawasanya dalam Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup menekankan dari hati bahawasanya sikap, *mentality* dan *attitude* orang Melayu perlu diubah. Pelbagai bantuan yang kerajaan sampaikan tidak mencapai objektif.

Ini kita perlu lihat dalam dua perspektif. Satu perspektif *attitude* itu sendiri dan kedua adalah perspektif pelaksanaan dan *monitoring*. Kalau lahir pelaksanaan *the monitoring* itu dilaksanakan dengan baik, maka mereka yang *without the right attitude* tidak akan dipilih. Itulah saya sebut tadi bahawa ya, betul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup terkesan dengan bantuan dan usaha yang dibuat tetapi tidak mencapai objektif kerana antaranya adalah nilai, *attitude*, *integrity* dan sebagainya.

Inilah yang kita tekankan dalam Kajian Separuh Penggal pun kita tekankan, cukup tekankan kepada nilai-nilai moral yang baik supaya dengan bantuan yang diberikan, dengan sokongan yang diberikan kita dapat meningkatkan ekonomi bumiputera kepada tahap yang lebih tinggi. Di sinilah memerlukan pelaksanaan dan juga *monitoring*, dengan izin, yang cekap dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya berhubung dengan dikatakan lebih daripada 63 resolusi dari yang dihasilkan dari konvensyen tersebut dari pelbagai dimensi.

▪ 1020

Cuma daripada resolusi itu, kita dapat- resolusi ini dikatakan dapat membantu kerajaan untuk merangka strategi jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan juga jangka masa panjang. Setakat ini apakah dan bagaimanakah ia dilaksanakan secara berterusan supaya hala tuju agenda bumiputera ini lebih jelas dan berkesan.

Kedua Yang Berhormat Menteri, saya nak tanya. Bolehkah saya mencadangkan supaya mana-mana resolusi yang ada hubung kait dengan keusahawanan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan supaya dengan itu nampak kementerian itu lebih berfokus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, yang pertama saya rasa sudah jawab. Yang kedua...

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Yang pertama tadi saya sudah jawab. Saya sebut tadi dalam Kajian Separuh Penggal pun kita sebut tentang apa yang disebut dalam resolusi dan penekanan-penekanan yang kita berikan.

Kedua, saya ambil maklum tentang cadangan bahawa apa yang berkaitan dengan usahawan itu diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya ambil maklum tentang cadangan tersebut. Sekian, terima kasih.

**2. Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, bilakah manifesto Janji No. 6 iaitu menghapuskan kutipan tol boleh dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana pada pagi ini. Baru-baru ini saya sudah bersedia untuk menjawab soalan beliau tetapi tidak berkesempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Janji ke-6 dalam manifesto Pakatan Harapan ialah untuk mengkaji semula semua perjanjian konsesi penswastaan lebuh raya bertol dan berunding bagi mendapatkan harga terbaik secara kaedah menang- menang untuk mengambil alih setiap konsesi tol. Pada halaman ke-29 manifesto Pakatan Harapan itu, telah digariskan bahawa kerajaan akan mengambil alih konsesi lebuh raya dengan memberikan pampasan adil kepada syarikat konsesi. Ini bagi

tujuan mencapai matlamat akhir prinsip manifesto berkenaan iaitu untuk menghapuskan kutipan tol secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Pakatan Harapan sentiasa berusaha untuk mencari jalan bagi mengurangkan kadar tol dan memansuhkan kutipan tol di semua lebuh raya ini. Ini semua akan dilaksanakan setelah kewangan kerajaan berada pada tahap yang stabil dan mengizinkan sebelum kita berada dalam keadaan kewangan yang benar-benar mengizinkan. Maka sebarang tindakan yang dilakukan secara mengejut atau tergesa-gesa tidak akan memberikan kebaikan dan faedah dan *survival* negara kita sendiri.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2018 yang lalu setelah menimbangkan hala tuju industri lebuh raya bertol di negara ini telah bersetuju memutuskan supaya Kementerian Kerja Raya diberikan tempoh masa enam bulan untuk mengemukakan cadangan mekanisme terbaik untuk mencapai matlamat tersebut yang kita katakan tadi seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat.

Untuk itu, kami di Kementerian Kerja Raya sejak dari awal lagi sebelum menerima arahan itu telah menganjurkan bengkel untuk mengkaji hala tuju ini. Untuk itu, pada 24 September lagi sebelum kerajaan memberi arahan kepada kami pada bulan Oktober, kami telah mengadakan satu bengkel hala tuju industri lebuh raya di kementerian dengan melibatkan Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan dan EPU. Kita telah berbincang dengan serius untuk ini dan kita telah menghasilkan beberapa keputusan.

Untuk tujuan itu, Kementerian Kerja Raya akan melantik jururunding audit bebas yang bertauliah pada awal bulan Januari 2019 bagi membantu kerajaan menganalisis data dan cadangan berkenaan. Ini termasuklah mengemukakan cadangan mengurangkan beban tol secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Hasil kajian itu dijangka akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri pada bulan Mei 2019 nanti.

Untuk tujuan ini, Tuan Yang di-Pertua, kami telah membuka tender bagi pihak perunding yang akan kita pilih. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia sekarang ini dalam proses untuk melantik jururunding bagi menjalankan kajian hala tuju lebuh raya bertol di Malaysia ini dengan mengeluarkan tarikh iklan tender yang telah kita buat pada 7 Disember 2018 dan kita telah memberikan taklimat tender pada 12 Disember 2018 dan kita mula mengeluarkan dokumen, menjual dokumen tender pada 12 hingga 21 Disember. Tarikh tutup bagi tender ini adalah pada 2 Januari 2019. Kita percaya kita akan dapat melantik perunding yang berkenaan pada 13 Januari 2019.

Oleh itu Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya amat bertanggungjawab tentang dasar ini, tentang janji yang telah dibuat di dalam manifesto Pakatan Harapan tetapi kita

akan buat dengan penuh tanggungjawab dengan memastikan bahawa keadaan rakyat dan negara jauh lebih baik setelah keputusan-keputusan itu kita ambil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Laksamana.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, rakyat memang menghargai usaha kerajaan untuk menghapuskan tol tetapi kalau kita baca media sosial, rakyat sentiasa mempersoalkan tindakan kerajaan. Bila akan dilaksanakan?

Untuk itu, jangka pendek kalau boleh rakyat cadangkan- saya bagi pihak rakyat mencadangkan kurangkan tol sedikit. Contohnya kalau daripada Kuala Lumpur ke Alor Setar sebanyak RM20. Kuala Lumpur ke Johor Bahru sebanyak RM20. Kuala Lumpur ke Seremban sebanyak RM5. Jadi rakyat dapat lihat keseriusan kerajaan untuk mengurangkan tol seterusnya akan menghapuskan tol, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebagai soalan, Yang Berhormat, adakah cadangan untuk mengurangkan tol.

#### ■1030

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Cadangan untuk mengurangkan tol memang termasuk dalam apa yang telah kita bincang. Cuma apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator itu, tidaklah hendak kita tolak begitu. Ia harus dibuat kajian. Sebab itulah pelantikan khidmat perunding audit bebas ini yang akan kita berikan tugas besar, ini akan membuat kajian secara yang bertanggungjawab. *Insya-Allah* apa yang dihasratkan itu juga lah yang dihasratkan oleh pemerintah yang ada, kerajaan yang ada sekarang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sudah terperinci sudah.

Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

3. **Datuk Haji Ismail bin Ibrahim** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, bagaimanakah kerajaan menangani masalah-masalah gangguan perkhidmatan yang dialami oleh pengguna Streamyx TM, serta kos yang agak tinggi jika dibandingkan dengan kapasiti langganan data serta keupayaan perkhidmatan Streamyx bagi pengguna luar bandar.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:**  
*Bismillahi Rahim Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* dan salam

sejahtera. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan selamat ulang tahun kelahiran Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim dan juga Ahli-ahli Dewan sekalian, kerajaan prihatin akan rungutan pengguna berikutan gangguan perkhidmatan *Streamyx* yang di alami oleh pelanggan *Streamyx TM*. Perkhidmatan *Streamyx* yang ditawarkan oleh Telekom Malaysia Berhad adalah berdasarkan rangkaian perkhidmatan yang berdasarkan kepada *copper* atau kuprum. Natijahnya kos dan salah satu daripada masalah ini diburukkan dengan keadaan yang mana sering dihadapi oleh TM iaitu berlakunya kes-kes kecurian kabel.

Menurut maklumat yang telah diberikan oleh TM kepada pihak KKMM, TM sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan jalur lebar terbaik buat para pelanggannya. Untuk itu, bagi memastikan pelanggan TM menerima perkhidmatan jalur lebar terbaik, TM telah memperkenalkan inisiatif di mana para pelanggan sedia ada yang diletakkan status sebagai *pre-Unifi* yang dahulunya dikenali dengan nama *Streamyx*- sedang dan bakal dinaiktarafkan perkhidmatan mereka kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi iaitu *Unifi*, dengan syarat mereka mestilah berada di dalam kawasan liputan perkhidmatan tersebut.

Sekiranya pelanggan *pre-Unifi* tersebut berada di luar kawasan liputan *Unifi*, atau tiada liputan perkhidmatan *Unifi* di kawasan tersebut- maka secara alternatifnya mereka akan ditawarkan untuk perkhidmatan mereka di naik taraf dengan kelajuan sehingga lapan Mbps atau sebagai penjana yang lain, mereka bakal menerima perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar 4GLTE yang mempunyai tahap kelajuan yang lebih baik.

Kesemua perkhidmatan naik taraf ini secara berperingkat adalah percuma buat semua pelanggan TM dan proses menaik taraf ini dijangka selesai pada penghujung suku tahun pertama, tahun 2019.

Kerajaan melalui Suruhan Jaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga sedang meneliti draf Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *National Fiberisation and Connectivity Plan* (NFCP) akan menggantikan kawasan-kawasan yang mempunyai rangkaian kuprum, dengan teknologi yang lebih bersesuaian seperti gentian optik. Tujuan utama NFCP adalah untuk meningkatkan penebusan liputan, terutamanya di kawasan luar bandar dan kelajuan perkhidmatan jalur lebar pada harga yang lebih rendah. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan soalan tambahan jika ada.

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita semua sedia maklum bahawa harga jalur lebar ia agak

mahal, menjadi punca utama jurang digital penduduk desa agak besar berbanding dengan bandar.

Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah bantuan atau insentif subsidi jalur lebar dapat diperkenalkan kepada penduduk desa, agar bayaran yang tinggi diimbangi dengan bayaran kadar jalur lebar di bandar yang menikmati harga lebih rendah dan kapasiti kelajuan lebih tinggi, seperti perbezaan langganan *Streamyx* TM ataupun *UniFi* TM. Terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Insentif untuk luar bandar.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ini sebenarnya untuk Kementerian Luar Bandar- akan tetapi saya boleh jawab sedikit.

Sebenarnya, inilah yang sedang berlaku pada hari ini yang mana TM sendiri telah menurunkan harga dengan kadar *speed* yang sama. Cuma bentuk tawaran perkhidmatan itu dalam bentuk *UniFi* yang menjadi kekangan kepada penduduk luar bandar ini disebabkan di luar bandar ini, kita masih lagi menggunakan *Streamyx* yang mana teknologi- masih lagi menggunakan sistem pendawaian dengan penggunaan kuprum.

Jadi, dalam tempoh tahun 2019 ini, matlamat utama adalah untuk meningkatkan kelajuan- melalui pengenalan tadi yang disebutkan sebagai pelan *Fiberisation National* dan juga *connectivity* yang dipercayai, dan yang diyakini akan dapat meningkatkan kelajuan dan *coverage* serta harga yang lebih rendah. Ini yang sedang berlaku. Sebab itu TM sekarang harga dia lebih murah dengan kelajuan yang sama seperti tawaran yang dibuat sebelum-sebelum ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *Streamyx* ada cadangan untuk mengurangkan harga di kawasan luar bandar?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** *Streamyx* itu belum lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum lagi?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Sedang dalam kajian, akan tetapi *UniFi* sudah dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.

4. **Dato' Sri Ti Lian Ker** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah dasar kerajaan dalam inisiatif keselamatan kawasan perumahan dan apakah justifikasi pengurangan peruntukan Program Bandar Selamat yang dikurangkan sebanyak RM38.6 juta bagi tahun 2019 sedangkan pihak polis menghadapi kekurangan tenaga kerja dan dana.

**Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd Samad]:** Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahi Rahmani Rahim... [Mengucapkan salawat Nabi]

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Pelan Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah melaksanakan Program Bandar Selamat sebagai salah satu inisiatif bagi meningkatkan keselamatan di kawasan perumahan.

Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jawatankuasa Bandar Selamat ditubuhkan di setiap PBT memainkan peranan penting bagi memantau pelaksanaan Program Bandar Selamat. Bagi menyelaraskan pelaksanaan Program Bandar Selamat oleh PBT, tiga elemen telah ditetapkan. Pertama, pemakaian Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat atau *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED).

Penerapan elemen CPTED ini dijadikan sebagai antara syarat kebenaran merancang yang dikenakan oleh PBT terhadap sesuatu cadangan projek pembangunan yang dikemukakan oleh pemaju. Antara elemen CPTED tersebut adalah pencahayaan, pengasingan, laluan pejalan kaki dari laluan bermotor, *rail* pengadang, papan tanda keselamatan, tempat letak motosikal berkunci dan redaan trafik.

Ini semua merupakan elemen-elemen *design* yang perlu diterima oleh pihak pemaju untuk membantu ke arah mengurang berlakunya jenayah. Elemen yang kedua adalah Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) telah dibangunkan untuk digunakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membantu menangani kejadian-kejadian jenayah dengan lebih berkesan.

Melalui sistem ini, trend kejadian jenayah dapat dihasilkan secara pemetaan dan beberapa analisis seperti, taburan kejadian jenayah, lokasi *hotspot* jenayah serta kekerapan kejadian jenayah, dapat dijalankan. Sistem ini dapat membantu PDRM untuk merancang strategi pemantauan pencegahan jenayah dan dipantau oleh Pelan Malaysia dengan peruntukan pembangunan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN).

#### ■1040

Peruntukan yang telah disalurkan untuk pembangunan sistem ini bermula dari tahun 2010 iaitu fasa pertama sehingga fasa terakhir iaitu fasa keenam. Pada tahun 2016, sejumlah RM29.8 juta melibatkan penggunaan di 815 balai polis dan 151 PBT di seluruh negara. Maknanya peruntukan untuk melaksanakan ataupun mengadakan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) ini ia tahun 2010 sampai tahun 2016, sudah habis sudah. Tahun 2017 pun tidak ada, tahun 2018 pun sudah tidak ada kerana sistemnya telah dilaksanakan, telah pun diguna pakai dan sedang diguna pakai tanpa perlunya pada peruntukan yang baharu. Ini elemen yang kedua.

Elemen yang ketiga, inisiatif menangani jenayah jalanan kawasan *hotspot* telah dilaksanakan bermula tahun 2010 sehingga tahun 2012. Di bawah inisiatif ini, peruntukan sebanyak RM185.5 juta telah disalurkan kepada kesemua 151 PBT seluruh Malaysia pada masa itu, masa itu hanya 151. Seterusnya inisiatif ini telah digantikan dengan inisiatif pemutihan kawasan *blackspot*.

Pada tahun 2010 hingga 2012 dinamakan *hotspot*, selepas itu kawasan *blackspot* bermula pada tahun 2013. Inisiatif ini adalah bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan yang menimbulkan perasaan tidak selamat dari segi jenayah- *fear of crime*, dan mempunyai rekod kejadian jenayah yang tinggi juga telah diperkenalkan.

Sejak tahun 2013 hingga tahun 2018, peruntukan mencecah RM1.55 juta telah disalurkan kepada PBT oleh KDN yang mana tahun ini sahaja peruntukan sebanyak RM15 juta melibatkan 21 PBT telah disalurkan. Maknanya 21 PBT saja yang mempunyai kawasan yang dianggap sebagai *blackspot*. Manakala bagi tahun 2019, KDN telah memperuntukkan RM10 juta bagi tujuan inisiatif ini. Itu tiga elemen ya.

Pemilihan kawasan *blackspot* yang ditangani ini diputuskan oleh satu jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri di bawah PDRM, Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Inisiatif ini melibatkan pemasangan pencahayaan dan penyediaan komponen-komponen berikut iaitu laluan pejalan kaki berserta rel pengadang, papan tanda keselamatan, redaan trafik, tempat letak motosikal berkunci serta cermin keselamatan.

Bagi memastikan setiap perbelanjaan oleh kerajaan dibuat secara berhemah berdasarkan peruntukan kewangan yang terhad, keutamaan diberikan kepada pemutihan kawasan yang menepati objektif, memberi impak yang besar dan kos efektif. Ini bertujuan untuk mengoptimumkan peruntukan bagi mencapai *best value for money*. PLANMalaysia selaku urus setia Program Bandar Selamat sentiasa memantau pelaksanaan program termasuk menguruskan penyaluran peruntukan daripada pihak KDN kepada PBT untuk menjayakan program inisiatif pemutihan kawasan *blackspot*.

Sehingga kini, pelaksanaan Program Bandar Selamat telah berjaya menghasilkan output-output iaitu pencahayaan sebanyak 24,844 unit, laluan pejalan kaki dan rel pengadang sepanjang 385.65 kilometer, tempat letak motosikal berkunci 44,061 unit, cermin keselamatan 2,810 unit, CCTV 992 unit, papan tanda keselamatan 2,211 unit dan alat redaan trafik sebanyak 385 unit.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat yang telah bangkitkan mengenai pengurangan peruntukan Program Bandar Selamat sebanyak RM38.6 juta bagi tahun 2019, sebenarnya saya tidak tahu dari mana angka tersebut Yang Berhormat telah memperolehnya. Skop dan tugas PLANMalaysia, peranan PLANMalaysia adalah bagi

menyelaras Program Bandar Selamat di peringkat PBT melalui peruntukan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang disalurkan terus kepada PBT. Jumlah peruntukan adalah ditetapkan oleh KDN. Terima kasih.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Apabila rakyat memilih kerajaan yang baharu, mereka mempunyai harapan yang besar khususnya dari segi keselamatan di bandar raya. Nampaknya trend kebelakangan ini, kerajaan lebih peka pada janji-janji politik pada aktivis-aktivis seperti penghapusan SOSMA, penghapusan hukuman mati dan sebagainya.

Akan tetapi soalan saya ialah adakah kita mengkaji ataupun melibatkan golongan-golongan bawahan apabila kita membuat keputusan berdasarkan tekanan-tekanan aktivis? Apakah implikasi kebelakangan ini bahawa kebanyakannya jenayah-jenayah semakin ganas, kadar jenayah semakin tinggi? Adakah kita melibatkan mereka yang miskin dan kurang suara apabila kita membuat keputusan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat tidak payah jawablah. Yang Berhormat Menteri, ini bukan di bawah bidang kuasa Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang dijawab tadi, sebenarnya peruntukan ditetapkan oleh pihak KDN. Maka berdasarkan kepada apa yang dinilai dan dikaji oleh pihak KDN, maka ia akan diberikan keputusan berhubung dengan peruntukan. Saya yakin bahawa pihak KDN terus komited untuk menangani masalah-masalah jenayah yang berlaku. Dengan mengenal pasti kawasan-kawasan *hotspot* itu, maka *insya-Allah* ia dapat ditangani dengan lebih berkesan lagi.

Pada masa yang sama, soal menangani jenayah tidak sepatutnya menghalang kita untuk membuat sikap berhubung dengan undang-undang yang mungkin tidak adil ataupun keterlaluan seperti SOSMA yang mana diberikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ini pandanganlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa pandangan kerana Yang Berhormat ini bukan Perdana Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Wah, bukan Perdana Menteri. Aku ingat aku Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Ahli-ahli Yang Berhormat, bila tujuan soalan tambahan, pastikan soalan tambahan itu mengenai kementerian tersebut. Soalan berkenaan dengan memberi keutamaan kepada NGO dan sebagainya adalah ditujukan kepada Perdana Menteri, jikalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada dalam Dewan. Silakan Yang Berhormat.

5. **Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapa banyak kewangan yang mengalir keluar dari negara kita akibat daripada penglibatan rakyat dalam aktiviti perjudian atas talian dan apakah strategi kementerian dalam membendung kegiatan judi atas talian ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tahu Tuan Yang di-Pertua punya hari jadi hari ini, saya sediakan pantun tetapi saya tidak sempat hendak sediakan. Terima kasih kepada soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa mengambil pendekatan baru untuk mengekang kegiatan perjudian haram dalam negara kita. Antara inisiatif baharu yang diambil adalah dengan membuka bilik gerakan serta talian khas yang beroperasi selama 24 jam sehari di seluruh negara bermula 20 Julai 2018 bagi memudahkan orang awam menyalurkan maklumat kepada pihak PDRM. Semua ketua-ketua polis negeri dan ketua-ketua polis daerah telah diarahkan untuk membuat penilaian dan mengambil tindakan setiap aduan yang diterima dalam usaha untuk memerangi aktiviti perjudian haram ini.

Selain itu, bagi memastikan aktiviti perjudian ini tidak lagi beroperasi dalam daerah-daerah berkenaan, ketua polis daerah, ketua polis balai dan pegawai-pegawai dari Bahagian Jenayah daerah akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya dan tindakan yang tegas akan diambil untuk ditukarkan daripada daerah berkenaan secara serta-merta dan tindakan tatatertib juga akan diambil jika siasatan yang dibuat oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard ataupun JIPS mendapati pegawai polis terlibat atau melindungi sindiket perjudian.

#### ■1050

Hasil inisiatif yang diambil ini telah menunjukkan satu impak yang positif yang mana aktiviti perjudian telah menunjukkan trend penurunan yang mana sindiket tidak lagi berani untuk membuka semula premis setelah diserbu.

Di samping itu juga, PDRM sentiasa membuat risikan untuk mengesan modus operandi baru yang mungkin akan digunakan oleh sindiket untuk menjalankan aktiviti perjudian haram ini. Oleh sebab itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini

kerajaan sedang mencadangkan untuk mengkaji dan memperhalus empat akta judi yang ada di negara kita iaitu:

- (i) Akta Loteri 1952;
- (ii) Akta Pertaruhan Pool 1967;
- (iii) Akta Rumah Judi Terbuka 1953; dan
- (iv) Akta Pertaruhan 1953.

Akta-akta ini kita sedang kaji dan diperhalusi bagi melihat sebab kita tahu hari ini modus operandi baru perjudian ini, mereka tidak lagi berfokus kepada judi secara fizikal. Kalau dulu dia menggunakan mesin Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kebanyakan operasi mereka telah berubah daripada mesin secara fizikal kepada *online*. Ini saya telah sebut sebenarnya di dalam Dewan Rakyat, dalam persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini tentang soalan yang pernah diajukan tentang isu ini.

Kita menerima hakikat bahawa di antara kekangan pihak polis, penguat kuasa berkenaan dengan kes judi secara *online* ini kerana servemya beroperasi di luar negara. Jadi, apa yang berlaku bila mana mereka beroperasi di luar negara, dengan kerjasama dengan SKMM kita banyak sekat *IP address* server-server ini. Akan tetapi masalahnya bila mana kita sekat *IP address* ini, mereka boleh buat *IP address* yang baru dan mereka boleh *online* secara serta-merta.

Jadi, inilah yang menjadi masalah kepada kita dan kita telah mengkaji menggunakan khidmat-khidmat pakar-pakar judi untuk kita melihat bagaimana cara untuk kita mengekang aktiviti judi secara *online*. Modus operandi terkini ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dia menggunakan sistem *reload* pula. Sistem *reload* ini dia hanya perlu beli daripada orang tertentu, nampak seolah-olah dia beli *prepaid* telefon.

Akan tetapi apa berlaku, bila mana dia *key in* dalam komputer, dalam telefon dia, maknanya dia boleh main judilah, *even* dalam kereta dia, dia boleh main judi. Bila kita tangkap orang ini, kita tidak nampak duit secara perubahan, perpindahan duit secara fizikal. Bila kita tangkap dia, dia boleh cakap saya cuma main *game* di telefon saya, saya tidak main judi. Jadi, inilah di antara kekangan yang kita hadapi sekarang ini. Apa yang kita lakukan, kita bekerjasama rapat dengan SKMM untuk setiap kali kita jumpa *IP address* yang menjadi hos kepada mesin-mesin judi secara *online* ini, kita akan sekat secara serta-merta.

Akan tetapi seperti mana saya sebutkan tadi, bila mana kita sekat, dia akan *online* semula mungkin dalam beberapa jam sahaja setelah dia buat *IP address* yang baru. Jadi, inilah di antara masalah yang kita hadapi dan kita sedang berusaha keras untuk melihat bagaimana cara ataupun mekanisme untuk kita memastikan setiap server-server judi yang

kita tahu di luar negara beroperasi ini dapat kita sekat secara *total*. Berkenaan dengan berapa jumlah wang yang keluar daripada negara kita hasil daripada judi secara *online*.

Ini sebenarnya perlu dijawab oleh Kementerian Kewangan kerana mereka yang lebih tahu. Kita hanya bertindak sebagai kementerian untuk melihat dari segi pengoperasian operasi-operasi judi ini dan kita akan sekat. Akan tetapi berkenaan berapa bilangan wang yang keluar ke luar negara melalui sistem judi secara *online* ini mungkin boleh dijawab oleh Kementerian Kewangan dalam sesi yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukanlah pakar judi tetapi saya melihat statistik *top ten* tempat yang *gamblingnya* begitu banyak di dunia. *Macau* nombor satu, *Australia* kedua; *Singapore* ketiga; *Philippines* keempat; *South Korea, Las Vegas, Atlantic City, Cambodia* dan *Malaysia- Malaysia* jatuh nombor sembilan Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita lihat negara-negara ini, *Australia, Singapore, Philippines, South Korea, Cambodia* adalah negara yang berdekatan dengan kita. Kemungkinan IP atau server yang disebutkan tadi berada di sana Tuan Yang di-Pertua tetapi bukan itu soalan saya. Soalan saya, kalau kita lihat kepada statistik umur yang terlibat dengan *online gambling* ini, yang pertama paling tinggi di antara 25 hingga 34 tahun. Diikuti kedua 35 hingga 44 tahun dan yang ketiga antara 18 hingga 24 tahun Tuan Yang di-Pertua, makna kata anak-anak universiti kita. Anak-anak kita ini yang 18 ke 24 tahun yang belum kahwin lagi ini sudah terlibat dengan *online gambling*.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah kementerian akan mengadakan program-program awareness kepada golongan-golongan ini bersama dengan kemungkinan Kementerian Pendidikan, pengajian tinggi dan sebagainya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerjasama dengan pengajian tinggi dan sebagainya.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Ya, kita menyambut baik cadangan ini dan *in fact*, satu cadangan yang cukup baik sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, yang kita akan bawa perkara ini ke peringkat kementerian untuk kita perhalusi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan judi sahaja sebenarnya kita sedang bergiat aktif untuk *engage* dengan kementerian lain, isu dadah pun. Sebenarnya baru-baru ini kita ada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Komunikasi tentang bagaimana cara untuk kita membuat penerangan ataupun kempen-kempen kesedaran terhadap pelajar-pelajar kita yang melibatkan pelajar-pelajar universiti dan dipengerusikan oleh Menteri Komunikasi. Tidak terkecuali juga berkenaan dengan isu judi ini.

Kalau disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Senator, dari segi faktor umur ya. Kita menerima hakikat ini sebab sekarang ini anak-anak muda sudah terdedah kepada teknologi, telefon. Even pelajar sekolah menengah pun sudah menggunakan telefon, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, inilah di antara kekangan kita dalam usaha- kalau kita sekat kebebasan anak-anak muda ini pula menggunakan teknologi ini, ada pula NGO-NGO yang hentam kita balik, mengatakan bahawa kita seolah-olah menyekat kebebasan golongan-golongan muda ini, khususnya mereka-mereka yang pada umur yang begini muda, inilah musim mereka bergelora keinginan untuk mereka ingin tahu perkara-perkara yang ada, khususnya melibatkan teknologi ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* kita akan bincangkan secara *detail* di peringkat kementerian dengan kerjasama Kementerian Pelajaran untuk kita memberikan kesedaran-kesedaran kepada anak-anak kita tentang bahayanya terjebak dalam aktiviti-aktiviti seumpama ini. Menyentuh tentang sekali lagi golongan muda ini, tiada cara lain sebenarnya, ia perlu kerjasama daripada orang ramai, khususnya ibu bapa dalam usaha kita untuk mendidik anak-anak kita ini. Kalau kita meletakkan 100 peratus tanggungjawab ini di bahu kerajaan, mungkin agak sukar.

Akan tetapi kalau menggembung tenaga, bekerjasama terutama sekali ibu bapa yang ada di luar sana memantau aktiviti penggunaan telefon yang digunakan oleh anak-anak mereka, saya yakin dan percaya usaha ini dapat kita jayakan secara bersama. Akan tetapi kalau ianya diserahkan 100 peratus kepada kerajaan, mungkin inilah akan menjadi masalah kepada kita.

Akan tetapi pun begitu selaku kerajaan kita akan mengambil tanggungjawab ini, kita akan berusaha sebagaimana saya sebutkan tadi. Kita akan *engage* dengan pihak-pihak yang mahir tentang perkara ini macam Yang Berhormat Senator sebut tadi. Saya pun sebenarnya tidak pandai main judi tetapi kita akan *engage* dengan golongan-golongan ini bagaimana cara, khususnya pakar-pakar teknologi, bagaimana cara untuk kita melihat agar judi secara *online* ini dapat kitakekang.

Hari ini *alhamdulillah* disebabkan ketegasan pihak polis, saya ingin ucap syabas dan tahniah kepada pihak polis kerana cukup nyata hari ini judi secara fizikal ini sudah menurun secara mendadak. Inilah di antara ketegasan yang dilakukan oleh pihak polis dan saya harap usaha ini dapat diteruskan bagi memastikan usaha untuk memastikan negara kita ini dapat kita minimumkan kalaupun tidak dapat dihapuskan tetapi diminimumkan kegiatan judi secara haram ini dapat kita banteras. Terima kasih.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Saya memang- usaha-usaha

pihak polis amat dihargai kerana mereka telah adakan talian khas 24 jam untuk memerangi aktiviti perjudian. Baru-baru ini saya dimaklumkan ada pemotongan elektrik di premis judi. Saya harap dia potong air jugalah, air itu penting, potong air dia. Itu cadangan saya. Satu lagi, apakah tindakan pihak polis ke atas pemilik kedai, pemilik premis yang menyewa atau membenarkan premis mereka itu diguna pakai menjadi pusat judi? Itu soalan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerajaan tempatan, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Okey, terima kasih dengan soalan tambahan, itu soalan yang cukup baik. Itu juga sebenarnya kekangan kita. Kita selaku agensi penguat kuasa, khususnya PDRM, termasuk juga Imigresen dalam kes-kes yang melibatkan pusat-pusat pelacuran dan sebagainya.

#### ■1100

Masalah kita, bila kita membuat satu serbuan, kita serbu premis ini dan apa berlaku, pemilik kepada premis ini boleh berubah secara serta-merta. Mereka *apply* balik kepada PBT dengan menggunakan nama yang lain, penyewa yang lain dan beroperasi semula. Jadi bukan kita yang meluluskan lesen operasi ini. Lesen ini dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan. Kita telah membuat serbuan dan kita telah nyatakan kepada pihak berkuasa tempatan untuk memantau. Itu yang dahulu sebenarnya cadangan untuk memotong api dan elektrik datang daripada kita. Akan tetapi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, mungkin sudah sampai masanya, sudah sampai masanya untuk kerajaan menilai dan mengkaji semula undang-undang ini.

Kalau boleh, bilamana sesuatu premis itu kita serbu, sama ada PDRM ataupun imigresen, membuat serbuan terhadap mana-mana premis dan terbukti pula bahawa memang ianya menjalankan aktiviti-aktiviti yang salah dari segi undang-undang, PBT tidak boleh meluluskan lesen baharu lagi pihak PDRM ataupun imigresen ataupun agensi-agensi penguatkuasaan memberikan *green light*, ataupun selagi kes ini, kes yang disiasat terhadap kes yang pernah diserbu di kawasan itu masih belum selesai.

Sebab apa berlaku, inilah, mereka *keep on issuing* lesen kepada orang-orang baharu, hanya tukar nama sahaja. Kalau sebelum ini, PBC Sendirian Berhad, nanti dia tukar pergi CTB Sendirian Berhad. Bertukar nama sahaja tetapi operasinya masih sama. Inilah kekangan kita dan saya mengambil maklum, terima kasih di atas soalan tambahan ini. Kita akan ambil perkara ini secara serius dan *insya-Allah* kita akan bincang secara lebih kerap kepada pihak berkuasa tempatan agar satu mekanisme untuk memastikan bahawa proses operasi-operasi seperti ini dapat kitakekang dengan kerjasama kedua belah pihak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Theodore Douglas.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu, adakah berkaitan judi *online* ini dengan pengubahan wang haram atau *money laundering*. Sekiranya ada berkaitan dengan *money laundering* atau pengubahan wang haram, apa tindakan Kementerian Dalam Negeri, sudah dan akan ambil untuk mengatasi aktiviti haram ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan Yang Berhormat. Sebenarnya kalau ia ada keterlibatan judi haram dengan *money laundering*, kita tidak menolak kemungkinan itu sebenarnya. Akan tetapi sebagai satu agensi penguat kuasa, kita ambil tindakan kalau ianya terbukti bahawa memang ada elemen *money laundering* di situ.

Sebenarnya bukan itu sahaja, bukan hanya judi *online*, *in fact money changing* pun. Kita difahamkan bahawa ada aktiviti *money laundering* yang menggunakan khidmat *money laundering*. Ini juga kita ambil tindakan tegas, tanpa kompromi. Kalau ada maklumat-maklumat yang mengatakan dan mengesahkan bahawa ada aktiviti *money laundering* dalam aktiviti judi secara *online*, kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas. Terima kasih.

6. **Datuk Lim Pay Hen** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah kementerian masih meneruskan pembangunan industri jagung bijian bagi mengurangkan jumlah import bahan makanan untuk sektor penternakan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan selamat hari jadi kepada Tuan Yang di-Pertua.

Untuk Senator Datuk Lim Pay Hen, soalan ini memang tepat pada masanya, kerana negara kita sedang mengalami sedikit masalah daripada segi kenaikan harga telur. Soalan ini memang berkaitan, sedikit sebanyak tentang isu ini. Kajian Kementerian Pertanian telah mengenal pasti antara salah satu sebab kenaikan harga telur adalah disebabkan oleh jagung bijian yang naik harga, yang menyebabkan kos makanan ternakan naik harga, maka terpaksalah telur dinaikkan harga.

Walau bagaimanapun, pada masa ini kerajaan ingin membangunkan industri jagung bijian bagi tujuan mengurangkan 30 peratus kebergantungan import bahan makanan untuk sektor penternakan. Industri ternakan negara bergantung sepenuhnya, buat masa sekarang, kepada jagung bijian import dengan nilai sebanyak 1.79 juta metrik tan dari pasaran dunia, bersamaan dengan RM1.62 bilion pada tahun 2017.

Kebergantungan sepenuhnya kepada bekalan jagung bijian import ini boleh mewujudkan risiko dan ketidakstabilan industri memandangkan industri ternakan negara

khususnya ayam ‘pedaging’ dan ‘penelur’ menggunakan antara 60 peratus jagung bijian dalam formula makanan ternakan. Itu yang berlaku sekarang. Dalam membangunkan industri ini, kerajaan telah mengariskan beberapa strategi untuk dilaksanakan seperti berikut:

- (i) memperluaskan penanaman jagung bijian menggunakan model individu atau kelompok, syarikat besar atau koperasi dan usahawan. Buat masa sekarang pada tahun 2016, kerajaan telah memulakan projek perintis penanaman jagung bijian. Pada tahun 2016, kita telah memulakan 3.75 hektar. Pada tahun 2017, kita telah memperluaskan kepada 320 hektar. Pada tahun 2018, kita telah perluaskan lagi kepada 350 hektar;
- (ii) menyediakan bantuan pertanian seperti geran permulaan, *seed grant*, input tanaman, insentif teknologi mekanisasi atau automasi, serta penyediaan logistik dan infrastruktur termasuk penyediaan kawasan, pusat pengumpulan, pengeringan dan penyimpanan;
- (iii) mencadangkan perwujudan satu dasar fiskal dalam aspek percukaian sebagai usaha membangunkan industri ini;
- (iv) memperkuuhkan jaminan pasaran jagung bijian tempatan melalui pengenalan nisbah belian- *buying ratio* hasil tempatan kepada syarikat pemprosesan makanan ternakan melalui *contract farming*;
- (v) memastikan mutu dan kualiti bijian yang dihasilkan memenuhi kehendak industri di samping menjamin pulangan berpatutan kepada pengusaha;
- (vi) membangunkan industri pemprosesan makanan ternakan negara dan lain-lain industri yang berkaitan di sepanjang rangkaian nilai bagi menyokong keluaran jagung bijian di dalam negara;
- (vii) melaksanakan penyelidikan dan pembangunan R&D jagung bijian seperti teknologi benih, penanaman pengeluaran, pemprosesan serta mekanisasi dan automasi; dan
- (viii) memperkasakan model insan yang kompeten bagi industri melalui penyediaan latihan *hands on, on job training*, tenaga kepakaran dan pembangunan *outgrowers*.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya, adakah kementerian yakin dengan memberi kebenaran kepada pengimport telur ke dalam negara dapat memastikan tiada kenaikan harga apabila melibatkan pertukaran mata wang asing dengan Ringgit Malaysia, serta memastikan tiada kebergantungan yang berterusan ke atas telur import nanti.

Satu lagi soalan, apakah kementerian akan mewujudkan satu pelan transformasi perdagangan untuk menganjukkan pekebun kecil dan petani kepada tanaman lain seperti bijian jagung atau gandum. Perkara ini mengurangkan kebergantungan pengimportan makanan ternakan yang kini semakin mahal akibat pertukaran mata wang asing. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Harga telur dan pelan transformasi.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Untuk isu kenaikan harga telur ini, nanti Menteri akan buat satu PC atau *press conference*, jam 11.30 pagi di lobi Parlimen dan kita akan *address* isu kenaikan harga telur.

Walau bagaimanapun, setakat apa yang telah dibangkitkan tentang mengimport telur daripada luar negara, isu ini kita belum mencapai tahap tersebut. Kerana Malaysia ini, kita mempunyai lebih daripada 100 peratus SSL iaitu *self-sustainable level*, untuk dari segi telur. Kita sudah lebih daripada 100 peratus, *about 110 percent*. Maka telur memang mencukupi.

Sekarang, isunya kenaikan harga telur ada beberapa faktor. Antaranya, nombor satu adalah isu kenaikan harga makanan ternakan ayam yang meningkat kerana pasaran dunia naik dan turun, ia ada *cyclenia*. Sekarang isunya ia naik.

Kedua, ada beberapa ladang yang disyaki ada penyakit *bird flu* tapi telah, itu sebab DVS iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan membuat siasatan.

#### ■1110

Dalam tempoh masa itu, mereka tidak boleh menjual telur ayam maka *supply* tidak boleh- ia ada sedikit *issue of supply*. Akan tetapi ladang-ladang tersebut telah *di-clear*, *there is no bird flu*. *Confirm clear*, so ia akan teruskan *supply* kepada *market*. Jadi ini adalah sebab-sebab- dan nanti Menteri akan terangkan dengan lebih lanjut. So, kita tidak nampak ada isu yang serius sehingga kita terpaksa mengimport telur ayam. Tidak ada isu tersebut dan perkara ini tidak berbangkit.

Dari segi transformasi pekebun kecil, dari segi biji-bijian, gandum dan sebagainya. Kita tahu bahawa jagung dan gandum atau soya dan sebagainya ini adalah tanaman *temporized*. Kita dari segi Malaysia, cuaca dan iklim memang tidak sesuai- we have to acknowledge that, tidak sesuai jadi, comparative advantage kita- import itu lebih economical. Akan tetapi masalahnya adalah kerana terlalu bergantung kepada import maka harga pasaran naik turun dan kita menjadi mangsa. Itu sebab we have to be strategic.

Kita kena tanam sendiri sedikit sebanyak supaya memastikan kos itu kita *control, I mean stabilize the cost.*

Pada masa yang sama, kita juga perlu menggunakan apa yang kita ada. Contohnya *Palm Kernel Cake* (PKC) yang boleh digunakan sebagai bahan makanan tetapi kita eksport kerana di pasaran dunia lebih tinggi. Jadi, pada saya itu adalah satu- kita perlu kaji semula keputusan eksport *Palm Kernel Cake* kepada luar negara. Kita sepatutnya tinggalkan sedikit *a few 20 percent, or 30 percent* dalam pasaran Malaysia supaya kita ada alternatif kepada bahan makan untuk ternakan kita.

Jadi, dari segi itu akan membantu *stabilize the cost* dan kurangkan kos bahan makanan untuk ternakan dan akhirnya bahan makanan tidak akan melonjak tinggi. Ia akan *stabilize* harga ayam, harga lembu dan sebagainya. Jadi, kerajaan akan memperhalus isu tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan apakah kerajaan memberi insentif untuk membuka kilang-kilang kecil pemprosesan makanan ternakan khasnya di kawasan luar bandar sebab buat masa ini, pemprosesan ini dibuat oleh kilang-kilang besar dan mereka lebih kepada monopoli makanan ternakan tersebut.

Jadi, apakah tindakan kementerian untuk menggalakkan juga- mungkin koperasi ataupun persatuan-persatuan penternak ini juga membuka kilang pemprosesan makanan ini di kawasan-kawasan luar bandar supaya boleh memastikan *subsistence*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, makanan ternakan tersebut. Bukan sahaja dengan adanya kilang-kilang pemprosesan kecil ini di kawasan luar bandar dapat membuka peluang kepada pekebun-pekebun kecil untuk menanam jagung dan sebagainya, ini saya rasa boleh juga menstabilkan harga supaya ia tidak terlalu mahal. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat berkenaan dengan penternakan atau...

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Kilang...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Penanam?

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** ...Kilang, menanam skala kecil dan juga memproses jagung tersebut untuk makanan ternakan di skala kecil.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Adrian. Memang dalam pelan tindakan yang saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini adalah membangunkan Industri Pemprosesan Makanan Ternakan Negara dan lain-lain industri

yang berkaitan di sepanjang rantaian nilai bagi menyokong keluaran jagung bijian dalam negara.

Sememangnya kilang-kilang kecil pemprosesan itu penting. Kita akan mengkaji kesesuaian. Sebenarnya kita perlu ada satu rantaian. Menanam jagung bijian itu hanya salah satu sahaja. Kita kena *research* tentang benih jagung yang betul yang sesuai dengan iklim Malaysia, selepas itu menanam dan selepas menanam, ia perlu proses. Ia bukan jagung sahaja. Ia kena diproses, ambil jagung, kena *dry*, mengeringkan jagung bijian dan selepas itu dicampurkan dengan beberapa jenis formula kerana setiap ternakan itu lain. Ayam memerlukan protein yang tertentu, lembu perlu di campur dalam PKC dan rumput *napier* dan sebagainya. Jadi formula yang berlainan.

Itu yang kita nampak bahawa ia perlu ada satu rantaian yang *complete*. Kilang-kilang pemprosesan itu boleh memainkan peranan tersebut. Buat masa sekarang masih belum ada kilang-kilang yang *complete* dari segi itu dan kita perlu menggalakkan kilang-kilang dari segi itu. Akan tetapi kita juga tahu bahawa untuk makanan ternakan, ia perlu *economic of scale*. Kalau tidak, ia tidak mempunyai *competitiveness*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk makanan ternakan kita mengimport lebih daripada RM4 bilion setahun. RM4 bilion, lebih daripada RM4 bilion untuk import bahan makanan ternakan. Ini satu yang sangat besar. Ini bermaksud ada *market* yang cukup besar untuk kita membangunkan industri makanan ternakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh membuat permohonan dan kalau mengikut peraturan, kelulusan akan diberi, Yang Berhormat? Silakan Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

**7. Puan Raj Munni binti Sabu** minta Menteri Pendidikan menyatakan, jumlah permohonan baharu pinjaman PTPTN berbanding dana PTPTN yang sedia ada kini. Apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan pusingan dana PTPTN terus aktif dan berupaya menampung permohonan pelajar-pelajar baharu.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima pertanyaan lagi yang berhubung kait dengan pertanyaan nombor 7, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada hari ini.

Oleh itu izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan daripada pertama, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa pada hari ini dan kedua, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad pada 18 Disember 2018, ketiga, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa pada 19 Disember 2018 dan keempat, Yang

Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat dan Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid pada 20 Disember 2018.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, secara purata PTPTN meluluskan pinjaman kepada lebih kurang 170,000 orang peminjam baharu pada setiap tahun dengan peruntukan kewangan antara RM3 bilion sehingga RM3.5 bilion setahun termasuk keperluan bagi peminjam aktif sedia ada. Sebahagian besar keperluan dana adalah daripada kutipan bayaran balik pinjaman dengan keperluan tambahan diperoleh melalui pinjaman atau sukuk daripada institusi kewangan tempatan.

Penetapan kaedah baharu bayaran balik pinjaman PTPTN telah mengambil kira keperluan dana PTPTN di dalam memenuhi keperluan pinjaman kepada lebih kurang 170,000 orang pelajar baharu setiap tahun serta bagi memastikan peminjam membayar balik mengikut kemampuan dan tidak membebangkan.

Terbaru, mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Disember 2018 telah meluluskan agar mekanisme pelaksanaan potongan gaji berjadual ditangguhkan bagi membolehkan PTPTN dapat mengadakan perbincangan dengan kesemua pemegang taruh. Mesyuarat berkenaan turut memutuskan bahawa pengecualian bayaran balik kepada pelajar daripada isi rumah B40 dan M40 yang mendapat keputusan kelas ijazah pertama.

#### ■1120

Baki hutang turut dilupuskan apabila peminjam berumur 60 tahun dan perlepasan tafsiran cukai SSPN dinaikkan daripada RM6 kepada RM6,000 kepada RM8,000 mulai tahun tafsiran 2019.

Selain daripada itu, perlepasan cukai syarikat bagi tahun tafsiran 2019 diberikan kepada majikan yang membantu membuat bayaran balik pinjaman kepada pekerja. Kerajaan sentiasa mengkaji dan meneliti keperluan dana pinjaman dan langkah-langkah yang bersesuaian akan dilaksanakan mengikut keperluan semasa. Sekian jawapan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan Yang Berhormat Senator?

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ada dua.

Pertama, tidakkah pihak kementerian melihat bahawa untuk menyelesaikan kekurangan dana PTPTN antaranya ialah sebaiknya difokuskan kepada golongan yang tidak pernah membayar hutang, iaitu sejumlah saya difahamkan pada taklimat di Parlimen baru-baru ini sekurang-kurangnya 362,357 orang ataupun 19.1 percent. Ia juga boleh

difokuskan kepada yang tidak konsisten membayar sejumlah 626,795 orang. Contohnya seperti satu insentif menggalakkan agar menggalakkan mereka melakukan pembayaran secara segera.

Kedua, bukankah lebih baik jika polisi sistem ujrah dilaksanakan dikekalkan oleh pihak kementerian khususnya kepada kelompok yang konsisten membuat pembayaran hutang PTPTN iaitu sejumlah 455,797 orang yakni mereka ini yang konsisten membayar hutang PTPTN tidak perlu terlibat dalam penstruktur semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. PTPTN memang sentiasa berhasrat untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak pernah membuat bayaran balik.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator, salah satu langkah yang boleh diambil oleh PTPTN adalah tindakan saman. Akan tetapi masalah adalah tindakan saman ini kita rasa ia kurang efektif kerana ia ambil masa yang panjang, dan kadang-kadang kita juga ada masalah untuk mengenal pasti di mana orang tersebut. Ini kerana antara mereka ada yang sudah bekerja di luar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, untuk tahun ini tindakan dan penguatkuasaan yang telah diambil ataupun saman yang telah difailkan di mahkamah pada bulan Januari adalah sebanyak 778 kes, untuk Februari adalah sebanyak 1,174 kes dan ketiga pada bulan Mac adalah sebanyak 1,223 kes.

Untuk April dan Mei memang tidak ada tindakan saman telah diambil oleh sebab sudah dekat dengan PRU saya rasa oleh sebab itu kerajaan pada masa itu buat satu keputusan untuk menangguhkan segala tindakan mahkamah. Akan tetapi, ini memang adalah salah satu kaedah ataupun salah satu tindakan yang akan diambil dari masa ke semasa terhadap mereka yang tidak pernah buat bayaran.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini golongan yang tidak pernah buat bayaran setakat ini adalah sebanyak 373,975 orang. Manakala kumpulan yang bayaran mereka adalah yang tidak konsisten adalah sebanyak 627,350 orang.

Salah satu tindakan yang telah diambil terhadap golongan ini adalah kita akan masukkan nama mereka dalam sistem CCRIS di mana kalau peminjam PTPTN ini hendak buat pinjaman dengan bank untuk pembelian kereta ataupun pembelian rumah, bank memang akan merujuk kepada rekod mereka di dalam CCRIS. Kalau rekod itu tunjuk bahawa mereka langsung tidak pernah buat bayaran ataupun bayaran itu adalah kurang konsisten, jadi pelaung untuk golongan ini untuk dapat pinjaman baharu untuk pembelian

kereta ataupun rumah memang adalah sangat rendah. Ini kerana bank juga hanya akan beri pinjaman kepada golongan yang peminjam yang buat bayaran secara konsisten.

Jadi ini adalah langkah-langkah yang telah dilaksanakan. PTPTN telah diberi tanggungjawab untuk mengkaji lagi bagaimana kita boleh menambah lagi kutipan balik daripada peminjam dan untuk memastikan bahawa kita boleh menggalakkan lebih banyak peminjam untuk buat bayaran secara lebih konsisten untuk memastikan kelestarian PTPTN. Sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Senator yang pasal PTPTN ini sudah banyak kali bincang ini dalam perbahasan. Menteri pun akan jawab. So, cukuplah Yang Berhormat Senator.

Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

**8. Tuan Aknan a/l Ehtook** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah kelebihan kaedah pembelian/pemilikan rumah melalui Skim *FundMyHome* berbanding kaedah konvensional. Sejauh manakah skim ini boleh membantu meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan B40 dan menjaga kepentingan pembeli.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, *property crowdfunding* sebagai alternatif bagi pembelian rumah pertama menerusi pinjaman terbuka antara rakan setara ataupun *peer-to-peer* akan turut memperluaskan alternatif pembiayaan yang sedia ada kepada golongan bakal pemilik rumah pertama. Ini termasuklah golongan yang mungkin berkemampuan untuk membeli rumah tetapi sukar mendapat pinjaman bank seperti peniaga kecil atau mereka yang bekerja sendiri.

Pengenalan *property crowdfunding* ini juga akan memperluaskan jenis kelas aset pelaburan, dengan izin, *investment asset class* di dalam pasaran modal. Ini seterusnya membuka peluang kepada para pelabur untuk melabur dalam aset pelaburan yang baharu ini dan seterusnya mempelbagaikan lagi portfolio pelaburan mereka.

Pihak Suruhanjaya Sekuriti (SC) kini sedang dalam peringkat meneliti dan mengkaji rangka kerja undang-undang yang sesuai bagi semua jenis pembiayaan perumahan bagi *property crowdfunding* di bawah konsep *peer-to-peer* ini. Perincian mengenai struktur dan mekanisme bagi pembiayaan ini akan diumumkan selepas dimuktamadkan oleh pihak SC kelak. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan Yang Berhormat Senator?

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab secara umum cuma saya hendak *zoom in* sedikit tentang setakat ini berapa ramai orang yang telah menggunakan faedah skim ini? Berapakah nilai *property* yang telah dimanfaatkan melalui skim ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Sebenarnya belum ada lagi Yang Berhormat Senator sebab *guidelines*- kita memerlukan satu garis panduan daripada pihak *Securities Commission (SC)* dan ini yang sedang dimuktamadkan. Apa yang sudah ada di dalam pasaran sekarang ini ialah *crowdfunding* bagi SME kita yang ingin mendapatkan pembiayaan selain daripada bank memang ada. Akan tetapi untuk masuk perumahan dan untuk individu masih belum kerana ianya masih belum dimuktamadkan oleh pihak SC.

Nanti seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ianya kita cadang untuk *launch* benda ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ialah pada *first quat of the year 2019*, dan itu pun selepas selesai pihak SC menyediakan dengan garis panduan. Kita akan umumkan dan selepas itulah baharu boleh ia di dapat dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen.

**9. Dato' Ong Chong Swen** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah langkah-langkah penguatkuasaan Kementerian terhadap perokok dan pemilik restoran yang melanggar peraturan larangan merokok di semua restoran dan premis makanan yang akan berkuat kuasa 1 Januari 2019.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator yang membangkitkan soalan berkenaan dengan peraturan larangan merokok di restoran dan premis pemakanan.

Tuan Yang di-Pertua, tembakau dan produk tembakau merupakan komuniti sah yang didagangkan namun ia terbukti secara saintifik membunuh separuh daripada penggunanya. Oleh sebab ia berbahaya penggunaan tembakau dan produk tembakau adalah dikawal di bawah konvensyen antarabangsa iaitu *Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* di mana Malaysia merupakan ahli parti kepada konvensyen tersebut semenjak tahun 2005.

■1130

Pewartaan kawasan larangan merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 adalah bertujuan untuk melindungi golongan

orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok. Ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia kepada Artikel 8, WHO FCTC.

Selain daripada itu, tujuan lain adalah untuk membudayakan amalan tidak merokok dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan mengehadkan kawasan yang dibenarkan merokok terutamanya di kawasan tumpuan orang awam. Menurut kajian *Global Adult Tobacco Survey* pada tahun 2011, mereka yang terdedah kepada asap rokok terutamanya di tempat-tempat awam seperti kedai makan adalah sebanyak 84.9 peratus iaitu lebih kurang 8.5 juta orang di Malaysia.

Sementara itu, melalui tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2015. Pendedahan asap rokok di tempat kerja adalah 37.3 peratus dan di rumah persendirian adalah sebanyak 37.1 peratus. Ini merupakan satu peratusan yang membimbangkan dan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia memandang serius akan perkara ini kerana risiko untuk mendapat penyakit oleh perokok pasif yang terdedah pada asap rokok adalah sama dengan perokok aktif. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat keputusan untuk mewartakan semua kedai makan termasuk kedai makan tidak berhawa dingin sebagai tempat dilarang merokok bermula 1 Januari 2019. Keputusan ini juga telah dipersetujui oleh kabinet Malaysia pada 3 Oktober 2018.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil dalam usaha menguatkuasakan peraturan baru ini adalah dengan mengadakan sesi taklimat berikutan tanggungjawab tuan punya premis dalam memastikan pematuhan kepada Peraturan Larangan Merokok, mengadakan pendidikan berkenaan kawasan-kawasan tempat makan yang dilarang, merangka jadual bagi menjalankan penguatkuasaan pendidikan dan seterusnya penguatkuasaan penuh dan memantau aktiviti dan impak pelaksanaan secara berterusan.

Aktiviti penguatkuasaan larangan merokok dijalankan oleh penguat kuasa daripada Kementerian Kesihatan yang terdiri daripada pegawai kesihatan persekitaran dan penolong pegawai kesihatan persekitaran yang berjumlah 5,008 orang di seluruh Malaysia.

Aktiviti penguatkuasaan larangan merokok di kedai makan akan dipergiatkan sebaik sahaja pewartaan dibuat untuk satu tempoh masa yang akan ditetapkan kelak. Ini bagi meningkatkan kesedaran dan pematuhan orang awam kepada larangan ini. Sebaik sahaja selesai tempoh tersebut, aktiviti penguatkuasaan akan dijalankan secara berkala oleh Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, denda yang dikenakan melalui aktiviti penguatkuasaan adalah merupakan satu strategi bagi memastikan pematuhan orang ramai kepada larangan ini. Bagi kesalahan merokok di kawasan-kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok iaitu kesalahan di bawah Peraturan 11, Peraturan-peraturan Kawalan

Hasil Tembakau 2004, denda adalah tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun. Bagi pengusaha kedai makan..

**Tuan Yang di-Pertua:** *Thank you Yang Berhormat Menteri, saya ingat cukup dan ringkas, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat, ada soalan tambahan? Ringkas..*

**Dato' Ong Chong Swen:** Ya, terima kasih ke atas jawapan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah baru-baru ini ramai individu telah mula menggunakan *vape* atau *vaping* sebagai ganti untuk rokok. Bagaimana kementerian ingin menggunakan pengguna *vape* tanpa mendesak pengguna terjebak dalam penggunaan *vape* atau rokok haram? Adakah *vape* juga dilarang mengikut peluasan zon merokok yang kini juga termasuk kawasan terbuka. Kini setengah-setengah tempat membuat peraturan larangan sendiri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Secara ringkas.

**Dr. Lee Boon Chye:** Okey untuk *vape*, penjualan cecair untuk rokok elektronik seperti *vape* ini memang dikawal di bawah Akta Racun dan bukan di bawah Akta Makanan. Akan tetapi kepada mereka yang menggunakan *vape* ataupun *shisha*, kementerian boleh mengambil tindakan kepada mereka dan sekiranya mereka mungkin boleh terlepas sekiranya kandungan *vape* itu tidak mengandungi bahan tembakau ataupun bahan nikotin tetapi memang kementerian boleh ambil tindakan dahulu dan akan dilepaskan kecuali tidak mengandungi bahan tembakau.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.36 pagi.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Okey Tuan Yang di-Pertua, ada usul untuk melanjutkan masa. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Kesihatan seperti yang tertera dalam nombor 11 dalam Senarai Giliran Kementerian-kementerian Menjawab ke atas perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang diedarkan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 18 Disember 2018”.

**Dr. Lee Boon Chye:** Sebelum saya menyokong usul tersebut, ingin saya umumkan, mengalu-alukan ketibaan DAP Wanita Pulau Pinang ke Dewan Negara. [Tepuk] Saya menyokong usul.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [13 Disember 2018]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri... [Tepuk] Silakan Yang Amat Berhormat.

**11.38 pg.**

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 ini. Sebanyak 24 isu telah dibangkitkan oleh lapan Ahli Yang Berhormat Senator sepanjang sesi perbahasan kali ini.

Agenda pembasmian kemiskinan, penyediaan akses pendidikan berkualiti serta sokongan sosial kepada kumpulan rentan adalah amat kritikal...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Agenda pembasmian kemiskinan, penyediaan akses pendidikan berkualiti serta sokongan sosial kepada kumpulan rentan adalah amat kritikal dalam menyelesaikan masalah sosial dalam negara kita. Langkah ini dapat menyediakan asas untuk membolehkan kumpulan ini berdikari dan seterusnya terlibat dalam pembangunan ekonomi negara.

Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM2.39 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM174.4 juta, iaitu tujuh peratus di mana pelbagai program bantuan kebajikan diteruskan secara lebih bersasar dan bergantung pada saiz isi rumah. Beberapa kadar bantuan kerajaan telah dinaikkan serta diperluaskan agar lebih ramai golongan yang layak menerimanya.

Menjawab kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook wakil masyarakat Siam. *Sawadeekap*. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator telah memberi cadangan untuk mewajibkan HIV saringan kepada bakal-bakal pengantin bukan Islam dan mengadakan kursus pra-perkahwinan untuk bakal-bakal pengantin bukan Islam.

■1140

Yang Berhormat Senator Tuan Aknan, bakal pengantin bukan Islam berkahwin mengikut undang-undang sivil. Buat masa ini, tiada mana-mana peruntukan mewajibkan ke atas bakal pengantin bukan Islam untuk menjalani saringan HIV sebelum mereka berkahwin. Perkara ini boleh dipertimbangkan bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri kerana ini adalah undang-undang sivil serta Kementerian Kewangan kerana melibatkan kos. Perbincangan untuk mengadakan kursus pra-perkahwinan kepada pasangan bukan Islam yang akan berkahwin telah dimulakan oleh kementerian ini pada tahun 2009 dengan *interface councils*.

Hasil perbincangan berkenaan, Ahli Mesyuarat menyokong dan menyambut baik cadangan untuk mewajibkan kursus pra-perkahwinan bagi perkahwinan bukan Islam. Seperti mana yang diperkatakan untuk pasangan beragama Islam, namun, pada masa yang sama, sebahagian daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tidak mendapat kesepakatan konsensus, untuk mewajibkan kursus pra-perkahwinan dan pelaksanaan secara seragam meliputi pelbagai badan agama.

Usaha ini masih diteruskan oleh kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menerusi cadangan secara rintis di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Cadangan awal adalah dengan mengkaji kandungan kursus dari dua hari kepada separuh hari sahaja dan latihan akan diberikan kepada jurulatih daripada NGO yang berkelayakan.

Yang Berhormat Senator...

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah? Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah menjawab soalan tentang HIV tadi. Cuma, saya mahu cadangkan supaya kerajaan mengambil langkah yang lebih efektif, lebih berkesan untuk memastikan benda ini berjaya. Ini kerana, kita tahu selama ini- saya pernah tanya kepada Kementerian Kesihatan, mereka mengatakan tiada

undang-undang. Mereka juga maklumkan bahawa kepada pengantin beragama Islam ada keputusan satu mesyuarat- saya tidak ingat mesyuaratnya.

Mereka bersetuju untuk mengadakan saringan HIV. Jadi, kalau katakanlah kerajaan yang membuat dasar, yang menentukan dasar bahawa semua pasangan bukan Islam perlu dan diwajibkan mengambil saringan HIV saya rasa benda ini boleh dijalankan tanpa mengambil kira kumpulan mana yang menyokong atau tidak menyokong.

Ini seharusnya menjadi prioriti kepada kerajaan. Bukan bergantung kepada sokongan mana-mana pihak. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Secara prinsipnya kita menyokong. Oleh sebab yang saya katakan, ia melibatkan kos dan dana serta cara mana untuk membuatkan ia di bawah *civil marriage registry* itu, KDN dan juga MOH. Memang kita setuju untuk membuat saringan ini dan kita akan usahakannya. Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin memberikan soalan. Izinkan saya menjawab empat isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Kementerian ini mengambil maklum berkenaan pendekatan-pendekatan yang telah dilaksanakan oleh negara Turki. Namun begitu, ingin saya terangkan bahawa sejak tahun 2013, kementerian telah memulakan inisiatif konsep jagaan alternatif iaitu Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK).

Konsep PBK merupakan penempatan bagi kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan serta kanak-kanak yang tidak terkawal. Konsep ini telah diuarkan melalui pelbagai seminar serta kempen kesedaran kepada *stakeholders* dan orang awam.

Pada tahun 2016, konsep tersebut telah dimasukkan dalam pindaan Akta Kanak-kanak 2001 yang menjadikan pemeliharaan kanak-kanak oleh ibu bapa kandung atau orang yang layak dan sesuai bagi sebagai pilihan utama. Manakala, penempatan di institusi adalah sebagai pilihan terakhir. Pada tahun 2019, kementerian dengan kerjasama Yayasan *Orphan Care* akan mula menumpukan kepada usaha untuk melaksanakan konsep ini secara rintis di Negeri Sembilan, Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan PBK ini juga selaras dengan hasrat kerajaan yang diumumkan di bawah Belanjawan 2019 untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan alternatif. Ia bertujuan untuk mengurangkan peranan kerajaan terutamanya perkhidmatan bukan teras iaitu melalui peralihan penempatan kanak-kanak dari institusi ke dalam jagaan berasaskan keluarga dan komuniti.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga tidak menghadapi isu dana pada masa ini. Pada tahun

2019 tahun depan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah diberikan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi melaksanakan perkhidmatan saringan kanser payudara- *mammogram*, saringan kanser serviks, *DNA pap smear* serta suntikan vaksin *Human Papilloma Virus* (HPV) yang disasarkan kepada 70,000 orang wanita dalam kumpulan B40 dan M40.

Perkhidmatan tersebut diberikan secara percuma kepada semua wanita yang memohon dan memerlukannya. Perkhidmatan perancangan keluarga juga diberikan secara percuma kepada semua golongan OKU. Bagi memastikan program dan perkhidmatan LPPKN dapat dicapai dengan lebih meluas, program *outreach* telah dilaksanakan kepada golongan sasar yang sukar mendapat akses kepada perkhidmatan di premis LPPKN.

Oleh itu, LPPKN menyediakan 15 buah pusat keluarga bergerak di kawasan luar bandar atau pedalaman bagi memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan LPPKN. Perkhidmatan berkenaan juga diadakan secara berjadual, berkala dan berdasarkan permintaan permohonan dari semasa ke semasa.

LPPKN juga telah melatih *facilitator* dalam kalangan NGO bagi memperluaskan penyampaian program LPPKN di kawasan pedalaman. Selain itu, LPPKN juga mempunyai seramai 17 orang pegawai psikologi yang ditempatkan di ibu pejabat LPPKN dan negeri serta 63 orang panel kaunselor. Perkhidmatan yang dikendalikan oleh pegawai psikologi merangkumi kaunseling keluarga, individu serta terapi pengurusan stres. Manakala, kesihatan mental adalah di bawah kendalian Kementerian Kesihatan Malaysia. Yang Berhormat Senator, isu pembuangan anak luar nikah sememangnya merupakan isu yang cukup membimbangkan.

Kerjasama erat antara semua pihak amatlah...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon pencelaan?

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Ya, silakan.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Berkaitan dengan soalan LPPKN, saya faham memang ada program percuma yang diberikan melalui peruntukan kerajaan. Namun begitu, saya mendapat makluman bahawa ada banyak kursus yang perlu dibuat untuk meningkatkan pengurusan keluarga.

Namun begitu, terpaksa dibuat dengan bayaran. Contohnya, RM10 sehingga RM70 yang mana, apabila ada bayaran ini, golongan B40 ini kurang hendak menyertai program ini, berbanding dengan masyarakat-masyarakat di strata lainlah. Mohon, respons.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Apa yang saya difahamkan bahawa, program-program yang dikendalikan oleh LPPKN

tidak ada bayaran. Namun, mungkin ada pihak swasta yang sama-sama- saya tidak ada maklumat tentang itu.

Saya masuk kepada kes pembuangan anak ini. Isu penting adalah isu sosial seumpama ini mesti dibendung daripada peringkat awal. Kementerian melalui LPPKN telah melaksanakan Program Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial (PEKERTI) yang memberikan pengetahuan dan kemahiran keibubapaan serta pendidikan berkaitan kesihatan reproduktif dan seksualiti. Program ini turut memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada remaja bagi menghindari langkah laku seksual yang berisiko serta kehamilan luar nikah dan pembuangan bayi.

Namun, kita ada juga kes-kes yang dipaparkan di akhbar. Kita merasakan sedih kerana kita cuba untuk menangani masalah ini daripada peringkat akar umbi. Janganlah kita melihat bahawa kerajaan sahaja yang bertanggungjawab. Kita ada juga tanggungjawab ibu bapa, kita ada program-program.

Namun, tidak merangkumi semua. Kita tadi berbincang bahawa kes ini mestilah merangkumi lelaki dan perempuan juga. Pihak lelaki mesti mengetahui kalau apa-apa berlaku seperti kes di Kampar itu adalah kes jenayah. Walaupun kakak kah, adik kah, mana-mana kah, bawah umur ini adalah kes jenayah. Ini kita harap akan menjadi *deterrent*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua untuk perkara-perkara ini.

#### ■1150

Sebab sebelum berlaku itu, lebih baik daripada selepas dan juga *consequences* yang akan dibebankan kepada pihak perempuan, masyarakat, ibu bapa dan keluarga. Jadi yang saya maksudkan- dari tahun 2011 hingga tahun 2018, sebanyak 1,056 program telah dilaksanakan dan telah memberi manfaat kepada 290,045 orang, dan 190,457 orang adalah peserta wanita.

LPPKN juga telah melatih seramai 2,863 orang sebagai fasilitator PEKERTI dalam tempoh yang sama. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melalui inisiatif Komuniti Harmoni- iaitu ejen penggerak di peringkat komuniti, akan meneruskan pelaksanaan program pemerkasaan wanita khususnya aspek sosial dan kemasyarakatan bagi meningkatkan kefahaman tentang kesan negatif gejala sosial yang perlu ditangani dengan kerjasama semua pihak.

Manakala Pusat Remaja Kafe@TEEN – ini adalah bukan pusat minum-minum kopi ini ya. Ia adalah satu pusat remaja, jenamanya ialah *Cafe Teen-* dulu kata *cyber cafe* masa ia ditubuhkan. Komuniti Harmoni juga menyediakan khidmat kaunseling untuk remaja perempuan dan lelaki yang menghadapi masalah, serta boleh dilatih menjadi *lay counselor* untuk memberikan bimbingan dan khidmat nasihat di peringkat komuniti.

Tempat-tempat ini memanglah melihat ramai juga remaja yang tiada tempat untuk mengadu. Kadang-kadang putus cinta, ada macam-macam lagi. Mereka mendapati tempat ini bolehlah kita dapat sedikit sebanyak mengurangkan stres kepada mereka dan menangani masalah. Dari tahun 2014 hingga bulan Oktober tahun ini, seramai 5,994 orang remaja perempuan telah menerima perkhidmatan kaunseling di Pusat Remaja Kafe@TEEN di seluruh negara.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak, JPW dan LPPKN sentiasa menjalankan kerjasama dengan agensi kerajaan, NGO serta swasta bagi melaksanakan program dan perkhidmatan yang terbaik bagi golongan wanita sama ada di peringkat Ibu Pejabat ataupun negeri. Oleh itu, kementerian tidak mempunyai sebarang halangan, malah menggalakkan mana-mana pihak kerajaan negeri yang ingin berbincang dan bekerjasama termasuk @ukekwa, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator demi memastikan perkhidmatan di perkasa dan diperluaskan aksesnya kepada kaum wanita di peringkat akar umbi.

Kita berbalik kepada apa tadi yang bila Yang Berhormat Senator tanya pasal kursus keibubapaan- yang dikenakan adalah minimum RM20 bagi menampung kos makan dan minum pada satu hari. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kos penganjuran adalah lebih daripada RM70 sehari. Ini penting untuk memastikan komitmen peserta yang hadir di sepanjang kursus yang diadakan. Memang betul kerana kadang-kadang dia tidak bayar, dia tidak ambil berat tentang kursus yang diberikan.

Berbalik kepada yang tadi, kerjasama dengan @ukekwa. Dasar kerajaan berkenaan penyusuan susu ibu, sama ada yang bekerja atau tidak adalah untuk menggalakkan penyusuan susu ibu secara eksklusif dari lahir hingga berusia sembilan bulan sekurang-kurangnya, serta meneruskan kalau boleh hingga mencapai usia dua tahun. Bagi ibu bapa yang bekerja- bapa tidak adalah bukan? Ibu yang bekerja- cabaran adalah sangat besar untuk kekal bekerja dan memastikan anak dapat menyusu dengan susu ibu secara eksklusif.

Justeru, saya menggesa agar majikan di semua agensi kerajaan dan juga swasta untuk menyediakan bilik penyusuan yang sesuai serta mewujudkan suasana kerja yang mengupayakan dan memberikan fleksibiliti kepada penyusuan susu ibu. Ini semestinya akan meningkatkan motivasi pekerja wanita serta berupaya untuk mengimbangi pelbagai peranan wanita sebagai seorang ibu yang berkarier.

Memang *work life balance* ini menjadi satu dilema kalau wanita itu bekerja, terutama kalau dia ada anak yang kecil, dalam pantang, menyusu dan hendak pam susu, hendak simpan susu supaya tidak basi. Itu adalah masalah-masalah yang kita hadapi kalau ibu yang bekerja dan mempunyai anak kecil yang masih menyusu.

Bagi isu sejauh manakah masyarakat dan sekolah biasa menerima kanak-kanak OKU sebagai kanak-kanak biasa- saya ingin memohon soalan ini ditujukan kepada kementerian yang berkuasa- di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Saya masuk kepada soalan dan jawapan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim- ada, ada, okey. Yang Berhormat Senator telah membangkitkan tiga isu yang berkaitan dengan bantuan kebajikan. Bagi memastikan dana penerimaan bantuan dikemas kini dengan baik, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membangunkan sistem pengurusan bantuan kebajikan atau lebih dikenali sebagai Sistem eBantuan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan bantuan.

Sistem ini dibina untuk memudahkan proses pendaftaran- dia kena daftar dahulu, selepas itu dia ada penyiasatan, kelulusan, kajian semula, penjanaan laporan statistik dan proses pembayaran melalui integrasi *Integrated Government Financial and Management Accounting System*.

Di samping itu, bagi memastikan jumlah bantuan diberikan mengikut pengukuran nilai kos sara hidup semasa, JKM telah menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan semasa tahun 2014 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (KHEE) bermula pada 1 Julai 2018. PGK miskin isi rumah semasa dikeluarkan oleh EPU KHEE ialah, RM930 bagi Semenanjung Malaysia, RM990 bagi Sarawak dan RM1,170 bagi Sabah dan Labuan. Manakala PGK purata miskin per kapita semasa pula, iaitu RM230 bagi Semenanjung Malaysia, RM240 bagi Sarawak dan RM250 bagi Sabah dan Labuan.

Yang Berhormat Senator- NGO dan komuniti merupakan rakan strategik kerajaan, memberikan khidmat sokong dan maklum balas tentang kekangan dan cabaran, dengan izin *gaps and challenges* dan yang dihadapi oleh institusi penjagaan warga emas, kanak-kanak dan OKU. Kementerian menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan masyarakat dalam memupuk semangat tolong-menolong dan budaya penyayang sejajar dengan Dasar Kebajikan Masyarakat Negara.

Antara program-program yang melibatkan penglibatan komuniti di bawah JKM adalah, Pemulihan Dalam Komuniti, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Pusat Perlindungan Kanak-Kanak, Pusat Kebajikan Kanak-Kanak, Pusat Aktiviti Warga Emas, Program Khidmat Bantu di Rumah atau *Home Help Services, Volunteer to Institution (V2i)* dan Sukarelawan JKM. Sehingga bulan November tahun ini- 2018, bilangan yang mendaftar dengan JKM di bawah program V2i ini dan Sukarelawan JKM adalah seramai 14,672 orang. Manakala seramai 580 orang sukarelawan telah berdaftar dengan LPPKN di bawah program Sahabat Kafe@TEEN dan Sukarelawan Warga Emas iaitu PAWE.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail, perkhidmatan kebajikan masyarakat di bawah Senarai Bersama, *Concurrent List* antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Justeru itu, pengurusan bantuan bencana yang dikendalikan oleh JKM adalah menjadi tanggungjawab bersama kedua-duanya.

Pada tahun 2018 tahun ini, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM8 juta dan sebanyak RM21.5 juta diperuntukkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Stok sedia ada yang terdapat di depot melalui Perolehan Persekutuan tahun 2018 ini kini berada di tahap optimum dan mencukupi bagi menampung keperluan mangsa bencana sehingga tahun depan, tahun 2019. Di samping itu, kerajaan turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kerajaan negeri yang turut menyalurkan peruntukan bencana bagi perolehan keperluan bencana. Sektor swasta, NGO dan individu turut memberikan sumbangan bahan barang keperluan asas dan makanan kepada mangsa bencana.

#### ■1200

Sumbangan tersebut diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri dan daerah untuk agihan kepada mangsa yang memerlukan. Kita juga tahu bahawa kadang-kadang stok ini tertinggal lama dan boleh jadi busuk, beras yang telah masuk bubuk apa semua, tetapi kita ada pemantauan sebab saya sendiri turun melihatkan stok itu dan tanya tentang masalah-masalah yang atau kekangan-kekangan yang dihadapi.

Saya masuk kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Lim...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** ...Telah membangkitkan isu berkenaan keterbukaan data jenayah seksual.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, data jenayah seksual ini dikeluarkan dan dikemaskinikan oleh PDRM, Kementerian Dalam Negeri. Data tersebut tidak dipaparkan secara terbuka kerana dikhawatir dimanipulasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, data seperti ini amat penting untuk diketahui oleh masyarakat umum agar semua pihak terutama wanita dapat bersedia dengan maklumat untuk melindungi diri serta mengelakkan diri dari berada di dalam situasi yang mengundang bahaya. Kita juga berbincang dengan kementerian saya tentang adanya *hotspots* diberitahu kepada golongan wanita supaya ini ada tempat-tempat yang boleh bawa risiko keselamatan. Ini juga dikatakan- tetapi kalau adakan daftar itu, PDRM sikit memberikan kita peringatan bahawa kalau diuar-uarkan mungkin memberikan satu rasa cemas dan tidak membantu keadaan untuk dikawal.

JPW juga telah melaksanakan program Wanita Antijenayah (WAJA), Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita (EVAW) dan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran bukan sahaja di kalangan wanita, malah masyarakat secara keseluruhannya berhubung isu jenayah seksual dan keganasan terhadap wanita. Salah satunya, “*Strong man do not hit woman*”. Ini adalah termasuk jenayah seperti rogol, cabul penghormatan, keganasan rumah tangga dan gangguan seksual di pejabat atau di tempat urut atau di mana-mana. Orang nampak atau tidak nampak, tidak boleh. Pendedahan dari aspek perundangan dan hak-hak wanita yang perlu diketahui juga disediakan.

Yang Berhormat Senator Puan Lim, Dasar Wanita Negara mendukung prinsip tiada diskriminasi berdasarkan gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Terkini, projek mengarusperdanakan gender, dengan izin, *straightening and enhancing the inclusiveness of women towards an equitable society in 11th Malaysia Plan 2016-2020* merupakan projek kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan pihak *United Nations Development Programme* (UNDP).

Projek ini adalah bagi memastikan isu-isu kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita terus relevan dan sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap perancangan termasuk penggubalan dasar di peringkat kebangsaan. Ini juga adalah selaras dengan hasrat Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu, “*Memperkuuh Inklusiviti ke Arah Masyarakat Yang Saksama*”. Kementerian juga sedang dalam perancangan untuk mewujudkan Rang Undang-undang Kesaksamaan Gender atau Anti Diskriminasi Terhadap Wanita. Manakala satu Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender telah ditubuhkan pada 4 Disember 2018 yang lalu bagi memastikan agar ini diberikan perhatian khusus di Dewan Rakyat.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Okey, ada. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah telah membangkitkan isu berkenaan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian telah tidak meletakkan dasar 30 peratus dalam pembuat keputusan sebagai kuota, ia merupakan sasaran minimum yang perlu dicapai.

Berdasarkan maklumat Kementerian Kewangan sehingga 14 Disember tahun ini, bilangan ahli pengarah wanita dalam masyarakat Menteri Kewangan Diperbadankan adalah 17.4 peratus atau 43 daripada keseluruhan 247 Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik. Selain itu, berdasarkan senarai Bursa Malaysia sehingga September 2018,

terdapat 23 peratus daripada 100 syarikat tersenarai awam tertinggi, *public-listed companies* (PLC) yang telah mempunyai wanita sebagai ahli dalam lembaga pengaruhnya.

Yang Berhormat Senator Datin, berdasarkan keputusan PRU Ke-14 lalu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), rekod menunjukkan bilangan wanita sebagai Ahli Dewan Rakyat adalah seramai 32 orang daripada 222 Kerusi Parlimen iaitu 14.41 peratus berbanding seramai 23 orang iaitu 10.4 peratus bagi sebelum ini. Manakala untuk Ahli Undangan Negeri, seramai 62 orang daripada 505 Kerusi DUN iaitu 12.28 peratus berbanding dengan 58 orang iaitu 11.5 peratus sebelum ini.

Rekod PRU-14 menunjukkan terdapat sedikit peningkatan penglibatan wanita dalam politik. Saya menyeru agar semua parti memainkan peranan untuk menggalakkan lebih ramai wanita untuk melibatkan diri dalam politik negara. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender di bawah Dewan Rakyat pada 4 Disember tahun ini adalah sebagai bukti komitmen untuk memperkuatkan fungsi institusi Parlimen yang lebih telus, diyakini dan mencerminkan kehendak rakyat.

Bagi membantu majikan terutamanya dari sektor swasta melaksanakan *flexible working arrangements* (FWA), Talent Corporation Malaysia Berhad (Talent Corp) menawarkan bimbingan dalam pengurusan keperluan sumber manusia. Talent Corp juga telah melancarkan portal *flexWorkLife.my* pada 8 Julai 2013. Portal ini berfungsi sebagai *repository* idea-idea dan amalan terbaik, *best practices* dalam pelaksanaan waktu bekerja yang fleksibel dan juga kemudahan sistem sokongan keluarga.

Sehingga ini, beberapa syarikat besar seperti CIMB Group, Sunway Group dan Maybank telah melaksanakan *flexible working arrangements* (FWA) ini. Bagi menarik lebih banyak syarikat Malaysia melaksanakan aturan kerja anjal, perbelanjaan latihan dan fi perundingan- *consultation fee* yang ditanggung oleh majikan dalam melaksanakan skim ini diberi potongan cukai tambahan sejak Bajet 2014.

Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada?

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Ada tidak?... [Disampuk] Tiada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada, tiada.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Tiada, saya tidak perlu jawab. Saya beri secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Bathmavathi ada atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Ada, ada. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

Sebanyak lapan isu berkaitan dengan OKU telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi. Yang Berhormat, Pelan Tindakan OKU 2016-2022 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 25 Mac 2016. Pelaksanaan pelan tersebut adalah menggunakan peruntukan semasa setiap kementerian dan agensi yang bertanggungjawab.

Isu peruntukan pelaksanaan *uniform by law* melibatkan pelbagai agensi seperti kementerian ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Wilayah Persekutuan dan PLANMalaysia. Perkara ini akan dibincangkan lebih lanjut di antara agensi tersebut. Kita memang ada perasaan bahawa ini kita mesti teruskan dan kita tingkatkan. Oleh sebab saya kira untuk *OKU friendly* ini terutama di tempat-tempat awam ini adalah kemestian. Akan tetapi, ada juga kekangan-kekangan dan kita akan melihat bagaimana kita boleh mengatasinya.

Sebagaimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, pendaftaran OKU di Malaysia adalah secara sukarela. Seramai 488,948 orang telah berdaftar dengan JKM.

#### ■1210

Walau bagaimanapun, kementerian melalui Jabatan Pembangunan OKU telah mengadakan Program Jom Daftar OKU yang dijalankan di peringkat negeri. Kempen ini diperluaskan ke peringkat komuniti dengan program *outreach* ke kawasan perkampungan dan pedalaman bagi setiap daerah di negeri-negeri seluruh Malaysia, termasuklah Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak adalah tidak ketinggalan.

Pendekatan ini turut melibatkan ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu kampung, ahli majlis pengurusan komuniti kampung. Menerusi program ini, OKU yang belum berdaftar telah dicari dan diuruskan pendaftarannya. Selain itu, pendaftaran OKU juga dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak sekolah tapi kalau mana-mana yang kita terlepas pandang itu, tolonglah sampaikan sebab kita cuba nak daftarkan semua kerana kita tidak mahu sesiapa OKU yang terlepas pandang.

Sebagai usaha untuk mendapatkan bilangan OKU yang sebenar, kementerian telah mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Perangkaan untuk mengutip data OKU semasa menjalankan proses Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Yang Berhormat Senator, 17 matlamat kepada *sustainable development goals* secara amnya mempunyai kaitan dengan OKU dan merangkumi elemen inklusif ke atas pembangunan OKU secara menyeluruh. Terdapat 17 matlamat SDG ini diterjemahkan melalui Pelan Tindakan OKU 2016 sehingga 2020 serta pelan tindakan lain yang dibangunkan oleh kementerian lain.

Di dalam RMKe-11 atau Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah mengambil kira SDG menerusi Teras Satu iaitu mengukuhkan insklusiviti ke arah

masyarakat yang saksama. Contohnya, PAWE, *Home Help Services* dan i-Suri. Yang Berhormat Senator, Revolusi Industri 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baru seperti automasi, *internet of things*, analisis dan *big data*, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan *Cloud* yang bakal merancakkan kemajuan landskap dunia moden.

Revolusi ini menandakan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baru sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baru teknologi. Dengan kata lain, teknologi automasi ini dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung. Mengambil kira perubahan ini, para OKU juga perlu bersedia dengan *reskills* supaya dapat terus memberi sumbangan dalam pekerjaan masing-masing.

Pihak MIMOS Berhad, *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan *The Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT) juga menyediakan pelbagai latihan *upskills* dan *reskills* dalam bidang teknologi terkini, termasuk IOT certification, *big data*, *block chain* dan *artificial intelligent*. Pihak kementerian akan mengadakan sesi libat urus dengan agensi-agensi berkenaan untuk manfaat golongan OKU. Penerangan lanjut tentang program rangkaian ini boleh diperoleh daripada laman web agensi yang berkenaan.

Kementerian bersedia untuk kerjasama dengan mana-mana pihak yang boleh membantu kumpulan sasar, termasuk golongan OKU dalam mempelajari ilmu dan teknik terbaru berkaitan IR 4.0 ini agar peluang perniagaan dan pekerjaan diperluaskan kepada golongan OKU. Sekarang ini ada e-commerce apa semua yang boleh kita manfaat, Yang Berhormat Senator.

Berkenaan dengan kaji semua elauan pekerja cacat, bantuan yang diberikan hanyalah untuk tempoh sementara dan boleh ditamatkan pada bila-bila masa sekiranya terdapat perubahan status sosioekonomi atau apa-apa jua sebab yang menyebabkan penerima tidak layak bagi menerima bantuan. EPC adalah merupakan satu bentuk insentif individu yang diberikan untuk menggalakkan OKU agar terus bekerja serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

Kadar EPC kini adalah sebanyak RM400 sebulan. Sehubungan dengan itu, had pendapatan RM1,200 dan ke bawah adalah masih relevan bagi menentukan syarat pendapatan seseorang OKU tersebut. Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, buat masa kini kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri telah memperuntukkan beberapa insentif sedia ada melalui potongan cukai berganda dan potongan cukai penyediaan infrastruktur dan latihan bagi pekerja OKU.

Selain insentif, perkara yang paling penting dalam menggaji OKU adalah kesediaan semua pihak, termasuk pihak swasta untuk menerima OKU bekerja. Selain itu, ASEAN *Enabling Masterplan 2025 : Mainstreaming the Rights of Persons with Disabilities*, dengan

izin, merangkumi program dan tindakan di bawah tiga tonggak utama ASEAN iaitu sosiobudaya, politik dan keselamatan dan ekonomi. Kementerian Luar Negeri sedang dalam tindakan untuk menyelaras maklum balas kementerian-kementerian yang bertanggungjawab. Oleh sebab ia merangkumi ASEAN, sebab itu Kementerian Luar Negeri- *Foreign Ministry*, untuk melaksanakan program atau aktiviti di bawah dokumen tersebut.

Pelaksanaan *Enabling Masterplan 2025* akan menggunakan peruntukan kewangan sedia ada setiap kementerian dan agensi berkenaan. Kementerian juga mengambil maklum mengenai pelaporan negara, *Convention on The Rights of Persons With Disabilities* dan kementerian sedang menyediakan dan memuktamadkan pelaporan ini sebagai tindakan utama.

Akhir sekali Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi, Majlis Kebangsaan Bagi OKU ditubuhkan di bawah Akta OKU 2008 sedang melaksanakan tanggungjawab koordinasi dan memantau pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU di negara kita menerusi enam jawatankuasa yang ditetapkan iaitu Jawatankuasa Pengangkutan, Pendidikan, Pendaftaran, Pekerjaan, *Quality of Life Care* dan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina.

Walaupun cadangan untuk menubuhkan satu agensi adalah baik, namun ia akan mengambil kira keadaan kewangan negara selain peranan ini memadai dilaksanakan oleh Majlis Kebangsaan bagi OKU. Sehubungan itu, kementerian turut berpandangan tiada keperluan untuk mewujudkan agensi baru bagi tujuan koordinasi dan pemantauan program bagi *ASEAN Enabling Masterplan 2025 : Mainstreaming the Rights of Persons with Disabilities* dan CRPD. Koordinasi, pelaksanaan dan pemantauan kedua-dua dokumen ini akan dilakukan melalui mekanisme kerjasama antara kementerian dan agensi berkaitan yang sedia ada.

Kadang kita ini banyak agensi, kita mesti koordinasi. Kang buka lagi satu agensi, buka lagi satu agensi, lepas itu tak *coordinate*, tak jalan kerja. Ini kita nak buatkan satu mengkoordinasikan, itu lebih baik daripada membuka satu lagi agensi baru. Pewujudan agensi baru akan melibatkan implikasi kewangan dan sumber manusia kepada kerajaan dan perkara ini perlu diteliti dengan lebih lanjut sekiranya ia hendak dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Nuridah, tak ada. Jadi, saya bagi dengan jawapan bertulis. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih. Jadi, saya dah sampai ke akhirnya. Tuan Yang di-Pertua, setiap cadangan, input dan isu yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam perbahasan saya ada menyentuh tentang Kementerian Wanita tetapi tak dijawab ataupun tidak disentuh. Berkenaan dengan bantuan makanan bagi tadika-tadika dan prasekolah.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Itu di bawah Kementerian Pendidikan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tak, tapi di bawah KPLB, di mana memang di bawah Kementerian Pendidikan daripada segi prasekolah tetapi berkenaan dengan taska-taska, bantuan makanan. Oleh sebab ada dicatatkan atau tidak? Saya rasa tak ada. Kalau mungkin lepas ini...

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Saya tak diberikan maklum, jadi saya tidak ada jawapan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** ...Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh...

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Mungkin saya akan bagi jawapan *direct*, okey?

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** ...Jawapan bertulis. Saya tak pasti sama ada dicatatkan ataupun tidak. Ke tak ada?

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Mungkin kita ada ini- sebab Yang Berhormat kata merangkumi taska kan? Bukannya ini- saya ingat tidak ada bantuan untuk taska.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Bukan. Dalam ucapan, kalau Tuan Yang di-Pertua boleh saya bertanya balik soalan? Dalam perbahasan saya, saya bertanya tentang kalau kita tengok sekarang, terutamanya kalau kita merujuk kepada laporan daripada UNICEF yang baru-baru ini dilaporkan tentang kemiskinan bandar. Di mana kanak-kanak bawah umur lima ke enam tahun ini dengan 15 peratus ada mengalami kebantutan, kemudian ada mengalami kurang berat badan dan sebagainya.

#### ▪ 1220

Dalam bajet yang baharu ini kita tengok dalam KPLB sahaja yang diperuntukkan RM80 juta hingga RM120 juta di bawah- mungkin di bawah program-program prasekolah. Saya juga pernah bertanya di dalam Parlimen kepada kerajaan, tentang penyelarasan pembelajaran kanak-kanak berumur 5 tahun ke 6 tahun ini. Bermaknanya prasekolah ini adakah di bawah- kalau kita tahu prasekolah ini terletak di bawah TASKA 5 tahun ke 6 tahun tetapi ada juga 5 tahun ke 6 tahun di bawah prasekolah dan ada juga 5 tahun ke 6 tahun ini di bawah KPLB, di bawah KEMAS dan sebagainya.

Maka tidak ada penyelarasan keseluruhan- satu, daripada segi pembelajarannya dan yang keduanya, yang saya sentuh dalam perbahasan saya, berkenaan dengan

makanan seimbang secara sihat. Oleh sebab terutamanya kanak-kanak di bawah- yang pergi ke sekolah di kawasan bandar yang terletak TASKA-TASKA swasta dan juga TASKA-TASKA swasta yang berada di kawasan-kawasan yang bukan elit.

Maknanya kadang-kadang diletaknya TASKA itu diberi kanak-kanak makanan biskut, makanan-makanan yang tidak sihat dan tidak seimbang. So, bagaimanakah kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, untuk menyelaraskan dan memastikan, ataupun bajet sedikit diberikan kepada TASKA-TASKA swasta yang kurang berkemampuan, ataupun macam mana cara hendak mengimbangi pemakanan sihat di kalangan kanak-kanak di antara 5 tahun ke 6 tahun ini? Mungkin boleh dijawab secara bertulis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih. Memang saya setuju tentang kebantutan- UNICEF punya *findings*- apa yang dapatan UNICEF bahawa budak-budak itu anak kita bantut ataupun dia obes. Jadi pemakanan yang tidak seimbang, dan tidak baik. Itu memang salah satu daripada- kita akan teruskan kajian itu.

Namun yang dikatakan KPLB adalah di bawah kementerian lain, TASKA-TASKA di bawah KEMAS ini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kita, TASKA oleh pihak swasta ini kita pantau sahaja tetapi tidak mempunyai mekanisme bagaimana kita hendak memastikan mereka memberikan makanan yang seimbang. Biskut-biskut ini ada juga *culture*, budaya makan ini kita kena memberikan pendidikan untuk memberikan satu makanan yang seimbang untuk semua.

Ini bukan sahaja TASKA-TASKA tetapi ini masalah umum- inilah penting tetapi yang lain itu memang kita akan ambil tindakan, dan saya akan bagi jawapan bertulis sebab ia spesifik tentang TASKA itu- saya tidak dapat, sebab saya hanya dapat ini- fasal ia memang antara TASKA-TASKA ini bukan sahaja yang saya katakan kalau hendak buat ini kan, kita kena kerjasama. Itu memang poin yang diambil. Okey, saya...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Mungkin selepas ini mungkin kalau saya boleh cadangkan kepada pihak kerajaan supaya mungkin meletakkan satu garis panduan tentang pemakanan sihat kepada kanak-kanak ini 5 tahun ke 6 tahun terutamanya yang swasta dan kalau- katalah tadika ataupun TASKA itu berkedudukan di kawasan yang memang tidak berkemampuan contohnya macam di PPRT dan sebagainya, mungkin bantuan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh beri peruntukan sedikit untuk membantu bukan TASKA. Kita bukan tengok kepada TASKA itu tetapi kita tengok kepada kebijakan kanak-kanak ini.

Ini kerana apa, saya rasa kemiskinan kanak-kanak di bandar ini, kemiskinan bandar ini perlu dilihat bagi mengatasi masalah jurang. Oleh sebab katalah tadika yang bayaran ini mahal, anak-anaknya makanan sihat tetapi bayaran yang sedikit memang tidak

kemampuan bagi makan biskut. Saya rasa dalam kajian itu pun tertarik dengan peratusan di mana 51 peratus kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke 6 tahun tidak pergi ke prasekolah, sedangkan kalau kita tengok di kawasan di luar negara pun umur 5 tahun sudah dikirakan *is compulsory to go to school*. Maknanya sudah perlu mendapatkan pendidikan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang itu semua adalah cadangan-cadangan yang baik dan setiap cadangan input dan isu yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Senator akan diteliti kesesuaianya dan diberikan perhatian tindakan sewajarnya.

Akhir kata saya ingin tekankan di sini bahawa oleh kerana kumpulan sasar kementerian...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin satu lagi daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Boleh ya, terima kasih. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya juga hendak mencadangkan- ini rentetan daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah iaitu baru-baru ini sudah semakin bercambah dan semakin banyak perkhidmatan untuk mengajar ataupun kelas bimbingan untuk prasekolah ini dibuat secara *personalize* iaitu cikgu ini datang ke rumah dan menyediakan khidmat untuk prasekolah ini di rumah.

Perkhidmatan ini juga ditawarkan melalui *online*. Jadi, saya dapat maklumat, Yang Berhormat Menteri iaitu masih belum wujud lagi satu standard ataupun garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Jadi, saya hendak cadangkan supaya mengelak daripada mungkin aplikasi-aplikasi tidak baik berlaku apabila rakyat ataupun ibu bapa yang memerlukan khidmat *personalize tutor* untuk anak-anak mereka yang seawal umur 2 tahun, 3 tahun, 4 tahun ini sebelum masuk sekolah ini dan kalau tiada kawal selia, tiada standard dan tiada garis panduan ini saya takut mungkin ia berlaku satu penyalahgunaan ataupun implikasi yang tidak baiklah. Minta pandangan dan juga pendirian kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Memanglah kalau ada personel tutor boleh datang rumah mestilah rumah orang kaya itu. Anak orang kaya itu baru ada personel tutor datang rumah semua itu. *I think* pemantauan itu saya ingat *self...*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Dia bukan soal wang Ringgit, Yang Berhormat Menteri. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, dia jauh lebih murah sebenarnya daripada menghantar anak-anak ke Pusat-pusat Bimbingan Swasta, TASKA Swasta. Saya difahamkan dia hanya mengenakan caj sendiri daripada cikgu-cikgu *online* ini RM30 satu

jam sahaja berbanding kepada hendak menghantar anak-anak di Pusat TASKA swasta ini yang mungkin jauh lebih tinggi fees-nya. Jadi, kalau Yang Berhormat Menteri sebut bab untuk hanya demografi orang kaya itu saya ingat tidak betul itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Okey, kalau macam itu berikan saya evidence semua-semua itu, baru kita akan tengok teliti bagaimana dan memang betul kalau kita ada tahu mereka-mereka yang memberikan bimbingan yang tidak kena sebab kita pun ada masalah juga bimbingan dan juga kalau ada penyelewengan dan juga indoktrinasi yang ada saya kalau bincang dengan PDRM cuma Tuan Yang di-Pertua, memang ada masalah kalau kita ada yang fikirkan Islam yang seleweng pun ada juga. Jadi, saya ambil kira itu dan kita akan kaji sama.

Akhir kata, saya ingin tekankan di sini bahawa kerana kumpulan sasaran kementerian ini melibatkan semua ahli keluarga dan pelbagai kemudahan *vulnerable* yang perlu dilindungi masyarakat sekeliling perlulah lebih prihatin. Terima kasih, Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang telah memberikan kita *feedback* dalam memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing di dalam komuniti.

Ini adalah kerana kementerian kita ini daripada belum lahir sampailah ke liang lahad. Usaha ini juga semuanya bermula daripada setiap Ahli Yang Berhormat Senator di dalam Dewan yang mulia ini dan semoga usaha kita semuanya diberkati oleh Allah SWT. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menjawab dengan panjang lebar dan jelas. Kita sekali lagi berterima kasih. Sekarang saya hendak pergi kepada nombor dua, Jabatan Perdana Menteri ada empat orang Menteri wakil daripada JPM.

Saya dahulukan dengan Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy, dipersilakan.

## 12.29 tgh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:**  
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Baharu.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dan Unit Pembangunan Ekonomi Masyarakat India (SEDIC), saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Senator, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2019 dengan membangkitkan

isu-isu serta memberi cadangan-cadangan untuk penambahbaikan berkaitan dengan jabatan-jabatan di bawah seliaan saya.

Saya akan memulakan penggulungan ini dengan menjawab isu-isu di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

**■1230**

Pertama sekali saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Ada? Okey, terima kasih. Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin telah memohon agar kerajaan menjelaskan apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan bekalan air bersih di kalangan Orang Asli di Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengambil beberapa langkah dalam usaha meningkatkan bekalan air bersih di kalangan Orang Asli di negeri Kelantan. Antaranya adalah dengan menyediakan sistem bekalan air bersih melalui sistem alternatif atau telaga selain kerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) kepada masyarakat Orang Asli.

Berdasarkan rekod JAKOA, sebanyak 118 buah kampung Orang Asli yang diiktiraf di negeri Kelantan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 115 buah kampung telah disediakan bekalan air alternatif manakala tiga buah kampung lagi dibekalkan dengan air BAKAS oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Perancangan bagi menyediakan air bersih dan terawat melibatkan tiga buah kampung iaitu Kampung Orang Asli Sempedak, Kampung Orang Asli Sungai Takur dan Kampung Orang Asli Jadir Baru di daerah Gua Musang akan dimasukkan dalam senarai projek untuk dilaksanakan pada tahun 2019. JAKOA komited memastikan semua Orang Asli di negeri Kelantan menerima bekalan air bersih melalui peruntukan pembangunan yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Seterusnya saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Ada juga? Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Yang Berhormat Senator telah mencadangkan agar tanah-tanah adat Orang Asli digazet dan dijadikan sebagai tanah rizab Orang Asli bagi melindungi kepentingan golongan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan melalui JAKOA telah mengemukakan permohonan tanah untuk diwartakan sebagai sama ada rizab Orang Asli atau kawasan Orang Asli berdasarkan keperluan sebenar masyarakat Orang Asli.

Selain itu juga, bagi memastikan permohonan ini mendapat pertimbangan sewajarnya, JAKOA turut melaksanakan rundingan dengan pihak berkuasa kerajaan negeri agar tanah-tanah yang dipohon dapat diwartakan untuk kegunaan masyarakat Orang Asli. Pada masa ini, tidak ada mana-mana peruntukan undang-undang di negara ini sama ada di peringkat negeri atau Persekutuan yang mengiktiraf tanah adat Orang Asli.

Walau bagaimanapun, menyedari tuntutan dan kepentingan tanah adat kepada masyarakat Orang Asli, JAKOA terus komited mengadakan rundingan dengan pihak kerajaan negeri supaya tanah-tanah untuk kegunaan masyarakat Orang Asli yang meliputi tapak kediaman, tapak kawasan pertanian, kubur-kubur lama dan kawasan mencari hasil hutan diwartakan mengikut peruntukan perundangan bagi melindungi kepentingan masyarakat Orang Asli.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad juga telah merujuk kepada peruntukan JAKOA pada tahun 2016 dalam membimbing usahawan Orang Asli. Akan tetapi pengusaha-pengusaha ini tidak *sustainable* dan beliau telah mencadangkan agar dilantik mentor yang berjaya untuk melihat perkembangan usahawan-usahawan Orang Asli di samping turut diberikan khidmat nasihat dalam pemasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, JAKOA mendefinisikan usahawan Orang Asli di bawah bimbingan JAKOA sebagai seseorang yang memilih untuk meninggalkan kegiatan ekonomi tradisi dan menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi moden seperti bermiaga ataupun mengusahakan kegiatan pertanian yang orientasinya untuk pasaran ataupun membekalkan perkhidmatan untuk tujuan meningkatkan pendapatan.

Di bawah RMKe-11, seramai 143 orang telah dilatih dan dibimbing sehingga tahun 2017. Daripada jumlah ini, seramai 76 orang telah meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pendapatan sebelum menerima latihan dan bantuan JAKOA. Penerima bantuan pada tahun 2018 akan dipantau pada tahun 2019.

JAKOA juga telah mengenal pasti beberapa usahawan Orang Asli sebagai mentor kepada usahawan dan belia-belia Orang Asli. Usahawan-usahawan ini sentiasa dijemput oleh JAKOA untuk memberi pendedahan, perkongsian kejayaan serta bimbingan. Antara usahawan tersebut adalah Encik Helmi Naim Ahmad seorang usahawan kraf tangan, Puan Nur Raziana Ramli seorang usahawan madu kelulut dan produk hiliran, Encik Awang Togek seorang usahawan pertanian dan penternakan, Encik Razali Air seorang usahawan inap desa dan Encik Nazra bin Basir seorang usahawan produk hiliran gaharu.

Usahawan ini juga diberi pendedahan dan bimbingan perniagaan melalui Seminar Usahawan dan Koperasi Orang Asli yang dilaksanakan setiap tahun. Tujuan seminar ini dilaksanakan adalah untuk menambah pengetahuan usahawan meliputi teknologi, pemasaran, pelabelan, R&D, pendaftaran syarikat, pembiayaan serta lawatan sambil belajar.

Selain seminar, JAKOA turut menganjurkan kursus atau latihan yang memberikan fokus kepada aktiviti-aktiviti promosi, pelabelan dan pemasaran termasuk pemasaran secara talian. Pelaksanaan seminar, kursus dan latihan ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti SME Corp, MARDI, MCMC, MDEC, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Jabatan Pertanian, MOTAC, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan agensi kerajaan lain yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad membangkitkan isu di mana pampasan ke atas tanah Orang Asli yang diambil alih adalah mengikut harga pokok dan bukannya harga pasaran dan seterusnya mencadangkan pindaan ke atas seksyen 11 dan seksyen 12, Akta Orang Asli 1954.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, seksyen 11, dan seksyen 12, Akta Orang Asli 1954 memerihalkan tentang keadaan di mana pampasan perlu dibayar kepada Orang Asli. Dalam menentukan jumlah pampasan yang wajar dibayar, Kerajaan Persekutuan menggunakan kaedah seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Pengambilan Tanah 1960. Menerusi kaedah ini, pihak kerajaan akan merujuk Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harga (JPPH) bagi penilaian berdasarkan harga pasaran semasa tanah. Penilaian harga inilah yang menjadi asas kepada pihak kerajaan untuk berunding dengan pihak yang akan memberi pampasan.

Seterusnya saya sambung dengan isu-isu serta cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid mencadangkan supaya JAKOA membina jalan kasaran atau batu hancur untuk jalan pedalaman yang jauh lebih murah dari jalan tar. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa untuk cadangan yang *economical*, dengan izin, yang diberikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA menyambut baik cadangan membina jalan kasaran atau batu hancur di kawasan pedalaman. Kaedah pembinaan jalan kasaran atau batu hancur telah dilaksanakan terutama di kawasan yang ekstrem berikutan akses ke kawasan tersebut yang terhad dan kos bagi pembinaannya juga adalah lebih *cost effective* berbanding dengan jalan tar.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa juga telah mencadangkan elaun wang saku dinaikkan kepada RM5 dari jumlah bantuan catuan makanan dikaji semula. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa untuk cadangan yang telah diberikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA telah pun membuat cadangan penambahbaikan dan semakan semula Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP) pada September 2018 yang melibatkan pemberian bantuan wang saku dan catuan makanan kepada pelajar Orang Asli sekolah rendah dan sekolah menengah. Walau bagaimanapun, memandangkan penempatan JAKOA di JPM menyebabkan proses untuk mendapatkan kelulusan perlu dibuat semula melalui JPM. Cadangan bqqaharu semakan SBGP 2018 adalah seperti berikut:

- (i) elauan wang saku dinaikkan dari RM2 kepada RM5 sehari bagi pelajar sekolah rendah dan menengah; dan
- (ii) catuan makanan kepada murid Orang Asli di pedalaman disediakan dengan kadar RM12 seorang sehari berbanding dengan RM2.50.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa juga telah mencadangkan penubuhan Majlis Penasihat Orang Asli Kebangsaan yang terdiri daripada pakar-pakar golongan Orang Asli.

#### ■1240

Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' atas cadangan yang dapat memperkasakan masyarakat Orang Asli secara, dengan izin, *direct*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato', JAKOA telah menyediakan kertas cadangan penjenamaan semula Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) kepada Majlis Perundingan Orang Asli (MAPOA) dengan membuat beberapa penambahbaikan. Majlis ini berperanan sebagai penasihat kepada Jabatan Perdana Menteri dan pihak kerajaan berhubung dasar dan hala tuju strategik bagi kemajuan Orang Asli.

Majlis ini juga berperanan untuk memberi pandangan dan maklum balas berkaitan keperluan masyarakat Orang Asli dan strategi untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. JAKOA juga turut mencadangkan agar dapat meliputi pakar-pakar dari masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada golongan profesional, usahawan, ahli akademik, belia dan wanita Orang Asli.

Yang Berhormat Senator Dato' juga telah mencadangkan perjawatan di JAKOA ditambah baik bagi jawatan-jawatan berikut. Penasihat undang-undang, penyelaras kapasiti bagi kapasiti Orang Asli, penyelaras seni dan budaya, akauntan dan jurutera di JAKOA di peringkat negeri-negeri.

Yang Berhormat Senator Dato', JAKOA mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat supaya perjawatan di JAKOA ditambah. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato', Jabatan Perdana Menteri akan meneliti isu penstruktur semula dan pertambahan jawatan di JAKOA sesuai dengan skop tugas dan fungsi yang telah dipertanggungjawabkan kepada JAKOA selaras dengan dasar penjimatan sektor awam.

Yang Berhormat Senator Dato' juga ada mencadangkan Pusat Intelek pelajar Orang Asli diwujudkan di Zon Tengah- Tapah dan Gerik; dan di Zon Selatan di Johor.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato', penubuhan Pusat Intelek Pelajar Orang Asli pada tahun 2010 adalah sebagai nilai tambah bagi menampung bilangan pelajar Orang Asli sederhana cemerlang yang tidak berjaya meneruskan pendidikan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau Maktab Rendah Sains MARA. PIPOA juga diwujudkan untuk mengatasi isu keciciran pelajar Orang Asli ke sekolah menengah supaya pendidikan pelajaran Orang Asli meningkat seiring pelajar arus perdana.

Berdasarkan asas penubuhan tersebut, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) buat masa ini belum mempunyai cadangan untuk menambah bilangan atau membina bangunan *facility* berkonsepkan Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) Rompin memandangkan *facility* seumpamanya telah mencukupi khususnya selepas wujud kerjasama di antara JAKOA dengan Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap aspek pendidikan negara.

Sekarang saya juga akan meneruskan dengan menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' mengenai anggaran bajet bagi kerja-kerja ukur tanah Orang Asli bagi tahun 2017 hingga 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato, anggaran bajet untuk kerja-kerja ukur tanah Orang Asli yang diterima oleh JAKOA bagi tahun 2017 hingga 2019 adalah seperti berikut. Bagi 2017, peruntukan sebanyak RM1.48 juta diberikan dan jumlah dibelanjakan ialah RM1.28 juta dan jumlah projek adalah sebanyak 24 projek meliputi keluasan sebanyak 3,740.44 hektar. Bagi 2018, peruntukan sejumlah RM1.5 juta diberikan dan sejumlah RM1.4 juta dibelanjakan bagi 20 jumlah projek dengan keluasan sebanyak 7,257.41 hektar. Bagi 2019, sejumlah peruntukan RM1.5 juta diberikan dan adalah dianggarkan sejumlah 25 projek akan dilaksanakan dengan keluasan dianggarkan 2,839.02 hektar.

Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip, beliau ada di sini? Ada, okey terima kasih. Telah memohon penjelasan, kenapa peruntukan JAKOA dikurangkan bagi peruntukan mengurus daripada RM115.5 juta pada tahun 2018 kepada RM111.9 juta pada tahun 2019 dan peruntukan pembangunan dikurangkan daripada RM78.5 juta pada tahun 2018 kepada RM56.5 juta pada tahun 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato', peruntukan bagi belanja mengurus dan belanja pembangunan JAKOA diakui menurun pada tahun 2019 berbanding pada tahun 2018. Namun demikian, meskipun terdapat pengurangan peruntukan mengurus dan pembangunan JAKOA pada tahun 2019, peruntukan yang telah diluluskan

untuk JAKOA tersebut telah pun diteliti oleh kerajaan bagi tujuan pelaksanaan fungsi dan operasi jabatan serta pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli.

Selain itu Yang Berhormat Senator Dato', pengurangan peruntukan bagi belanja mengurus JAKOA hanyalah melibatkan aktiviti bagi fungsi dan operasi pentadbiran jabatan. Manakala bagi peruntukan pemberian-pemberian untuk aktiviti peningkatan taraf hidup Orang Asli tidak dikurangkan oleh kerajaan, malah bertambah pada tahun 2019 sebanyak RM0.12 juta.

Bagi peruntukan pembangunan pula, walaupun peruntukan yang diterima oleh JAKOA pada tahun 2019 adalah sebanyak RM56.5 juta berbanding RM78.5 juta pada tahun 2018, pihak JAKOA akan memastikan pembangunan yang menyeluruh dilaksanakan melalui perancangan mengikut keutamaan agar masyarakat Orang Asli dapat dimajukan seiring dengan kemajuan negara berdasarkan peruntukan yang diterima.

Peruntukan yang diterima akan dioptimumkan bagi keperluan infrastruktur dan pembangunan sosioekonomi dan sekiranya peruntukan tersebut tidak mencukupi, JAKOA akan mengemukakan permohonan tambahan sekiranya diperlukan kepada pihak kerajaan untuk pertimbangan.

Isu terakhir mengenai masyarakat Orang Asli telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Saya percaya beliau tiada Tuan Yang di-Pertua. Saya cadangkan akan berikan jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Seterusnya saya ingin menjawab beberapa isu yang ditimbulkan semasa perbahasan di peringkat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Isu telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam, saya juga percaya beliau tiada dan akan memberikan jawapan secara bertulis.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Mohon mcelah. Dalam perbahasan saya ada menyentuh tentang- berbalik kepada masyarakat Orang Asli ialah tentang JAKOA yang dipindahkan daripada KPLB kepada JPM. Sebab yang saya lihat tidak ada rundingan, bengkel untuk mendapatkan satu respons maklum balas yang baik daripada masyarakat. Sebab itu saya berharap, apakah justifikasi JAKOA dipindah daripada KPLB kepada JPM itu kalau dapat dijelaskan oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa semasa menjawab pertanyaan lisan, pernah dijawab soalan ini Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, tiada catatan diberikan kepada saya dan saya cadangkan saya akan berikan secara bertulis ya. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, untuk Unit Pembangunan..

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya berbalik kepada soalan Orang Asli juga, sebab ramai Yang Berhormat-yang Berhormat tidak hadir jadi terpaksa Yang Berhormat yang ada hendak tanya. Okey, berkenaan dengan seksyen 11 dan 12 tadi berkenaan dengan isu pampasan, memang tadi Menteri ada beritahu bahawa pampasan itu mengikut harga pasaran dan dinilai oleh penilai.

Akan tetapi, di *grassroots*, dengan izin, mereka hanya di bayar mengikut harga pokok yang ada di atas tanah tersebut. Tumbuhan-tumbuhan yang mereka tanam, tetapi tidak dibayar pampasan itu tidak dibayar nilai tanah tersebut. Tanah itu diambil percuma, tidak dibayar langsung pun, hanya tanaman sahaja.

Sebab itu saya mencadangkan, ingin bertanya kepada Menteri, adakah pihak kementerian bercadang untuk meminda seksyen ini supaya dia nampak jelas bahawa apabila pengambilan tanah tersebut dan tanah tersebut mesti dibayar mengikut harga pasaran, tetapi bukan hanya dibayar pokok ataupun ehsan sahaja kepada masyarakat Orang Asli tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1250

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa sebenarnya mereka tidak harus diberikan cuma wang ihsan sajalah. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa Peruntukan Kanun Tanah Negara adalah jelas bahawa sekiranya tanah diambil alih, mestilah dibuat penilaian dan pampasan yang diberikan dan mestilah mengikut harga pasaran.

Jadi sekiranya ada apa-apa isu yang berkaitan dengan tanah di mana pampasan yang sewajarnya tidak diberikan, saya mohon agar Yang Berhormat dapat menghubungi pihak Jabatan JAKOA ataupun saya sendiri secara terus supaya boleh perkara ini ditangani. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Minta sikit- sebab Yang Berhormat sangat prihatin dengan Orang Asli. Maka saya mohon menambah sikit soalan- berkaitan apa yang saudara Yang Berhormat Manolan bangkitkan iaitu bayaran pampasan ke atas nilai pokok atas tanah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan sebagainya, ialah berkaitan dengan Akta 134.

Soalan saya adakah pihak JAKOA bersedia untuk membuat semakan dan pindaan kepada Akta 134 supaya ia lebih relevan membela- khususnya isu-isu tanah masyarakat Orang Asli termasuk bayaran pampasan yang lebih tinggi, sekian terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Pihak jabatan tiada apa-apa halanganlah untuk meneliti kembali Akta 134 ini. Pihak JAKOA dan jabatan akan menjalankan beberapa, dengan izin, *discussions*, dengan pihak-pihak

berkepentingan untuk mendapatkan *feedback* mereka dan sekiranya diperlukan satu cadangan akan dikemukakan kepada kerajaan untuk pindaan tersebut.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab mengenai isu-isu yang dibangkitkan dalam Unit Pembangunan Ekonomi Masyarakat India (SEDIC). Saya meneruskan dengan menjawab isu-isu berhubung dengan Unit Pembangunan Ekonomi Masyarakat India dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan Somasundaram yang telah membangkitkan isu-isu berhubung SEDIC.

Saya percaya Yang Berhormat Senator Sambanthan tiada di sini. Jadi saya akan berikan jawapan bertulis kepada perkara yang dibangkitkan. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan Somasundaram telah membangkitkan isu mengenai SEDIC, di mana beliau meminta mekanisme yang akan digunakan untuk menyalurkan peruntukan RM100 juta bagi masyarakat India dan supaya peruntukan yang disalurkan melalui TEKUN disalurkan kepada masyarakat India dan mekanisme yang digunakan untuk menyalurkan bantuan tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr., terlebih dahulu saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat bahawa peruntukan RM100 juta yang diperuntukkan itu akan dibahagikan mengikut kepentingan dan manfaat kepada masyarakat kaum India. Pecahan peruntukan tersebut adalah bersifat dinamik bagi membolehkan keseluruhan masyarakat kaum India di negara ini memperoleh atau menikmati manfaat daripadanya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr., SEDIC telah pun mencadangkan pecahan RM100 juta tersebut dengan memberikan fokus kepada tiga perkara utama iaitu, program berteraskan *output* yang memberikan peranan kepada aspek kesedaran, atau *awareness*, dengan izin.

Program-program ini adalah bersifat singkat iaitu satu hari atau, dengan izin, *one time off* dengan matlamat memberi pengajaran atau, dengan izin, *corrective* kepada golongan sasar. Ukuran *output* kepada golongan sasar adalah berdasarkan *target* atau bilangan peserta.

Keduanya, program berteraskan *outcome*, yang memberi penekanan kepada aspek pencegahan atau, dengan izin, *preventive* di peringkat akar umbi. Program-program ini bersifat memberi *impact* kepada golongan sasar iaitu B40 dan berhubung elemen-elemen pencegahan yang perlu dihindari seperti kehamilan, dadah, arak atau gengsterisme. Jangka masa program adalah di antara dua hari atau sehingga seminggu atau juga boleh berterusan untuk satu tahun dan bersifat berterusan.

Program mapan- *sustainability*, yang memberi penekanan kepada pelaburan jangka panjang ke atas kesinambungan dana kepada SEDIC.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. juga perancangan pembahagian peruntukan RM100 juta tersebut adalah berdasarkan kepada pecahan seperti berikut- bagi pendidikan diperuntukkan RM40 juta, ekonomi dan kerjaya atau karier RM20 juta, pembangunan sosial dan kebajikan RM10 juta, keterangkuman dan identiti RM20 juta, projek atau pembangunan khas RM10 juta.

Berhubung permohonan untuk mendapatkan peruntukan daripada kerajaan melalui SEDIC, sukacita saya maklumkan kepada Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Institut-institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bahawa permohonan boleh dilakukan menjelang bulan Januari tahun 2019 melalui laman web atau secara terus kepada SEDIC.

Permohonan yang dibuat secara terus kepada SEDIC haruslah juga memenuhi kriteria, sebagaimana ditetapkan dalam laman web. Laman web tersebut akan dilancarkan pada bulan Januari tahun 2019.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. juga berhubung dengan cadangan supaya peruntukan disalurkan melalui TEKUN, disalurkan kepada masyarakat India dan mekanisme yang digunakan untuk menyalurkan bantuan tersebut. Sepertimana, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. sedia maklum, TEKUN merupakan program kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan yang ingin menceburi bidang perniagaan. Ia merupakan pinjaman secara bayaran balik bagi menggalakkan rakyat Malaysia menceburi bidang perniagaan. Melalui *Indian Community Entrepreneur Development Scheme (SPUMI)* di bawah TEKUN, SEDIC akan terus memastikan masyarakat India mendapat kemudahan pinjaman daripada TEKUN.

Walau bagaimanapun, pemohon perlulah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk layak menerima pinjaman ini. Berhubung peruntukan yang disalurkan melalui TEKUN- saya difahamkan bahawa TEKUN akan menggunakan peruntukan dana dalaman bagi Program SPUMI tahun 2019 dengan sasaran pembiayaan berjumlah RM20 juta melibatkan 1,300 orang usahawan.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini serta seluruh warga Malaysia khususnya kaum India bahawa berdasarkan prestasi dan keupayaan kewangan kerajaan masa kini untuk memberi peluang Kerajaan Pakatan Harapan untuk memenuhi agenda atau iltizam khas ini.

Apa yang penting ialah, kerajaan akan memastikan wang tersebut benar-benar sampai ke peringkat akar umbi demi memastikan taraf hidup sosioekonomi masyarakat India dapat dipertingkatkan setanding dengan kualiti kehidupan masyarakat-masyarakat lain di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian saja jawapan saya kepada segala isu yang telah dibangkitkan. Saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat..

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara iaitu berkaitan dengan TEKUN. SPUMI itu adalah hanya dikhaskan pinjaman TEKUN kepada masyarakat India. Akan tetapi, dalam Bajet 2019 yang dicadangkan itu, tidak mempunyai perkataan itu dan juga pinjaman TEKUN kepada seluruh rakyat Malaysia.

Jadi saya cadangkanlah kepada Yang Berhormat Menteri supaya membuat sesuatu, supaya pinjaman TEKUN ini untuk masyarakat India seperti yang telah pun diadakan pada masa lampau. Lagi satu, saya pernah tanya tentang Amanah Ikhtiar. Amanah Ikhtiar ini saya tidak tahulah, dihapuskan ataupun dipinda ataupun satu mekanisme lain. Akan tetapi tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang berkaitan dengan Amanah Ikhtiar khasnya kepada masyarakat India. Walaupun ia merangkumi semua bangsa, tetapi khasnya untuk masyarakat India untuk pinjaman Amanah Ikhtiar. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat, saya dapat menyatakan walaupun dalam bajet tidak dinyatakan TEKUN diperuntukkan apa-apa peruntukan khas kepada masyarakat India tapi saya dapat menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa tidak silap saya kerajaan bercadang untuk memperuntukkan sejumlah RM20 juta- saya akan semak kembali tetapi saya percaya jumlahnya ialah sebanyak RM20 juta untuk program bagi masyarakat India ini. Berkennaan dengan isu Amanah Ikhtiar Malaysia pada masa ini, saya tiada maklumat yang jelas.

Akan tetapi, apa yang ada ialah berkenaan Skim Pelaburan Khas Masyarakat India. Adakah itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat? Ataupun Amanah Saham 1 Malaysia?

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Bukan, bukan. Ini Amanah Saham 1 Malaysia. Itu *different. So, this one is* Amanah Ikhtiar Pinjaman. Ada juga satu golongan di bawah B40 mendapat manfaat daripada kerajaan, mungkin bukan daripada di bawah Yang Berhormat Menteri, di bawah Kementerian Pendidikan mungkin daripada kementerian lain-Kementerian Usahawan mungkin. Saya pun tidak tahulah.

Jadi saya minta khususnya, manfaat ini diberikan khasnya kepada masyarakat India itu tujuan saya. Satu lagi yang berkaitan dengan- saya ada tanya soalan berkaitan dengan dana khas yang telah pun jawapan diberikan oleh Yang Berhormat Menteri pada masa soal jawab tadi pada sesi yang lepas- RM4 bilion yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri kepada kerajaan tapi tidak ada jawapan.

Apakah terjadinya RM4 bilion? Apakah mekanisme lain digunakan sebagai apa yang dicadangkan oleh Barisan Nasional dan *Malaysian India Blue Print* supaya cadangan ini ditukar kepada mekanisme yang lain. Supaya RM4 bilion ini ditujukan kepada cara

yang lain yang dicadangkan- apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan OMU dengan Barisan Nasional pada masa lampau Akan tetapi, kita lupa yang OMU itu- tetapi cadangan itu haruslah kepada satu mekanisme baru yang menggunakan peruntukan yang tambahan. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan cuba, dengan izin, membuat *enquiry* tentang Amanah Ikhtiar ini dan akan memberikan jawapan secara bertulislah kepada Yang Berhormat. Berkenaan dengan cadangan dalam iltizam masyarakat India tersebut- bahawa satu dana akan diperuntukkan bagi penambahan ekuiti bagi masyarakat India.

Sebagaimana, yang saya katakan dulu bagi tahun 2019, sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan. Walau bagaimanapun, semasa iltizam tersebut dikemukakan cadangan mendapatkan dana tersebut adalah juga bersama dengan kerjasama di antara *private entity* untuk mewujudkan dana tersebut bagi jangka masa 10 tahun.

Jadi cadangan Yang Berhormat telah diambil kira dan kerajaan akan berbincang juga dengan pihak-pihak swasta melalui projek-projek CSR untuk menambahkan atau pun untuk mendapatkan sumbangan pihak swasta bagi penambahan ekuiti masyarakat India di negara ini. Sekian.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak jemput Yang Berhormat Menteri makan nasi tengah hari di sini sebab saya ada satu isu yang telah saya sebutkan tetapi tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri- tentang penubuhan satu unit untuk bantu penganut Buddha menangani aktiviti yang menggunakan agama untuk mencari keuntungan. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Sebenarnya Yang Berhormat, saya kurang pasti sama ada perkara tersebut masuk di bawah bidang saya. Walau bagaimanapun, nota berkenaan dengan isu tersebut tidak diberikan kepada saya- *first time I'm hearing*, dengan izin. Saya akan cuba sedaya upaya saya untuk mendapatkan sedikit penjelasan daripada kerajaan dan berikan jawapan bertulislah kepada Yang Berhormat. Sekian saja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy telah menjawab dengan panjang lebar dan tepat dan sekarang jam tangan saya pukul 1.03 tengah hari. Sekarang saya tangguhkan Mesyuarat Dewan hingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.04 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam bahagia, salam sejahtera.

Sekarang saya hendak sambung Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak panggil Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik, dipersilakan.

### **2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih saya ucapan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri ingin menjawab penggulungan perbahasan ini bagi pihak Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), bagi pihak Khazanah Nasional Berhad, bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bagi pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan juga bagi pihak *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT).

Dengan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin dan mengambil bahagian di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang mana telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan jabatan-jabatan yang disebutkan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya bahawa Belanjawan 2019 yang bertemakan '*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*' yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November 2018 yang lalu menumpukan kepada tiga fokus utama dengan 12 strategi merupakan sebuah dokumen yang penting bagi mengembalikan semula kekuatan ekonomi negara kita terutamanya ingin menjadi kembali sebagai harimau Asia.

Walaupun negara berdepan dengan kekangan hutang dan beban kewangan di samping cabaran ekonomi serta ketidaktentuan pasaran dunia, kerajaan akan sentiasa komited dalam merancang pertumbuhan ekonomi dan inisiatif pengukuhan fiskal yang seimbang tanpa merencatkan projek prospek pertumbuhan dan memastikan tiada golongan yang terpinggir ataupun tertinggal.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, saya mulakan penggulungan ini dengan menyentuh isu-isu yang dibangkitkan berkenaan dengan ICU. Saya mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid pada

12 Disember 2018. Ini spesifik berkaitan dengan isu pembinaan sebuah jambatan di Pontian, di Kampung Sepah Beruang, Mukim Sungai Pinggan, Benut dan juga pembinaan jambatan Parit Markom yang runtuh pada 2017.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek jambatan Kampung Sepah Beruang yang mana bernilai RM1.5 juta telah mendapat kelulusan peruntukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada 3 Disember 2018. Pihak ICU, Jabatan Perdana Menteri dilantik sebagai penyelaras projek akan mengadakan siasatan lanjut bagi menentukan kos projek, kesesuaian tapak dan keperluan lain yang berkaitan dengan pelaksanaan projek ini. Kita ambil maklum di mana selepas runtuhan jambatan ini disebabkan faktor-faktor tertentu, terdapat terputusnya perhubungan dan mereka yang terutamanya daripada beberapa perkampungan Orang Asli terpaksa melalui perjalanan yang jauh terutamanya untuk ke sekolah dan sebagainya.

Seterusnya bagi projek jambatan Parit Markom yang mana projek ini di dalam pelaksanaan dan di bawah seliaan Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Johor. Setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, prestasi projek semasa adalah 37 peratus. Kita ambil maklum bahawa mungkin terdapat isu yang mana terdapat kelewatan pembayaran.

Akan tetapi ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat juga bahawa projek ini sebenarnya sepatutnya sudah disiapkan pada 15 Oktober 2018, kita nampak satu kelewatan yang amat nyata dan kita akan berurusan dengan pihak Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Johor untuk melihat kesesuaian sama ada perlu diadakan pelantikan baharu bagi kontraktor yang melaksanakan projek ini.

Seterusnya ingin saya sentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing pada 13 Disember 2018 berkaitan dengan isu peruntukan yang diterima oleh Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang mana pada awalnya Ahli Parlimen menerima RM500,000 dan RM200,000 kepada Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan. Manakala RM200,000 dan RM100,000 kepada Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri pembangkang.

Yang Berhormat juga ingin tahu, adakah Ahli Parlimen yang melompat parti dan pembangkang ke kerajaan akan mendapat peruntukan yang sama seperti Ahli Parlimen kerajaan dan menyatakan peruntukan tersebut seharusnya sama rata kepada semua Ahli Parlimen.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada dasarnya, penyediaan dan penyaluran peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semestinya terletak di bawah budi bicara beliau. Ini merupakan hak budi bicara ataupun hak prerogatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pertimbangan berkenaan penyediaan peruntukan ini mengambil kira

kedua-dua faktor yang dinyatakan dan juga tentunya berdasarkan kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Buat masa ini, pertimbangan masih belum dibuat berhubung dengan perkara yang dibangkitkan. Peruntukan bagi kawasan Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri disediakan hanyalah sebagai *supplement* dan *compliment* kepada peruntukan-peruntukan yang telah diadakan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Sekiranya terdapat keperluan yang mendesak, permohonan boleh dikemukakan kepada agen kementerian-kementerian ataupun agensi-agensi yang berkaitan untuk dipertimbangkan.

Saya juga mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen pada 13 Disember yang inginkan penjelasan sama ada Ahli Dewan Negara boleh mendapatkan peruntukan untuk projek rakyat daripada ICU, Jabatan Perdana Menteri. Perkara ini perlu diberikan perhatian kerana Ahli Dewan Negara juga mempunyai tanggungjawab kepada komuniti setempat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sama seperti peruntukan khas kepada Ahli Parlimen, secara dasarnya, penyediaan dan penyaluran ini bergantung pada budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pertimbangan itu seperti yang dikatakan tadi juga bergantung kepada kedudukan ekonomi semasa. Apa yang ingin saya jelaskan di sini adalah bahawa kita ambil maklum. Kita ambil maklum bahawa sebagai Ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai tanggungjawab untuk mewakili kawasan di tempat masing-masing.

#### ■1440

Perkara ini akan kita bawa dalam perbincangan kepada pihak ICU untuk diperbincangkan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita juga ingin memaklumkan di sini di atas kapasiti Ahli-ahli Yang Berhormat, pintu sentiasa terbuka untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan permohonan sama ada ke pihak ICU, ke pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi seperti pihak-pihak KPLB untuk projek-projek yang mana dipertimbangkan boleh membantu rakyat di kawasan masing-masing. Semua permohonan ini akan dipertimbangkan berdasarkan kepada keperluan dan keadaan ekonomi kita yang semasa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Khazanah Nasional Berhad. Saya ingin beralih pada isu yang dibangkitkan berkaitan dengan Khazanah Nasional Berhad oleh Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah pada 13 Disember 2018. Yang Berhormat Senator menyarankan agar pihak kerajaan mencari kaedah yang terbaik dalam memastikan kepentingan Melayu di dalam GLC ini tidak dilelong.

Yang Berhormat Senator, kerajaan menerusi syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan ataupun GLIC seperti Khazanah secara dasarnya komited dengan objektif jangka panjang. Di mana kita mengurangkan perdagangan tidak strategik- *non-core*, pegangan di dalam syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan. Selain melaksanakan pelbagai pelaburan baharu untuk jangka masa yang sederhana dan panjang dalam pelbagai sektor. Khazanah telah melupuskan pelaburan sedia ada secara berhemah, sistematik dan tersusun apabila sasaran penciptaan nilai serta pulangan pelaburan yang telah ditetapkan telah berjaya dicapai.

Di dalam melaksanakan aktiviti pelupusan, Khazanah akan terus memastikan pihak yang mengambil alih kepentingannya adalah pihak yang benar-benar layak dan berkemampuan untuk terus membangunkan aset tersebut. Terutamanya di kalangan syarikat dan usahawan bumiputera, sekali gus secara tidak langsung meningkatkan pegangan ekuiti masyarakat bumiputera.

Khazanah walau bagaimanapun akan tetap mengekalkan pegangan penting di dalam akses-akses strategik bagi memastikan kepentingan nasional terpelihara. Satu perkara yang ingin saya ulas lagi Tuan Yang di-Pertua, pernah ditanyakan di dalam Dewan ini tetapi kita masa itu Ahli Yang Berhormat yang bertanya tidak ada dan jawapan itu dihantar secara bertulis. Ini berkaitan dengan penjualan saham di bawah Khazanah daripada *Integrated Healthcare Holdings* (IHH). Penjualan ini melibatkan *divestment* sebanyak RM1.4 bilion saham ataupun 16 peratus daripada pegangan yang ada di dalam Khazanah.

Jadi, saham-saham ini dijual dengan harga pada masa itu premiumnya adalah sebanyak lebih 0.75sen. Memberikan Khazanah satu dana yang cukup untuk penstrukturkan semula komitmen-komitmen seperti komitmen hutang dan juga untuk digunakan memperluaskan pelaburan. Selepas penjualan ini, Khazanah masih memegang sebanyak 26.5 peratus daripada keseluruhan saham di dalam IHH. Dalam masa yang sama, saham ini juga dijual kepada satu strategik *partner* Khazanah, dengan izin, yang telah lama menjalankan perniagaan bersama iaitu *Mitsui* dan pegangan *Mitsui* naik kepada 32 peratus.

Satu perkara yang tidak dinyatakan, kita kumpulkan daripada pegangan-pegangan yang lain tetapi kita lihat KWSP memegang 8.4 peratus, PNB memegang 4 peratus, KWAP memegang 1.57 peratus. Jadi, secara keseluruhan pegangan saham di bawah IHH ini masih terletak secara majoriti di bawah agensi-agensi yang ada di negara kita.

Seterusnya, di samping itu peranan GLIC dan GLC dalam menyumbang kepada agenda pembangunan nasional, termasuk agenda bumiputera akan terus kekal. Usaha kerajaan untuk meningkatkan peranan dan pegangan golongan bumiputera dalam ekonomi

tidak hanya terbatas kepada penguasaan ekuiti semata-mata. Pelaksanaan Program Agenda Pemerksaan Bumiputera (BEA) di GLIC dan GLC yang bermula pada tahun 2014 dan dijangka tamat pada tahun 2020, yang mana Khazanah merupakan urus setia program yang bertujuan untuk memastikan kepentingan bumiputera kekal dan terpelihara.

Kedua, penglibatan bumiputera dalam ekonomi dan pembangunan negara adalah lebih berdaya saing dan terus berkembang.

Pelaksanaan Program BEA oleh GLIC dan GLC sehingga kini telah menghasilkan impak dan manfaat yang positif kepada pelbagai pengumpulan pemegang kepentingan bumiputera. Terdiri daripada golongan usahawan, pekerja, pelajar dan kumpulan komuniti menerusi pelbagai inisiatif-inisiatif di dalam bidang-bidang yang tertentu. Dengan sokongan yang berterusan daripada GLIC dan GLC, kerajaan akan terus komited dalam memastikan pelaksanaan Program BEA diteruskan agar kepentingan bumiputera dalam pembangunan negara akan sentiasa dipelihara.

Seterusnya, saya juga mengambil maklum isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad pada 13 Disember 2018, yang ingin tahu berapakah statistik wanita yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, setakat 13 Disember 2018 jumlah peratusan golongan wanita yang menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat GLC, khususnya GLC-GLC terbesar milik Khazanah adalah 17 daripada 75 orang keseluruhannya ataupun kira-kira 23 peratus. Dengan peratusan ini jika dibandingkan dengan peratusan yang lepas, adalah peningkatan daripada 18 ke 23 peratus.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, juga pada 13 Disember 2018, ada?

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Telah meminta supaya GLC mencontohi syarikat multinasional dalam mewujudkan peluang kepada OKU menceburi alam pekerjaan, dan seterusnya golongan ini menyumbang kepada pembangunan negara.

Pihak kerajaan mengambil maklum dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat Senator yang meminta supaya GLC-GLC mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan OKU. Pihak kerajaan dan GLC semestinya prihatin dan mengambil berat atas kebijakan serta nasib golongan yang memerlukan perhatian, termasuk golongan OKU.

Dengan itu, GLC khususnya tidak mengamalkan sebarang diskriminasi di tempat kerja dan sentiasa ingin bekerjasama bagi memperbaiknya lagi proses bagi menyediakan

peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada golongan OKU. Dengan ini kita akan mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat supaya selain daripada perjumpaan yang dibuat bersama dengan agensi-agensi kerajaan, mungkin satu pertemuan dapat dibuat dengan GLC-GLC yang berada terutamanya di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Khazanah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen yang telah menyentuh mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya mengambil maklum mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun, tiada. Seterusnya, kita beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, ada. Pada 13 Disember 2018, berkaitan dengan pengagihan penajaan lepasan SPM, matrikulasi, diploma, STPM pada tahun lepas dan pada tahun 2019.

Yang Berhormat Senator juga ingin tahu apakah kriteria dan syarat baharu penajaan boleh memberi kesan kepada masyarakat golongan terutamanya M40 dan B40. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, JPA menawarkan penajaan di bawah latihan sebelum perkhidmatan dalam pelbagai bidang bagi memenuhi keperluan guna tenaga perkhidmatan awam dan negara dan ini tertakluk kepada syarat-syarat penajaan yang telah ditetapkan.

Dasar penajaan JPA bukan sahaja berdasarkan kepada merit dan kecemerlangan tetapi turut mengambil kira latar belakang sosial ekonomi pelajar. Sehubungan dengan itu, proses pemilihan pelajar adalah berdasarkan kepada satu keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang dicapai pada tahun 2016. Kriteria pemilihan adalah seperti berikut.

#### ■1450

Kategori pertama, penajaan berdasarkan kepada *scholastic ability* ataupun kecemerlangan mereka di sekolah, *socially disadvantage* yang mana sebanyak 30 peratus daripada jumlah biasiswa yang disediakan untuk kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan 80 peratus pada kecemerlangan akademik, 10 peratus pada kokurikulum dan juga prestasi temu duga, dan *student assessment center* pada 10 peratus.

Kategori kedua, penajaan ini adalah berdasarkan kepada komposisi kaum yang mana sebanyak 60 peratus daripada jumlah biasiswa yang disediakan diletakkan di bawah kategori ini. Di bawah kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kepada *weightage* yang berikut, dengan izin. Kecemerlangan akademik 70 peratus, kokurikulum 10 peratus, latar

belakang sosioekonomi keluarga 10 peratus serta prestasi temu duga dan SAC 10 peratus. Pembahagian biasiswa ini adalah mengikut peratusan komposisi rakyat di Malaysia.

Kategori ketiga, penajaan untuk kaum bumiputera Sabah dan Sarawak yang mana disediakan sebanyak 10 peratus daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan untuk kaum bumiputera Sabah dan Sarawak berdasarkan kepada agihan lima peratus di Sabah dan lima peratus di Sarawak. Pemilihan berdasarkan kepada kecemerlangan akademik 60 peratus, kurikulum lima peratus, latar belakang sosioekonomi keluarga 25 peratus serta prestasi temu duga dan SAC 10 peratus.

Ahli-ahli Yang Berhormat, JPA sentiasa menambah baik bentuk penajaan dan kriteria pemilihan pelajar khususnya untuk golongan B40 bagi memastikan mereka mendapat peluang menambah baik kualiti hidup yang terbaik.

Pada 13 Disember juga, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen pula ingin tahu adakah saiz perkhidmatan awam kini optimum atau tidak dan adakah kerajaan bersedia membuat penyelarasan semula jumlah penjawat awam selari dengan perkembangan sistem e-kerajaan yang lebih tahu dan lebih baik.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 30 Jun 2018 jumlah keseluruhan penjawat awam adalah sebanyak 1.59 juta orang yang merangkumi perkhidmatan awam Persekutuan, badan berkanun Persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Jumlah keseluruhan penjawat awam pada masa kini adalah selari dengan dasar yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu dengan nisbah satu setiap 20 penduduk. Kerajaan akan menyesuaikan semula jumlah penjawat awam berdasarkan kedudukan ekonomi negara dan perkembangan teknologi pada masa ini yang membolehkan beberapa perkhidmatan di capai secara *online*.

Sehubungan itu, kerajaan telah bersetuju untuk mengawal saiz perkhidmatan awam untuk meningkatkan kecekapan dan mengelakkan pembaziran sumber. Kawalan saiz perkhidmatan awam ini dilaksanakan melalui pelbagai kaedah antaranya ialah kajian pertindihan fungsi antara jabatan ataupun agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, *outsourcing* ataupun serah urus fungsi, penyampaian perkhidmatan alternatif, penswastaan, gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan. Melalui kaedah ini, kerajaan menyasarkan penurunan sebanyak satu peratus perjawatan daripada keseluruhan perjawatan sedia ada bagi tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA). Saya ingin meneruskan penggulungan dengan menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam. Tidak ada.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita beralih kepada *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT). Saya ingin beralih kepada isu yang dibangkitkan mengenai MIGHT oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Yang Berhormat Senator membangkitkan pada 12 Disember isu berkenaan dengan pembangunan kereta nasional ketiga yang dikatakan tidak menggunakan dana kerajaan. Namun begitu, berita telah memaklumkan yang mana kerajaan memperuntukkan dana yang besar untuk pembangunan kajian kereta nasional yang ketiga. Yang Berhormat Senator ingin tahu mengapa ada penggunaan dana kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek nasional ketiga ini merupakan satu *Public-Private Partnership Initiative* yang dilancarkan bagi memusatkan pembangunan industri di Malaysia. Dunia pada ketika ini menyaksikan perkembangan teknologi yang cukup pesat dan pantas selaras dengan Revolusi Industri Keempat. Begitu juga dengan kereta-kereta yang dihasilkan pada masa kini yang mana ia cukup sarat dengan teknologi baharu bagi memudahkan pemanduan dan menjadikan pemanduan yang lebih selamat.

Projek kereta nasional ketiga seperti mana yang telah dibentangkan sebelum ini merupakan satu projek yang mempunyai pendekatan yang berbeza dengan pengeluaran kereta nasional yang sedia ada seperti yang dikeluarkan oleh PROTON dan PERODUA kerana ia bakal menggabungkan beberapa buah syarikat teknologi dan pembekal tempatan bagi menghasilkan sebuah kenderaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengumumkan projek nasional ketiga berucap dalam bahasa Inggeris, dengan izin, “*The idea about investing in a national car is not just about building a national car, it's about becoming a catalyst for the growing Malaysian engineering capability.*” Ia adalah juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar dan bukan lagi sebagai sebuah negara pengguna dan ini akan dapat dicapai dan dimanifestasikan sejajar dengan Malaysia Baharu yang fokusnya kepada pembangunan sains dan teknologi.

Projek kereta nasional yang baharu ini akan menumpukan kepada kenderaan masa hadapan yang mana ia mempunyai prinsip pemanduan berautonomi, menggunakan enjin elektrik ataupun *hybrid*. Kereta nasional baharu ini juga berasaskan kepada teknologi revolusi keempat seperti pemanduan sendiri dan dijangka akan mula berada di pasaran dalam masa dua tahun lagi seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Projek kereta nasional ini adalah inisiatif daripada pihak swasta dan akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta. Bagi memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat, aktiviti penyelidikan dan pembangunan untuk projek kereta nasional baharu juga adalah amat penting untuk meningkatkan kualiti produk, memenuhi cita rasa pengguna,

memendekkan tempoh pembangunan kenderaan baharu dan juga untuk menjimatkan kos pembangunan. Hasil penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D secara tidak langsung dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara di samping memberi manfaat kepada industri, ahli akademik, kerajaan dan juga yang paling penting kepada masyarakat tempatan.

Selaras dengan hasrat ini, kerajaan akan memberikan peruntukan untuk R&D ataupun penyelidikan dan pembangunan bagi membolehkan satu ekosistem yang baik dapat diwujudkan bagi boleh merangsang vendor-vendor tempatan bersama dengan pihak-pihak swasta yang berminat untuk membangunkan projek kereta nasional ini, membangunkan satu prototaip kereta nasional baharu yang terbaik.

Untuk terus bersaing di peringkat global, kerajaan juga akan meneliti dari sudut dalam membawa industri automotif ke tahap seterusnya. Kereta nasional baharu sudah tentu akan berpaksikan pengalaman dan kepakaran yang telah terbina di dalam ekosistem automotif negara sehingga kini bersesuaian juga dengan trend pasaran di seluruh dunia. Ia akan membuka peluang transformasi ke arah kenderaan generasi baharu bermobiliti terhubung seiring dengan trend di masa hadapan. Ia juga secara tidak langsung dapat meningkatkan program pembangunan vendor tempatan dalam menyokong kereta nasional baharu.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon pencelahan...

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Boleh, boleh.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga hari itu ada membangkitkan tentang pembinaan kereta nasional ketiga ini.

#### ■1500

Adakah mengambil kira kebijakan dan juga pembangunan kereta nasional sedia ada macam PROTON? Oleh sebab kita tengok, kita dapat makluman macam contoh *subsidiary company* yang berkaitan dengan PROTON mendapat tempahan yang agak sedikit sekarang. OT pekerja-pekerja pun sangat kurang dan hampir tiada. So, bagaimana dengan keadaan mereka sekarang dengan mengambil kiralah pembangunan yang baharu ini?

Lagi satu, saya juga berpandangan mungkin pembinaan kereta yang baharu ini juga agak berisiko kerana kita menggunakan kaedah yang baharu. Akan tetapi dalam masa yang sama, apabila kita melihat kepada contohnya macam *company* daripada Korea dan sebagainya, mereka banyak menggunakan kaedah imitasi dan inovasi untuk

mengurangkan risiko. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan isu ini? Sekian, terima kasih.

**Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat atas soalan tersebut. Tadi sebenarnya daripada jawapan berkenaan dengan projek nasional ketiga ini, jawapan tersebut disasarkan menjurus kepada satu perkara iaitu berbincang fasal peruntukan sama ada kerajaan menyediakan peruntukan atau tidak. Ada beberapa perkara lagi yang telah kita bangkitkan di dalam Dewan sebelum ini.

Pertama, berdasarkan kepada kita ingin mewujudkan satu *environment* yang mana vendor-vendor tempatan ini boleh dikumpulkan dan mereka sama-sama berbincang. Apa yang kita katakan sebelum ini yang pertama sekali MIGHT diberi mandat selepas mesyuarat pembangunan ekonomi yang terbaru bahawa ia menjadi satu platform yang mana boleh menjadi pemandu sama ada kereta nasional ketiga ini boleh dilaksanakan atau tidak. Ini sebenarnya bergantung kepada pengkajian nasional atau *multi policy*.

Seperti mana yang telah saya sebutkan sebelum ini bahawa pengkajian ini masih berjalan dan kita ambil maklum. Apabila kita ingin menghasilkan- *you know, it's all very good and grand*, dikatakan bahawa kereta nasional ini satu kereta yang futuristik, yang *connected*- terhubung yang katakan ada konsep *autonomous and everything*. Akan tetapi kita perlu lihat bagaimana perkembangan teknologi ini di tempat-tempat yang lain. Seperti masalah yang telah dihadapi oleh kereta-kereta yang *autonomous car* sebelum ini di Amerika Syarikat dan sebagainya. Kesesuaian untuk kita bawa teknologi ini ke dalam negara kita, itu satu.

Kedua, saya ambil maklum apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan bagaimana dalam kita cuba untuk mewujudkan kepesatan persaingan yang seimbang di dalam pasaran automatif, baik dalam pasaran tempatan ataupun di luar negara. Permintaan pada kereta yang ada pada masa ini pun mungkin tidak mencukupi.

Apa yang kita ingin buat adalah dalam kita menghasilkan satu kereta yang terlebih baik, kita berharap ia akan dapat dipasarkan lebih meluas bukan sahaja dalam pasaran tempatan, menjangkau seluruh negara-negara di Asia dan seterusnya.

Jadi ini berbalik kepada tadi masih lagi dalam kajian yang mana nasional atau *multi policy* itu dikaji semula. Kita lihat kesesuaian dan idea ini memang dibawa berdasarkan kepada unsur yang saya katakan tadi, bahawa kita ingin men-catalyst-kan pembangunan industri di Malaysia. Kita hendak jadikan negara ini ialah negara pengeluar bukan sahaja sebagai pengguna. *All very well*, kita boleh menjadi pengguna *the latest of technology*, dengan izin, kereta yang hebat *you know* daripada Eropah, Jepun dan sebagainya. Akan tetapi sampai bila? Akan tetapi kita akan lihat keperluannya.

Jadi itu sahaja yang dapat saya huraikan dahulu untuk projek ini. Apa yang- berbalik kepada soalan awal tadi, kita menyediakan *environment*. Dalam menyediakan *environment* untuk memberikan ruang kepada vendor-vendor tempatan dan syarikat-syarikat yang berminat untuk melaksanakan projek kereta nasional ini, peruntukan R&D itu adalah satu peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk melihat bagaimana mereka boleh membangunkan kereta nasional tersebut. Tidak ada amaun yang telah ditetapkan tetapi bergantung kepada permohonan. *It's actually in a form of grant*, ia bergantung kepada permohonan bagaimana mereka ingin mempergunakan atau memohon peruntukan tersebut sebagai *part of the R&D program* untuk kereta nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Boleh saya mencelah? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya melihat pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan kawalan perkhidmatan awam dan pertindihan fungsi. Saya melibat bahawa ini satu tindakan yang baik kepada kerajaan hari ini. Apa yang saya berkongsi di sini ialah pertindihan pra sekolah dan tadika. Di kebanyakan kampung, termasuk juga kampung Orang Asli, pra sekolah berasaskan kepada sekolah KPM yang sedia ada.

Namun di sekolah yang sama, wujud pra sekolah dan juga tadika murid yang sama. Kadang-kadang muridnya ada 40 orang bahagi di tadika, separuh bahagi di KPM separuh. Jika perkara ini dapat dilihat bahawa perlunya pemindahan aset dan kepakaran tenaga guru ke kampung-kampung yang tidak ada tadika.

Soalan saya, adakah pihak kementerian mewujudkan satu *task force* bersama dengan ICU, KPM dan juga KEMAS? Sekian, terima kasih.

**Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Saya ambil maklum isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Ini kita akan bawa dan bincangkan fasal melibatkan beberapa jabatan. Kalau macam di kampung-kampung kita tahu bahawa tadika-tadika ini diselia oleh KEMAS. Mungkin di bawah KPLB dan juga Kementerian Pendidikan terlibat dalam perkara ini. Akan tetapi perkara ini kita akan bawa bersama dengan JPA dan sebagainya untuk memastikan bahawa mungkin kita dapat tambah baik lagi *the delivery*, dengan izin, servis untuk tadika-tadika dan taska-taska ini. Sekian.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon mencelah? Tadi saya tertarik berkenaan dengan kereta, projek kereta nasional ketiga. Tadi Yang Berhormat Menteri ada memaklumkan bahawa projek kereta ketiga ini berteraskan kepada teknologi terkini, futuristik. Tujuan utamanya adalah untuk menjadikan negara sebagai *catalyst* dalam industri automatif, yang saya kira satu dasar yang sangat baik dan jauh ke hadapan.

Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyentuh tentang bagaimana menyediakan satu pasaran ataupun satu situasi yang melibatkan untuk meningkatkan ataupun melibatkan banyak usahawan *local*.

Soalan saya kepada Yang Berhormat, adakah kerajaan menetapkan satu sasaran untuk melahirkan usahawan-usahawan dalam industri kereta nasional ketiga ini? Oleh sebab kalau kita tengok sekarang ini dalam PROTON ia memang ada satu sasaran-contohnya macam vendor program. Akan tetapi tadi Yang Berhormat Menteri hanya menyebut tentang R&D. Oleh sebab kita tahu sekarang ini memang dalam peringkat R&D sebab ia futuristik. Akan tetapi pastinya dalam jangka masa panjang, perlu ditetapkan satu sasaran.

Sejauh manakah industri ini dapat dinikmati ataupun dapat melahirkan lebih banyak usahawan yang bukan sahaja untuk kerajaan mewujudkan satu kereta nasional tetapi terdapat limpahan hiliran daripada projek ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat. Apa yang boleh dikongsi di sini ialah tidak ada benda yang sebenarnya *based* daripada berdasarkan kepada *website* sebenarnya yang dalam projek kereta nasional ketiga ini. Kita tahu masih lagi dalam perbincangan tetapi apa yang kita lihat daripada *new national car project* ini, *potential impact* dalam 10 tahun kita menyasarkan, kita dapat melahirkan lebih daripada 100 *new* usahawan yang baru lebih daripada 500 *suppliers* ataupun vendor yang baharu. Semua ini ada dalam *website* sebenarnya.

Akan tetapi seperti yang dikatakan tadi, kita perlu betul-betul melihat bagaimana satu projek yang membangunkan satu kereta yang futuristik, ini dapat dibangunkan, dibina dan dipasarkan dengan cara yang terbaik. Ini supaya segala matlamat, segala sasaran yang mana kita balik kepada matlamat asas itu tadi untuk memangkinkan dan membangkitkan lagi kepesatan pembangunan automatif industri di dalam negara. Di dalam konteks persaingan yang sihat bersama-sama dengan kumpulan-kumpulan kereta nasional yang ada sekarang ini daripada PROTON, PERODUA dan sebagainya, bagaimana ini dapat dicapai. Jadi ia punya *stage* masih lagi dalam *stage R&D*. Kita masih lagi melihat bagaimana kesesuaian berdasarkan kepada nasional atau *multiple policy*.

#### ■1510

Kita juga menyediakan- *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT) dilantik hanya sebagai untuk menyediakan satu platform membolehkan vendor-vendor yang sedia ada dan pihak-pihak yang berminat berkumpul sama untuk memperlihatkan bagaimana kesesuaian Projek Kereta Nasional ini sebenarnya dapat dijalankan dengan terbaik ataupun tidak. Boleh ya Yang Berhormat Senator?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup ingin saya rakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan input sepanjang perbahasan Belanjawan 2019 ini.

Dalam usaha kita...

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya sedikit sahaja pada kereta nasional ini sebab Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya mengenai masalah di negeri Johor ini. Tidak apa. Itu kita balik, kita boleh bincang. Ini berkenaan dengan kereta nasional ini, adakah kereta yang akan kita buat ini kereta elektrik? Itu soalan pertama.

Soalan kedua, adakah ia adalah satu kerjasama dengan Syarikat Dyson? Setahu saya, kerajaan Singapura pada baru-baru ini, dua hari lepas, saya mendapat *information*. Kerajaan Singapura telah memberikan sebidang tanah kepada Syarikat Dyson untuk membina kilang elektrik di Singapura. Jadi, adakah Malaysia juga akan menawarkan tanah yang sama kepada Dyson ataupun kepada Tesla Motors? Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Buat masa ini, Yang Berhormat Senator, saya dimaklumkan bahawa pihak MIGHT bersama dengan kementerian-kementerian yang berkaitan telah menerima lebih daripada 20 buah *proposal*. Banyak *proposal* mengenai konsep kereta yang ingin dibangunkan dan daripada pihak-pihak yang berminat untuk memberikan kerjasama bagi membangunkan Projek Kereta Nasional yang ketiga ini. Tidak ada satu spesifik *group* yang diberikan maklumat kepada kita.

Mereka masih lagi dalam proses perbincangan dan mengumpulkan vendor-vendor dan juga syarikat-syarikat sama ada daripada dalam ataupun luar negeri yang berminat untuk sama-sama membangunkan. Tidak ada maklumat daripada pihak saya bagaimana sama ada Dyson ataupun Tesla berada di dalam kumpulan tersebut. Jadi, benda ini akan saya bincangkan semula dengan pihak MIGHT dan jika ada maklumat yang berkaitan tambahan, saya akan sampaikan sama ada secara peribadi ataupun secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

Sebagai...

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua, mahu mencelah sikit?

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Silakan.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Berkaitan dengan SPA dan JPA. Terdapat juga cadangan daripada kerajaan terdahulu berkaitan dengan pengambilan ataupun meningkatkan tujuh peratus penyertaan kaum India dalam sektor perkhidmatan awam. Adakah apa-apa cadangan yang berkaitan dengan penyertaan kaum India dalam sektor perkhidmatan awam? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua, benda ini tidak dibangkitkan tetapi saya akan cuba jawab secara menyeluruh. Apa yang ingin kita tekankan berkenaan dengan pengambilan penjawatan-penjawatan dalam perkhidmatan awam ini semestinya berdasarkan kepada merit, keupayaan dan juga prestasi masing-masing di dalam proses *interview*, pemilihan dan sebagainya.

Ini terbuka kepada semua penduduk Malaysia tidak mengira daripada komposisi kaum dan sebagainya. Kita ambil maklum. Jika kita ingin tingkatkan penglibatan terutamanya sebagai contoh, kaum India di dalam perkhidmatan awam, kita ingin menyediakan sebenarnya *pool of candidate* yang bersesuaian. Ada sebenarnya tadi satu isu yang dibangkitkan berkenaan dengan pengambilan, tetapi Yang Berhormat Senator yang bertanya tidak ada semasa saya menjawab tadi.

Akan tetapi, apa yang kita lihat, apabila dari segi proses pengambilan dan sebagainya, jumlah yang kita ambil itu semestinya tidak berasaskan kepada sebarang kuota, kaum dan sebagainya. Ia adalah berasaskan kepada sesiapa sahaja yang layak meminta ataupun memohon untuk mengisi jawatan tersebut di dalam perkhidmatan awam. Kejayaan mereka adalah berdasarkan kepada prestasi, berdasarkan kepada kelayakan dan tidak menyasarkan kepada mana-mana kuota kaum dan sebagainya.

Jadi, saya harap begini- berbalik kepada inti pati hujah Yang Berhormat Senator katakan tadi, apa yang kita perlu buat sebenarnya adalah untuk memastikan bahawa *candidates* yang perlu kita isi daripada mana-mana kaum itu perlu kita lihat bagaimana cara untuk menambahkan mereka. Komposisi yang meminta pada masa ini, mungkin majoritinya daripada satu kaum yang lain. Jadi, kita akan perlu perbaiki proses tersebut. Apa yang penting di dalam perkhidmatan awam, pengambilannya adalah berdasarkan kepada merit dan keupayaan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua? Menurut Tuan Yang di-Pertua- Yang Berhormat Menteri, saya mohon mencelah. Oleh sebab, saya sangat tertarik dengan kereta nasional ketiga ini sebenarnya. Oleh sebab, ya, kita PROTON pun tidak lepas, kita ke arah *national car* ketiga ini.

Cuma, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, apabila katalah negara kita menjurus kepada kereta yang futuristik ataupun lebih kepada yang berfokus kepada *autonomous car*- tadi, Yang Berhormat Menteri sebut, salah satu cirinya *autonomous car* kemudian *driveless car*, tidak ada *driver*.

Soalan saya, bagaimanakah kerajaan melihat kepada sumber tenaga kepada kereta itu? Kalau kita tengok Jepun, sebagai contoh, sebuah negara yang memang *easily do of the* industri kereta automotif, dalam industri automotif. Akan tetapi, mereka sehingga sekarang tidak juga menghasilkan, menjual ataupun mempromosikan kereta-kereta yang

futuristik ini. Sama juga dengan *British*. Banyak kereta-kereta negara yang dalam industri automotif tetapi mereka tidak memasarkan ataupun tidak menjadikan ia satu kereta yang boleh dipasarkan kerana saya kira kerana sumber.

Sebab, sebagai contoh di negara kita, kereta teksi. Kita *introduce-kan* kepada NGV maknanya gas NGV sebagai sumber tenaga kereta. Akan tetapi, tidak juga dapat dilaksanakan secara sepenuhnya kerana isu pertamanya adalah sumber NGV itu tidak ada, tidak cukup untuk teksi-teksi pakai. Kalau adapun ada sesetengah stesen minyak yang beraturnya panjang, harganya mahal.

Semakin- saya mahu bertanya, kalau katalah kereta ini dibuat, katalah nasional car ini futuristik, adakah kerajaan memikirkan tentang sumber untuk menggerakkan kereta ini nanti? Sebab, katalah *electrical* pun kalau dekat Jepun pun yang saya tahu dia tidak boleh memasarkan kereta *electric* dia sebab mereka tidak bersedia dengan sumber tenaga kereta itu. Maknanya, dia tidak ada elektrik *they have to come out with the electrical plant for example, which is*, dengan izin, sumber yang banyak, duit yang banyak.

Kalau katalah- sedangkan Jepun dari negara luar masih lagi tidak mampu, adakah kerajaan memikirkan tentang perkara itu? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Sebenarnya ada disebutkan tadi yang mana bila kereta ini dibincangkan, terutamanya apabila kita cakap mengenai futuristik dan sebagainya dan *we know always come to mind something fully electric* yang *environmentally friendly, zero carbon footprint, so to speak*, dengan izin.

Akan tetapi, apabila kita melihat landskap keadaan negara kita dan juga keadaan fasiliti yang ada di negara kita, benda ini mungkin tidak berapa sesuai. Telah dimaklumkan bahawa apa yang ingin disasarkan adalah satu kereta yang berdasarkan kepada *hybrid technology*. Masih menggunakan bahan api yang seperti ada pada masa ini dan juga bercampur dengan bateri. Jadi itu sebenarnya yang ingin disasarkan. Akan tetapi, kita masih lagi dalam proses untuk mengambil semua cadangan-cadangan yang diberikan dan melihat kesesuaian ini secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk membentuk wacana nasional dan mengejar agenda negara kita harus memastikan bahawa tiada golongan yang tertinggal. Kita harus terus menjangkaui kelompok yang banyak terkesan oleh cabaran ekonomi semasa dan terpinggir dari arus pembangunan perdana. Ia harus dilakukan tanpa mengira latar belakang agama, kaum maupun politik.

Sebelum saya menamatkan perbahasan pada hari ini, izinkan saya memetik ucapan Bapa Kemerdekaan kita Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Shah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "We

*are all Malaysians. This is the bond that unites us. Let us always remember that unity is our fundamental strength as a people and as a nation”.*

Dengan itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik, JPM Bahagian Perpaduan. Terima kasih telah menjawab, menggulung ucapan yang panjang lebar dan tepat. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih banyak.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Puan Hajah Fuziah binti Salleh. Dipersilakan Yang Berhormat.

■1520

3.20 ptg.

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat petang dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah melontarkan soalan dan cadangan yang berkaitan dengan Pengurusan Hal Ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri sewaktu perbahasan Belanjawan 2019. Secara umum atau secara khusus, saya menghargai segala pandangan dan cadangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat melibatkan empat agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri- Hal Ehwal Islam iaitu JAWHAR, JKSM, JAKIM dan Tabung Haji. Sesungguhnya, kami di Jabatan Perdana Menteri berkongsi hasrat yang sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengangkat martabat Islam, selaras dengan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, di mana Yang Berhormat Senator membangkitkan berkenaan dengan pewujudan universiti wakaf negara yang tergolong daripada dua agensi di bawah MAIWP. Yang Berhormat Senator ingin tahu apakah mekanisme yang akan dijalankan dan langkah yang akan diambil bagi mewujudkan universiti wakaf yang mampan dengan mengambil kira apa yang saya perkatakan sebelum ini berkaitan dengan universiti wakaf ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan pewujudan universiti wakaf di bawah MAIWP ini sedang diperhalusi pada ketika ini. Ia bermula dengan cadangan Universiti MAIWP, kerana MAIWP telah pun membeli tanah pada tahun 2006. Sebanyak 12.66 hektar di Mukim Batu, di Kepong dan pada tahun 2014, idea universiti

MAIWP ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kerajaan yang baharu ini mengangkat idea universiti MAIWP itu kepada universiti wakaf. Jadi itu daripada segi ia punya urutan kronologinya.

Sebenarnya di dalam kolej-kolej MAIWP- kita ada dua buah kolej sekarang ini. Kita ada Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur dan kita juga ada Kolej Universiti Antarabangsa (PICOMS). Ia dua buah institusi pengajian tinggi di bawah MAIWP.

Kedua-dua buah institusi ini- PICOMS dan KPBKL ini sudah pun berusia lebih daripada 15 tahun dan masing-masing sudah pun mendapat penarafan MQA. Kedua-dua buah kolej ini. Jadi, di situlah idea universiti-universiti MAIWP itu mula-mula timbul dan sekarang ini apabila kita angkat untuk menjadi universiti wakaf, tentu sekali kita mesti melihat kepada bagaimana kita hendak menjadikannya satu kejayaan.

Kalau kita tengok kepada instrumen-instrumen wakaf yang telah pun dikaji oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah, Yayasan Wakaf Malaysia, kita dapati bahawa ada lima elemen wakaf yang dicadangkan, yang boleh kita *incorporate*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Pertama ialah Wakaf Irsyad ataupun wakaf yang melibatkan sumbangan daripada kerajaan.

Kedua ialah Wakaf Tunai ataupun *crowdfunding*, yang melibatkan sumbangan daripada orang ramai.

Ketiga ialah Wakaf Bangunan yang boleh disumbangkan oleh CSR. Maksudnya *company* atau syarikat CSR ini boleh buat satu bangunan, satu fakulti contohnya dan syarikat lain boleh buat fakulti lain.

Keempat ialah berkenaan dengan Wakaf Kepakaran di mana kita boleh melibatkan profesor-profesor yang sudah bersara dan untuk memberi sumbangan mereka- ambil *minimum wages* contohnya, tidak ambil gaji mereka yang sepenuhnya sebagai sebahagian daripada wakaf kepakaran mereka. Semua konsep ini boleh kita gabungkan di dalam membangunkan universiti wakaf MAIWP ini.

Sekarang ini oleh kerana kita sudah ada tanah, kita sudah ada dua buah kolej yang boleh automatik menjadi fakulti yang sudah pun ada MQA. Maka, yang seterusnya ialah untuk mencari dana untuk membina.

Oleh kerana MAIWP ada dana daripada zakat, MAIWP boleh memulakan pembinaan secepat mungkin dan kemudian boleh apa yang kita namakan *replacement value*. Maksudnya kita boleh buat *crowdfunding* dan kemudian *replacement value*- mungkin pada tahun kesepuluh untuk membeli *per square feet* daripada bangunan-bangunan yang telah dibina oleh MAIWP tadi melalui dana zakat.

Jadi ini kita mahu berganjak daripada dana sumbangan daripada kerajaan. Ini kerana sekarang ini, pelajar-pelajar di dua-dua buah kolej ini, sekiranya mereka merupakan asnaf yang mengikut kiraan had kifayah itu layak menerima bantuan, mereka akan menerima bantuan. Di PICOMS, setiap pelajar menerima RM300 sebulan daripada Zakat Fisabilillah. Maksudnya elemen-elemen wakaf itu sudah ada di dalam perjalanan dua-dua institusi di bawah MAIWP. Jadi kita angkat ke tahap yang lebih tinggi. Saya yakin *insya-Allah* dalam masa terdekat, kita boleh melaksanakannya.

Jadi JAWHAR akan menjadi agensi dan jabatan yang akan melihat kepada dasar dan polisi dan MAIWP akan menjadi pelaksana oleh sebab mereka ada kekuatan dana dan mereka sudah ada kolej-kolej swasta. Dua buah kolej swasta di bawah mereka. Di bawah MAIWP juga telah ditubuhkan satu Jawatankuasa Wakaf untuk melihat kepada pen-detail-an bagaimana hendak melaksanakan universiti ini. Dalam masa yang sama, kita sedang engage dengan pakar-pakar dalam bidang wakaf ini untuk melihat apa lagi elemen-elemen dan instrumen-instrumen yang boleh kita guna pakai di dalam kita menjayakan konsep universiti wakaf ini. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** *[Bangun]*

**Puan Fuziah binti Salleh:** Hendak? Sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Apabila bercerita tentang wakaf IPT, ada beberapa isu yang kita boleh kaitkan dengan perkara ini.

Pertamanya, sifat berdikari IPT itu sendiri. Ini disebabkan kalau kita tengok ahli-ahli akademik ini mereka tidak biasa- maksudnya tidak didedahkan dengan sifat-sifat keusahawanan untuk mengaktifkan wakaf di peringkat IPT. Ini juga isu yang dihadapi oleh wakaf IPT sebelum ini yang ada. Jadi oleh sebab itu saya tanya, apakah mekanisme yang akan digunakan untuk memastikan kemandirian IPT itu? Supaya mereka ini tidak selama-lamanya bergantung kepada MAIWP seperti yang ada sekarang. Oleh sebab lama-kelamaan ia akan menjadi beban.

Kedua, bila bercerita isu kutipan, ia berkait juga dengan keinginan rakyat untuk menyumbang dan apabila bercerita isu wakaf ini- isu LHDN, iaitu pengecualian LHDN dibangkitkan oleh pihak-pihak yang ingin menyumbang. Jadi sejauh mana setakat ini usaha JAWHAR- oleh sebab sebelum ini saya tahu, kalau dalam kerajaan dahulu sudah ada usahalah di peringkat JAWHAR sendiri untuk pengecualian LHDN. Jadi untuk menjayakan perkara ini, bagaimana perkembangan perkara terbaru?

Ketiga, saya juga ada bangkitkan, adakah pembinaan universiti wakaf ini mengambil kira kewujudan sedia ada wakaf IPT iaitu UIM yang memang kita sudah ada di Malaysia ini? Sekian, terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jawab dahulu berkenaan dengan Universiti Islam Malaysia. Universiti Islam Malaysia ini asalnya ialah kita tahu bahawa ia adalah Kolej Islam Malaya yang dibangunkan atas tanah wakaf Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Al-Marhum Sultan Hishamuddin dan Majlis Raja-Raja perkenan untuk menaikkan taraf Kolej Islam Malaysia ini sebagai UIM.

UIM yang kini berada di tapak baharu menerima dana wakaf daripada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi sewaan Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) atas tapak tersebut. Dana wakaf tersebut digunakan bagi tujuan operasi dan sebahagiannya dimasukkan dalam Tabung Khairah Ummah yang diwujudkan oleh UIM bagi tujuan menampung kos yuran pengajian pelajar yang memerlukan. Ini contoh satu elemen wakaf yang menggunakan *injection* dana daripada kementerian.

Oleh sebab itu, universiti wakaf MAIWP ini akan cuba cari jalan yang tidak melibatkan sumbangan dana daripada kerajaan. Oleh sebab itu kita bercakap tentang *crowdfunding* Wakaf Tunai dan *replacement value*. MAIWP bina dahulu, kemudian *replacement value at ten years*. Ini instrumen yang telah dikaji oleh Jawatankuasa Syariah daripada Yayasan Waqaf Malaysia.

#### ■1530

Berkenaan dengan *tax exemption* tadi, di bawah JAWHAR, kita juga ada Yayasan Waqaf Malaysia. Yayasan Waqaf Malaysia ini memang ditubuhkan untuk mengutip dana. Jadi di situ secara langsung kita telah menyiapkan juga satu platform untuk mengutip *crowdfunding*.

Sekarang ini, Yayasan Waqaf Malaysia pun memang sudah buat kutipan-kutipan khusus untuk dana kesihatan, wakaf kesihatan dan sebagainya. Jadi, nanti akan ada satu platform khusus untuk- kalau kita hendak wujudkan universiti ini, dia ada khusus untuk universiti wakaf ini pula. *Insya-Allah*, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Kedua, berkenaan soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh, ada? Tidak ada. Jadi, saya pergi ke soalan seterusnya kepada soalan daripada Senator Datuk Razali bin Idris, di mana beliau ingin mengetahui langkah proaktif kerajaan supaya dapat menjinakkan generasi muda ke masjid-masjid.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengiktiraf kepentingan generasi muda kepada pembentukan kepimpinan masa hadapan. Dalam masa yang sama tidak dinafikan, masjid merupakan institusi penting yang boleh memainkan peranan dalam pembentukan akidah yang kukuh, jiwa yang mampan, akhlak yang murni berteraskan nilai-nilai Islam yang sebenar. Bagi menggalakkan kehadiran dan penglibatan generasi muda ke masjid, kerajaan sedang merangka dasar yang boleh diperkenalkan untuk pelaksanaan di negeri-negeri. Antaranya mewujudkan program menjadikan masjid sebagai pusat kesejahteraan

ummah yang menyediakan program untuk pelbagai lapisan masyarakat terutama kepada golongan muda. Ini termasuklah menyediakan infrastruktur dan fasiliti yang memenuhi ekspektasi generasi muda seperti gelanggang sukan, kemudahan WiFi, gimnasium dan sebagainya.

Kedua, melibatkan golongan generasi muda dalam pengurusan masjid melalui lantikan ahli jawatankuasa, imam dan bilal. Sekarang ini sudah pun dilaksanakan di Wilayah Persekutuan, di mana masjid-masjid di Wilayah Persekutuan sudah pun melantik Ahli Jawatankuasa Masjid daripada kalangan orang muda.

Akan tetapi apabila kita hendak dapat *buy-in*, dengan izin, daripada negeri-negeri, itulah cabaran bagi kita dan itulah peranan kita juga untuk memastikan bahawa setiap negeri juga melaksanakan dasar-dasar sekiranya ada. Ini sebab seperti yang kita faham, bahawa pelaksanaan memperkasakan pengurusan masjid ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Kita juga akan menggalakkan golongan muda sebagai sukarelawan masjid yang akan berkhidmat secara sukarela di masjid-masjid. Ini juga telah dilakukan di Wilayah Persekutuan. Jikalau di Wilayah Persekutuan itu kita boleh cakap sebab *direct* di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kita juga memperbanyakkan program-program yang menyasarkan golongan muda sebagai peserta. Jadi, itulah antara yang kita lakukan untuk memperkasakan supaya menjinakkan generasi muda ke masjid-masjid...

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta pencerahan sedikit.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Sila.

**Datuk Razali bin Idris:** Berkenaan dengan institusi masjid, ada sebahagian masjid dikawal selia oleh Kerajaan Pusat, sebagai contoh di Wilayah Persekutuan dan di negeri-negeri dikawal selia oleh kerajaan negeri macam itu Yang Berhormat Menteri.

Jadi soalan saya, untuk mencari pelapis sebagai contoh imam, bilal, pembaca khutbah dan sebagainya, saya lihat pada hari ini, ada sebahagian jawatan tersebut tidak diminati oleh generasi muda. Ini kerana bayaran berbentuk elaun, apakah pihak Kerajaan Pusat mungkin berbincang dengan kerajaan negeri supaya peruntukan satu jawatan khusus kepada imam ataupun bilal yang baharu untuk diambil.

Maksudnya kita ambil imam dan bilal baharu, tetapi janganlah buang bilal lama dan imam lama. Ini kerana imam lama dan bilal yang lama ini, dia sudah bertugas ber puluh tahun. Daripada tidak ada elaun sehingga orang dapat elaun RM500 ataupun RM1,000, tetapi kita biar dia macam itu sahaja. Ini cadangan sayalah. Akan tetapi soalan saya tadi supaya kita wujudkan satu jawatan khusus kepada- mungkin iman dan bilal ini datang

daripada pemegang ijazah ataupun diploma dari pendidikan Islam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya betullah apa yang dikatakan tadi, memang imam-imam ini mendapat elaun tetapi mungkin, dengan izin, *old school* sedikit. Mungkin tidak memahami cita rasa anak muda. Cadangan itu akan kita lihat dan kita teliti dan sekiranya perlu, kita akan mencadangkan kepada pihak Jabatan Agama Islam Negeri.

Akan tetapi ada juga negeri-negeri yang sudah pun mengenalkan konsep imam muda di masjid-masjid mereka. Jadi, imam muda ini memang boleh melaksanakan tugas untuk menarik anak-anak muda ke masjid-masjid. Jadi, saya ingin memaklumkan bahawa elaun yang diterima oleh imam adalah sebanyak RM850 sebulan yang dibayar oleh JAKIM. Akan tetapi kalau hendak wujud yang kedua itu, mungkin kena berunding dengan negeri, bagaimana kita hendak- daripada segi peruntukan bajetnya ya. Jadi, itu sahaja Yang Berhormat Senator.

Saya teruskan kepada...

**Datuk Razali bin Idris:** Sedikit lagi. Cuba lihat RM800 elaun, RM750 kategori orang miskin, jadi RM800. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak kerajaan perlu mengambil perhatian yang serius supaya institusi masjid dapat dijinakkan kepada golongan muda. Orang muda ini dia hendak orang muda juga yang mengetuai institusi masjid, tetapi tidak akanlah RM800 Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya yalah kalau kita bayar RM850 kepada jawatan yang tidak sepenuh masa iaitu dikira elaun. Ini pun JAKIM menerima kritikan yang kuat kerana bajet JAKIM merupakan bajet yang terbesar. Ini sebab kita *incorporate* elaun untuk guru-guru KAFA dan kita *incorporate* elaun untuk imam di dalam bajet JAKIM. Bajet JAKIM RM820 juta itu paling besar, lebih daripada separuh ialah untuk membayar elaun-elaun guru-guru KAFA dan untuk bayar imam. Jadi, kita terima pandangan tersebut.

Namun, kita juga- kalau kita tengok, dia di bawah kerajaan negeri, urus tadbir di bawah kerajaan negeri. Akan tetapi JAKIM bayar elaun, jadi perlu runding sama dengan kerajaan negeri, mungkin *top up* sedikit. Seperti apa yang berlaku dengan guru-guru KAFA sebelum ini, seperti di Selangor apabila elaun guru KAFA itu RM900, Negeri Selangor bagi tambahan RM500. Wilayah juga beri tambahan sebanyak RM500, ia untuk menambah kepada jumlah yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi di masa yang sama, kita akui bahawa ia satu jumlah yang sedikit tetapi ia *part time*, bukan *full time*. Maksudnya imam boleh ada kerja lain yang dibuat.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Yang Berhormat Menteri, saya mungkin agak setuju kalau Yang Berhormat Menteri sebut ia tidak sepenuh masa. Akan tetapi kalau boleh janganlah guna alasan ia *part time*, seolah-olah merendahkan imam-imam kita ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, imam kita ketika orang sudah pergi menoreh, dia masih di masjid untuk imamkan Subuh. Ketika orang makan tengah hari di warung, dia sudah ada di masjid, petang dan malam. Jadi kalau boleh, jangan gunakan alasan *part time* ini. Saya minta, terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita terima pandangan ini. Memang kalau tidak boleh kita gunakan perkataan *part time*, mungkin kita tidak gunakan perkataan *part time*. Cuma yang saya mahu kita *acknowledge* sama-sama ialah bahawa kita jangan meletakkan *full responsibility* kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Persekutuan sudah bagi *certain amount*, apa salahnya kalau pihak negeri pula mencari jalan bagaimana untuk menambah. Ini kerana *as it is* saya kata bajet JAKIM paling besar, sudah amat besar dan menerima kritikan yang hebat. Namun saya akui bahawa ia boleh diperbaiki, ia boleh ditambah.

#### ■1540

Kita kena mencari jalan bagaimana kita boleh menambah baik, bagaimana kita boleh mengiktiraf mereka dan memberi imbuhan yang sewajarnya. Terima kasih.

Saya seterusnya pergi kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid yang mencadangkan JAKIM memperkasakan penggerak-penggerak yang bertugas di perkampungan Orang Asli kerana terdapat rungutan mengenai penyampaian ilmu oleh penggerak-penggerak. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa.

Berkaitan dengan pemerkasaan penggerak-penggerak yang bertugas di perkampungan Orang Asli. Kerajaan melalui JAKIM sentiasa mengatur dan melaksanakan khusus-khusus bagi mempertingkat dan memperkasa kemahiran penggerak masyarakat Orang Asli dalam penyampaian dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Antara kursus yang diatur adalah seperti kursus jati diri, penggerak masyarakat Orang Asli yang bertujuan untuk dakwah Orang Asli secara berkesan, kursus kemahiran *interpersonal*, kursus tahsin, solat dan serta beberapa kursus lain bagi melahirkan penggerak masyarakat Orang Asli yang bersedia menghadapi sebarang situasi, khususnya di perkampungan Orang Asli.

Kerajaan telah memperkenalkan jawatan kontrak penggerak masyarakat Orang Asli pada gred S19 semenjak tahun 1963. Di mana seorang petugas di tempatkan di kampung Orang Asli bagi membantu dan membimbing penganut agama Islam dalam kalangan Orang Asli memahami dan mengamalkan ajaran Islam, terutama dalam bimbingan solat. Pada masa ini terdapat 236 orang pembimbing masyarakat Orang Asli di tempatkan di pedalaman di 9 buah negeri iaitu Perak, Kedah, Pahang, Kelantan, Terengganu, Negeri

Sembilan, Selangor, Melaka dan Johor. Mereka ini merupakan insan-insan hebat yang sanggup bertugas jauh di pedalaman, meninggalkan keluarga dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan logistik yang sangat terhad.

Untuk memastikan usaha ini berjaya, penggerak masyarakat Orang Asli perlu memiliki kemampuan ilmu ketahanan mental, fizikal dan kerohanian yang kuat, di samping mempunyai pengetahuan tentang bagaimana membentuk dan mempelbagaikan *method* serta pendekatan dakwah.

Usaha penggerak masyarakat Orang Asli ini telah berjaya membimbang seramai 43 ribu Orang Asli dan 20 buah surau di perkampungan Orang Asli yang mendirikan solat Jumaat. Malah, terdapat juga dalam kalangan Orang Asli Islam yang turut menyumbang bakti menjadi penggerak masyarakat Orang Asli iaitu seramai 18 orang.

Berdasarkan cabaran hebat yang dihadapi oleh mereka, kerajaan menyambut baik cadangan mewujudkan elauan khas. Kalau ada cadangan elauan khas ini, akan mengkaji perkara ini dengan lebih teliti sebab ia ada elauan mengalami kesusahan. Mungkin kita akan tengok kepada perkara ini. Namun, kita dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator. Mungkin itu masalah *interpersonal* di dalam mendekati Orang-orang Asli ini sebab perlu kita fahami macam mana hendak dekati mereka dan menangi hati mereka. Terima kasih.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri ataupun JAKOA untuk ambil maklum kampung Orang Asli di kawasan saya iaitu kampung Orang Asli Puting. Penggerak Orang Asli saya fikir sudah hampir dua tahun tidak ada kerana sebelum ini dia *single*. Bila dia berkahwin, dia keluar dan hampir dua tahun tidak ada. Hingga dahulu ada program-program di surau.

Akan tetapi oleh sebab hampir dua tahun program di surau tidak ada dan menyediakan surau itu pun sudah tidak terjaga sehingga terpaksa kita ambil alih. Samak semula, cat semula dan ganti karpet sebagainya. Kita minta tolong imam berdekatan ambil alih peranan di surau. Jadi, minta JAKOA ataupun Menteri ambil maklum. Terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang kita akui saya katakan tadi bahawa memang bukan mudah ya, untuk tinggalkan keluarga duduk di pedalaman. Tambahan pula jawatan mereka ialah *contract of service*. Jadi, apabila kadang-kadang ada jawatan tetap, mereka akan tinggalkan. Oleh kerana perlu sangat-sangat jiwa yang kental untuk berada di pedalaman dalam keadaan yang cukup-cukup mencabar.

Akan tetapi kita ambil maklum dan saya akan minta pegawai melihat kepada permintaan khusus ini. Terima kasih. Seterusnya JAKIM, Yang Berhormat Senator Puan

Noridah tidak ada. Saya terus kepada agensi yang seterusnya iaitu berkenaan dengan Tabung Haji.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Mohon mencelah. Dalam perbahasan saya hari itu, mohon satu soalan. Adakah terdapat jawatankuasa penyelarasan di antara JAKIM dengan majlis agama dan juga NGO? Oleh sebab kita kena melihat bahawa kerja dakwah ini kerja semua orang, bukan kerja JAKIM sahaja. Perlu satu *networking* kerjasama pelbagai pihak untuk kita sama-sama memantau supaya kebajikan sosio ekonomi dan juga kebajikan mualaf dapat kita beri manfaat yang bermakna. Terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih. Berkenaan dengan jawatankuasa penyelarasan tadi memang JAKIM ada penyelarasan dengan Majlis Agama Islam Negeri. Akan tetapi ini pengamatan saya ya, sebelum ini memang banyak kerja *in silo*. JAKIM buat, Majlis buat, NGO buat dan masing-masing buat. Malah, di kalangan agensi-agensi Hal Ehwal Islam pun masing-masing buat. Ini kita tanpa berniat untuk mengecilkan usaha sebelum ini.

Jadi, usaha untuk menyelaraskan ini, sedang dilakukan. Kita hendak selaraskan *inter* agensi untuk melihat kepada cara pendekatan yang lebih berkesan di dalam kita menangani apa-apa isu sama ada isu dakwah kita dan isu dakwah ini termasuk di dalam antara kita punya *key result areas* di bawah jabatan Perdana Menteri ke hadapan. Tahun 2019 ke hadapan dan kita libatkan semua agensi-agensi yang terlibat dalam dakwah.

Jadi, kalau dalam dakwah itu kita ada dakwah Orang Asli contohnya, kita ada dakwah remaja, dakwah minoriti *groups*, pelbagai jenis dakwah ini, mualaf, saudara baharu. Jadi, nanti kita akan selaraskan kesemua agensi untuk kita pastikan bahawa kita tidak lagi bekerja berasingan. Kita tidak lagi *duplicate* kerja ataupun wujud kelompongan-kelompangan. Ini dapatan kami apabila kerajaan baharu. Kita tengok wujud kelompongan, wujud *working in silo*, wujud *over lapping*. Kadang-kadang ada *redundant*, kadang-kadang ada kelompongan, kadang-kadang ada *duplication*. Tidak wujud penyelarasan yang sebaiknya. *Insya-Allah* kita akan tengok ke hadapan. Terutamanya dalam kerja-kerja dakwah kita, *insya-Allah*.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik Yang Berhormat, berhubung dengan elaun Yang Berhormat sebut tadi. Yang Berhormat Menteri sebut tadi dan saya ingin bangkitkan juga Yang Berhormat, kalau boleh cadangan supaya elaun ini diputuskan kepada semua pendakwah-pendakwah sebab saya melihat saya daripada PEMADAM. Saya ambil contoh, sebab saya Timbalan Yang di-

Pertua, saya tahu. Apabila saya melawat pusat-pusat PEMADAM ini, sehinggakan ada penceramah-penceramah kita yang pergi ke pusat-pusat PEMADAM, pusat pemulihan.

Akan tetapi bila hendak balik itu mesti ada *envelop*. Mesti kena ada *envelop* daripada NGO-NGO ini. NGO sendiri bergerak bukan atas elaun. Tidak ada elaun. Jadi, saya lihat minggu pertama, okey. Minggu kedua, bulan kedua, NGO sudah habis wang untuk hendak bayar *envelop* kepada ustaz-ustaz ini. Jadi sebab itu, saya minta sangat-sangat kalau boleh Yang Berhormat, dari segi elaun ini perlu sangat-sangat dilihat kalau sekiranya kita hendak melihat pendakwah-pendakwah kita.

Ya lah, mereka pun manusia macam kita juga. Kadang-kadang minyak motor, minyak kereta, makan minum mereka hendak juga dijaga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insya-Allah* kita ambil maklum berkenaan dengan semua pendakwah. Semua kategori pendakwah yang kita lihat pada elaun-elaun mereka. Macam itu Yang Berhormat Senator? Ya, kita ambil maklum perkara tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** Mohon mencelah. Boleh tidak kalau saya beri cadangan sedikit? Boleh tidak elaun tok imam ini dinaikkan oleh JAKIM, naikkan kepada RM900. Selepas itu, negeri bagi RM500 dan pihak masjid bagi RM500. Jadi, dia dapatlah RM1,500. Sekian, terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ia akan melibatkan beberapa *layers* keputusan. JAKIM kalau tambahan RM50, ia akan melibatkan bajet tahunan. Kita perlu sama-sama cadangkan dalam bajet tahunan untuk menambahkan bajet daripada RM850 menjadi RM900.

## 1550

Kemudian untuk kerajaan negeri, untuk tambah, kerajaan negeri perlu buat dasar negeri masing-masing. Dalam KAFA, kita sudah ada 30 tahun KAFA. Kita dapat Hendak selaraskan elaun tambahan daripada negeri pun kita bermasalah. Ini kerana saya kata tadi Selangor RM500, Wilayah RM500, Pulau Pinang bagi RM50 tetapi ada negeri yang tidak bagi langsung. Jadi Hendak selaraskan itu ialah cabaran yang amat besar bagi kami. Namun, kita akui bahawa seperti yang saya katakan tadi memang kita hendak cadangkan. Kalau masjid itu lagilah pula, ia akan libatkan setiap kariah, masjid kariah untuk menambah jumlah tersebut. Jadi, di tiga bidang kuasa yang berbeza. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada Yang Berhormat cadangan Yang Berhormat Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili, ada kah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Zaiedi.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Ada ya. Yang Berhormat mencadangkan Lembaga Tabung Haji berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak sebelum menjual Hotel Lembaga Tabung Haji di Sarawak. Yang Berhormat mencadangkan Lembaga Tabung Haji memberi peluang kepada Kerajaan Negeri Sarawak dengan berunding dan pindah milik hotel tersebut kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji bercadang untuk melepaskan pegangannya dalam *Tabung Haji Hotel and Convention Centre*, Kuching, Sarawak. Pada masa kini, Tabung Haji masih dalam proses perundingan dengan pihak *Sarawak Economic Development Corporation* (SEDC). Beberapa perkara masih perlu diperincikan untuk kepentingan dan manfaat kedua-dua pihak. Maksudnya memang sedang dirunding dan itulah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator kan. Kita sedang berunding dan ada kemungkinan kita akan serahkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi terus kepada beberapa persoalan terkini berkenaan dengan Lembaga Tabung Haji. Izinkan saya menjawab bersekali ya perbahasan Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun dan juga perbahasan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Jadi, Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan bin Harun meminta supaya kerajaan mempunyai perancangan dalam menghadapi isu keyakinan perniagaan dan pelaburan berkaitan dengan Tabung Haji. Tuan Yang di-Pertua dan ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon, saya katakan tadi untuk dijawab sekali.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah sedang diambil antaranya melantik anggota lembaga dan pengurusan yang baharu yang terdiri daripada para profesional yang berpengalaman dan bukan dari kalangan ahli politik, itu langkah yang pertama. Jadi, ahli lembaga bukan daripada kalangan orang politik. Jadi, kita hendak memastikan Lembaga Tabung Haji mampu, daya saing serta mempunyai tadbir urus korporat yang lebih baik dan telus bagi mengembalikan kepercayaan dan keyakinan umum kepada Tabung Haji.

Kedua, kita akan mengukuhkan pengurusan risiko dengan menstrukturkan semula kawal selia dan tadbir urus dalaman dan memperkenalkan jawatan Ketua Pegawai Risiko dan Pematuhan. Kita ada Ketua Pegawai Risiko yang kita baru lantik di Tabung Haji.

Ketiga, meletakkan Tabung Haji di bawah pemantauan Bank Negara Malaysia. Itu juga langkah yang seterusnya. Bagi aktiviti pengurusan *deposit taking* dalam memastikan pengurusan risiko serta kecairan yang lebih mantap.

Keempat meneliti dan menilai semula semua aktiviti pelaburan serta kedudukan kewangan Tabung Haji sedia ada.

Kelima, menjalankan pelbagai langkah penjimatan dan pengurangan kos operasi. Langkah-langkah pemulihan awal yang telah diambil adalah dengan mengenal pasti aset-aset pelaburan sedia ada yang kurang berdaya saing, *under performing asset* yang memberi pulangan rendah serta yang mengalami kemerosotan nilai yang tinggi yang perlu dipulihkan dan distrukturkan semula.

Untuk meneruskan pembayaran hibah yang memenuhi syarat yang termaktub dalam Akta Tabung Haji 1995, pemulihan dan penstrukturkan perlu dilakukan menerusi sebuah syarikat bertujuan khas, *special purpose vehicle* (SPV) bagi memindahkan aset-aset yang bermasalah tersebut dan seterusnya memulihkan kedudukan kewangan Tabung Haji dengan kadar segera. Kedudukan aset Tabung Haji akan kembali tinggi berbanding tanggungannya dan ini membolehkan pemberian hibah dilakukan selaras dengan pematuhan seksyen 22, Akta Tabung Haji 1995. Walau bagaimanapun, jumlah pemberian hibah oleh Tabung Haji akan bergantung kepada prestasi kewangan tahun semasa.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif untuk meletakkan Tabung Haji di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia telah dibincangkan serta mendapat sokongan penuh daripada Kabinet dan ia merangkumi aspek pengurusan deposit dan pengurusan risiko agar tadbir urus di Tabung Haji dapat diperkuatkkan. Skop pemantauan ini tidak merangkumi tadbir urus dan pengurusan haji. Maksud dia, dia kawal selia, bukan melibatkan diri, Bank Negara kawal selia dari segi *governance*, dari segi pengurusan risiko, bukan dari segi *management* pengurusan harian.

Tumpuan kini adalah untuk mengenal pasti cara terbaik untuk membaik pulih serta menstrukturkan semula aset-aset pelaburan yang bermasalah. Pelaburan baharu yang dilakukan tertumpu kepada pelaburan berisiko rendah seperti pelaburan dalam aset berpendapatan rendah.

Jadi seperti yang diumumkan sebelum ini, bayaran haji bagi musim Haji tahun 2019 akan kekal pada kos RM9,980 bagi jemaah haji- muassasah kali pertama. Saya harap Yang Berhormat Datuk Rabiyah Ali, Yang Berhormat Senator ingin tahu sejauh manakah Tabung Haji akan menanggung subsidi haji sedangkan kos haji yang meningkat dan mengapakah Tabung Haji diketatkan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah.

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:** Sila.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua soalan rentetan daripada perbahasan saya tempoh hari. Pertamanya iaitu saya telah mengutarakan kepada pihak kerajaan apabila polemik Tabung Haji ini telah disensasikan oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari, maka wujud pelbagai persepsi dalam pasaran. Antaranya sumber-sumber statistik kedudukan kewangan itu datang daripada pelbagai

sumber. Antaranya sumber rasmi iaitu statistik daripada Jabatan Audit Negara sendiri termasuk juga yang dilaporkan oleh pihak pengurusan Tabung Haji dan juga pihak luar iaitu juruaudit yang dilantik. Jadi saya hendak tanya, apakah tindakan daripada pihak kerajaan untuk memanggil melalui *Public Account Committee* pihak-pihak yang berkaitan dengan isu ini sama ada ianya telah dimulakan atau pun masih dalam perbincangan ataupun tidak akan dibuat langsung, itu pertama.

Keduanya saya hendak sokonglah apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahwasanya kita di bawah Kerajaan Malaysia Baharu ini tidak perlu ada penglibatan politik dalam pengurusan agensi-agensi terutama syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Maka, saya hendak mencadangkan juga kalau boleh pihak Yang Berhormat Menteri itu tidak payahlah buat *statement* mewakili pihak Tabung Haji terutama dalam urusan kedudukan kewangan kerana ia juga memperlihatkan penglibatan dan keterlibatan orang politik dalam pengurusan Tabung Haji. Biarlah kepada pihak pengurusan Tabung Haji yang saya rasa kita perlu pujilah hari ini telah membuat satu usaha untuk meletakan ramai profesional bagi menjadi *guardian of Tabung Haji*.

Akhir sekali yang ketiga Yang Berhormat Menteri, saya juga hendak tanyalah daripada yang dilaporkan oleh pihak pengurusan Tabung Haji baru-baru ini, hampir RM20 bilion aset yang tidak mempunyai prestasi baik akan diserah kepada satu SPV. Yang Berhormat Menteri pun sebut tadi. Apakah ini termasuk juga aset yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi iaitu hotel di Sarawak itu dan yang kedua saya hendak tanyalah apabila aset-aset hampir berjumlah RM20 bilion ini diserah kepada SPV, ianya dari segi *mathematical on paper* itu telah menunjukkan bahawa hari ini jumlah deposit melebihi jumlah aset. Jadi, bermakna bolehlah hendak umumkan bayaran hibah pada tahun ini. Akan tetapi kalau hendak diikutkan sebenarnya itu hanya *mathematical on paper* sahaja. Jadi, saya minta pencerahan ke atas tiga perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya juga turut mencelah kerana ada *related Tuan Yang* di-Pertua dengan izin.

#### ■1600

Saya nak juga minta Yang Berhormat Menteri memberikan interpretasi orang politik yang tidak terlibat kerana kalau kita melihat dalam Dewan ini sahaja, *we are the politicians. Are we not eligible?* Dengan izin. Kita ada *professional architect*, kita ada *professional engineers*. Apakah kita tidak boleh menjadi lembaga pengarah? Kalau kita melihat kadang-kadang kita letak orang bukan politik ini, mereka ini hanya *profit orientation*, dengan izin, melihat kepada keuntungan semata-mata. Obligasi sosial, tidak ada. Kadang-kadang mereka melupakan bahawa mereka ini bangsa Melayu, contohnya. Bukan saya nak rasis. Akan tetapi kalau kita letak orang politik, mereka mempunyai perasaan ini.

Saya nak cadang kepada Yang Berhormat Menteri, apa salahnya dalam lembaga pengarah yang 15 orang itu, satu *politician* kena ada supaya mereka dapat *oversees*. Kita semua, kita tengok Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir sendiri selaku Perdana Menteri adalah seorang profesional, seorang doktor perubatan dan politikus yang berjaya. Kenapa kita nak *eliminate professional politician* ini? Itu soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Minta interpretasi politik di dalam berniaga ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon tambah. Tambah sikitlah sebab ada soalan yang dibangkitkan. Saya nampak isu Tabung Haji ini terbahagi kepada dua skoplah. Pertama, daripada sudut *governance*, tadbir urus dan yang kedua adalah kestabilan Tabung Haji. Daripada sudut *governance*, kita nampak memang Tabung Haji ini berbanding dengan institusi-institusi kewangan lain walaupun Tabung Haji bukan institusi kewangan tetapi berbanding dengan entiti korporat yang lain, kita ada isu daripada sudut tadbir urus. Contohnya pengurusan risiko, *shariah compliance* pun saya dengar Tabung Haji baru sahaja melantik penasihat syariah dan sebagainya.

Cuma persoalan saya, apabila diletakkan di bawah Bank Negara untuk membantu memulihkan tadbir urus, sampai bila hendak diletakkan? Adakah tempoh masa tertentu ataupun kekal? Kalau kekal, maknanya perlu dibuat *amendment*. Oleh sebabnya objektif Tabung Haji dengan institusi perbankan kewangan ini adalah berbeza daripada sudut hala tuju, objektif, fungsi dan sebagainya.

Kedua, isu kestabilan Tabung Haji. Kita boleh katakan bahawa pelan komunikasi yang dilakukan dalam kita menguruskan isu Tabung Haji ini telah berjaya menggegarkan rakyat Malaysia khususnya orang Islam sehingga kita tengok, makcik-makcik di kampung bukan sahaja makcik di kampung tetapi kita orang yang bekerja pun pakat ramai-ramai nak pergi keluarkan duit daripada Tabung Haji. Ini sebenarnya boleh menggugatkan keutuhan institusi Islam.

Jadi, saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan. Sebenarnya bila sebut tentang kestabilan Tabung Haji, apakah sebenarnya *bad asset* yang ada dalam Tabung Haji itu? Oleh sebab kita tak tahu senarainya. Oleh sebab itu tadi Yang Berhormat Senator ada bertanya, adakah yang di Sarawak itu salah satu daripada *bad asset*. Jadi sebenarnya apakah *back asset* di bawah Tabung Haji?

Kedua, apakah sebenarnya punca kerugian Tabung Haji? Oleh sebab digambarkan kehilangan berbilion-bilion tetapi bila kita tengok dalam PWC itu yang dibentangkan, ada juga *surplus* diletakkan bersama dengan *liabiliti*. Jadi apakah punca kerugian sebenar? Adalah berkaitan dengan *oil and gas*, *plantation* ataupun *property* dan sebagainya

Saya juga ingin bertanya, dalam kronologi isu yang berkaitan dengan Tabung Haji ini, kita tengok surat khabar lebih banyak mendapat sensasi berkaitan dengan isu Tabung

Haji berbanding dengan pihak berautoriti. Contohnya pada 2 Disember 2018, The Straits Times Singapore telah mengeluarkan kenyataan berkaitan dengan defisit RM4 bilion sedangkan Yang Berhormat Menteri mengumumkannya pada 10 Disember 2018. Jadi macam mana pelan komunikasi terhadap wartawan ini didedahkan sehingga ia dapat ke pengetahuan wartawan luarlah. Sekian, terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada banyak isu, jadi kalau saya tertinggal, ingatkan saya. Berkenaan dengan persepsi, persepsi yang timbul, pelbagai. Akan tetapi, kami di pihak kerajaan yakin bahawa amat penting untuk jangka masa depan ummah, kita tidak menyorok kebenaran. Apa maksud saya? Maksud saya ialah apabila kita tidak menepati syarat di dalam akta. Syarat dalam akta, untuk memberikan hibah ialah aset mesti melebihi liabiliti.

Syarat yang kedua, keuntungan mesti mencukupi untuk memberi hibah. Itu dua syarat dalam akta, Akta Tabung Haji. Apabila kedua syarat itu tidak dipenuhi, kita takut mungkin terdahulu sebelum ini, takut bahawa akan timbul ketidakyakinan kepada Tabung Haji. Maka, keputusan dibuat untuk terus memberikan hibah.

Apabila keputusan dibuat untuk terus memberikan hibah dalam keadaan syarat itu tidak dipatuhi, maka perlulah diimbangi semula dengan apa itu orang kata, kalau di aset, aset itu tidak melebihi daripada liabiliti, jadi diimbangi semula dengan cara *creative accounting*. Kemudian...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf ya. Sekejap ya.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengaruhi Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi apabila keputusan itu dibuat untuk terus memberikan hibah, maka perlu dicairkan aset-aset yang *performing* untuk mendapatkan dana untuk mengeluarkan hibah. Itulah yang berlaku. Sebenarnya, apa yang berlaku itu, kita mungkin melihat daripada persepsi satu pihak yang mengatakan kalau tak bagi, hilang keyakinan. Akan tetapi kami melihat daripada satu...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, saya nak mencelah sikit. Saya minta pencerahan. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut *creative accounting*. Saya mohon *creative accounting* ini sebenarnya satu perkataan yang *a bit taboo*, dengan izin. Sebenarnya kalau dalam *public accounting*, kalau menggunakan istilah *creative accounting* bermakna ada usaha untuk *mislead*. Jadi kalau tersalah sebut, perbetulkan. Kalau *creative accounting* betul wujud, perjelaskan.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Sebenarnya, ini telah pun diaudit oleh kita punya *auditor*, PricewaterhouseCoopers. Kalau dalam syarikat biasa, kalau dalam Tabung Haji, *deposito* itu ialah liabiliti, dia bukan aset. Duit yang dimasukkan oleh pendeposit ialah liabiliti kerana mereka boleh keluarkan bila-bila. Kita tidak boleh kira itu sebagai aset, ya. Jadi apabila aset itu kurang, jadi diletakkan di dalam liabiliti jumlah yang *balance* kan balik. Yang ini, saya bukan orang akaun tetapi itu yang saya faham. Apabila dia nampak seperti *balance* tetapi sebenarnya dia tidak *balance* dan...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Fuziah binti Salleh:** ...Saya terima, saya terima.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** ...*Creative accounting* wujud kah ataupun tersilap sebut?

**Puan Fuziah binti Salleh:** Wujud.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ha, jadi wujud *creative accounting*.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Oleh sebab itu saya setuju, saya nak sambung. Saya nak sambung ...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ini kena berhati-hati ya.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Saya nak sambung Yang Berhormat Senator, saya nak sambung. Sekiranya PAC ingin membuka buku dan untuk membuka, meminta Tabung Haji untuk melaporkan kepada PAC, silakan. Ini memang sesuatu yang seharusnya berlaku dan kita Ahli-ahli Parlimen seharusnya menggalakkan perkara ini supaya orang ramai boleh tahu apa yang sebenarnya berlaku.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sedikit, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Okey, jadi saya sambung sikit lagi pasal apa yang dimaksudkan dengan *creative accounting by definition*, ya. *I quite codify myself. Creative accounting* di sini, rusuk nilai diubah daripada 85 peratus kepada 90 peratus bagi menjanakan kewangan yang lebih tinggi. *That was what actually happen.* Ya, okey. Jadi, saya nak sambung kah Yang Berhormat Senator?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ya. Sedikit sahaja sebab itu hari semasa perbahasan, saya ada mencelih dan kita berbahas juga dengan Yang Berhormat Senator Khairul ini. Cuma satu, mohon penjelasan Yang Berhormat Senator. Sebenarnya kami ada satu kata putus tapi cuma hendak direkodkan jugalah sebab tak sempat kami nak buat satu kenyataan. Sebenarnya apabila selepas perbahasan tersebut dan pihak Ernst & Young telah membuat *disclaimer* bahawa mereka tidak terlibat. Betulkan saya ya Yang Berhormat Senator.

Kami sebenarnya bersetuju dan mungkin mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa saya kata sewajarnya isu Tabung Haji ini terutama berkaitan dengan

laporan Audit ini perlu dibawa ke PAC seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

**• 1610**

Sebenarnya saya menyatakan bahawa persetujuan dan malah kami pun mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah penilaian itu juga merupakan pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi yang kami alu-alukan.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Ya, betul sebab kita yakin dan percaya dengan prinsip ketelusan *and transparency*. Rakyat harus tahu dan Parlimen adalah medan, wadah untuk kita mendapatkan sebanyak mana maklumat dan mendedahkan kepada orang ramai dalam bahasa yang mudah difahami oleh orang ramai. Seluruh Ahli Parlimen harus faham apa yang berlaku.

Saya tadi berkenaan dengan orang politik tidak boleh terlibat. Tadi keputusan yang dibuat ialah *Board of Directors*, Lembaga Pengarah tidak melibatkan orang politik dan ini terutamanya di dalam semua agensi-agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri. Itu sesuatu perkara yang amat sensitif dan memang *discretinize*, dengan izin, oleh Majlis Raja-Raja juga kerana Majlis Raja-Raja amat mengambil berat berkenaan dengan integriti institusi agama. Jadi ke hadapan semua institusi agama ini akan tertakluk kepada *scrutiny Board of Directors*.

Maksudnya hendak tengok integriti *Board of Directors* ini oleh kerana pengalaman lepas di mana Pengerusi Tabung Haji, Pengerusi Lembaga Pengarah merupakan orang politik dan banyak keputusan-keputusan politik yang mungkin menimbulkan masalah kepada kita punya *accounts*, urus tadbir dan juga mungkin tidak melihat kepada pengurusan risiko. Akhirnya tabung ummah ini menjadi mangsa.

Ini yang kita amat-amat perlu jaga. Oleh sebab itu kita faham bahawa perlu ada keterlibatan politik sebab itu Yang Berhormat Menteri membuat kenyataan kemudian esoknya CEO Tabung Haji membuat kenyataan kerana segmen ataupun *target* pendengar itu berbeza. Yang Berhormat Menteri perlu memberitahu apa yang berlaku di dalam agensi di bawah kawal selia kami di bawah Jabatan Perdana Menteri. Esoknya CEO Tabung Haji membuat kenyataan berkaitan dengan kewangan, *the details of the financial situation*, yang *targeted* kepada pendeposit besar-besar supaya mereka faham keadaan kewangan Tabung Haji.

Apa yang kita memang melihat kepada kepentingan politik itu dan menjaga kestabilan keyakinan ummah. Jadi itu yang kenapa ianya tetap diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama, orang politik mesti ada input, mesti ada suara sebab banyak keputusan-keputusan politik yang perlu dibuat. Akan tetapi keputusan politik itu tidak menghalalkan cara untuk melanggar akta-akta.

Contohnya apa yang berlaku sebelum ini, keputusan politik untuk kononnya menjaga kepentingan keyakinan orang ramai maka dibenarkan hibah itu...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dahulu.

**Puan Fuziah binti Salleh:** ...Dalam keadaan ianya tidak menepati, dalam keadaan ianya tidak menepati syarat-syarat Akta Tabung Haji itu sendiri. Jadi itu perlu ada ya betul tetapi setakat mana *decision making* itu dalam urus tadbir itu ada campur tangan. Oleh sebab itu kita pastikan orang-orang dalam lembaga itu adalah orang-orang yang profesional dan boleh membuat keputusan melibatkan bagaimana hendak urus tadbir, bagaimana hendak urus risiko dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan..

**Puan Fuziah binti Salleh:** Saya kira kalau Yang Berhormat Senator hendak terus *defend*..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa saya hendak dengar apa dia.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak *defend* tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi tidak tahu dekat mana you hendak *land*. You hendak *landing* dekat mana. Pertamanya, orang politik jangan terlibat secara langsung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Pertanyaan saya okey..

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah "mungkin"...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, mudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dengar dengan teliti.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Baik, baik saya terima itu cuma apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membuat kenyataan sebelum pengurusan Tabung Haji buat kenyataan, ia telah melibatkan informasi-informasi sensitif yang boleh menimbulkan sensasi, implikasi terhadap sebagai contoh risiko perniagaan dan juga pelaburan Tabung Haji itu sendiri, yang itu yang saya maksudkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ini berkenaan dengan Tabung Haji ini adalah suatu perkara yang amat sensitif. Ini berkenaan dengan bumiputera Melayu Islam, so saya harap Yang Berhormat ini jangan politikkan biar Yang Berhormat Timbalan Menteri ini dengan di bawah kementerian untuk memastikan tidak ada *panic button* yang

akan menjelaskan dan mengakibatkan kepada orang huru hara pula hendak mengeluarkan duit. Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita memang tengok secara rapi, secara dekat berkenaan dengan sama ada wujud *panic* atau tidak di kalangan pelabur dan daripada pagi-pagi lagi kita tengok waktu pengumuman itu dibuat kita tengok deposit banyak mana, *withdrawal* banyak mana. Deposit banyak mana, *withdrawal* banyak mana dan diperhatikan sepanjang hari *over the period of time*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

*Alhamdulillah* apabila orang bertanya adakah duit kami selamat di Tabung Haji, jawapan yang kita berikan, “*Yes, today insya-Allah it is saved. It was not save before. Before it was not save but now, today insya-Allah it is saved*”. *Alhamdulillah* tidak ada *panic button..*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tan Sri kata jangan berpolitik tetapi itu *statement* politik sebenarnya. Jadi saya tidak faham macam mana ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat..

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Khairul Azwan itu, Tan Sri. Saya minta kalau boleh di Dewan Negara ini tidak payahlah hendak mengeluarkan kata selamat tidak selamat sebab kata tidak selamat itu beribu-ribu juga orang pergi haji di bawah Tabung Haji yang kita simpan ini.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tan Sri, dahulu tidak selamat sekarang pun tidak selamat kerana dia punya *cuff-out programme* itu hanya *paperwork* sahaja bukannya menghasilkan *income* baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, okey Ahli-ahli Yang Berhormat. Inilah saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini. Ini kita memang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu ini memanglah kita itu sebenarnya perbahasan tetapi telah menjadi *debate* di Dewan yang mulia ini.

Hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri datang hendak jawab so, mereka lah yang diberi amanat untuk memastikan bahawa isu ini tidak keterlaluan dan mengakibatkan kerugian kepada institusi Tabung Haji. So, biarlah mereka uruskan, Yang Berhormat. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tolong menjawab tidak mempolitikkan isu ini.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua saya teruskan. Saya sebenarnya hendak jawab secara terus tetapi apabila ada yang membawa elemen politik saya kena jawablah ya. Saya ingin meneruskan dengan mengatakan bahawa *insya-Allah* tanggungjawab kami kerajaan pada hari ini memastikan bahawa tabung yang

merupakan duit orang ramai, orang susah, orang kampung yang susah payah simpan untuk pergi haji itu kita jaga dengan selamat, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang tabung jejas ke tidak?

**Puan Fuziah binti Salleh:** Tidak, dia tidak ada, *there was no bank run*, dengan izin. *No bank run.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih. Tadi soalan berkenaan dengan hotel tadi sama ada ia termasuk dalam *under performing* punya aset, jawapannya ya. Jawapannya ya ia termasuk di kalangan *under performing asset* itu. Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali ada kah?

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini berkenaan dengan hotel.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Ya, hotel. Saya kerana perkara ini tentulah menarik perhatian kerana ianya satu-satu aset Tabung Haji di Sarawak. Jadi kalau ianya diletakkan di bawah SPB apakah sebenarnya, sejauh manakah sudah rundingan yang dibuat dengan pihak SCDC Sarawak kerana kalau sudah dibuat rundingan saya rasa lebih baik ianya, ini pandangan saya dan rayuan sayalah sebagai mewakili Sarawak di sini ialah supaya ianya dikecualikan untuk diletakkan di bawah SPB kerana perundingan sudah pun dijalankan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu dibangkit. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan itu dibangkit masa perbahasan. Tidak ada ya, ini berkaitan dengan hotel di sana di mana Yang Berhormat telah meminta supaya diberi kepada orang tempatan.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Ya, tadi mula tadi Yang Berhormat kata serahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebab sekarang bila kita kata ya, kemudian Yang Berhormat tanya sama ada ianya termasuk dalam *under performing asset*. Jadi apabila jawapannya juga ya, jadi Yang Berhormat ada bertukar fikiran. Tidak apa, sebenarnya rundingan masih diteruskan dan saya cadangkan kita teruskan bagi pihak Yang Berhormat mungkin boleh menyampaikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan nanti kita runding lagi. *Insya-Allah* fasal masih berterusan.

Saya tidak hendak *jump the gun* dan sebagainya. Terima kasih...

▪ 1620

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, bukan saya bertukar fikiran. Saya terus mempertahankan supaya aset itu tetap pulang kepada Kerajaan Negeri Sarawak ataupun agensinya. Saya tidak menyatakan saya bertukar fikiran. Saya tetap berdiri untuk mempertahankan supaya aset itu dijual kepada agensi kerana tanah itu pun asal usulnya adalah daripada *aleanation* Kerajaan Negeri Sarawak kepada Tabung Haji. Walaupun bayar *premium* dan sebagainya tetapi asalnya adalah *aleanation* kepada Tabung Haji.

Jadi saya rasa sebaik-baiknya saya minta supaya asset itu terus dipegang oleh agensi kerajaan di negeri Sarawak apatah lagi dengan *location* yang begitu strategik sekali, iaitu berhadapan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Saya tidak berganjak dengan pendirian saya bahawa asset itu mesti pulang kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri faham, Yang Berhormat.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. *Insya-Allah* kalau itulah hasratnya, itu juga hasrat kami dalam rundingan tersebut *insya-Allah*. Rundingan masih berterusan- belum ada apa-apa lagi, masih berterusan. Sekiranya itu yang dikehendaki oleh pihak kerajaan negeri, itulah juga hasrat kami dalam berunding.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Ada ya. Yang Berhormat ingin tahu, sejauh manakah Tabung Haji akan menanggung subsidi haji sedangkan kos haji meningkat dan mengapakah Tabung Haji diletakkan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia? Kenapa diletakkan di bawah kawal selia tadi saya sudah jawab. Berkennaan dengan menanggung subsidi- Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diumumkan, bayaran haji bagi musim haji tahun 2019 akan kekal pada RM9,980 bagi jemaah haji *muassasah* kali pertama yang sampai giliran. Akan tetapi tidak bagi mereka yang membuat rayuan, di mana bayaran penuh perlu dibuat.

Bagi mengurangkan beban yang perlu ditanggung, Lembaga Tabung Haji dalam mengekalkan kadar bayaran haji- kajian secara menyeluruh terhadap kesemua komponen kos haji seperti penerbangan, pengangkutan dan makan minum di Tanah Suci sedang giat dilakukan. Kita sedang tengok pecahan-pecahannya dan tengok dekat mana kita boleh buat *cost saving*.

Dalam masa yang sama, kajian yang terperinci mengenai konsep *istita'ah* iaitu syarat mampu haji juga akan dilaksanakan dalam memahami keperluan untuk menanggung kos jemaah haji di masa hadapan. Maksudnya, ada kajian tetapi keputusan kita pada tahun 2019 kitakekalkan. *There are some studies.*

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk meletakkan Tabung Haji di bawah kawal selia Bank Negara adalah bertujuan- macam saya katakan tadi pengurusan risiko dan juga untuk urus tadbir yang lebih baik.

Saya terus kepada menjawab soalan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Ada dalam Dewan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Yang Berhormat ingin tahu mengenai perincian SPV Lembaga Tabung Haji yang diumumkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah awal yang telah diambil oleh pihak pengurusan baru adalah untuk mengenal pasti aset-aset pelaburan sedia ada yang kurang berdaya saing ataupun *underperforming assets* yang memberi pulangan rendah dan mengalami kemerosotan nilai yang tinggi. Untuk membolehkan pembayaran hibbah yang memenuhi syarat yang termaktub di dalam Akta Tabung Haji 1995- pemulihan kedudukan kewangan Tabung Haji perlu dilakukan dengan kadar segera di mana jurang di antara aset dan liabiliti akibat kemerosotan nilai perlu ditutup.

Oleh yang demikian, pemindahan aset-aset bermasalah yang telah dikenal pasti, perlu dilakukan untuk menutup jurang aset dan liabiliti yang dihadapi oleh Lembaga Tabung Haji. Bagi tujuan ini, pemulihan dan penstrukturkan akan melibatkan pembentukan syarikat bertujuan khas ataupun *Special Purpose Vehicle* (SPV) yang dimiliki oleh kerajaan untuk mengambil alih aset-aset tersebut. SPV akan dipertanggungjawabkan untuk mengoptimumkan nilai ambil pulih ataupun aset *recovery* melalui proses penambahbaikan nilai hartanah dan penzahiran nilai saham apabila pasaran modal dan kewangan kembali pulih.

Pengambilalihan aset-aset ini akan dibiayai oleh terbitan sukuk sebanyak RM10 bilion dan saham keutamaan boleh tebus, boleh tukar atau *Redeemable Convertible Preference Shares* (RCPS) sebanyak RM9.9 bilion oleh SPV. Sukuk yang diterbitkan akan mempunyai tempoh matang selama tujuh tahun, tidak mempunyai jaminan kerajaan-*without government guarantee*, dan mempunyai kupon berkadar sifar tetapi membawa kadar pulangan tahunan sebanyak lima peratus kerana ia akan diterbitkan pada diskaun.

Kadar kupon sifar adalah penting bagi mengelakkan bebanan terhadap aliran tunai SPV. Tempoh matang selama tujuh tahun adalah untuk memberi peluang kepada proses pemulihan dilakukan secara teratur tanpa sebarang tekanan untuk melupuskan aset secara *fire sale* dan boleh diterbitkan semula bagi memberi peluang untuk memanjangkan tempoh ambil pulih. Maksudnya kalau kita belum cukup lagi bayar, kita boleh panjangkan dan kalau kita bayar lebih awal, kita bayar dengan harga yang lebih murah.

Sukuk yang diterbitkan tidak boleh didagangkan- *non-tradeable*, dan hanya boleh dipegang oleh Lembaga Tabung Haji sehingga tempoh matang atau ditebus oleh SPV. Tiada sebarang penalti akan dikenakan untuk penebusan pra matang dan keputusan untuk menebus boleh dibuat oleh SPV berdasarkan kedudukan aliran tunainya.

RCPS akan diterbitkan bagi menutup jurang yang disebabkan oleh kejatuhan nilai pasaran aset yang akan diambil alih dan tidak mempunyai tempoh matang serta tidak membawa sebarang kadar dividen bagi mengelakkan tanggungan tambahan. RCPS boleh

ditebus bila-bila masa setelah keseluruhan Sukuk ditebus oleh SPV. Penebusan RCPS akan dibayai oleh lebihan tunai yang dijana melalui proses pemulihan dan pelupusan aset yang diambil alih. Pengambilalihan aset ini akan dilaksanakan melalui *vesting order* bagi memudahkan dan mempercepatkan pelaksanaannya dan memerlukan pengecualian dari *stamp duty* dan cukai-cukai yang berkaitan seperti Cukai Keuntungan Harta Tanah- *Real-Estate Gain Tax*, dengan sebagainya.

Jadi itu dia Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua pasal SPV?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, silakan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri banyak menggunakan perkataan SPV tadi. Mungkin saya nak faham, SPV ini apa? *Special Purpose Vehicle* ya? Cumanya kalau boleh dijelaskan- saya faham apa tujuan SPV ini. Sebenarnya rasional sebenar untuk diadakan SPV ini sebenarnya yang dalam rekod Tabung Haji apa tujuan sebenarnya? Tujuan macam-macam.

Kedua, kalau boleh dijelaskan untuk meyakinkan kita, apa nama SPV ini- kalau sudah ada nama. Kedua, siapa Lembaga Pengarah ini? Ini kerana bagi saya keyakinan, kejayaan sesuatu inisiatif ini bergantung juga kepada kepimpinan selain daripada struktur yang dicadangkan. Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri sedikit.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. SPV ataupun *Special Purpose Vehicle* ini ialah satu cara untuk mengeluarkan aset-aset yang *underperforming* tadi. Kita keluarkan dan kita letakkan seperti inkubator dan akan diberi tumpuan untuk membaik pulih aset-aset yang *underperforming* tadi.

Aset-aset yang *underperforming* tadi- jadi *in return*, *Ministry of Finance* memberikan kita Sukuk tadi berjumlah RM10 bilion dan *plus* RM9.9 bilion untuk kita *stabilise* balik kita punya *balance sheet* tadi. Sementara kita meletakkan *underperforming assets* tadi, dalam inkubator tadi- dan memberi tumpuan yang banyak untuk kita membaik pulih *this underperforming asset...*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** *[Bangun]*

**Puan Fuziah binti Salleh:** Nama SPV itu Urus Harta Jemaah Sdn. Berhad. dan saya difahamkan baru diluluskan beberapa hari. Saya tidak dapat tarikhnya. *Incorporation of a new SPV, a subsidiary of MoF (Inc.)* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *to be known as Urus Harta Jemaah Sdn. Bhd. to acquire the underperforming assets of Tabung Haji. The appointed Board of Directors* akan melibatkan wakil-wakil daripada MoF dan nama-nama yang saya ada di sini ialah Yang Berbahagia Datin Rashidah Mohd Sies, *Secretary of the*

*Government Investment Companies Division MoF, dan Tuan Haji Mohd. Hassan Ahmad, Deputy Secretary at the Fiscal and Economic Division MoF.*

■1630

Jadi, mereka yang akan melihat kepada SPV ini. Jadi, Tabung haji tidak perlu risau sangat berkenaan dengan *under performing asset* ini. Kita fokus kepada *day to day running*, pengurusan haji tahun depan, kurangkan kos dan sebagainya.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, ada tambahan sedikit daripada apa Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff sebut tadi. Baik, kita fahamlah proses *creative accounting* itu. Jadi saya hendak tanya, RM19 bilion aset yang *under performing*, dengan izin, yang *di-transfer*, yang dipindahkan kepada SPV itu, apakah akan *di-rehabilitate* seperti Yang Berhormat Menteri sebut tadi dalam hantar ke inkubator ataupun dijual saja? Ini kerana sebut tadi Hotel Kuching itu dimasukkan sebahagian daripada RM19 bilion aset yang dipindahkan, itu bermakna akan berlaku *disposal*. Jadi kalau *disposal*, bukan *rehabilitate*.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Menteri sedikit sahaja, sebab dengar soalan. Boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat itu Menteri pun tidak payah jawab, saya boleh jawab.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Saya sedikit boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini dia saya ingat lebih baik Menteri jawablah. Kalau saya cakap nanti salah [*Ketawa*] Yang Berhormat duduk.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat, ini yang masuk dalam SPV ini dia belum buat keputusan lagi. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, dia hendak tengok *under performing asset* yang dia sudah agak-agaklah ini, yang ini dalam jumlah yang banyak Rm19.9 bilion yang akan diletakkan di bawah syarikat khas, *Special Purpose Vehicle* (SPV) yang akan diberi tumpuan oleh MOF (Inc.) terus untuk membaik pulih. Jadi keputusan hendak jual itu tidak ada, tidak ada lagi sebab mereka belum bermula.

Berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan hotel di Sarawak tadi, dia ialah permintaan daripada Sarawak sebenarnya. Sarawak memang hendak jaga hotel ini. Dia tidak timbul isu kita hendak *get rid of the hotel*, tetapi memang Sarawak nak. Seperti yang kita dengar tadi berkali-kali, memang Kerajaan Negeri Sarawak hendak ambil alih dan itu adalah strategik untuk negeri Sarawak dan sebagainya.

Jadi saya kira kita harus tidak politikkan isu ini, kita harus pisahkan beberapa isu ini dan kita harus fokus kepada menjaga institusi ummah ini. Seperti yang saya katakan, beri

peluang kepada Tabung Haji untuk *recover itself* dan akhirnya kita harap bahawa kita boleh berikan yang terbaik, *insya-Allah*. Jadi saya kira Tuan Yang di-Pertua, saya berhenti setakat ini dulu dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini ada akhir lagi Yang Berhormat.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Ada lagi?

**Puan Asmak binti Husin:** Tertinggal soalan saya tadi. Apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri minta ingatkan yang urus tadbir *under* Bank Negara Malaysia itu akan ada bersifat kekal atau sementara atau *amendment* dan sebagainya.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang kita ketahui bahawa *Islamic financial institution* sebenarnya ada 32 kesemuanya yang di bawah penyeliaan Bank Negara. Penyeliaan Bank Negara ini, dia mewujudkan *check and balance* dari segi pengurusan risiko terutamanya. Kalau kita ingat *governor* Bank Negara pada tahun 2016 telah pun menyatakan berkenaan dengan pesalah urus tadbir, *mismangement of Tabung Haji* pada tahun 2016.

Akan tetapi oleh sebab Bank Negara pada ketika itu tidak mengawal selia secara *direct* Tabung Haji, maka tidak ada kuasa untuk berbuat sesuatu sehingga pada hari ini. Jadi setakat ini, kita tidak meletakkan had lagi. Kalau sekiranya perlu di-review, kita akan review.

Akan tetapi, saya ingin tegaskan bahawa *Islamic financial institution* yang lain seperti takaful ini semua di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Rangka kerja berkenaan dengan penyeliaan ini masih dibincangkan dan saya baru dapat nota bahawa ia kekal di bawah- saya kira ini keputusan Kabinet, dia akan kekal dan akan dipinda akta untuk meletakkan mereka sebagai penyelia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Celah apa? Sudah sudah habis sudah.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Sedikit sahaja. Sudah habis sudah?

[Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin.

#### 4.34 ptg

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga menerima lebih kurang banyak soalan menyentuh lapan agensi. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua para Senator yang telah pun mengambil bahagian. Cumanya dari segi format menjawab ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab memberikan penekanan kepada mereka yang membangkitkan dan mereka yang hadirlah. Akan tetapi kalau tidak hadir, saya rasa soalan ini adalah soalan yang penting untuk dikongsi kepada senat ini, maka saya akan bacakan jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mulakan dengan PMO ataupun Pejabat Perdana Menteri. Soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook ada atau tidak ada?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak ada ya. Kalau tidak ada, saya rasa saya skip sebab saya rasa ini lebih kepada cadangan. Seterusnya kepada Datuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri secara bertulis Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey, saya akan berikan jawapan bertulis *insya-Allah*. Seterusnya kepada Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing, ada? Tidak ada juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Saya akan jawab bertulis jugalah. Ini pun juga lebih kepada berkaitan dengan cadangan jugalah Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram, ada? Tidak ada juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi ada, sekarang tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak apa, oleh sebab dia walaupun tidak ada, tetapi saya rasa soalan ini adalah soalan yang agak penting. Saya rasa saya perlu memberikan jawapan sebab beliau mencadangkan agar seorang Timbalan Menteri di Kementerian Pendidikan dilantik di kalangan masyarakat India seperti mana yang dinyatakan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan seorang tokoh bagi menjawat jawatan Menteri dalam barisan Kabinet dan Timbalan Menteri adalah prerogatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam hal ini, pemilihan tidak hanya berdasarkan pertimbangan kaum semata-mata, tetapi juga diambil dari pelbagai sudut. Apa yang penting, Menteri dan Timbalan Menteri yang dilantik mempunyai kebolehan untuk melaksanakan tugasnya dengan baik dan beramanah serta memastikan tidak ada kaum yang ketinggalan dalam mendapat akses kepada pendidikan.

Untuk makluman juga Yang Berhormat Senator dan juga Dewan yang mulia ini, Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu ini sebenarnya telah melantik secara relatifnya agak ramai daripada orang-orang India untuk mengetuai anggota pentadbiran.

Sebagai contoh, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia daripada seorang berbangsa India; Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli pun juga seorang yang berbangsa India; Menteri di JPM iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy juga adalah seorang yang berbangsa India; Menteri Komunikasi dan Multimedia, walaupun berbangsa Sikh tetapi kita anggap orang Indialah; Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar iaitu Yang Berhormat Tuan Sivarasa Rasiah juga seorang yang berbangsa India. Malahan kita juga melantik buat kali pertama Peguam Negara daripada orang berbangsa India iaitu Tommy Thomas.

Jadi saya rasa kaum India tidak dipencarkan dalam kerajaan yang baharu ini. Apa yang penting bagi saya bukan masalah pelantikan orang India ataupun orang Cina ataupun orang Melayu, yang penting mana-mana Menteri ataupun Timbalan Menteri yang dilantik sama ada mereka Melayu atau Cina atau India, mereka menjadi Menteri bagi semua kaum dalam negara ini dan mereka berjuang untuk semua kaum tanpa mengira sama ada kaum India, kaum Melayu ataupun kaum Cina. Itu lebih penting daripada kita lantik seorang kaum Melayu, tetapi mereka juga yang menjahnamkan Melayu, tidak guna juga ataupun sebaliknya.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff mencadangkan- ada ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak ada, baru keluar. Tadi Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bila Ahli Yang Berhormat yang telah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Saya akan bagi jawapan bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada, jangan. Nanti mereka masuk balik pula [Ketawa] Kalau mereka tidak ada, kalau sudah tidak ada, jangan jawab lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Sebenarnya saya tidak tahu ada atau tidak ada, saya pun tidak nampak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi secara bertulis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey, tetapi bagaimanapun saya mengikut saranan Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* saya akan jawab jawapan bertulis. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, sebab saya tidak pasti, tidak berapa kenal sangat Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, Yang Berhormat Menteri baca saja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey, ada seorang wakil Senator mencadangkan MARA diletakkan di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun dipantau dengan lebih dekat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa nama Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada ini sini.

#### ■1640

Ini soalan yang agak penting juga. Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah portfolio Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) adalah di atas faktor untuk meneruskan agenda pembangunan Bumiputera yang sebahagian besar masih berada di luar bandar.

Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa prihatin atas perkembangan dan kemajuan MARA serta bumiputera secara umumnya. Oleh demikian, Unit Keurusetiaan MARA telah ditubuhkan dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi menyelaras mesyuarat-mesyuarat berkaitan dengan MARA dan pembangunan bumiputera umumnya di kalangan negara ini. Unit ini sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dalam perancangan dan agenda pembangunan bumiputera secara keseluruhannya. Ada soalan tambahan, Yang Berhormat? Tidak ada.

Seterusnya, saya berpindah kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada. Tidak apa, beliau juga bertanya tentang Yang Berhormat ingin tahu bagaimana kerajaan memastikan reformasi Parlimen dapat dilaksanakan dengan 30 peratus wanita di Dewan Rakyat dan Dewan Negara?

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini di Dewan Rakyat kita ada 31 orang Ahli Parlimen daripada wanita dan Dewan Negara ini ada 13 orang Ahli Dewan Negara daripada wanita. Daripada segi Dewan Negara, ia punya peratusan lebih tinggi iaitu 19.4 peratus. Mungkin belum mencapai 30 peratus tetapi kerajaan akan cubalah sedaya upaya untuk memastikan janji kita dalam manifesto itu kita akan cuba laksanakan mengikut kemampuan ataupun mengikut sama ada kita boleh mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Saya terus kepada Yang Berhormat Hajah Sabani lagi, mencadangkan agar ditubuhkan satu unit siasatan diraja mengenai kedudukan kewangan Tabung Haji.

Walaupun Tabung Haji ini sebenarnya di bawah kementerian JPM yang menjaga urusan agama tapi soalan ini berkaitan dengan Suruhanjaya Siasatan Diraja ataupun *Royal Commission*. Jadi, ia termasuk dalam bawah bidang kuasa yang saya jaga, Tuan Yang di-

Pertua. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Suruhanjaya Siasatan Diraja ini ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119]. Di bawah seksyen 2, Akta 119 memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh jika suai manfaat, mengeluarkan suatu tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih dan memberi kuasa kepada Pesuruhjaya itu untuk menyiasat:

- (i) kelakuan mana-mana Pegawai Persekutuan;
- (ii) perjalanan atau pengurusan mana-mana Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia;
- (iii) perjalanan atau pengurusan mana-mana institusi awam yang tidak semata-mata diselenggarakan dengan Kumpulan Wang Negeri; dan
- (iv) apa-apa perkara lain yang siasatannya pada pendapat Yang di-Pertuan Agong berfaedah bagi rujukan iaitu bukan satu perkara yang melibatkan apa-apa soal yang berhubung dengan agama Islam atau adat Melayu atau (ii) berhubung dengan Sabah dan Sarawak suatu perkara yang dinyatakan dalam Butiran 10, Senarai Negeri.

Dengan syarat bahawa jika mana-mana Pegawai Persekutuan yang kelakuannya dicadangkan untuk disiasat telah pada masa berlaku kelakuan itu berkhidmat dengan sesuatu Jabatan Perkhidmatan Awam sesuatu negeri, tauliah itu hendaklah dikeluarkan hanya dengan persetujuan pihak berkuasa negeri.

Yang Berhormat, seksyen 3, Akta 119 juga memperuntukkan terma-terma tauliah, antaranya penempatan tarikh Laporan Suruhanjaya Siasatan akan diserahkan. Kerajaan juga mengambil maklum untuk cadangan daripada pelbagai pihak, termasuk Yang Berhormat supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan bagi menyiasat isu penyelewengan Tabung Haji.

Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat juga, pada 30 November yang lalu Tabung Haji telah membuat dua laporan polis terhadap bekas ataupun mantan Pengerusi Tabung Haji dan juga bekas Ketua ataupun mantan Ketua Pegawai Eksekutif, tidak sebut namalah dan juga seorang lagi individu serta barisan pengurusan kanan. Laporan pertama berhubung Program Yayasan Tabung Haji 2017(YTH), di mana dana berjumlah lebih daripada RM22 juta telah dikeluarkan untuk aktiviti yang mempunyai kecenderungan politik. Ia bertentangan dengan Memorandum dan Artikel Persatuan Yayasan Tabung Haji. Laporan kedua juga dibuat ke atas...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sudah- yang Tabung Haji ini sudah habis. Soalan yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan Suruhanjaya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Suruhanjaya. Ini jawapan yang diberikan, saya hendak membacanya mungkin... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Saya beri jawapan bertulislah, saya menuruti *guidance* daripada Tuan Yang di-Pertua. Maka, saya tidak akan *skip* tapi saya akan memberi jawapan bertulis, *is it ok?* Kalau saya bagi jawapan bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat, Menteri sudah jawab soalan dia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini berkenaan dengan Suruhanjaya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ok, maknanya kita akan mengambil kiralah cadangan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Seterusnya, saya berpindah kepada Parlimen. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, ada tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Isa tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak ada, saya *skip*, saya akan beri jawapan bertulis.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, pun tidak ada.

**Beberapa Ahli:** Tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak ada juga, ini juga saya akan bagi jawapan bertulis, ada dua soalan.

Saya terus pergi kepada kehakiman atau mahkamah. Soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh, ada? Tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini sebab saya rasa ini soalan yang mungkin penting untuk dijawab supaya tidak ada kekeliruan di situ.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Dia bertanya tentang soalan, adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan *legal fee* bagi Pesuruhjaya Sumpah- *Commissioner for Oaths*? Dia mengatakan sudah sekian lama *fee* itu berkadar RM4.

Tuan Yang di-Pertua, ada kekeliruan di sini. Dari segi untuk makluman Dewan ini, surat-surat bersumpah ini ada dua kategori, ada dua akta yang mengawal. Satu, dipanggil Kaedah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993, yang ini telah pun dipinda bermula 1 Mac 2018. Kalau afidavit itu dulu RM4, sekarang jadi RM10, dah ada perubahan. Cumanya, satu lagi akta dipanggil Akta Akuan Berkanun- *Statutory Declaration* yang ini ada satu akta, yang ini sebenarnya di bawah AGC, yang tadi itu di bawah mahkamah.

Jadi, untuk yang akuan berkanun, fees itu kalau kita angkat sumpah masih lagi RM4. Oleh sebab berdasarkan undang-undang ia belum dipinda lagi. Akan tetapi kalau melibatkan afidavit asal, dokumen ikrar, akuan terima, surat ikatan dan surat lain-lain, ia jadi RM10. Untuk yang dipanggil *exhibit*, kalau kita buat afidavit mesti ada *exhibit*. Saya rasa kalau para peguam lagi tahu lah, ia ada nilai yang berbeza, ada RM2 sehingga RM5. Untuk salinan pendua atau salinan *exhibit* ada yang RM1 hingga ke RM2.

Maknanya, telah pun direview oleh pihak kerajaan, jadi kenaikan fee ini adalah berdasarkan faktor berikut. Fee yang dikenakan di bawah Kaedah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 tidak pernah dikaji atau dinaikkan selama 25 tahun. 25 tahun sudah tidak naik, jadi kali ini kerajaan telah pun pinda. Fee di bawah Kaedah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 juga adalah terlampau rendah.

Bagi meningkatkan nilai fungsi seorang Pesuruhjaya Sumpah, setiap perkhidmatan yang dikenakan meliputi penerangan berkenaan dokumen atau akaun sumpah kepada setiap *deponent*. *Deponent* maksud orang yang *signed* afidavit itu dan setiap butir perkhidmatan dalam buku daftar dan penyelenggara dan menyimpan buku daftar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau boleh izinkan saya memberitahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa bila saya izinkan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tidak payah jawab kepada soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tiada dalam Dewan ini, tidak payah jawab itu, tidak payah jawab. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh buat keputusan untuk jawab. Kalau hendak jawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab semua. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Saya tadi mungkin salah faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Saya ingat kalau ada yang penting, saya rasa saya boleh. Jadi, saya akan minta izin dulu daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon bertanya. Boleh tanya fasal Pesuruhjaya Sumpah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Puan Asmak binti Husin:** Jadi, saya kurang faham tadi, kurang dapat penjelasan tadi. Maknanya, adakah ada cadangan untuk tengok balik dan naikkan fee itulah. Oleh sebab memandangkan ini juga adalah permintaan dari pihak Pesuruhjaya Sumpah yang mana mereka melibatkan akauntabiliti mereka yang agak tinggi dengan liabiliti yang tinggi.

Jadi, kalau RM4.00 itu dengan kenaikan yuran dan sebagainya itu, jadi adakah kita bercadang untuk meminda undang-undang berkaitan dengan ini?

■1650

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Mungkin jawapan saya tadi tidak begitu terang sehingga Yang Berhormat mungkin keliru.

Okey Yang Berhormat, saya terangkan dalam bahasa yang paling mudahlah. Dalam undang-undang berkaitan dengan pesuruhjaya sumpah ada dua. Satu dipanggil kaedah-kaedah pesuruhjaya sumpah. Perkara yang ini telah pun dipinda Yang Berhormat di mana dulu kalau afidavit itu RM4 sekarang jadi RM10, telah dipinda, telah berkuat kuasa sejak 1 Mac 2018. Perkara yang ini tidak perlu lagi kita khuatir sebab telah ada pindaan.

Cumanya dalam pesuruhjaya sumpah ini ada satu surat dipanggil Surat Akuan Berkanun (SD) *Statutory Declaration*. Contohnya, saya hendak bagi contoh kalau seorang peguam nak minta sijil *annual* ataupun sijil untuk mengamalkan sebagai peguam, antaranya dia kena buat SD, itu wajib. Jadi, SD ini ataupun akuan berkanun ini kalau kita pergi pesuruhjaya sumpah, pesuruhjaya sumpah boleh kenakan RM4 sahaja sebab itu dikawal oleh satu akta, Akta Akuan Berkanun yang mana akta itu belum lagi dipinda. Faham ya Yang Berhormat?...

**Puan Asmak binti Husin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Setakat ini belum ada tetapi kalau sekiranya selepas ini mungkin saya akan bawa benda ini ke peringkat atasan tetapi setakat ini belum. Akan tetapi benda ini satu cadangan kalau ada pindaan, kita boleh inilah. Mungkin Yang Berhormat boleh menulis surat kepada saya, kita akan bawa surat ini kepada pihak yang berkepentingan untuk menyeragamkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan kepada satu isu yang agak penting juga Tuan Yang di-Pertua tetapi saya rasa Senator tidak ada. Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan Manickam?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak ada ya. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya berkaitan dengan SPA tetapi saya tidak pasti adakah boleh saya jawab atau tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Minta maaf, saya masih lagi *lost*, *I'm lost* daripada segi arahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *No, no.* Bukan arahan Yang Berhormat. Saya sebenarnya, asas saya ialah untuk menolong Yang Berhormat Menteri supaya tidak menjawab kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soalan-soalan yang tertentu. Kalau Yang

Berhormat suka juga hendak menjawab, jawab semua tetapi Yang Berhormat tidak boleh membuat keputusan yang mana Yang Berhormat boleh jawab. Itu budi bicara saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey-okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya tidak berhasrat untuk mengambil kuasa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** *[Ketawa]* Cumanya saya hendak kata begini, jawapan ini saya akan bagi jawapan bertulislah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak jawab semua, saya tidak ada masalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak, saya pun nak cuba bagi kawan-kawan saya untuk menjawab. Kalau saya jawab semua, panjang pula Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Senator Datuk Haji Ismail Ibrahim, ada? Tidak ada ya. Ini pun juga satu yang saya akan jawab bertulis jugalah. Senator Datin Rahimah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada? Okey kalau ada saya jawab. Beliau bertanyakan soalan perbelanjaan untuk pendakwaan oleh Jabatan Peguam Negara yang menggunakan firma swasta dan pendakwaan yang melibatkan pembawaan semula wang 1MDB dari pihak berkuasa luar negara. Jadi soalannya, adakah kita bayar? Jawapannya mudah, tidak ada bayaran. Ia perkhidmatan *pro bono*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Very good.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** *In fact* saya hendak tambah lagi, untuk kesivil pun yang melibatkan rampasan kapal *Equanimity* itu pun juga tidak ada bayaran. Walaupun kita mendapatkan peguam-pegawai yang hebat sebenarnya tetapi tidak kena bayaran, *pro bono*.

Seterusnya Datuk Lee Tian Siang, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak ada? Jawapan bertulis ya. *Alhamdulillah*, kerja saya makin mudah. Saya ingat dalam Dewan Rakyat saja, Dewan Negara pun senang juga. Datin Rahimah binti Haji Mahamad?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sama, sama orangnya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Oh, minta maaf Tuan Yang di-Pertua [Ketawa] Beliau bertanya tentang GIACC, bagaimana penstrukturran semula kepada EAIC iaitu Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, SUHAKAM dan IIM iaitu Institut Integriti Malaysia- oleh kerajaan dan juga bagaimanakah dengan peruntukan EAIC, IIM dan SUHAKAM ekoran perwujudan GIACC.

Untuk makluman Yang Berhormat, penstrukturran semula urusan *governance integrity* dan pencegahan rasuah melalui penubuhan Pusat Governans Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) tidak akan menggugat peranan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) termasuk juga peruntukan yang diberikan kerajaan.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 4 Bil. 4 Tahun 2018 pada 21 September 2018 telah bersetuju supaya peranan EAIC diperhalusi dan diberikan punca kuasa yang sewajarnya untuk berfungsi sebagai Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC).

Dalam mesyuarat yang sama juga telah dipersetujui supaya Institut Integriti Malaysia membantu GIACC di peringkat operasi dengan memainkan peranan dalam pembangunan kapasiti ataupun *capacity building* kepada semua agensi di sektor awam, GLC dan korporat. Bagi SUHAKAM pula, setakat ini SUHAKAM tidak mempunyai sebarang cadangan penstrukturran semula.

Seterusnya soalan yang sama, apakah terma rujukan dan mekanisme *statutory* kewujudan GIACC. Ini juga ditanyakan oleh Senator yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan semua Ahli Yang Berhormat, GIACC tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat apa-apa salah laku berkaitan rasuah dalam kalangan kakitangan agensi penguatkuasaan. Apa-apa aduan berkaitan rasuah yang diterima daripada orang ramai masih lagi di bawah kuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ataupun SPRM. GIACC ditubuhkan di bawah perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan 2018 bertarikh 10 Mei 2018 dengan enam terma rujukan iaitu:

- (i) menasihati kerajaan dalam aspek governans, integriti dan anti rasuah;
- (ii) merancang strategi dan pelan tindakan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di peringkat nasional;
- (iii) menyelaras pelaksanaan inisiatif governans, integriti dan anti rasuah oleh agensi pelaksana;
- (iv) memantau prestasi semua inisiatif dan agensi-agensi pelaksana;
- (v) menilai keberkesanan tindakan oleh agensi pelaksana;

- (vi) melaporkan dapatan tindakan- dapatan ini bermakna *finding*, tindakan berkaitan aspek governans, integriti dan antirasuah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada agensi MAMPU. Dato' Hajah Fahariyah, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak ada ya. Saya akan bagi jawapan bertulis.

Datin Rahimah lagi, ada ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Beliau bertanyakan bagaimana kerajaan menangani isu integriti ketirisan penyampaian semasa bekerja agar penyampaian kerajaan dapat dipertingkatkan. Bagi menangani isu integriti ketirisan, kerajaan akan melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada bulan Januari 2019. NACP ini akan meliputi semua aspek berpandukan risiko rasuah di pelbagai sektor terutamanya perkhidmatan awam. Pelan ini kemudiannya dilaksanakan di Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) akan melaksanakan penyelarasan, pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan pelan tersebut.

Selaras dengan Pelan Antirasuah peringkat nasional, setiap kementerian dan agensi juga akan menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi mengikut strategi antirasuah masing-masing. Ini bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terus dipertingkatkan dengan mengurangkan ketirisan dalam kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir berkaitan dengan SPR, Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan yang dibangkitkan. Pertamanya daripada Senator Puan Lim Hui Ying?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada ya, yang mencadangkan supaya penurunan had umur pengundi perlu diselaraskan dengan proses pendapatan dan pengundi secara automatik.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum kerajaan secara prinsipnya telah meluluskan cadangan untuk menurunkan umur layak mendaftar sebagai pengundi daripada umur 21 tahun kepada 18 tahun. Selaras dengan keputusan tersebut, Suruhanjaya Pilihan Raya sedang mengadakan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Peguam Negara dan Jawatankuasa Pembelaan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya Malaysia ataupun dalam bahasa Inggerisnya *Electoral Reform Committee* ataupun ERC untuk meneliti pindaan undang-undang yang terlibat termasuk pindaan kepada undang-undang yang sedia ada.

**■1700**

Berhubung dengan cadangan pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik, SPR sedang meneliti berkaitan perkara tersebut, di mana ia akan melibatkan cadangan pindaan kepada undang-undang sedia ada, perubahan proses dan prosedur kerja, urusan pendaftaran pemilih, keperluan sistem dan peralatan serta implikasi kewangan. Pada masa yang sama, ERC juga sedang mengkaji cadangan pelaksanaan urusan pendaftaran pemilih secara automatik.

SPR juga sedang melihat kesesuaian penyelesaian cadangan mengenai had umur mengundi dalam proses pendaftaran secara automatik sama ada ianya boleh dilaksanakan atau tidak. Ada soalan Yang Berhormat? Tidak, okey. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Oh, ada. Sorry.

**Datuk Razali bin Idris:** Satu soalan berkenaan dengan SPR. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pendek sahaja. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk mengumumkan tarikh pilihan raya daripada sekarang? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Untuk maklumat Yang Berhormat, itu tidak ada lagi dalam manifesto ataupun dalam cadangan lagi. Akan tetapi bagaimanapun itu satu cadangan yang baik. Sebenarnya saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat tadi. Akan tetapi buat masa ini Yang Berhormat minta maaf, tidak ada apa-apa keputusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ya. Kalau ada nanti, kita akan beritahu Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Theodore Douglas Lind, ada?... Ada.

Yang Berhormat Senator ingin tahu bilakah kerajaan akan memulakan proses pembersihan daftar pemilih di Sabah, spesifik di Sabah.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, SPR menjalankan urusan pengemaskinian daftar pemilih secara menyeluruh termasuklah bagi negeri Sabah daripada masa ke semasa. Berdasarkan pada Peraturan 10 dan Peraturan 25, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Ini termasuklah memotong nama pemilih yang telah disahkan meninggal dunia dan memotong nama pemilih yang telah disahkan melepaskan atau dilucutkan hak kewarganegaraan.

Sehingga 30 September 2018, SPR telah membuat pengemaskinian daftar pemilih yang melibatkan sebanyak 103,315 orang pemilih yang telah meninggal dunia. Seramai 2,120 orang pemilih yang telah melepas ataupun dilucutkan taraf kewarganegaraan untuk seluruh negara. Ini adalah berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada Jabatan Pendaftaran Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak SPR berhubung dengan Jabatan Pendaftaran Negara ini, dengan izin, *on daily basis*. Kalau ada orang mati saja, dia akan hubungi dan SPR akan terus mengambil tindakan. Ini yang saya difahamkan oleh pihak SPR.

Di samping itu, SPR juga akan mewujudkan Jawatankuasa Dasar Penambahbaikan Daftar Pemilih. Saya ulang, SPR juga mewujudkan Jawatankuasa Dasar Penambahbaikan Daftar Pemilih yang dipengerusikan oleh pengurus SPR sendiri. Ini menunjukkan keseriusan SPR, di mana jawatankuasa tersebut akan membuat penelitian menyeluruh terhadap isu-isu yang berkaitan dengan urusan pendaftaran pemilih dan seterusnya mengenal pasti mekanisme yang sesuai dan yang terbaik untuk dilaksanakan oleh SPR kelak.

SPR juga telah dan sedang melaksanakan kerjasama strategik dengan jabatan-jabatan dan agensi, NGO, dan parti-parti politik khususnya dalam membuat penambahbaikan terhadap daftar pemilih yang disediakan oleh SPR.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja soalan-soalan. Yang Berhormat, ada soalan tambahan?

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang masalah daftar pemilih di Sabah, berkenaan dengan kebanyakan orang yang memegang IC yang palsu, khususnya dari *Philippines*, Indonesia, India dan Pakistan juga. Jadi mereka ini digunakan untuk tujuan politik oleh kerajaan dahulu. Jadi soalan saya, bilakah daftar pemilih ini akan di-membersihkan pendaftar-pendaftar yang haram ini. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey, untuk maklumat Yang Berhormat berkaitan dengan pemilikan IC haram ini bukan di bawah bidang kuasa SPR. Ia di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi SPR ini ia tidak ada kepakaran untuk meneliti kewarganegaraan mereka. Ia hanya bergantung pada maklumat yang diberikan oleh JPN.

Jadi kalau sekiranya Yang Berhormat sendiri ada maklumat ataupun dari pihak Sabah dan Sarawak ada maklumat bahawa orang-orang ini adalah mereka yang ada IC palsu ataupun IC yang memang dipanggil *fake*- palsu sama dengan *fake*. Jadi, Yang Berhormat boleh maklum kepada SPR. Kita akan menyediakan dan akan *liaise* ataupun akan berhubung dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk memastikan hanya warganegara Malaysia sahaja yang berhak mengundi. Oleh sebab itu adalah jaminan dalam perlembagaan. Jadi saya harap Yang Berhormat juga boleh bantu pihak SPR dengan memberikan maklumat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk sekejap Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila kita buat penyemakan, bila salah seorang itu berdaftar

untuk menjadi pengundi, SPR ada *check* dengan Jabatan Pendaftaran Negara ataupun tidak?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Saya difahamkan ada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada, macam mana boleh ada pengundi hantu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ini sebenarnya bila orang hendak menang pilihan raya, macam-macam dia buat. Dulu-dulu, sekarang tak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu soalan Yang Berhormat, bukan?

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Bukti itu sudah ada Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah ada RCI pada tahun 2013. RCI itu juga telah buat *recommendation* pada kerajaan. Jadi kenapa tidak boleh gunakan itu sebagai bukti?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah beritahu Dewan yang mulia ini Yang Berhormat boleh berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Tidak, tidak. Apa yang dimaksudkan- maaf Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri minta saya buktikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan, bukan. Dia bukan cakap kalau ada bukti, minta Yang Berhormat membuktikan. Kalau ada keterangan, kalau diberi kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri akan mengambil tindakan sewajarnya.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Tidak. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, bukti itu sudah tidak ada, dengan keputusan RCI. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat faham dia cakap ada keputusan RCI. Kenapa kementerian tidak menggunakan keputusan RCI itu untuk membersihkan senarai pengundi?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Untuk makluman Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cadangan yang baik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya ingin beritahu seperti ini, RCI ini, saya sebenarnya tidak boleh menjawab dari segi RCI itu.

Walau bagaimanapun, saya akan berbincang dengan pihak penggerusi SPR sendiri, sama ada cadangan Yang Berhormat sebentar tadi kalau betul RCI itu mengandungi semua maklumat pengundi hantu, saya rasa penggerusi baharu baru ambil jawatan ini. Kita akan cuba. Oleh sebab kita memang komited untuk membersihkan semua ini dari sebarang unsur-unsur yang boleh menyebabkan ada pengundi ragu.

Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tadi Tuan Yang di-Pertua berkata tentang pengundi hantu. Dalam undang-undang Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Perkataan yang saya guna ialah pengundi hantu tetapi ini adalah berkenaan dengan kad pengenalan haram.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey, sebenarnya dalam konteks undang-undang Tuan Yang di-Pertua, pengundi hantu ini bukan sahaja melibatkan orang yang memiliki IC palsu sahaja, tetapi juga melibatkan orang yang mengundi bagi pihak orang lain. Dalam undang-undang ini berkata, penyamaran...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Imposter.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Penyamaran ini termasuk dalam *corrupt practice* sebenarnya. Ia masuk dalam seksyen 7 kalau tak silap saya. Saya pernah membuat kes semasa pilihan raya, penyamaran ini memang berlaku. Akan tetapi masalahnya yang paling besar adalah, selalunya dia mengambil IC orang lain. Dia punya modus operandi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, mereka akan, mereka ini ada satu, bagi saya mereka buat kerja juga, mereka buat *homework* juga. Mereka akan teliti, contohnya dalam pilihan raya, berapa tahun, dia akan ambil daftar pemilih dan akan lihat berapa kali pilihan raya dan berapa kali orang ini tidak keluar.

Kalau dikatakan orang ini tidak keluar, katakan nama si 'A' sudah tak keluar dalam tiga kali pilihan raya, mereka akan gunakan IC orang ini untuk pilihan raya akan datang. Contohnya pada pilihan raya lepas dia tidak hadir dalam hari pengundian, jadi nama dia akan diambil oleh pengundi hantu yang sekarang ini untuk digunakan, dia ambil IC itu.

Ini yang berlaku berdasarkan undi hantu, ia berlaku dalam keadaan begitu. Bukan mereka tiada IC, tetapi mereka ambil IC orang lain dan mereka gunakan. Ataupun mereka buat IC palsu, gunakan nama orang pengundi yang asal. Jadi bila pengundi asal datang, tak boleh mengundi. Ini yang berlaku.

Saya pernah buat kes ini semasa Pilihanraya Pengkalan Pasir di Kelantan. Ia memang berlaku, saya masih ingat nama orang itu, Yusof bin Harun. Dia datang pukul-  
dan orang pengundi hantu ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, mereka akan buat pada pukul 8 pagi. Mereka akan buat di waktu pagi.

Jadi orang yang sebenarnya, pengundi yang sebenarnya, datang pada pukul-selepas itu, biasanya mereka tidak boleh mengundi. Oleh sebab nama mereka sudah dipadamkan disebabkan mereka sudah mengundi. Sebenarnya bukan dia yang mengundi, orang lain yang mengundi. Ini yang berlaku sebenarnya, modus operandinya sebegitu. Jadi saya harap benda ini tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang. Itu sahaja, terima kasih kepada semua. Lagi sekali saya memohon kemaafan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada juga lagi seorang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ada lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari Sabah.

■1710

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya satu soalan- mungkin tidak berapa pasti tetapi macam saya pasti, pasti juga-adakah SPRM di bawah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Speaker tidak pasti.

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** ...Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** SPRM?

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** SPRM.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah?

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** Soalan saya yang belum dijelaskan. Bagus saya baca sekalilah supaya lebih jelas. Akhir sekali dalam perbahasan saya hari itu, saya menyambut baik hasrat kerajaan untuk menempatkan SPRM di bawah Parlimen. Usaha ini adalah baik bagi membolehkan SPRM bergerak dengan lebih bebas dan berkecuali. Buat masa sekarang walaupun SPRM sedang giat melakukan pelbagai siasatan yang melibatkan kerajaan terdahulu berhubung dengan dakwaan rasuah dan penyelewengan namun pelbagai pihak mempersoalkan keadilan dan kebebasan SPRM melaksanakan tanggungjawab mereka.

Rakyat bertanya kenapa SPRM bersungguh-sungguh mahu menyiasat kes 1MDB tetapi tidak dalam kes-kes yang lebih besar yang lain seperti kes *Forex Bank Negara Malaysia* di mana satu suruhanjaya siasatan diraja telah diadakan. Kes penyelewengan syarikat penerbangan MAS, IPPP, PETRONAS dan PEWAJA serta beberapa lagi yang melibatkan kerugian berbilion ringgit wang rakyat. Malah jika disatukan semua entiti ini jumlah kehilangan dan kerugian amat besar jika dibandingkan dengan kerugian 1MDB.

Oleh itu, saya mohon penjelasan daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengapakah siasatan tidak dilakukan terhadap entiti-entiti ini. Saya percaya banyak laporan polis telah dibuat termasuk laporan yang dibuat oleh Yang Berhormat Lim Kit Siang.

Saya juga mencadangkan supaya kes-kes ini disiasat dan dibawa kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi membolehkan siasatan terperinci dilaksanakan dan seterusnya dibentangkan dalam Parlimen. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diulang balik ucapan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah. Sebenarnya saya sudah jawab beginilah- mungkin Yang Berhormat agak ketinggalan kereta api sedikit, minta maaf ya. Sebab apa sepatutnya

soalan Yang Berhormat kata tadi tentang apabila Lim Kit Siang sepatutnya semasa kerajaan lama Yang Berhormat bercakap, minta mereka semua didakwa pada masa itu. Sekarang ini Yang Berhormat, kenapa kita- mungkin Yang Berhormat nampak macam seolah-olah SPRM tumpukan 1MDB sebenarnya tidak begitu. Sebenarnya SPRM ini menyiasat semua kes.

Akan tetapi mungkin 1MDB ini dilihat lebih orang lebih *pick-up* khususnya surat khabar dan media sebab saya rasa surat khabar tidak salah juga sebab selama ini sebelum ini 1MDB ini boleh dikatakan kebal, tidak langsung boleh disentuh. Setelah kita tukar Peguam Negara, setelah kita tukar kerajaan baru kita nampak 1MDB ini boleh dibahaskan di Parlimen, boleh didakwa di mahkamah dan *insya-Allah* saya rasa tidak mustahil kalau dahulu kita melihat, kalau sekarang kita melihat bekas Perdana Menteri didakwa berkemungkinan selepas ini banyak lagi orang-orang yang akan didakwa.

Jadi inilah yang menyebabkan Yang Berhormat mungkin nampak seolah-olah macam kita tumpukan ini sedangkan 1MDB ini terlalu lama, *overdue* terlalu lama sangat sebab itu Yang Berhormat mungkin ternampak macam seolah-olah 1MDB sahaja diberi penekanan sebenarnya tidak. SPRM menyiasat semua.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM ini bukan sahaja menyiasat semua malahan kadang-kadang maklumat yang berbentuk ibarat macam maklumat surat layang pun mereka ambil tindakan. Setiap pagi pukul 8 pagi, mereka akan bermesyuarat- mereka ada satu jawatankuasa yang akan mengambil semua laporan atau aduan yang ditimbulkan walaupun aduan itu mungkin tiada nama dan jika mereka merasakan bahawa aduan ini adalah aduan yang *genuine*, dengan izin, ataupun *legitimate* mereka akan ambil tindakan. Jadi sebenarnya hendak kata SPRM hanya menyiasat 1MDB sahaja tidak betul. Tidak begitu tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Salah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, so SPRM ini siasat semuanya yang di...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Memang- bukan suruh, memang sudah siasat pun..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah siasat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Cumanya hendak mendakwa ini bukan pihak SPRM, ia adalah melibatkan Peguam Negara. Oleh sebab terlalu *long* dia punya *list* mungkin terpaksa ambil nombor giliranlah Yang Berhormat. Ramai sangat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Kementerian Dalam Negeri. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

### 5.15 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 12 orang Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2019 di Dewan yang mulia ini dari 11 sehingga 13 Disember 2018 yang telah menyentuh portfolio Kementerian Dalam Negeri. Saya akan menggulung perbahasan tersebut berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** ...Telah mencadangkan supaya rondaan APMM dipertingkatkan di perairan wilayah Sarawak. Saya akan menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin mengenai status keselamatan ESSZONE serta program-program pengawasan maritim.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mempunyai jumlah kekuatan aset sebanyak 14 buah kapal dan 18 buah bot di maritim negeri Sarawak dan diperkuatkan dengan kehadiran dua buah kapal kelas OPV ataupun *offshore patrol vessel*, dengan izin, iaitu KM Arau dan KM Banggi yang ditempatkan di Kota Kinabalu, Sabah yang dioptimumkan pengoperasian di perairan Sabah dan juga di perairan Sarawak.

Zon had kawalan APMM adalah sejauh 200 batu nautika sehingga ke *Exclusive Economic Zone* ataupun EEZ, dengan izin. APMM sentiasa melaksanakan rondaan 24/7, 24 jam seminggu dengan mengoperasi enam *vessel* setiap hari bagi mengawal perairan Sarawak termasuk bagi tujuan pemantauan di gugusan Beting Patinggi Ali (BPA). APMM juga akan diperkuatkan dengan kehadiran aset baru kelas *New Generation Patrol Craft* (NGPC) iaitu KM Sri Aman dan KM Kota Kinabalu yang ditempatkan secara *squadron* di Kuching, Sarawak bermula awal tahun 2019.

Aset-aset yang baru ini akan diatur gerak bagi meningkatkan rondaan di perairan Sarawak terutamanya di kawasan *hotspot* dan juga BPA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan keselamatan di kawasan Zon Selamat Pantai Timur Sabah ataupun ESSZONE adalah dalam keadaan terkawal dan operasi bersepada di kalangan agensi penguat kuasa berterusan seperti biasa. Walau bagaimanapun, kerajaan menerima hakikat bahawa masih banyak yang perlu dipertingkatkan dan ditambah baik dan sekarang masih di dalam peringkat perbincangan

di peringkat kementerian khususnya melibatkan ESSCOM, kita akan memperincikan peranan ESSCOM ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sejak ESSCOM ditubuhkan tiada lagi insiden pencerobohan berlaku sehingga insiden penculikan dua warga Indonesia di perairan Pulau Bodgaya, Semporna pada 11 September 2018 baru-baru ini dan penculikan tiga nelayan warga Indonesia di luar perairan laut di Kinabatangan pada 5 November 2018 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dan komited dalam menjaga kedaulatan dan keselamatan negara dari sebarang ancaman dan marabahaya. Apa yang ketara kewujudan ESSCOM telah memberi impak positif terhadap tahap keselamatan di pantai timur Sabah dengan penurunan kadar jenayah rentas sempadan berbanding sebelum kewujudan ESSCOM. ESSCOM merangka pendekatan yang lebih holistik dan bersepada bagi memperkemaskan bentuk kawal selia di perairan ESSZONE antaranya termasuklah seperti berikut:

- (i) memperkuatkkan penempatan pasukan keselamatan di daratan sepanjang ESSZONE khususnya di kawasan laluan berisiko tinggi yang telah dikenal pasti;
- (ii) mengatur gerak aset laut di sepanjang perairan ESSZONE khususnya yang berdepan dengan laluan-laluan yang dikenal pasti bagi mewujudkan *visual present and deterrence*;
- (iii) mengatur gerakan pasukan khas ataupun *special force* dengan *quick response force* ke lokasi-lokasi strategik untuk tindakan cepat di samping memperaga kehadiran;
- (iv) mengatur gerak *vessel* yang dilengkapi dengan sistem pengawasan *radar point defense* daripada tiga buah pulau, sistem kamera jarak jauh dan pengawasan pesawat udara;

#### ■1710

- (v) perkongsian maklumat dan risikan di peringkat taktikal dan operasi baik secara intra agensi dan juga dengan pasukan perisikan Filipina;
- (vi) melaksanakan operasi-operasi di darat dan juga di laut sebagai usaha pencegahan dan sebagai memperagakan kehadiran, *show of force*;
- (vii) melancarkan operasi-operasi khas mengasak sarang-sarang penjenayah dan tali barut *Abu Sayyaf Group* dari masa ke semasa-sebagaimana kita tahu baru-baru ini kita telah menangkap empat orang yang disyaki terlibat dengan *Abu Sayyaf* di kawasan Sabah khususnya di Ranau dan;

- (viii) memastikan semua bot nelayan dan *Tugboat* memasang *Automatic Identification System*, dengan izin, AIS dan alatan komunikasi dan;
- (ix) melaksanakan arahan perintah berkurung terhadap 10 daerah ESSZONE dari jam enam petang hingga enam pagi;
- (x) memberikan taklimat keselamatan kepada orang-orang awam termasuklah penduduk kampung di kawasan terpencil dan berdekatan laut, pemilik-pemilik *resort* dan juga *chalet*, pemilik restoran dan pemilik permis perniagaan yang berisiko tinggi; dan
- (xi) sentiasa mengkaji semula strategi dan kesesuaian operasi keselamatan dan juga kelengkapan yang sedia ada untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun, telah menanyakan mengenai langkah-langkah pemerkasaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta isu-isu dalam membanteras dadah di negara ini.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperkasakan AADK dengan pembekal keselamatan seperti *T-Baton*, *pepper spray* dan juga senjata api bagi tujuan mempertahankan diri semasa menjalankan operasi menahan penagih dadah yang agresif dan pengedar dadah kecil-kecilan yang mempunyai senjata berbahaya.

AADK juga mempunyai sebanyak 15 buah lokap atau Pusat Tahanan Reman di seluruh negara bagi menempatkan Orang Kena Tahan (OKT). Pada tahun 2019, AADK diperuntukkan sebanyak RM485,000 bagi pembelian kelengkapan keselamatan dan juga jumlah ini akan diguna pakai sebaik-baiknya untuk memperkasakan tindakan penguatkuasaan AADK.

Selain itu, semua pegawai AADK juga disediakan suntikan imunisasi bagi menghalang jangkitan penyakit berjangkit daripada penagih dadah semasa menjalankan tugas. Pada tahun 2019, Kementerian Dalam Negeri telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi pemberian vaksin penyakit berjangkit kepada anggota keselamatan dan juga jumlah ini termasuklah kepada anggota AADK.

AADK dan Polis Diraja Malaysia sentiasa bekerjasama dalam menangani masalah dadah melalui operasi bersepadu serta mesyuarat-mesyuarat penyelarasan. Pada tahun 2018, sehingga bulan November- sebanyak 1,135 operasi bersepadu telah pun dilaksanakan dengan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengharmonikan bidang tugas antara AADK dan juga Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri telah membuat pembahagian tugas seperti berikut:

- (i) PDRM bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas pengurangan bekalan dadah yang meliputi penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti pengedaran dan juga jenayah berkaitan dadah serta menumpaskan sindiket pengedaran dadah. Dalam hal ini PDRM melaksanakan sepenuhnya Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Hak Harta) 1988; dan
- (ii) Akta AADK pula, diberi tanggungjawab untuk melaksanakan tugas pengurangan permintaan dadah yang meliputi program-program pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan serta pengesanan penagih dadah. Dalam hal ini AADK melaksanakan sepenuhnya peruntukan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah sedikit.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Sila.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apa pun saya ucap tahniah dan terima kasih atas penjelasan dan jawapan yang begitu baik. Saya ada satu lagi tambahan iaitu sejauh manakah kerjasama antara PEMADAM dan juga pihak AADK serta pihak KDN dalam mendidik masyarakat untuk tidak terlibat gejala penyalahgunaan dadah ini terutamanya di kalangan pelajar sekolah dan juga mereka yang masih muda, terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan sebentar tadi. Yang Berhormat Senator bertanyakan tentang apa pula peranan PEMADAM. PEMADAM ini merupakan satu NGO yang berperanan untuk membantu pihak kerajaan dalam kerja-kerja untuk memberi pendidikan tentang bahaya penyalahgunaan dadah khususnya melibatkan pelajar-pelajar dan ini merupakan satu kerjasama di antara PEMADAM dan juga agensi kerajaan terutamanya- banyak membantu sebenarnya PEMADAM ini, khususnya dalam bidang masuk ke sekolah-sekolah di universiti-universiti ke kampung-kampung.

Jadi ini antara perkara yang kita selaraskan- *insya-Allah* saya juga sebenarnya telah diamanahkan untuk menerajui PEMADAM ini. Kita akan duduk dan bincang untuk kita merangka satu gerak kerja yang bersepada agar PEMADAM, AADK dan juga termasuk

pihak polis dapat bekerjasama dalam memastikan hasrat untuk mengurangkan penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah ini dapat kita jayakan secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Telah menanyakan sama ada kerajaan bercadang untuk mengiktiraf *Malaysian Siamese Buddhist Monk Organization* (MSBMO) bagi meluluskan bagi permohonan Pas Lawatan (Ikhtisas).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini permohonan Pas Lawatan (Ikhtisas) bagi kategori mualigh lain-lain agama perlu mendapat sokongan daripada badan seperti Malaysia Hindu Sangam bagi agama Hindu, Majlis Gurdwara Malaysia bagi Sikh, Persatuan *Buddhist* Malaysia ataupun Persatuan Belia *Buddhist* Malaysia bagi agama Buddha, dan *National Evangelical Christian Fellowship* bagi agama Kristian.

Pelantikan badan pengesah ataupun penyokong berkenaan adalah bagi memastikan pengamal agama asing yang di bawah masuk menjalankan aktiviti yang sah di Malaysia selaras dengan syarat Pas Lawatan (Ikhtisas). Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pertimbangan, semua permohonan untuk membawa masuk sami-sami untuk mengajar di wat-wat Siam perlu dikemukakan kepada Persatuan *Buddhist* Malaysia ataupun Persatuan Belia *Buddhist* Malaysia untuk sokongan sebelum permohonan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa Mualigh Lain-lain Agama yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Imigresen.

Mesyuarat ini dianggotai oleh Kementerian Dalam Negeri, PDRM, dan Jabatan Imigresen Malaysia. Justeru, kementerian pada masa ini tidak bercadang untuk menambah bilangan badan pengesah bagi permohonan sami Buddha di Malaysia...

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Mohon hendak mencelah Tuan Yang di-Pertua. Cadangan saya ialah untuk memudahkan pemohon-pemohon di bahagian Utara Semenanjung kerana wat-wat Siam ini semua kebanyakannya di Utara Semenanjung. Jadi jika boleh dan sepatutnya tiada alasan untuk tidak boleh untuk menambah MSBMO ini satu lagi badan yang akan menjadi penyokong untuk mohon Pas Lawatan (Ikhtisas) untuk sami-sami daripada luar negara. Terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan sebentar tadi. Sebagaimana saya sebut tadi buat masa ini kementerian masih menganggapkan bahawa badan yang ada sekarang ini masih mencukupi untuk kementerian mengambil pandang daripada badan-badan yang telah pun kita sebut sebentar tadi.

Walaupun begitu, saya mencadangkan agar Yang Berhormat mungkin boleh berbincang dengan Persatuan Belia *Buddhist* Malaysia untuk bekerjasama tentang bagaimana cara untuk mempermudah urusan ini. Akan tetapi di peringkat kementerian,

sebagaimana yang saya sebutkan tadi- pada masa ini kita masih beranggapan bahawa ia masih mencukupi dan setakat ini kita merancang untuk mengekalkan...

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Yang Berhormat telah bertanyakan mengenai Pas Lawatan Sementara bagi crew perkapalan warga asing dan cadangan pembangunan Balai Polis Pusat Bandaraya Miri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat untuk daftar masuk dan keluar, *sign on and sign off*, dengan izin, adalah untuk anak kapal kategori yang berlayar masuk dari satu pelabuhan tempatan ke pelabuhan luar daripada perairan Sarawak, contohnya *Cargo Liner* ataupun *Kapal Cruise*. Prosedur-prosedur *sign on* dan *sign off* hanya terpakai untuk *bona fide crew*- anak kapal tulen.

### ■1730

Ejen berdaftar hendaklah mengemukakan surat daripada Jabatan Laut bersama syarat-syarat lain yang diperlukan mengikut ‘Pekeliling Imigresen Malaysia (Terhad) Bil. 19, Tahun 2005 (Arahan Tugas Ketua Pengarah)’ bagi tujuan pertimbangan kemudahan *sign on* dan *sign off* oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Selain daripada itu, kategori kapal kargo *liner* dan *cruise*, kapal lain yang beroperasi di perairan Sarawak, sungai dan laut dalam hendaklah dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi anak-anak kapal tersebut termasuk kapal menangkap ikan, kapal korek, kapal tunda dan kapal *feeder*.

Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sarawak telah melaksanakan penambahbaikan terhadap arahan penangguhan Pas Lawatan Kerja Sementara jangka pendek kepada anak kapal bukan warganegara di atas vessel/penangkapan ikan tempatan seperti mana Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 10 Tahun 2007 bertarikh 31 Mei 2017 iaitu dengan memberikan kebenaran kepada Jabatan Imigresen di negeri untuk membuat lanjutan Pas Lawatan Kerja Sementara untuk anak kapal nelayan sekiranya ada permohonan daripada pihak majikan.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai cadangan pembangunan balai polis di Pusat Bandaraya Miri. Semakan kementerian mendapati balai polis ini masih lagi berfungsi untuk menjalankan operasi sedia ada walaupun telah didirikan sejak tahun 1954. Pihak kementerian kini sedang memberi penumpuan dan keutamaan bagi membina projek sedia ada serta kerja-kerja menaik taraf premis PDRM lain yang sangat-sangat kritikal dan uzur serta memerlukan kerja penambahbaikan yang segera.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan yang benar-benar mendesak bagi tujuan baik pulih ataupun pembinaan balai polis yang baharu di Pusat Bandaraya Miri, pihak kementerian akan meneliti untuk dipertimbangkan bagi pelaksanaan dalam *Rolling Plan* berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim...

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Ada.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** ...Telah bertanya mengenai hal ehwal penjara kawalan sempadan dan kepolisan. Berhubung dengan hal ehwal penjara, saya akan menjawab bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik banduan di seluruh Malaysia pada 12 Disember 2018 adalah sebanyak 65,891 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 11,653 orang merupakan banduan sabitan warga asing.

Bagi tahun 2019, kerajaan akan membina satu blok banduan baharu di Penjara Pusat Kota Kinabalu. Kerajaan juga akan memperuntukkan kepada Jabatan Penjara untuk mempertingkatkan keselamatan penjara. Antara lainnya untuk menaik taraf sistem maklumat pengurusan pesalah, perolehan anjing pengesan dan perolehan keselamatan penjara seperti baju kalis peluru, helmet balistik, senjata api dan *walkie-talkie*. Selain daripada itu juga, bagi memastikan keselamatan pegawai dan anggota Jabatan Penjara sentiasa berada dalam keadaan selamat, antara langkah-langkah yang akan diambil bagi menangani masalah banduan agresif adalah seperti berikut:

- (i) pegawai penjara dilengkapi dengan kemahiran mempertahankan diri seperti di dalam arahan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara, Bil. E334, Tahun 2010;
- (ii) kakitangan penjara dilengkapi dengan peralatan keselamatan seperti cota, gari, gas pemedih mata dan *taser gun non-lethal weapon*, dengan izin;
- (iii) kakitangan perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan dan arahan semasa seperti arahan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara, Bil. E334, Tahun 2010 bagi mencegah serangan banduan ke atas mereka;
- (iv) mengenal pasti kelemahan yang wujud dalam struktur fizikal bangunan dan sistem keselamatan yang sedia ada serta mengambil tindakan penambahbaikan; dan
- (v) rekod banduan seperti sel doket banduan sentiasa dikemas kini bagi memudahkan pemantauan dan juga semakan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penjara turut mengadakan *correctional* melalui pendekatan kemahiran vokasional dan industri. Walau bagaimanapun, ia bukan bermatlamat menjanakan pendapatan Jabatan Penjara tetapi memfokuskan untuk memberikan latihan kemahiran secara bersijil dan tidak bersijil kepada penghuni penjara dalam tempoh menjalani hukuman di mana bayaran insentif mengikut sistem peringkat akan diberikan kepada penghuni penjara dan hasil usaha penghuni penjara tersebut juga akan dijual. Objektif latihan vokasional dan kemahiran kepada penghuni penjara bertujuan adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan latihan vokasional kepada banduan seiring dengan kemajuan teknologi industri di Malaysia;
- (ii) banduan berpeluang memiliki sijil vokasional yang diiktiraf bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan dan dapat mempertingkatkan ekonomi keluarga; dan
- (iii) mencegah kemasukan semula ke penjara apabila bekas banduan tidak mengulangi langkah jenayah mereka.

Pendapatan hasil *infocraft* iaitu hasil kraf tangan daripada banduan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM400,311.90, manakala bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM375,255. Bagi tahun 2019 pula, jabatan telah mengunjurkan pendapatan hasil *infocraft* sebanyak RM500,000.

Unjuran sasaran hasil keseluruhan yang merangkumi *infocraft* perkhidmatan refleksologi, pastri dan produk *MyPride*, baju dan hasil tangan yang telah ditetapkan oleh Seksyen Vokasional dan Industri, Jabatan Penjara Malaysia. Hasil berbayar, hasil tidak berbayar dan program penjimatan sara diri dan disalurkan terus kepada akaun Tabung Amanah Kebajikan Banduan adalah seperti berikut. Tahun 2017 RM36 juta, tahun 2018 RM36 juta dan tahun 2019 RM37 juta.

Selain daripada itu, kerajaan juga sentiasa menghargai dan menyanjung pengorbanan dan keikhlasan NGO dan individu-individu yang menyumbang secara fizikal dan juga kewangan dalam membantu Jabatan Penjara Malaysia dalam proses rehabilitasi penghuni penjara di dalam mahupun di luar tembok penjara.

Antara NGO yang terlibat adalah seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), yayasan *correctional*, kelab sahabat, Majlis Perbandaran dan ketua masyarakat. Bagi menghargai NGO-NGO ini, Jabatan Penjara memberikan pengiktirafan berbentuk sijil penghargaan dan juga pingat jabatan serta pangkat kehormat kepada mereka sempena Hari Penjara dan juga dalam program-program khusus jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai perbelanjaan sebanyak RM580 juta dalam program penguatkuasaan maritim. Ia

bertujuan untuk memberikan impak maksimum dalam menangkis jenayah pengedaran dadah dan pemerdagangan orang serta pencerobohan kawasan ekonomi Malaysia. Daripada perbelanjaan RM580 juta tersebut, sebanyak RM469.2 juta dalam program penguatkuasaan maritim ini melibatkan perolehan tiga buah *offshore vessel* OPV. Perolehan 30 buah Bot Kilat 12 meter dan projek senggaraan kapal dan bot yang sedia ada untuk kegunaan operasi mencegah kelakuan jenayah dan kesalahan di laut serta mencari dan menyelamat maritim.

Selain itu, projek pembinaan Sistem Pengawasan Maritim (Laut SWASLA) mampu memberikan impak maksimum dalam menangkis jenayah pengedaran dadah dan pemerdagangan orang serta pencegahan kawasan ekonomi Malaysia. Kementerian juga sentiasa memastikan kerjasama di antara agensi kerajaan yang lain seperti TLDM, TUDM, Jabatan Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan dan Petronas bagi meningkatkan keberkesanan kawalan sempadan di perairan negara. Melaksanakan operasi khas padu yang melibatkan agensi maritim utama negara iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia, Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan Malaysia yang dilancarkan pada 24 Ogos 2017 dan masih lagi diteruskan sehingga sekarang dengan operasi terbaru adalah pada 11 Disember 2018 melibatkan Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Kastam Malaysia bertujuan untuk mempertingkatkan kawalan sempadan perairan negara daripada dibolosi.

Berkenaan dengan kerjasama...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Menteri lupa cakap APMM. APMM tidak membantu dalam operasi ini?

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Ada, ada, selepas ini. Nombor 46, sekejap.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Oh, belum lagi. Kalau APMM, sekarang sudah di bawah KDN.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Tengah jawab ini, sekejap.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tidak apa, saya hendak tanya dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini ada perbincangan? Kena tujukan kepada saya Yang Berhormat.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** *All right*, baik Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tahu sama ada APMM sekarang membantu atau tidak sebab saya beranggapan APMM sudah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Soalan seterusnya, adakah Jabatan Polis Marin sudah diserap ke dalam APMM? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Jawapannya ya benar, APMM sudah berada di bawah Kementerian Dalam Negeri. Selepas ini, perenggan seterusnya, dengarkan Yang Berhormat. Berkennaan kerjasama APMM dengan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), perbincangan telah diadakan sebagai rakan strategik bersama agensi-agensi lain.

■1740

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak beritahu pada Dewan. Apabila soalan yang ditujukan itu, kena tujukan kepada saya. Yang Berhormat Menteri pun kena jawab kepada saya. Jangan ada perbincangan. Yang Berhormat Menteri ini baru, tidak ada masalah. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Saya budak baru belajar, Tuan Yang di-Pertua. Berkennaan— saya ulang semula. Berkennaan kerjasama APMM dengan Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM), perbincangan telah diadakan sebagai rakan strategik bersama agensi-agensi yang lain yang terlibat dalam usaha membentuk *standard operating procedures* bersama, khususnya dalam masalah yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip.

**Seorang Ahli:** Ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Ada. Telah bertanyakan mengenai cadangan penambahan anggota di Pondok Polis FELDA Palong Timur dan kebajikan pegawai polis di luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa membuat kajian secara berterusan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur atau penambahan keanggotaan bagi agensi di bawah kawalan kementerian. Dalam tempoh yang terdekat ini, kementerian sedang memberi tumpuan kepada projek-projek sedia ada serta kerja-kerja menaik taraf bangunan serta penambahan keanggotaan bagi tempat-tempat yang kritikal terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, balai-balai ini tidak tersenarai dalam projek yang diberikan keutamaan pada masa ini. Kementerian akan mempertimbangkan pelaksanaannya pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator...

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Sila, sila.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya, saya menyebutkan bahawa FELDA Palong Timur ini telah dibuka lebih 30 tahun iaitu sejak tahun 1986. Akan tetapi sejak itu, ia cuma hanya ada pondok polis dan ada seorang anggota.

Saya fikir ia merupakan satu keperluan yang mendesak. Selain daripada mempunyai penduduk yang lebih 4,000 orang, kawasan ini juga terletak di kawasan yang dipanggil sebagai segi tiga emas iaitu pertemuan antara negeri Johor, Pahang dan Negeri Sembilan, dan menjadi kawasan *hotspots*, kawasan dadah.

Jadi, saya fikir kalau Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ia bukan keperluan mendesak, saya fikir pegawai harus meneliti semula. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, pernah lima, enam tahun dahulu pegawai yang bertugas seorang ini meninggal dunia, hanya diketahui selepas tiga hari sebab tidak ada orang lain. Jadi, saya fikir kalau jawapannya tidak mendesak, saya harap pegawai harus teliti semula. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa FELDA ini ia mempunyai polis bantuan ia sendiri. Oleh sebab itu, kita beranggapan bahawa keperluan untuk di naik taraf pondok ini masih tidak sangat kritikal. Pun begitu, saya mengambil maklum apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator. Mungkin saya berbesar hati, kalau boleh dalam Dewan yang mulia ini saya menawarkan untuk kalau boleh bawa saya untuk lihat tempat ini. *I am willing to go there*, dengan izin, dengan Yang Berhormat Senator untuk melihat sendiri keperluan sama ada ia mendesak ataupun tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Syabas Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Saya alu-alukan.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung, sambung.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Saya minta pegawai nanti masuk dalam jadual lawatan saya seterusnya... [Tepuk] Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Ada di sini, juga turut bertanya mengenai integriti PDRM semasa serbuan dilakukan serta SOP berkenaan rampasan harta dan wang tunai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PDRM sentiasa memastikan tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pegawai polis mematuhi *standard operating procedures* (SOP) dan peraturan yang telah ditetapkan dalam proses siasatan penggeledahan, pengendalian barang-barang kes, termasuk harta alih, harta tidak alih, dokumen, barang kemas, wang tunai dan dokumen-dokumen lain adalah selari dengan peruntukan undang-undang negara dan tidak bertentangan dengan hak asasi manusia.

Dalam *standard operating procedures*, dengan izin, yang dikeluarkan bagi penyiasatan kes adalah berlandaskan undang-undang dan selari dengan undang-undang

yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan [Akta 574], Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593] dan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. Manakala Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) Bab A, 143 mengenai Penggeledahan dan Pengendalian Rampasan Harta, Dokumen dan Bahan Bukti yang dikendalikan oleh PDRM adalah selari Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593].

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sebentar.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Ya.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Majlis Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sambung.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada segi pemantauan kepada pematuhan segala arahan yang telah dikeluarkan, pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap sebarang perlanggaran yang telah dilakukan. Membuat pemeriksaan secara berkala atau mengejut terhadap petugas semasa melaksanakan tugas dan membuat naziran terhadap barang-barang kes yang tersimpan di balai-balai.

Langkah-langkah proaktif dalam menangani integriti pegawai dan anggota PDRM telah dilaksanakan melalui penetapan peraturan dan arahan yang perlu dipatuhi. Termasuk juga pendekatan pengukuhan integriti dalam aspek kerohanian dan keagamaan. Pihak PDRM mengambil pendekatan tidak ada toleransi, *no tolerance*, dengan izin, ke atas anggota dan pegawai yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan. Tindakan-tindakan tegas sehingga boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat akan diambil terhadap kesalahan yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya soalan ini, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin selepas ini Yang Berhormat Menteri boleh tolong perjelaskan. Berkenaan dengan isu ataupun kes penggeledahan di Jalan U-Thant, di kondominium. Pada ketika itu didapati- peniaga itu mendapat selepas penggeledahan berlaku, RM7.9 juta duit hilang. 4.2 tidak silap saya, saya pun tidak berapa ingat ceritanya, sebab *I think* dalam *September that point of time*. Di dapati kes ini berlaku

kerana terdapat kecurian. Saya tidak tahu lah mungkin boleh diperjelaskan kecurian dan terdapat duit itu hilang semasa penggeledahan dibuat oleh pihak polis.

Maka, soalan saya bertanya memang betul akan ada langkah-langkah oleh pihak kerajaan tetapi terdapat defisit keyakinan masyarakat terhadap anggota polis setelah kes ini berlaku. So, macam mana- dan sehingga kini walaupun- tadi Yang Berhormat Menteri sudah menerangkan tentang langkah-langkah tetapi keyakinan itu masih lagi berlaku. Ketidakyakinan itu masih lagi berlaku sebab apa, duit ini masih- saya difahamkan masih lagi ada yang belum dijumpai, betul? Ada lagi yang tidak dapat keseluruhan setelah ia hilang.

Maka itulah, macam mana hendak meyakinkan rakyat, meyakinkan masyarakat bahawa polis-polis yang terlibat dalam siasatan jenayah, siasatan dadah adalah mereka yang betul-betul berintegriti dan perkara-perkara ini memang tidak akan berlaku? Oleh sebab banyak kes tetapi ini kebetulan RM7.9 juta duit hilang semasa penggeledahan berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, kerajaan buat masa ini masih membuat siasatan terhadap kes ini. Oleh kerana apa yang berlaku sebenarnya, semasa serbuan dibuat, tuan rumah tiada di rumah. Bilamana serbuan telah selesai, disebutkan bahawa RM7 juta lebih telah hilang. Kita memandang serius terhadap kes ini, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, untuk makluman kes siasatan masih berjalan sekarang ini, ia belum selesai lagi. Kita lihat nanti kalau ada keputusan hasil daripada siasatan ini, kita akan maklumkan kepada Yang Berhormat, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Saya.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** ...Telah meminta supaya kementerian memaklumkan mengenai status Laporan 328/2009. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kes ini merujuk kepada laporan daripada pengadu bertarikh 4 Januari 2002 di Sitiawan, Perak. Pengadu yang mendakwa telah ditipu oleh seorang peguam pemaju perumahan dalam urusan penjualan seunit rumah di Air Tawar Perak.

#### ■1750

Suspek didakwa telah menerima wang pembayaran hasil daripada penjualan rumah tersebut berjumlah RM204,000. Namun, tidak menyerahkannya kepada syarikat pengadu sebaliknya telah melesapkan wang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun dibangkitkan dalam sesi perbahasan yang lalu dan saya telah pun menjawab persoalan ini secara terperinci.

Kes ini telah beberapa kali dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dan yang terakhir pada 14 Februari 2018 yang lalu dan arahan yang diberikan adalah *no further action*- NFA. Kes berkenaan telah pun ditutup untuk siasatan. Pengadu dalam kes ini juga telah dimaklumkan tentang keputusan ini. Walau bagaimanapun, sekiranya pengadu tidak berpuas hati terhadap keputusan kes, pengadu boleh mengemukakan surat kepada pihak pendakwa raya untuk melihat semula kes berkenaan atau pengadu boleh mengambil tindakan sivil untuk menuntut balik kerugian yang dialami.

Apa yang berlaku sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis hanya menyiasat. Bilamana siasatan telah dilakukan oleh pihak polis, hasil siasatan itu diserahkan kepada pendakwa raya dan pendakwa raya lah yang akan melihat sama ada kes itu boleh dibawa ke mahkamah atau sebaliknya. Dalam kes ini, pihak pendakwa raya mengatakan bahawa tiada kes untuk dibawa ke mahkamah dan sebab itu diletakkan sebagai *no further action*. Oleh sebab itu, kita mencadangkan kepada pengadu agar mengemukakan surat rayuan untuk diambil tindakan sivil dan menuntut balik kerugian ini.

Tuan Yang di-Pertua...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Sekejap.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Sila.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya bangkitkan melalui surat saya kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada 26 September yang lalu. Saya telah merujuk kepada jawapan sesi di Dewan yang lepas. Cuba Tuan Yang di-Pertua fikirkan, dalam kes ini, Majlis Peguam mendapati peguam 'Lee Leong Seng' ini bersalah oleh kerana memalsukan cek yang dibayar kepada pengadu sebanyak RM194,000. Terbukti. Bukti-bukti tersebut telah dikemukakan.

Apa yang sedihnya Tuan Yang di-Pertua, pengadu mengatakan dia tidak disiasat, tidak dipanggil untuk memastikan kes ini berlaku. Akan tetapi macam mana kes itu telah ditutup tanpa menyiasat kepada pengadu itu sendiri? Tanya kepada pengadu sendiri. Ini yang diminta oleh pengadu untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak yang berwajib. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Oleh sebab itu saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, bila mana kes ini telah dinyatakan oleh pendakwa raya *no further action*, sebenarnya pengadu dia masih ada lagi medium lain untuk mengemukakan perkara ini. Pengadu boleh mengambil tindakan sivil terhadap yang didakwa ini.

Oleh sebab itu, kita telah menasihatkan kepada beliau untuk ambil step ini because di peringkat pihak polis, kita telah membuat siasatan sebenarnya dan hasil siasatan itu diserahkan kepada pihak pendakwa raya. Akan tetapi, pihak pendakwa raya yang

membuat keputusan ini. Ini bukan bidang kuasa kita. Oleh sebab itu, kita telah memberikan *guideline* kepada beliau *what should be done next*, dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind telah bertanyakan mengenai status 500,000 orang penduduk Sabah yang masih belum mendapat taraf kewarganegaraan di mana mereka ini terdiri daripada:

- (i) anak-anak kepada bapa warganegara dengan ibu orang asing tetapi tidak berkahwin;
- (ii) anak-anak kepada bapa dan ibu pemegang dokumen IMM13;
- (iii) anak-anak kepada ibu bapa bukan warganegara; dan,
- (iv) anak-anak terbiar di mana ibu bapa telah balik ke negara asal khususnya ke negara Filipina tetapi meninggalkan anak mereka di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan kenyataan bahawa sejumlah 500,000 orang penduduk Sabah yang dilaporkan masih belum mendapat taraf kewarganegaraan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, daripada 26,350 orang, permohonan kewarganegaraan yang diterima, sejumlah 100,257 permohonan diluluskan dan 17,327 permohonan sedang diproses, manakala 55,816 permohonan ditolak serta 1,950 permohonan dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat. Justeru itu, kenyataan bahawa sejumlah 500,000 orang dilaporkan masih belum mendapat taraf kewarganegaraan adalah kurang tepat ataupun tidak boleh disahkan.

Apa yang saya maksudkan tidak boleh disahkan ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jumlahnya, *it could be less or it could be more*. Ini kerana realitinya orang-orang ini tidak berdaftar. Dia ada yang takut untuk mendaftarkan diri mereka, ada juga Tuan Yang di-Pertua, lelaki kahwin dengan warga asing secara sembunyi-sembunyi, takut sama bini nombor satu barangkali [*Ketawa*] Jadi dia sembunyi-sembunyi kahwin. Jadi dia tidak mendaftarkan perkahwinan dia. Jadi, bila dia tidak mendaftarkan perkahwinan dia, isu dia, masalah dia, *next* selepas itu bila anak dia lahir. Bila anak dia lahir, tidak boleh dipertimbangkan kewarganegaraan dia sebab sijil perkahwinan tiada.

Jadi inilah di antara perkara-perkara yang sebenarnya membelenggu bukan hanya saya rasa di negeri Sabah. Ia juga berlaku di tempat-tempat yang lain. Ini merupakan satu isu yang serius sebab itu pihak kementerian menganggap ini sebagai satu perkara yang cukup perlu diambil perhatian.

Oleh sebab itu, kita di negeri Sabah, saya rasa Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas pun faham tentang keadaan ini. Lagi-lagi di negeri Sabah terutamanya Yang Berhormat pun tahu, bila mana isu ini dipolitikkan. Lagi-lagi bila kita kerajaan baru

memerintah, kerajaan Warisan di negeri Sabah kononnya kita ini kerajaan yang memberikan kewarganegaraan kepada PTI. Inilah masalah kita.

Sebenarnya isu ini tidak ada langsung politiknya di sini. Isunya adalah isu kemanusiaan. Ada orang yang wajar diberikan dokumen tetapi oleh sebab mereka ini daripada segi geografinya, kedudukan dia jauh di pedalaman negeri Sabah, ada yang langsung tidak ada dokumen. Jadi, bila mana kita inginkan berikan mereka ini dokumen, dituduh pula kita memberikan kad pengenalan kepada PTI. Jadi, inilah kekangan yang kita hadapi.

Akan tetapi pun begitu untuk makluman Yang Berhormat, kita di peringkat kementerian, kita telah menujuhkan satu jawatankuasa, yang mana jawatankuasa ini kita akan bentangkan dan akan nyatakan dalam sedikit masa lagi bahawa ia perlu untuk diwujudkan bagi menangani isu warga asing ataupun mereka yang tidak ada dokumen khususnya di negeri Sabah.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman?... Tiada. Bila tiada saya ingin menjawab secara bertulis.

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu pencelahan. Satu sahaja. Hendak tanya sedikit kepada Timbalan Menteri. Seronok tengok Timbalan Menteri jawab, suaranya pun kuat, banyak isi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam senarai PTI di Sabah itu, ada atau tidak termasuk dalam itu golongan yang dikategorikan sebagai pelarian, *refugee*?

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Sebenarnya ada. Itu yang kita sebutkan Tuan Yang di-Pertua, pemegang IMM13 ada di negeri Sabah. Ini juga di antara masalah kita tetapi pun begitu sebenarnya pengeluaran IMM13 ini telah pun diberhentikan atas arahan kerajaan negeri dan hari ini sudah tidak ada dokumen ini dikeluarkan. Akan tetapi pun begitu masalah kita sebagai mana saya sebutkan tadi, pemegang-pemegang IMM13 ini, bila mana mereka berkahwin di antara satu sama yang lain dan oleh kerana dokumen ini pula sudah tidak dikeluarkan, anak mereka tidak ada dokumen.

Jadi, inilah masalahnya. Masalah yang sedang kita hadapi. Sebagaimana saya sebutkan tadi kita telah memperincikan tentang masalah ini. Kita telah mencadangkan agar jawatankuasa berbentuk *by partisan* agar ia boleh disertai oleh pihak pembangkang dan juga kerajaan untuk kita duduk berbincang bagi mengatasi masalah isu tanpa dokumen yang ada di negeri Sabah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan Belanjawan 2019. Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Dalam

Negeri akan memastikan bahawa peruntukan yang diamanahkan kepada Kementerian Dalam Negeri akan digunakan dengan sebaik-baiknya untuk menjamin keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara di negara ini.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan membangkitkan isu-isu serta cadangan untuk menambah baik yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri sepanjang sesi perbahasan yang berlangsung dari 11 Disember hingga 13 Disember 2018. *Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menggulung dengan baik dan panjang lebar. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Pendidikan, dipersilakan.

■1800

**6.00 ptg.**

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Terlebih dahulu Kementerian Pendidikan Malaysia ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang prihatin dan cakna akan konsep pendidikan milik semua ataupun dengan izin, "*Education for All*". Seramai 28 orang Yang Berhormat Senator telah membangkitkan 91 isu dalam perbahasan isu RUU Perbekalan 2019 bagi Kementerian Pendidikan Malaysia. Apa yang pastinya, soalan-soalan tersebut bermatlamat memantapkan sistem penyampaian dan keberhasilan bidang pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberikan fokus untuk menjelaskan isu-isu dasar mengikut tema. Perkara-perkara spesifik dan operasi akan dirumuskan secara umum bagi menjimatkan masa. Jika perlu, saya akan berikan jawapan secara bertulis.

Pertama, kurikulum dan pentafsiran. Pertamanya, isu kurikulum dan pentafsiran disentuh oleh lapan orang Yang Berhormat Senator. Pandangan dan saranan yang baik, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman dan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

*Yang kurik itu kundi;  
Yang merah itu saga;  
Yang cantik itu budi;  
Yang indah itu bahasa.*

Sememangnya menjadi hasrat kementerian di bawah era baharu dengan disokong kuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memantapkan penghayatan nilai murni di sekolah. Elemen nilai-nilai, dengan izin, “*love*”- kasih sayang, “*happiness*”- kegembiraan, dan “*mutual respect*”- saling hormat-menghormati, serta “*humanity*”- manusiawi perlu disebatikan dalam diri murid dan mahasiswa supaya diaplikasikan di dalam kehidupan harian.

Sebagai langkah awal, manual nilai sedang dibangunkan untuk memastikan sekolah menerapkan nilai-nilai ini secara teori dan praktikal. Pada setiap perhimpunan, satu nilai murni ditonjolkan dan kemudian diterjemahkan kepada aktiviti kokurikulum dan kurikulum sepanjang dua minggu supaya nilai tersebut menjadi budaya di sekolah.

Selari dengan pandangan Yang Berhormat Senator mulai tahun 2019, elemen sivik diajar di sekolah secara pembelajaran bersepadu melalui beberapa mata pelajaran seperti Sejarah, Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral dan mata pelajaran bahasa. Pelaksanaan pengajian sivik secara bersepadu ini menekankan pembudayaan literasi sivik yang merangkumi pengetahuan sivik, sosioemosi sivik dan tindakan sivik untuk menangani gejala sosial. KPM juga telah menetapkan setiap murid mesti mengikuti tiga jenis aktiviti kokurikulum di sekolah seperti pasukan badan beruniform, kelab atau persatuan dan sukan permainan. Budaya penglibatan dalam aktiviti kokurikulum turut memberikan kesan positif dalam penghayatan nilai-nilai murni dan membentuk mereka menjadi pemimpin masa depan.

Johann Wolfgang von Goethe ada menyebutkan... *[Berucap dalam bahasa Jerman]*, Dengan izin, yang bermaksud, “Keperibadian adalah cermin di mana setiap orang memamerkan imej sebenar mereka”... *[Berucap dalam bahasa Jerman]* *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Elemen kemahiran hidup diserap dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) mulai tahun 2014 bagi sekolah rendah dan mulai tahun 2017 di peringkat sekolah menengah. Nilai-nilai kendiri, kemanusiaan dan kemahiran komunikasi telah diterapkan di dalam RBT sebagai elemen merentas kurikulum.

Manakala, elemen demokrasi dan perlombagaan diterapkan di dalam kurikulum sejarah dan pendidikan moral. Kementerian memberikan perhatian khusus kepada keprihatinan Yang Berhormat Senator supaya murid didedahkan dengan latar belakang

pembentukan negara Malaysia yang turut menekankan peristiwa bersejarah Sabah dan Sarawak.

Pada masa ini, penjelasan sejarah pembentukan negara Malaysia, Sabah dan Sarawak dinyatakan berbeza-beza mengikut aras dan tahap keupayaan murid dari sekolah rendah hingga sekolah menengah. Murid didedahkan dengan kemahiran pemikiran sejarah yang menerapkan pemikiran *analytical, creative* dan *reflective*. Sebagai langkah ke hadapan, untuk penambahbaikan mata pelajaran Sejarah, Jawatankuasa Penambahbaikan Kurikulum dan Buku Teks Sejarah akan ditubuhkan. Kementerian juga akan mengadakan sesi wacana dengan tokoh-tokoh sejarawan bagi mendapat perspektif sejarah dengan naratif yang lebih segar dan produktif.

Ini selaras dengan seruan Al-Quran yang mengatakan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, *“Dan bertanyakanlah kepada orang yang mengetahui jika lau kalian tidak mengetahui”*. Surah An-Nahl, ayat 43.

Berhubung dengan Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21), kementerian konsisten menggunakan peruntukan sedia ada bagi memastikan pendekatan PAK21 berpusatkan murid, berteraskan empat kemahiran yang merangkumi komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta nilai murni dan etika.

Kurikulum semua mata pelajaran juga mengeksplisitkan pemupukan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi memastikan murid menerima pengalaman pembelajaran yang menarik, mencabar minda dan seterusnya menjadikan pembelajaran sesuatu yang amat bermakna di dalam kehidupan mereka. Guru digalakkan menggunakan teknologi canggih dan terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. KPM juga akan meningkatkan latihan dalam perkhidmatan untuk guru-guru.

Sekolah juga digalakkan untuk mewujudkan kelas abad ke-21 iaitu bilik darjah yang dilengkapi dengan elemen teknologi sebagai nilai tambah kepada kemudahan ICT sedia ada sama ada melalui perkongsian pintar dengan komuniti setempat, agensi kerajaan dan swasta melalui penjanaan dana masyarakat, dengan izin, *crowdfunding*.

Kementerian juga memberikan jaminan bahawa pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan bagi mencapai dasar 60:40 meliputi aspek peningkatan minat murid, kemahiran guru dan kesedaran orang awam terhadap bidang STAM. Langkah ini dilaksanakan secara berterusan melibatkan kerjasama semua pihak termasuk agensi kerajaan dan pihak swasta.

Seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator berkaitan pendidikan masa depan. Kementerian telah menerapkan elemen asas IR 4.0 dalam mata pelajaran RBT. Aspek asas pengaturcaraan mudah meliputi algoritma, *pseudocode* dan *coding*

dengan penggunaan perisian seperti Scratch, Arduino, Mikro:Bit dan sebagainya termasuk di dalam kurikulum RBT.

Di peringkat sekolah menengah, RBT memberikan pendedahan kepada murid mengenai pengaturcaraan yang lebih kompleks. Murid perlu menghasilkan projek elektronik menggunakan pengaturcaraan dan elemen robotik. Murid juga diberikan peluang mempelajari mata pelajaran asas sains dan komputer yang memberikan penekanan kepada kemahiran pemikiran komputer nasional melalui pengekodan dan pengaturcaraan. Universiti awam juga melaksanakan transformasi penawaran program akademik agar relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa selari dengan IR 4.0, melalui penubuhan jawatankuasa transformasi program akademik universiti awam.

KPM juga menganjurkan dan menyertai program inovasi serta robotik bersama pihak industri supaya pelajar terdedah dengan perkembangan industri dan teknologi terkini serta relevan apabila mereka menyertai dunia pekerjaan. Melalui UNESCO, USIM dan beberapa buah universiti juga akan menuahkan kerusi *future literacy studies*, dengan izin, untuk mempersiapkan universiti awam untuk menghadapi cabaran masa depan.

Kedua, dasar pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin yang banyak bertanya dan memberikan cadangan, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah bt Sulaiman, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin telah menyentuh aspek dasar pendidikan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka kerana menunjukkan prihatin dan cakna terhadap dasar pendidikan kita. Semasa menggulung Kajian Separuh Penggal RMKe11 dan menjawab pertanyaan lisan, saya sudah menjelaskan dasar kementerian untuk menyediakan akses pendidikan kepada semua kanak-kanak atas prinsip pendidikan untuk semua termasuklah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Murid Berkeperluan Khas (MBK).

#### ■1810

Hari ini, saya ingin mengulangi kenyataan, mulai tahun 2019, kementerian akan melaksanakan dasar *zero reject policy MBK* secara berperingkat. Berkaitan akses pendidikan kanak-kanak tanpa dokumen, kementerian terus komited mencari jalan penyelesaian untuk memastikan penerimaan masuk kanak-kanak warganegara Malaysia tanpa dokumen ke sekolah dengan syarat salah seorang ibu bapa adalah warganegara ataupun kedua-duanya merupakan warganegara.

Akan tetapi, KPM akan memberikan keutamaan kepada murid tempatan di seluruh negara termasuk di Sabah. Ini kerana mungkin terdapat beberapa kerunsingan apabila

dilaksanakan dasar ini, ada yang menyangka bahawa kanak-kanak warganegara akan mengalami masalah untuk masuk ke sekolah? Tidak, kita memberikan keutamaan kepada warganegara.

Berhubung dengan kemasukan murid luar bandar dan B40 ke Sekolah Berasrama Penuh ataupun SBP, sebanyak 69 buah SBP menerima kemasukan murid dari seluruh negara dan tidak tertakluk kepada lokaliti murid. Pengambilan murid ke SBP sememangnya memberi keutamaan kepada murid dari sekolah luar bandar dan murid dari keluarga isi rumah B40, termasuk di bandar ataupun lebih dikenali sebagai miskin kota.

KPM telah mencapai nisbah 70 peratus calon dari sekolah luar bandar bagi pengambilan murid ke SBP. Polisi bagi tahun 2019 pula, KPM bercadang untuk mengembalikan semula semangat SBP iaitu untuk membantu golongan B40. Pengambilan kali ini akan memberikan lebih banyak peluang kepada anak-anak keluarga B40. Sama ada dari luar bandar, miskin kota dan anak-anak anggota beruniform.

Kementerian berusaha memperluaskan sekolah satu sesi dengan menangani isu-isu berkaitan sekolah padat dan menyurai ke sekolah-sekolah berhampiran. Pihak sekolah juga mempunyai autonomi untuk memulakan sesi persekolahan mengikut kesesuaian selagi akur kepada tempoh jam persekolahan per minggu seperti dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Penyusunan jadual di sekolah juga sewajarnya berbentuk jadual anjal mengikut kesesuaian pengoperasian sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan pensyarah dan guru. Isu berkaitan pensyarah dan guru telah dibangkitkan oleh YB Senator Puan Asmak binti Husin, YB Senator Dato' Zahari bin Sarip, YB Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, YB Senator Datuk Paul Igai, YB Senator Puan Raj Munni binti Sabu. Terima kasih sekali lagi. Mereka ini golongan yang prihatin, Senator-senator yang prihatin terhadap isu pendidikan yang pada saya telah banyak membantu Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam membawa isu pendidikan ke lapangan nasional.

Untuk makluman, pada 4 Oktober 2018, 20 buah Universiti Awam telah diberikan pengiktirafan berstatus autonomi. Kuasa autonomi yang diberikan kepada universiti awam, adalah meliputi perkara berkaitan *governance*, kewangan dan penjanaan pendapatan. Begitu juga isu berkaitan pengurusan sumber manusia serta pengurusan akademik dan kemasukan pelajar. Universiti Awam boleh menentukan hala tuju masing-masing dan juga tujuan masing-masing termasuk dari segi pengurusan sumber manusia dengan melantik pegawai dan kakitangan seiring dengan kuasa Lembaga Pengarah Universiti ataupun LPU.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan autonomi dilaksanakan dengan akauntabiliti dan mempunyai *check and balance* dengan izin, universiti awam perlu mematuhi prosedur tatacara dan pekeliling kerajaan.

Kenaikan pangkat pensyarah adalah berdasarkan kepada skim perkhidmatan pensyarah universiti yang menyediakan peluang kemajuan kerjaya yang dinamik. Kementerian juga telah membangunkan empat laluan kerjaya bagi pensyarah mengikut kepakaran iaitu penyelidikan, pengajaran, profesional dan kepimpinan institusi. Kementerian sentiasa memastikan kakitangan akademik diberi peluang kenaikan pangkat yang setara berdasarkan kelayakan masing-masing.

Untuk makluman YB Senator, bagi mengurangkan beban tugas guru sekolah, kementerian telah mengambil beberapa tindakan yang strategik. Di antara tindakan yang telah dilaksanakan termasuklah pengisian kekosongan jawatan guru di sekolah. Melihat keperluan jawatan guru dan anggota kumpulan pelaksana dan mengurangkan serta memudahkan tugas kemasukan data dan pelaporan. Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru telah ditubuhkan yang turut melibatkan pemegang taruh-pemegang taruh yang lain seperti NUTP, Majlis Guru Besar dan Pengetua dan pihak-pihak berkepentingan lain.

Beberapa cadangan jawatankuasa telah dikemukakan di antaranya seperti pemudahan tugas kemasukan data pelaporan dan pengurangan beban aktiviti-aktiviti bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Berkaitan dengan insentif yang diberikan kepada guru-guru di luar bandar, pada dasarnya KPM menggalakkan lebih ramai guru untuk berkhidmat di luar bandar, termasuk pendalaman Sabah dan Sarawak.

Guru di bawah KPM yang berkhidmat di kawasan pendalaman menikmati beberapa insentif tambahan seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Di antaranya seperti Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusaahan (EKMLTK), Bayaran Insentif Tetap Perumahan (ITP) dan Elaun Balik Kampung setahun sekali. Insentif ini dapat menarik minat dan seterusnya mengekalkan guru-guru untuk terus berkhidmat di sekolah pendalaman, inilah hasrat KPM.

Walau bagaimanapun, tugas pendidik adalah tugas yang sangat mulia. Mereka adalah pejuang sebenar dan adiwira yang sebenar yang kekal menabur bakti dalam memajukan minda dan melahirkan insan-insan berjaya dalam persada pendidikan negara. Insentif yang diterima oleh guru, hanyalah pelengkap kepada titik peluh dalam perjuangan di kawasan pendalaman secara berterusan. Saya mengucapkan jutaan tahniah dan terima kasih serta memberikan hormat yang tidak terhingga kepada semua pendidik, terutamanya yang berkhidmat di kawasan luar bandar dan pendalaman.

Tempoh perkhidmatan bagi guru-guru Semenanjung di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk meminta pertukaran ke Semenanjung Malaysia adalah sekurang-kurangnya lima tahun di kawasan bandar ataupun luar bandar ataupun sekurang-kurangnya tiga tahun di kawasan hidup susah pendalaman, tetapi ini tertakluk kepada data guru yang lengkap dalam sistem e-Operasi sekolah.

Permohonan guru asal Semenanjung untuk pindah ke Semenanjung adalah selaras dengan dasar *empowerment 9010*. Data seperti pada 29 November 2018, menunjukkan dari keseluruhan 41,877 jumlah orang guru di Sarawak, seramai 6,007 orang guru iaitu 14 peratus merupakan guru Semenanjung. Manakala, dari keseluruhan 42,498 jumlah orang guru di Sabah, terdapat seramai 5,473 jumlah orang guru iaitu 13 peratus guru Semenanjung.

Pada masa ini, pencapaian Dasar 9010 ialah 87 peratus di Sabah dan 86 peratus di Sarawak. Berdasarkan persetujuan bersama, wakil kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dengan kementerian, dasar ini dilanjutkan lagi bagi tempoh tiga tahun iaitu sehingga tahun 2021 tanpa mengabaikan isu kualiti guru.

Berkaitan dengan isu Bantuan Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada 12 orang YB Senator yang telah menyentuh tentang Bantuan Pendidikan meliputi PTPTN, SSPN, *MyBrain*, Kad Siswa, RMT dan bantuan murid. Mereka itu ialah YB Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, YB Senator Puan Asmak binti Husin sekali lagi, terima kasih. YB Senator Datuk Haji Yahaya ‘binti’ Mat Ghani @ Abbas...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Bukan “*binti*”.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas- minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat Senator. Ini sudah petang-petang ini biasalah Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff, sahabat saya. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, juga saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih, ini juga sahabat saya. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid dan Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Disember 2018, telah memutuskan agar pelaksanaan bayaran balik PTPTN melalui Potongan Gaji Berjadual (PGB), antara 2 peratus hingga 15 peratus ditangguhkan. PTPTN perlu mengadakan perbincangan dengan kesemua pemegang taruh berkaitan pelaksanaan PGB selama enam bulan, mulai Januari hingga Jun 2019.

## ■1820

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang turut mempromosikan SSPN. Di luar ada gerai SSPN- Pihak PTPTN mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Penerangan Malaysia untuk tujuan mempromosikan SSPN.

Promosi SSPN telah diperluaskan pada anggota beruniform, iaitu tentera, polis dan bomba. Bagi menjadikan SSPN kompetitif berbanding produk simpanan di pasaran, kerajaan telah menyediakan insentif seperti dividen tahunan yang agak tinggi berbanding produk simpanan lain di pasaran. Kerajaan juga telah menaikkan pelepasan taksir cukai daripada RM6,000 kepada RM8,000 melalui pembentangan Belanjawan 2019 yang lalu.

Saya menyeru agar ramai lagi rakyat Malaysia dapat merebut peluang ini dan mula menabung dalam SSPN untuk masa depan anak-anak mereka. Saya mulakan dengan menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di Dewan Negara ini untuk segera mendaftar ke SSPN. Ini termasuk juga insentif percuma RM500- jika menyimpan nisbah RM500 untuk mereka yang berumur tujuh hingga 12 tahun, sehingga 31 Disember 2018 sahaja.

Jadi saya sekali lagi menyeru bagi Yang Berhormat Senator yang mempunyai anak di antara tujuh hingga 12 tahun ataupun mempunyai cucu tujuh hingga 12 tahun agar dapat segera mendaftar di SSPN. Begitu juga bagi mereka yang menyaksikan di YouTube rakaman perbahasan ini, saya menyeru supaya semua dapat menabung di SSPN.

Bagi isu *MyBrain15* pula, peruntukan untuk tanggungan sedia ada pelajar aktif tajaan *MyBrain15* sebelum tahun 2018, adalah mencukupi dan berjalan seperti biasa. KPM juga sedang menunggu maklum balas daripada Kementerian Kewangan untuk meneruskan Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi yang dahulu yang dikenali sebagai baucar buku dan keputusan ini adalah selari dengan keputusan Jemaah Menteri.

Berhubungan dengan bantuan pada pelajar, khususnya RMT ataupun Rancangan Makanan Tambahan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM289 juta dalam belanjawan tahun 2019. KPM akan membuat penyaluran bantuan RMT berdasarkan peruntukan tersebut. Sekiranya berlaku kekurangan peruntukan, KPM boleh membuat penjajaran peruntukan dalaman mengikut keutamaan program atau mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan.

Dalam skop bantuan persekolahan, semua murid termasuk murid Orang Asli menerima bantuan seperti- awal tahun ini mereka akan menerima Bantuan Awal Persekolahan, bantuan asrama, bantuan RMT dan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Manakala di IPT, penerima bantuan kewangan menerima wang saku berjumlah di antara RM250 hingga RM300 sebulan sehingga tamat pengajian.

Berkaitan isu pembangunan dan penyelenggaraan- Tuan Yang di-Pertua, seramai 12 orang Yang Berhormat Senator membangkitkan isu pembangunan dan penyelenggaraan institusi pendidikan. Saya akan menjawab isu yang menyentuh perkara Dasar. Namun semua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan

Adrian Banie Lasimbang, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram, Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind dan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali akan diberi perhatian oleh kerajaan.

Terima kasih sekali lagi saya ucapan kepada mereka yang begitu prihatin terhadap isu pendidikan. KPM berusaha untuk menambah baik dan menaik taraf fasiliti pendidikan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif. Selain mengemukakan permohonan bagi pembinaan gantian dan ubah suai naik taraf sekolah-sekolah, KPM menggunakan Bajet Pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun-pelbagai program dan pelan pembangunan alternatif juga dilaksanakan. antaranya Tabung Penyelenggaraan dan Penambahbaikan (PPKHAS).

Kedua, Projek Pembangunan Semula Sekolah Daif secara IBS, projek pendawaian elektrik sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak, projek naik taraf makmal sains dan fasa empat, projek menyediakan bekalan elektrik 24 jam di sekolah-sekolah luar bandar di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak.

Dalam konteks pembangunan semula sekolah daif, pelaksanaan pada tahun 2019 akan ditambah baik dari aspek penggunaan skala impak, kaedah pelaksanaan dan skop pembinaan termasuk kuarters guru dan makmal. Keutamaan diberikan kepada sekolah yang telah mendapat pengesahan tidak selamat daripada JKR.

Daripada segi prestasi Projek Sekolah Daif pula- bagi sekolah daif tahun 2016, kesemua 20 buah sekolah yang di naik taraf telah siap pelaksanaan fizikal dengan 16 daripada nya telah mendapat CPC iaitu Sijil Perakuan Siap Kerja. Bagi tahun 2017 pula, 103 buah sekolah telah mendapat CPC. Manakala bagi tahun 2018, sebanyak 213 buah sekolah telah memperoleh CPC dan bakinya sedang dalam pelaksanaan.

Saya sendiri memantau secara dekat pelaksanaan penaik taraf sekolah daif melalui *dash board* yang disediakan di dalam pejabat sendiri. Bagi tujuan penaik taraf sekolah Orang Asli dan sekolah pedalaman Sabah dan Sarawak- di bawah peruntukan Belanja Pembangunan RMK-11...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta pencerahan Yang Berhormat Menteri sedikit.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ya, silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membangkitkan isu sekolah Kebangsaan Seberang Marang. Sekolah daif seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Sekolah Kebangsaan Seberang Marang ini Tuan Yang di-Pertua, ditubuhkan pada tahun 1948. Sekolah yang agak tua dan mempunyai tiga bangunan yang didirikan pada tahun 1964. Saya lahir 1966- dia 64. Jadi sekolah ini memang sudah beberapa kali JKR pergi buat *checking* – memang cukup daif dan berbahaya.

Jadi saya telah berbincang beberapa kali dan saya beberapa kali pergi melawat ke sekolah tersebut termasuk Yang Berhormat Menteri. Jadi peruntukan yang diminta – saya hendak minta Yang Berhormat Menteri bagi jawapan kalau boleh. Kalau tidak ada apa-apa masalah, hanya RM12 *million* sahaja. Jadi soalan saya, apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk memberi agihan sebanyak 12 *million* kepada Sekolah Kebangsaan Seberang Marang semata-mata untuk menaikkan taraf daripada sekolah daif 1948? Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Sekolah ini tidak silap saya pernah pergi itu hari bersama dengan- Yang Berhormat ada serta tidak? Tidak pasti saya.

**Datuk Razali bin Idris:** Ya saya ada sekali.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Yang Berhormat ada ikut sekali. Okey, terima kasih saya ucapkan keprihatinan Yang Berhormat Senator. Buat pengetahuan Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua, pembinaan semula sekolah daif Sekolah Kebangsaan Seberang Marang, yang mana Yang Berhormat Senator juga merupakan alumni sekolah tersebut, telah mula dilaksanakan pada bulan November 2017 melibatkan lapan bilik darjah dan kini masih lagi dalam pelaksanaan.

Status fizikal terkini projek menurut laporan yang diberikan kepada saya adalah 86.8 peratus. Projek dijangka siap pada Januari 2019. Walau bagaimanapun KPM dan saya sendiri akan memantau pelaksanaan projek ini dari semasa ke semasa secara dekat. Kita meminta kerjasama daripada Yang Berhormat Senator untuk turut bersama kita membantu. Terima kasih Datuk Razali.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri mendapat laporan yang kurang tepat. Satu bangunan IBS, memang benar didirikan di sekolah Kebangsaan Seberang Marang. Dia mempunyai empat bangunan yang daif dan Yang Berhormat Menteri bagi maklumat tadi- kontraktor yang buat bangunan tersebut telah melarikan diri. Jadi bangunan tersebut hanya hampir siap dalam 80 peratus. Saya rasa Yang Berhormat Menteri perlu mendapat penjelasan yang tepat. Ini sebab saya dua hari lepas saya pergi ke sekolah tersebut dan berjumpa dengan persatuan PIBG. Jadi itu satu.

**■1830**

Dia ada empat bangunan semua sekali yang sudah tua, tersangat tua dan memang sangat berbahaya. Kalau Yang Berhormat Menteri *check* betul-betul, JKR sudah bagi isyarat bahawasanya tiga bangunan itu memang tidak boleh digunakan lagi. Akan tetapi oleh kerana pelajar yang makin hari makin bertambah Tuan Yang di-Pertua, bangunan-bangunan yang bahaya itu pun diguna pakai untuk membuat kelas-kelas di peringkat darjah satu sehingga darjah enam. Inilah yang saya minta, tersangat minta supaya Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk memberi bajet tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita maklum bahawa banyak projek sakit seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat Senator dan kita cakna terhadap isu ini. Ini merupakan peninggalan ataupun warisan daripada rejim lama dan kita komited untuk memperbaikinya. *Insya-Allah* saya akan melalui JPN Negeri Terengganu, saya akan cuba melihat isu ini dengan lebih dekat. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Bagi tujuan naik taraf sekolah Orang Asli dan sekolah pedalaman Sarawak dan Sabah di bawah peruntukan belanja pembangunan RMKe-11, terdapat 10 sekolah program Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) yang diluluskan. Dua di Pahang, dua di Perak, lima di Sabah dan satu di Sarawak yang melibatkan skop pembinaan baharu sekolah, pembinaan bangunan tambahan bilik darjah, asrama dan lain-lain kemudahan, pembinaan bangunan gantian yang melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM58.5 juta.

KPM maklum akan keperluan fasiliti pendidikan yang tinggi di Putrajaya akibat perpindahan penduduk ke Perumahan Penjawat Awam Malaysia. Pada tahun 2019, terdapat penambahan 35 bilik darjah konsep untuk menampung keperluan penduduk Putrajaya. Manakala dalam RP4 RMKe-11, projek pembinaan SK Putrajaya Presint 8 (3) telah diluluskan untuk pelaksanaan pada tahun 2019. KPM akan bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Kementerian Kewangan untuk membuat unjuran keperluan bilik darjah dan sekolah di Putrajaya.

Peruntukan dan penjanaan pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, KPM mengambil maklum akan isu peruntukan dan penjanaan pendidikan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen, Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

Untuk makluman, penyaluran peruntukan adalah berdasarkan kepada peruntukan belanja mengurus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa negara. KPM membuat penyaluran kepada bahagian ataupun Jabatan Pendidikan Negeri atau terus ke akaun sekolah berdasarkan peruntukan sedia ada. Sekiranya berlaku kekurangan peruntukan, KPM akan membuat penjajaran peruntukan dalaman mengikut keutamaan program atau mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan.

Seperti Yang Berhormat Senator maklum, bantuan persekolahan diberikan kepada murid-murid yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Mekanisme pengagihan peruntukan dibuat berdasarkan enrolmen murid dan kriteria setiap jenis bantuan persekolahan. Bagi memastikan hanya penerima yang layak sahaja menerima bantuan persekolahan, Jawatankuasa Bantuan Peringkat Sekolah, PPD dan JPN perlu bersidang dan memutuskan penerima yang layak berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Berkaitan dengan dana wakaf universiti awam. Pemantauan dibuat secara berkala oleh bahagian-bahagian KPM yang bertanggungjawab. Pihak kementerian juga sedang merangka strategi untuk meningkatkan penjanaan pendapatan melalui wakaf bagi memastikan kemapanan kewangan universiti awam.

Sehingga November 2018, 16 universiti awam telah menujuhkan pusat wakaf *endowment*, manakala empat lagi universiti awam sedang dalam proses menujuhkan pusat wakaf dan mendapatkan kelulusan Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Jumlah kutipan terkumpul dana wakaf universiti awam sehingga kini adalah sebanyak RM31.7 juta. KPM juga sedang berbincang dengan Kementerian Kewangan untuk memasukkan insentif pelepasan cukai bagi dana wakaf *endowment* sebagai sumbangan kepada universiti awam yang disebutkan dalam belanjawan yang baru dibacakan baru-baru ini...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ya, silakan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Mohon saya mencelah. Boleh mencelah sebelum Yang Berhormat Menteri pergi jauh, pergi ke universiti. Saya rasa tadi soalan saya tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab berkenaan dengan sekolah di Putrajaya yang mana Yang Berhormat Menteri tadi ada sebut yang dalam RMKe-11, tahun depan akan dibina Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 8(3), kemudian unjuran daripada BPH sebanyak 7,880 unit rumah PPM akan dibina di Putrajaya.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri satu, adakah dengan pembinaan satu sekolah Presint 8 ini dan juga pembinaan 35 bilik darjah konsep yang dibina, yang disebut oleh jawapan Yang Berhormat Menteri tadi cukup untuk menampung 7,880 unit rumah

PPM yang bakal dan akan dibina. Itu kalau kita kata dari segi konteks dalam Putrajaya sendiri. Maknanya sekarang ini hanya mereka yang beralamat di Putrajaya boleh sekolah di Putrajaya, maknanya 7,800 ini selamatlah sebab apa, alamatnya di dalam Putrajaya.

Bagaimana pula tentang pegawai-pegawai ataupun kakitangan kerajaan yang bekerja di Putrajaya tetapi tinggal di sekitar macam di Dengkil, macam di Cyberjaya yang mana sekolahnya mungkin berdekatan dengan tempat kerja tetapi tidak dapat bekerja di situ.

Ini kerana saya kira, saya pasti bahawa pihak JPM Putrajaya mesti setiap tahun agak pening kepala hendak menempatkan permohonan-permohonan yang banyak ini sedangkan Putrajaya seharusnya satu bandar yang *it is supposed to be well planed* punya, *I mean* satu bandar yang patutnya dirancang, mempunyai perancangan yang baik tetapi masalah sekolah ini saya kira setiap tahun. Saya dengar rungutan daripada ibu bapa yang hendak menempatkan anak di tempat kerja, tetapi tidak dapat kerana alamat. Hendak hantar ke rumah transit mahal, menambahkan lagi kos kepada mereka.

Maka saya hendak bertanyalah sama ada pihak kerajaan, apakah perancangan jangka panjang supaya ia tidak setiap tahun berlaku. Kalau boleh minta secara bertulis, berapakah statistik kemasukan ataupun enrolmen pelajar tahun satu di sekolah-sekolah Putrajaya? Berapakah enrolmen dan berapakah permohonan supaya kita tahu berapakah setiap tahun, adakah peningkatan ataupun pengurangan, adakah selesaikan masalah itu dan sebagainya. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat hendak jawab tadi tetapi Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah minta jawapan bertulis. *Insya-Allah* jawapan bertulis akan diberikan. Okey. Jawapan bertulis akan diberikan nanti.

Berkaitan dengan wakaf, izinkan saya sambung persoalan berkaitan wakaf tadi. KPM juga...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan bertulis tadi untuk jawapan langkah ataupun- ini sebab minta bertulis itu dekat statistik sebab saya kira mesti Yang Berhormat Menteri tidak ada statistik sekarang. Akan tetapi langkah-langkah itu, adakah di bawahnya...

**Dr. Maszlee bin Malik:** Oh langkah-langkah, okey.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Okey, berkaitan dengan langkah-langkah untuk mengatasi masalah kebanjiran murid-murid ke Putrajaya seperti mana yang telah disebutkan sebelum ini, pembinaan SK Putrajaya Presint 8(3) telah pun diluluskan.

Begitu juga kita dengan bantuan daripada EPU melihat wujudnya kelas-kelas kosong di sekolah-sekolah untuk kita buat penyuraian dan penstrukturran semula untuk

memastikan bahawa adanya ruang untuk kemasukan pelajar-pelajar baharu dan begitu juga dengan pembinaan 35 bilik darjah konsep. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memikirkan cara-cara lain juga untuk memastikan bilangan sekolah mencukupi bagi pelajar yang tinggal di Putrajaya dan statistik kita akan berikan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**■1840**

Kembali kepada persoalan wakaf tadi. KPM juga turut berhubung rapat dengan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), JPM dan MAIN (Majlis Agama Islam Negeri) melalui penyertaan dalam program seperti Persidangan Meja Bulat Wakaf, Perbincangan Isu-isu Wakaf Nasional dan lain-lain lagi penglibatan ataupun libat urus dengan pemegang taruh yang berkaitan.

Berkaitan isu TVET. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu dan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying ada membangkitkan isu penyelarasan dan peruntukan TVET. KPM dan Kementerian Sumber Manusia merupakan urus setia bersama Jawatankuasa Pemerkasaan TVET. Antara agenda Jawatankuasa Pemerkasaan TVET adalah menyelaraskan semua institusi TVET di bawah enam kementerian bagi pengoptimuman sumber serta melihat kecekapan dan keberkesanan penyampaian institusi TVET negara.

Untuk makluman, peruntukan yang diterima oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti KPM pada tahun 2018 adalah sebanyak anggaran RM1.6 bilion, manakala bagi tahun 2019, peruntukan adalah sebanyak RM1.76 bilion iaitu peningkatan sebanyak empat peratus dan bukannya berkurangan.

Untuk peruntukan kepada MTUN iaitu *Malaysian Technical University Network* pula, terdapat peningkatan sebanyak 5.2 peratus iaitu daripada RM889.9 juta pada 2018 kepada RM936.1 juta bagi tahun 2019. Sekali lagi, berlaku peningkatan sebenarnya. Tambahan lagi, peruntukan pembangunan bagi pendidikan teknik dan vokasional juga turut meningkat 14.5 peratus daripada RM90.6 juta ke RM103.9 juta.

Jadi, berlaku peningkatan dan bukannya penurunan. Manakala, kandungan dan tempoh masa program pengajian di politeknik dan kolej komuniti adalah mengikut kehendak industri dan trend global terkini serta mematuhi standard badan akreditasi kebangsaan, antarabangsa dan profesional.

Berkaitan isu kebolehpasaran graduan. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu menyentuh tentang kebolehpasaran graduan, khususnya graduan akauntan dan STEM. Inisiatif peningkatan nilai kebolehpasaran graduan dilaksanakan melalui program berstruktur iaitu *Integrated Graduate Employability Structured Program (IGESP)*, *Graduate Employability Intervention*

Program, serta *Industry Professional Certification Program*. Kaedah pelaksanaan program merangkupi *on the job training, internship* serta *industry competency and professional course*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Universiti awam juga menawarkan Kursus Bahasa Global yang memberi peluang nilai tambah kepada para pelajar daripada pelbagai bidang pengajian. Sebagai contoh, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menawarkan Kursus Bahasa Mandarin sebagai *Malaysia Open Online Courses*, di mana 100 peratus pindah kredit dibenarkan bagi pelajar daripada IPT lain yang mengikuti kursus tersebut.

Bagi memastikan graduan IPT memenuhi keperluan pasaran, setiap penawaran program di IPT perlu melaksanakan kajian pasaran. Selain itu, pelaksanaan Program Akademia Industri juga dilaksanakan bagi memastikan pelajar memenuhi keperluan pasaran kerja serta bergraduan.

Saya mengambil maklum bahawa terdapat beberapa universiti sedang dalam proses rasionalisasi untuk memantapkan langkah-langkah ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan. Saya yakin usaha yang mereka giat lakukan ini akan membawa hasil dalam dua hingga tahun ke hadapan. Berkaitan soalan sama ada Kementerian Pendidikan mempunyai data graduan STEM.

Kami sedang mengumpulkan data graduan dengan merujuk kepada bidang pengajian di dalam *National Education Code* (NEC). Berkaitan hal ehwal pelajar dan lain-lain. Isu hal ehwal pelajar dan lain-lain yang berkaitan dengan pendidikan telah dibangkitkan. Memandangkan kekangan masa, saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian, teguran, sokongan dan cadangan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, khasnya terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perkara-perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator yang tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa akan diambil perhatian dan diberikan tindakan sewajarnya. Jawapan bertulis akan menyusul dan cadangan-cadangan yang berasas, kita akan ambil untuk diperbincangkan untuk ke arah penambahbaikan sistem pendidikan negara. Sekali lagi, jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator semua. Ya, silakan.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi dan saya ambil maklum bahawa jawapan bertulis akan diberi kepada

jawapan-jawapan yang tidak dijawab pada hari ini. Cuma saya harap soalan saya berkenaan dengan isu guru yang bawa murid atau pelajar keluar ini tidak terlepas daripada jawapan.

Pertama, soalannya ialah adakah KPM atau Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil kira tentang kos yang terpaksa dibelanjakan oleh guru-guru sendiri dalam menghantar pelajar ini?

Keduanya, ada guru yang terlibat dengan kemalangan, kecederaan, malah ada yang bawa maut kepada pelajar sehingga bapa pelajar mendakwa guru tersebut di mahkamah. Adakah KPM menyediakan peguam dan sebagainya? Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu kebijakan dan keselamatan guru yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator. Menurut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993, Perkara 22(3) dan (4) - seseorang pegawai awam, termasuk guru yang ingin memohon bantuan guaman disebabkan perkara yang berkaitan dengan tugasnya, beliau perlu memohon kelulusan Ketua Pegawai Perkhidmatan Negara melalui Peguam Negara.

Permohonan tersebut haruslah terlebih dahulu disokong oleh ketua jabatannya. Tanggungan kos pembelaan juga akan ditentukan dan diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui peraturan yang sama. Ini apa cerita ini? Okey. Bagi mengelakkan para guru daripada dikenakan tindakan undang-undang, guru yang bertanggungjawab menghantar murid untuk menyertai aktiviti luar di pelbagai peringkat perlu mematuhi *Surat Pekeliling Ikhtisas, Bil.9/2000: Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan di Dalam dan di Luar Kawasan Sekolah*.

Pada perenggan 4.4 Surat Pekeliling tersebut telah menetapkan supaya pihak sekolah digalakkan mengadakan skim perlindungan diri untuk semua murid seperti mana yang berikut:

#### *“4.4 Skim Perlindungan Diri”*

*4.4.1 Sekolah digalakkan mengadakan skim perlindungan diri untuk semua murid yang merangkumi perkara-perkara berikut:*

- (a) *kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik sekolah*
- (b) *kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik bersukan*
- (c) *kemalangan semasa menyertai sukan dan kurikulum*
- (d) *kemalangan yang disebabkan peralatan sukan yang masih dalam waranti.”*

Pokok pangkalnya, isu *health and safety*, dengan izin, ataupun keselamatan dan kesihatan murid tidak akan dipandang remeh dan sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Pendidikan. Adapun jawapan yang lanjut akan diberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Assalamualaikum. Ingin mencelah, mohon mencelah. Berkenaan dengan soalan saya mengenai nasib pelajar-pelajar yang tak lulus ataupun gagal dalam peperiksaan di semua peringkatlah, di peringkat sekolah menengah sampai ke IPT. Jadi, nak tahu berapa jumlah pelajar-pelajar yang gagal ini dan bagaimana nasib mereka? Bagaimakah peluang-peluang yang diberikan kali yang kedua kepada mereka supaya mereka ini tidak terbiar dan di biar begitu sahaja? Kalau sampah pun sekarang ini ada kitar semula kan? Apatah lagi ini sumber manusia, kan? Jadi, saya harap supaya isu ini diberi perhatian supaya tidak terbiar dan dibiarkan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. Program alternatif atau khas untuk murid yang dibuang dari sekolah adalah seperti berikut:

- (i) berdasarkan kepada perkara 10(1) Ordinan Pelajaran 1957, murid yang telah dibuang sekolah boleh merayu untuk bersekolah semula di jabatan pendidikan negeri atau pejabat pendidikan daerah dalam tempoh satu bulan daripada tarikh surat dibuang sekolah dikeluarkan. Rayuan bersekolah semula boleh dibuat di Pejabat Pendidikan Daerah. Ibu bapa atau penjaga bersama-sama murid tersebut boleh bertemu pegawai rayuan semasa sesi rayuan berlangsung.
- 1850
- (ii) bagi murid yang tidak berminat untuk meneruskan pembelajaran akademik di sekolah, murid boleh memohon untuk mengikuti kursus jangka pendek dalam bidang kemahiran di institusi kemahiran selepas menamatkan persekolahan di Tingkatan 3 seperti di Pusat GiatMARA, Akademi Binaan Malaysia, Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian dan Institut Latihan Swasta.
- Manakala bagi murid yang gagal untuk membuat rayuan bersekolah semula, Pejabat Pendidikan Daerah melalui Jawatankuasa Permuafakatan Daerah bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Daerah untuk mengesan murid serta keluarga murid tersebut untuk tujuan mengenal pasti punca tidak bersekolah semula serta memberi bantuan yang bersesuaian seperti kewangan, khidmat nasihat dan sebagainya.

Berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid, seramai 710 orang murid sekolah rendah dan menengah direkodkan telah diambil tindakan buang sekolah atas pelbagai salah laku disiplin dari Januari hingga November 2018. Jumlah ini mewakili 0.01 peratus keseluruhan *enrollment* murid tahun 2018. Pada tahun 2018, seramai 11,617 orang pelajar universiti awam telah diberhentikan iaitu 2.2 peratus daripada keseluruhan *enrollment* berjumlah 521,908 orang pelajar diberhentikan sama ada kerana gagal dalam peperiksaan ataupun masalah tatatertib. Okey, itu sahaja.

**Puan Asmak bin Husin:** Mohon pencelahan. Saya ada beberapa persoalan. Pertamanya saya ada membangkitkan tentang isu pembasmian gejala sosial melalui PPDA dan soalan tersebut saya kemukakan juga kepada perbahasan RMK baru-baru ini. Saya telah mendapat jawapan bertulis.

Namun, jawapan bertulis ini saya lihat adalah aktiviti-aktiviti yang memang telah dijalankan sebelum ini dan sekarang.

Namun begitu soalan saya ialah walaupun aktiviti ini telah dijalankan, namun kita lihat peningkatan itu dari sudut penyalahgunaan dadah dan sebagainya semakin meningkat juga di kalangan pelajar. Jadi adakah kajian keberkesanan dibuat di pihak Kementerian Pendidikan sendiri mengenai program-program yang telah dijalankan ini memandangkan ia telah dijalankan dalam tempoh yang lama.

Kedua, saya juga ada membangkitkan sebelum ini mengenai kalau kita tengok pada program ini, program ini berbentuk pencegahan tetapi sekarang ini kita juga berdepan dengan pelajar yang memang sudah mengalami masalah tersebut seperti mereka memang ketagih rokok, ketagih air ketum dan sebagainya. Jadi, adakah modul standard yang didedahkan kepada guru-guru khususnya guru kaunseling mengenai rawatan ketagihan rokok dan lain-lain.

Ketiga, mengenai kenaikan pangkat tadi saya tidak sempat hendak celah untuk pensyarah. Kita memang faham ada empat jalur untuk pensyarah naik pangkat tetapi kadang-kadang walaupun empat jalur tetap mengambil kira keempat-empat dalam proses kenaikan pangkat. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan *time based* bagi pensyarah sebagaimana pihak perguruan. Saya rasa perkara ini pun banyak kali dibangkitkan oleh pensyarah.

Keempat saya juga ada bertanya adakah kementerian bercadang untuk mengambil semula guru j-QAF terutamanya j-QAF di peringkat sekolah menengah untuk membasmi gejala sosial dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator yang bertanya, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) telah melaksanakan pemeriksaan penarafan

pengurusan pencegahan dadah di sekolah tahun 2018 pada 5 Ogos sehingga 17 Ogos 2018 terhadap 100 buah sekolah yang dikenal pasti murid terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Pemeriksaan tersebut dilaksanakan bagi menaksir kualiti kepimpinan sekolah dan peranan Jawatankuasa Disiplin, JK Bimbingan dan Kaunseling serta JK Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDA). Keseluruhannya, kepimpinan sekolah telah membimbang dan mendorong guru untuk melaksanakan tanggungjawab mengurus program dan aktiviti pencegahan dadah di sekolah atau program yang dilaksanakan seperti Minggu Antidadah, Program 5 Minit Antidadah, Bengkel Sahsiah Unggul Insan Terpuji, lawatan ke penjara...

**Puan Asmak bin Husin:** Mohon celahan. Asalnya saya pun dapat jawapan yang sama juga.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Okey [Ketawa]

**Puan Asmak bin Husin:** Cumanya rentetan daripada jawapan ini adakah kajian keberkesanan dan modul standard berkaitan dengan masalah yang kita hadapi, rawatan itu bukan pencegahan.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Okey, berkaitan dengan adakah manual dan sebagainya bagi para kaunselor kita mereka telah dilengkapkan dengan SOP berkaitan isu-isu disiplin di kalangan murid. Mereka memang dilengkapkan dengan SOP untuk bagaimana berhadapan dengan isu-isu disiplin ini. Biasanya mereka akan mengikut SOP yang telah disediakan itu. Begitu juga berkaitan dengan program-program pemulihan. Saya kira di peringkat sekolah dan juga di peringkat PPD dan JPN mereka mempunyai garis panduan.

Tidak dinafikan juga terdapat program-program pemulihan yang telah dilakukan sebelum ini yang akan diteruskan dengan melihat terhadap keberkesanan program tersebut. Tidak dinafikan juga bagi tahun hadapan kita akan mula memperkenalkan manual nilai murni yang akan dibacakan di setiap perhimpunan dan diikuti dengan aktiviti pada sepanjang minggu tersebut. Ini juga diharapkan dapat memberikan bantuan kepada sekolah dan juga pihak kaunselor untuk bersama-sama menggalakkan usaha pencegahan dan juga pemulihan secara tidak langsung kepada murid yang terlibat.

Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua Yang Berhormat yang bertanya...

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah sekejap. Yang Berhormat Menteri, saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri tertinggal satu perkara saya sebutkan tentang bantuan kepada sekolah bahasa Thai. Saya sudah dapat jawapan banyak kali tentang ini. Cuma, saya hendak merayu pertimbangan Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian carilah jalan macam mana untuk membantu sekolah-sekolah bahasa Siam ini.

Saya tahu mereka tidak ada sistem yang lengkap, semua pun tidak ada tetapi keperluannya tetap ada untuk mereka mempelajari bahasa Thai sebagai bahasa ibunda mereka untuk sebagai kemahiran tambahan. Jadi, saya harap kementerian carilah mana-mana lubang yang sesuai untuk menyediakan peruntukan untuk tujuan ini. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang prihatin terhadap isu bahasa ibunda bagi bahasa Thai kepada masyarakat Siam. Kita akan mengambil cakna terhadap cadangan yang dikemukakan dan akan dipertimbangkan. Kita juga akan cuba untuk mendapatkan bantuan komuniti, NGO dan para pemegang taruh untuk tujuan tersebut.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Mungkin soalan saya terlepas pandang tadi. Yang Berhormat Menteri, saya menyentuh Program Pasca Siswa *MyBrain* dan Yang Berhormat Menteri telah memberikan data berapa banyak pelajar yang telah mendapat peruntukan ini. Cuma soalan saya adakah program yang baik ini akan diteruskan pada masa hadapan kepada pelajar-pelajar yang akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, bagi Yang Berhormat Senator yang bertanya, bagi *MyBrain Science* ia diteruskan, bagi *MyBrain 15* bagi pengambilan yang sedia ada juga peruntukan masih ada lagi dan diteruskan. Cuma pengambilan baru ditangguhkan sementara waktu. Izinkan saya untuk...

**Tuan Md. Nasir bin Hashim:** Boleh saya mencelah?

**Dr. Maszlee bin Malik:** Silakan.

**Tuan Md. Nasir bin Hashim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang hari ini Dewan ini ada membahaskan fasal Projek Kereta Nasional Ketiga. Saya percaya projek ini memerlukan mereka-mereka yang ada kemahiran dalam robotik. So, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah adakah sebuah universiti atau kolej universiti vokasional akan ditubuhkan di Malaysia untuk menampung mereka dalam kemahiran dalam robotik ini. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, bagi Yang Berhormat Senator Tuan Md. Nasir Hashim, kita sudah pun mempunyai beberapa buah universiti awam yang mempunyai program automotif dan mereka ini giat melakukan beberapa usaha R&D, dengan izin, *research and development* bagi isu automotif dan lain-lain lagi begitu juga kita juga mempunyai beberapa politeknik juga memberikan penekanan terhadap isu automotif.

Jadi setakat ini kita tiada perancangan untuk menuju 'Universiti Kereta' lagi. Kita akan menggunakan program-program yang sedia ada untuk menambah baik prestasi pakar-pakar kita dan melatih graduan-graduan kita untuk mahir di dalam bidang automotif tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat Senator yang bertanya.

**■1900**

Izinkan saya untuk melabuhkan tirai penggulungan kali ini kerana saya rasa patut diberikan peluang kepada Menteri-menteri lain untuk membuat penggulungan juga. Izinkan saya juga Tuan Yang di-Pertua, untuk membacakan petikan daripada Paulo Freire, penulis buku *Pedagogy of Oppressed*. Beliau mengatakan bahawa, “*One cannot expect positive results from an educational or political action program which fails to respect the particular view of the world held by the people. Such a program constitutes cultural invasion, good intentions notwithstanding,*” dengan izin. Terjemahannya ialah, “Kita tidak boleh mengharapkan hasil positif dari program pendidikan dan politik yang gagal menghormati pandangan dunia tertentu yang dipegang oleh rakyat. Program sedemikian merupakan pencerobohan budaya walaupun ia berniat baik”.

Buat sekian kalinya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya. *Assalamualaikum... [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik selaku Menteri Pendidikan. Yang Berhormat Menteri, hampir sejam saya dengar ucapan dan penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tentang pendidikan ini. Teringat saya akan masa kecil-kecil dahulu. Masalahnya tidak ada. Berbeza sangat saya rasa. Berbeza. Sekarang seperti anak-anak kita pergi sekolah dengan kereta. Memandu kereta sendiri. Macam-macam. Ada pula masalah dadah. Ada macam-macam. Beza itu banyak sangat saya nampak. Itu bak kata pantun orang Melayu.

*Tempah keris dari seberang;  
Pondok usang di bawah bukit;  
Lain dahulu lain sekarang;  
Jauh beza bukan sedikit... [Tepuk]*

Jadi Yang Berhormat Menteri, terima kasih banyak. Saya pun bekas pendidik juga. Atas sebab itulah saya sudah dengar sangat itu. Teringat saya semasa muda bila Yang Berhormat Menteri cerita hal pendidikan. Saya teringat masa saya kecil-kecil dahulu.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar. Dipersilakan.

**7.02 mlm.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Dewan Negara yang telah sudi untuk membangkitkan isu-isu berkaitan

Kementerian Pembangunan Luar Bandar sepanjang tiga hari perbahasan Belanjawan 2019 di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator semasa perbahasan tersebut. Ingin saya mula dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip. Terima kasih. Yang Berhormat Senator bertanya sama ada benar peruntukan MARA telah dikurangkan daripada RM3.5 bilion kepada RM1.3 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat, pertanyaan ini telah dijawab beberapa kali oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar melalui media dan juga oleh saya sendiri di Dewan Rakyat sebelum ini. Dakwaan tersebut adalah tidak benar sama sekali. Jumlah keseluruhan yang diumumkan oleh kerajaan kepada MARA adalah berjumlah RM3.65 bilion dengan pecahan RM1.3 bilion untuk belanja mengurus manakala RM2.35 bilion untuk belanja pembangunan. Angka RM1.3 bilion yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu hanyalah merujuk kepada belanja mengurus sahaja.

Dalam Belanjawan 2019 ini juga wujud penstrukturkan semula belanjawan MARA di mana penstrukturkan bagi Program Penganjuran Pelajaran MARA sebanyak RM2.057 bilion telah dipindahkan di bawah belanja pembangunan berbeza dengan tahun 2018 di mana penyaluran peruntukan program tersebut diletakkan di bawah belanja mengurus.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih sekarang kepada pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Tiada dalam Dewan. Saya pohon izin jawab secara bertulis boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada ya. Baik.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tiada? Baik, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Saya teruskan dengan pertanyaan berikutnya. Topik berikutnya ialah berkaitan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**Seorang Ahli:** Ada, ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ada? Terima kasih. Yang Berhormat Senator pula bertanyakan agihan penajaan MARA bagi kategori lepasan SPM, matrikulasi, STPM, diploma dan program siswazah pada tahun 2019. Yang Berhormat Senator juga bertanyakan mengenai kriteria dan syarat baru berkaitan dengan penajaan yang menumpukan terhadap keluarga B40.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, setiap tahun MARA menawarkan kemudahan pinjaman pelajaran kepada pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat persediaan diploma, ijazah pertama, sarjana dan PhD serta sijil kepakaran.

Namun, tiada agihan spesifik atau kuota yang ditetapkan bagi kategori lepasan SPM, matrikulasi, STPM, diploma dan program siswazah. Bagi tahun 2019, dianggarkan sebanyak 20,000 penawaran akan dibuka kepada pelajar cemerlang dari semua peringkat iaitu lepasan SPM, matrikulasi, *A-Level*, pra universiti, STPM, STAM, sijil SKM, diploma, ijazah pertama dan ijazah sarjana.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, MARA sentiasa mengutamakan pelajar cemerlang daripada keluarga yang berpendapatan rendah iaitu B40 dan berpendapatan pertengahan atau M40 terutamanya keluarga di kalangan miskin bandar dan luar bandar. Selain itu merit pemilihan juga adalah berdasarkan kecemerlangan akademik dan kokurikulum, status sosioekonomi (SCS) serta keutamaan kursus adalah berdasarkan aliran sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih sekarang kepada soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Ada? Terima kasih. Yang Berhormat Senator membangkitkan beberapa perkara mengenai MARA. Pertama adalah mengenai kaedah untuk membantu pelajar IPT luar negara yang merayu bantuan pinjaman MARA terutamanya daripada golongan M40.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi pelajar yang memohon rayuan untuk mendapatkan pinjaman pelajaran di luar negara, kelulusan adalah bergantung kepada kedudukan sementara kewangan kerajaan dan merit pemilihan juga adalah berdasarkan kecemerlangan akademik dan kokurikulum, status sosioekonomi serta keutamaan kursus adalah berdasarkan aliran sains dan teknologi.

Di samping itu, dakwaan Yang Berhormat bahawa golongan pelajar daripada keluarga M40 tidak mendapat pinjaman pelajaran MARA juga adalah tidak tepat. Seperti yang saya maklumkan tadi, MARA sentiasa mengutamakan pelajar cemerlang daripada keluarga yang berpendapatan rendah atau B40 dan berpendapatan pertengahan atau M40 khususnya di luar bandar. Setiap tahun, MARA menawarkan program pengajian dan pinjaman pelajaran ke luar negara melalui Program Pelajar Cemerlang lepasan SPM, sarjana dan PhD.

Seterusnya Yang Berhormat Senator juga bertanyakan mengenai prestasi kedudukan bayaran balik penajaan MARA bagi tahun 2018 dan unjuran penajaan untuk tahun 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, prestasi kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran MARA setakat November 2018 adalah berjumlah RM290.6 juta iaitu 82.3 peratus daripada sasaran sebanyak RM350 juta. Unjuran kutipan- baik.

■1910

Unjuran kutipan bagi tahun 2019 pula adalah sebanyak RM340 juta berdasarkan jumlah peruntukan penajaan yang telah diluluskan. Peratusan bayaran balik adalah mengambil kira jumlah pengurangan bayaran balik yang diberikan kepada pelajar tertakluk kepada keputusan dan pencapaian akademik. Terdapat juga pelajar yang meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, yang mana mereka diberi penangguhan bayaran balik.

Bagi tahun 2019, sasaran penajaan pelajar MARA adalah seramai 50,147 orang pelajar meliputi 44,542 pelajar di dalam negara dan 5,605 pelajar di luar negara berdasarkan peruntukan yang diluluskan. MARA sentiasa fokus dan komited dalam melahirkan graduan yang profesional dan kompeten melalui kemudahan pinjaman pelajaran MARA kepada pelajar yang layak untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua saya alih sekarang kepada pertanian daripada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tidak ada. Jadi saya minta kalau boleh seperti yang jawapan tadi saya akan hantar jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

Baik, sekarang Tuan Yang di-Pertua saya alih kepada pertanian daripada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Juga tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik. Jadi saya juga akan hantar jawapan itu secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator.

Sekarang adalah berkenaan pertanian daripada Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, tadi soal ada? Yang Berhormat Senator telah membangkitkan mengenai pelaksanaan projek infrastruktur luar bandar di Negeri Sabah. Pertama adalah mengenai peruntukan bagi jalan-jalan masuk ke kebun.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian telah diluluskan peruntukan berjumlah RM13.75 juta untuk pelaksanaan projek jalan ladang atau pertanian di bawah Program Jalan Perhubungan Desa (JPD) di seluruh negara. Projek jalan ladang atau pertanian ini meliputi kerja membina baru atau menaik taraf jalan ladang atau pertanian di pekebun kecil bagi menghubungkan kampung-kampung berhampiran yang bertujuan sebagai laluan utama kenderaan bagi mengangkut barang dan hasil pertanian.

Pelaksanaan projek ini adalah berdasarkan permohonan yang diterima. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian memohon jasa baik Yang Berhormat untuk mengemukakan senarai permohonan mengikut keutamaan bagi tujuan siasatan dan anggaran kos sekiranya mendapat skop dan terdapat keperluan mendesak, permohonan tersebut akan diberi pertimbangan sewajarnya tertakluk kepada siling peruntukan yang diluluskan kepada setiap negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Senator juga bertanyakan mengenai pelaksanaan sistem alternatif bagi projek bekalan air dan elektrik luar bandar yang dikatakan gagal. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek alternatif bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang dilaksanakan oleh kementerian meliputi sistem solar hibrid dan juga sistem mikro hidro.

Semua projek yang telah siap akan diserahkan kepada pihak berkuasa elektrik negeri iaitu Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bagi negeri Sabah untuk tujuan operasi dan senggara. Kementerian juga setiap tahun menyediakan peruntukan bagi menampung sebahagian daripada kos operasi dan senggara tersebut.

Selain itu pihak SESB juga diminta untuk mengemukakan laporan pengoperasian stesen-stesen tersebut. Tidak dinafikan timbul masalah pembekalan elektrik apabila usia stesen telah menjangkau lebih kurang lima tahun. Ada juga kes-kes yang belum sampai lima tahun juga. Walau bagaimanapun, kementerian dengan kerjasama pihak SESB akan memastikan kelangsungan sistem tersebut melalui kerja-kerja penggantian peralatan atau menaik taraf sistem dari semasa ke semasa.

Bagi Bekalan Air Luar Bandar (BALB) alternatif yang dilaksanakan oleh kementerian pula ia meliputi sistem air graviti, telaga terbuka dan telaga tiub. Semua projek yang telah siap dan berfungsi akan diserahkan kepada penduduk kampung atau wakil komuniti bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan. Peruntukan yang disalurkan bagi BELB alternatif adalah secara *one off*.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat adalah dipohon untuk memaklumkan kepada kementerian bagi mana-mana laporan-laporan kerosakan yang diterima untuk tindakan pihak kementerian selanjutnya. Di samping itu, untuk pelaksanaan projek-projek BALB dan

BELB alternatif yang baharu, kementerian akan mengutamakan penglibatan penduduk kampung daripada peringkat awal pelaksanaan sehingga projek tersebut siap.

Penduduk kampung akan diberikan latihan yang bersesuaian supaya kerja-kerja pengoperasian dan penyelenggaraan akan dapat dilaksanakan sendiri oleh mereka. Dengan cara ini, kementerian berhasrat supaya masalah sistem-sistem alternatif yang tidak berfungsi atau gagal akan dapat diatasi. Terakhir daripada Yang Berhormat Senator adalah mengenai rampasan bagi skandal projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang berlaku di negeri...

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Tuan Yang di-Pertua, ingin mcelah sedikit.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Silakan.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih atas jawapan tersebut. Sebenarnya dalam bahas saya, saya juga telah membawa satu isu persoalan saya di sana kerana kita tahu kementerian telah melaksanakan program-program ini dan telah memasang pelbagai sistem seperti solar hibrid dan juga sistem penapisan air dan sebagainya. Akan tetapi, apa yang telah berlaku banyak sistem ini sudah gagal.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian berhasrat ataupun ingin melihat adakah sistem-sistem ini masih boleh di baik pulih ataupun di naik taraf supaya belanja kewangan yang telah dibelanjakan oleh kementerian ke atas sistem-sistem ini tidak disia-siakan begitu sahaja. Jadi saya minta pencerahan daripada pihak kementerian tentang ini. Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Bagi pihak kementerian memang bila kalau ada laporan di mana sistem-sistem yang telah dibina masa dulu di era kerajaan lama, sekarang tidak berfungsi lagi dan memang kita akan kalau dapat laporan itu kita akan terus siasat. Kita akan pastikan sama ada sistem itu boleh dipulihkan dan kita akan ambil langkah. Sebab akhirnya kita mestilah ingat tujuan utama kita bila kita pasang sistem yang asal itu adalah untuk memastikan pihak kampung dapat air bersih ataupun bekalan elektrik yang baik. Kalau sistem telah di dapati sudah gagal, adalah tanggungjawab kementerian untuk baik pulih sistem itu. Hanya kita perlu maklumat di mana sistem-sistem ini sudah didapati gagal atau tidak berfungsi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan jawapan tadi. Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan isu mengenai rampasan duit bagi skandal projek Bekalan Air Luar Bandar (BELB) yang berlaku di Negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, siasatan kes skandal projek Bekalan Air Luar Bandar yang berlaku di Negeri Sabah adalah dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Jadi sebarang rampasan yang dibuat oleh mereka adalah di bawah bidang kuasa pihak SPRM dan selagi kes itu di peringkat siasatan dan

apa-apa tindakan termasuk pendakwaan di mahkamah, apa-apa barang rampasan adalah di bawah kawalan mereka dan apa-apa yang dilakukan dengan rampasan itu adalah memang bergantung kepada keputusan mereka.

■1920

Itulah di luar kawalan dan bidang kuasa Kementerian Luar Bandar. Berkaitan dengan BALB izinkan saya memberitahu Yang Berhormat Senator dan juga Dewan yang mulia ini- kementerian telah melaksanakan 121 buah projek BALB negeri Sabah dengan kos sebanyak RM1.88 bilion di mana penerima manfaat adalah sejumlah 99,572 buah rumah. Semua projek ini telah disiapkan sepenuhnya dan sepanjang pengetahuan pihak kementerian tiada laporan berhubung dengan kehilangan duit yang melibatkan peruntukan atau duit di bawah kementerian.

Manakala di bawah RMK-11, iaitu daripada tempoh tahun 2016 ke tahun 2019 pula, kementerian ini telah diperuntukkan sebanyak RM531.26 juta bagi pelaksanaan projek BALB negeri Sabah yang melibatkan 68 buah projek yang meliputi tiga projek telah siap dan 65 projek dalam pelaksanaan. Kesemua projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 18,203 buah rumah apabila siap kelak. Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan-jawapan yang kita ingin beri kepada pertanyaan-pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator.

Sebagai penutup ingin saya sebut, Kementerian Pembangunan Luar Bandar amat peka dengan keperluan rakyat di luar bandar dan akan sentiasa berusaha untuk menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup bagi memenuhi keperluan sosial ekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah masyarakat luar bandar. Selaras dengan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang telah dilancarkan oleh kementerian yang bertemakan “*Luar Bandar Sejahtera*”.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas mengenai isu-isu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Sivarasa Rasiah, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar yang telah menjawab penggulungan.

Akhirnya, sekarang saya jemput pula Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dipersilakan.

## 7.22 mlm.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan 2019 membawa tema “*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*”.

Belanjawan ini menekankan tiga fokus utama, dengan 12 strategi penting yang bertujuan memperkuuhkan kedudukan kewangan dan fiskal negara. Kerajaan yakin, belanjawan ini akan mengembalikan Malaysia sebagai Harimau Asia yang dikagumi atas pencapaian ekonominya. Tiga fokus tersebut adalah melaksanakan reformasi institusi, memastikan kesejahteraan rakyat dan memupuk budaya negara keusahawanan. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, meskipun sebuah kementerian yang baharu, komited untuk menjayakan fokus dan strategi Belanjawan 2019.

Penekanan akan terus diberikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk melaksanakan pembangunan inklusif tanpa meminggirkan mana-mana golongan masyarakat dalam negara. Sepanjang tiga hari perbahasan Belanjawan 2019 dari 11 hingga 13 Disember 2018, seramai 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan sebanyak 13 pertanyaan atau isu yang menyentuh bidang tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Terima kasih saya ucapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan dengan jawapan.

Pertama, mengenai pembangunan wilayah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani... tidak ada dalam Dewan. Perlu saya teruskan? Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Keluar ya, tidak ada ya?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Skip atau terus?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terus.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Skip ya? Okey.

Jadi saya teruskan kepada yang berikutnya, Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Tidak ada dalam Dewan? Saya skip juga ya.

Yang Berhormat Dr. Nuning Jeluing? Yang Berhormat memohon penjelasan mengenai kos tersembunyi yang harus dibayar oleh kerajaan seperti penalti atau pampasan dengan penangguhan pelaksanaan Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat maklum, Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi, Kuala Lumpur-Singapura telah dipersetujui untuk ditangguhkan sehingga 31 Mei 2020. Projek ini ditangguhkan kerana ia melibatkan komitmen kewangan kerajaan yang tinggi dan kedudukan kewangan negara pada masa ini tidak mengizinkan. Kos yang terlibat dalam tempoh penangguhan projek adalah kos *abortive* yang berjumlah SGD15, 026,491 yang perlu dibayar oleh Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Republik Singapura. Kos ini

hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya 31 Januari 2019. Pembayaran tersebut adalah bagi menampung kos yang telah dibelanjakan oleh pihak Singapura bagi kerja-kerja yang telah dijalankan seperti kerja-kerja pemindahan utiliti dan kerja-kerja tanah.

Isu-isu projek dalam belanjawan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin bertanyakan projek-projek yang akan dilaksanakan atau ditangguhkan di Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi *Rolling Plan Ke-4* (RP4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) iaitu bagi tahun 2019, sebanyak 253 buah projek di negeri Kelantan telah diluluskan dengan kos sebanyak RM1.376 bilion dan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian. Merujuk kepada isu penangguhan bagi tahun 2018, sebanyak lapan projek telah diluluskan bernilai RM50 juta dan ke atas dengan kos sebanyak RM1.787 bilion telah ditangguhkan. Projek yang ditangguhkan pelaksanaan ini adalah merupakan projek yang belum dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST).

Bagi memastikan kesejahteraan dan taraf hidup rakyat terus terpelihara terutamanya di kawasan luar bandar, pelaksanaan projek-projek yang memberikan manfaat terus kepada rakyat iaitu projek-projek yang bersifat mesra rakyat dan berimpak tinggi seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah, rumah ibadat dan sebagainya akan diteruskan.

Sehubungan itu, kerajaan dari masa ke semasa akan mengadakan semakan semula, sama ada meneruskan, menangguhkan dan membatalkan pelaksanaan sesuatu projek di bawah belanja pembangunan berdasarkan keperluan, keutamaan pelaksanaan dan kemampuan kewangan kerajaan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen memohon pencerahan mengapa peruntukan bagi projek khas diasingkan dengan dua jumlah peruntukan berbeza di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek khas di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ialah peruntukan bagi membiayai program-program di luar jangka dan tiada dalam perancangan asal kementerian termasuklah apabila berlakunya bencana, gempa bumi, banjir dan sebagainya.

Manakala projek khas di bawah Jabatan Perdana Menteri pula bertujuan membiayai projek-projek kecil mesra rakyat yang dilaksanakan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, seperti pembinaan masjid, dewan, infrastruktur asas dan utiliti awam dan ini tertakluk kepada budi bicara Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai Taman Industri Halal Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin meminta penjelasan tentang jumlah yang telah dibelanjakan untuk membangunkan kesemua 14 Taman Industri Halal dan fokus kerajaan bagi tahun 2019.

Kerajaan pada tahun 2006, telah memperuntukkan dana pembangunan sebanyak RM150 juta bagi melaksanakan Projek Pembangunan Taman Industri Halal. Projek ini adalah salah satu usaha peringkat nasional dalam menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global.

#### ■1930

Pada peringkat awal, fokusnya adalah kepada pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di lima buah negeri iaitu Kedah, Perlis, Terengganu, Pahang dan Kelantan. Projek ini adalah merupakan projek usaha sama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Sehingga Disember 2017, sebanyak 14 buah taman industri halal berstatus Halmas telah diwujudkan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM13.27 bilion. Status Halmas membolehkan syarikat-syarikat yang beroperasi di taman industri halal mendapatkan pengecualian cukai selama 10 tahun. Sebanyak 228 buah syarikat yang terdiri daripada 44 buah syarikat multinasional dan 184 buah syarikat PKS tempatan sedang menjalankan operasi di taman-taman halal tersebut.

Selain daripada itu, sehingga kini sebanyak 12,766 peluang pekerjaan telah diwujudkan bagi penduduk tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, fokus kerajaan bagi tahun 2019 adalah untuk menggalakkan pelaburan ke semua taman industri halal yang berstatus Halmas tersebut. Usaha ini akan dilakukan bersama dengan kerajaan negeri yang terlibat.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon mencelah. Berkaitan dengan 14 projek *halal park* ini, saya difahamkan ada dua projek yang agak berjaya iaitu di Serkam, Melaka dan Pedas, Negeri Sembilan berbanding dengan lain tidak mencapai objektif yang dikehendaki.

Jadi saya ingin tahu, apakah sebenarnya punca-punca yang menyebabkan projek halal ini tidak mencapai objektif yang telah digariskan sebelum ini sejak daripada tahun 2006? Kita juga gagal menyaingi halal hab yang sedang dibina di Thailand, di China dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Antaranya, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kejayaan sesebuah taman halal tersebut. Antaranya adalah lokasi dan kemudahan infrastruktur yang ada.

Saya bagi contoh taman halal hab di Pasir Mas, sudah siap semua, infrastrukturnya hampir siap keseluruhannya tetapi antara cabaran utama yang dihadapi oleh bakal-bakal atau mereka yang berpotensi untuk berada di kawasan untuk menyewa atau untuk menjalankan operasi di Taman Industri Halal Pasir Mas adalah infrastruktur jalan raya untuk menghantar barang-barang keluaran daripada kilang mereka ke pasaran. Pelabuhan terdekat yang agak berkaitan, yang relevan dengan perindustrian di kawasan tersebut adalah Pelabuhan Kuantan. Walaupun kita ada Pelabuhan Tok Bali, tetapi penggunaannya

adalah agak terhad. Jadi itulah antara cabaran utama, lokasi dan juga infrastruktur yang ada.

Jadi saya teruskan kepada isu FELDA. Ini antara isu yang sering ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya cuba jelaskan. Yang Berhormat Tuan Ismail bin Yusop? Tak ada tetapi saya rasa saya teruskan, saya jelaskan sedikit tentang isu FELDA walaupun tidak ada. Menyentuh tentang kelewatan bayaran pendahuluan hasil kepada peneroka. Ini antara isu yang sering ditimbulkan.

FELDA mengambil berat berkaitan bayaran kepada peneroka terutamanya yang melibatkan hasil jualan tanaman. Pembayaran ini secara majoritinya dibuat sebulan sekali iaitu pada minggu ketiga selepas hasil sesuatu bulan dimuktamadkan. Ia dikenali sebagai bayaran *paysheet* bulanan. Kalau ikut proses di FELDA, selesai hujung bulan akan keluar senarai akhir berapakah jualan untuk bulan tersebut. Pada minggu ketiga selepas akhir bulan tersebut akan dibuat bayaran. Itu mengikut kebiasaan *paysheet* bulanan FELDA.

Walau bagaimanapun, untuk membantu peneroka yang memerlukan bayaran secara mingguan, FELDA juga ada membuat bayaran pendahuluan mingguan yang dikenali sebagai pendahuluan tunai. Terdapat hampir 30 peratus peneroka yang memilih untuk mendapatkan bayaran pendahuluan tunai ini dan kebanyakan mereka terdiri daripada peneroka yang mengurus kebun sendiri.

FELDA menghadapikekangan tunai yang kritikal buat masa ini. Oleh itu, bayaran pendahuluan tunai bagi bulan November tidak dapat dibayar pada hujung bulan tersebut. Biasanya bayaran akan dibuat dua kali sebulan dan tuaian pertama minggu pertama dan kedua bulan November sepatutnya dibayar pada minggu keempat bulan November. Ini untuk pendahuluan hasil, tetapi ini tidak dapat dibayar tepat pada masanya.

Walau bagaimanapun, bayaran pendahuluan tunai ini akan dibayar bersekali dengan bayaran *paysheet* hasil November pada minggu ini iaitu minggu ketiga Disember 2018. Pengurusan FELDA amat memahami kesukaran yang dihadapi oleh peneroka. Oleh yang demikian, pengurusan FELDA sedang berusaha sedaya-upaya agar masalah ini dapat diselesaikan dengan kadar segera.

Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip pula bertanyakan status dana khas kerajaan bagi bantuan kewangan dan pinjaman kepada anak-anak FELDA untuk meneruskan pengajian tinggi di peringkat sijil, diploma dan ijazah serta cadangan pembinaan rumah generasi kedua FELDA dan pinjaman membaiki rumah.

Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip dan Yang Berhormat Tuan Ismail bin Yusop telah membangkitkan isu pembayaran wang sara hidup peneroka FELDA yang dikatakan agak terlewat berbanding sebelum ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan sejumlah peruntukan untuk meningkatkan kesejahteraan peneroka di rancangan FELDA. Pada tahun 2018, RM195 juta telah diperuntukkan dan ia meningkat kepada RM295 juta pada tahun 2019. Peruntukan ini terdiri daripada RM160 juta untuk bekalan air, RM100 juta untuk menaik taraf jalan dan RM35 juta untuk membina dan menaik taraf bangunan serta projek pemasangan lampu jalan.

Berkenaan dengan jumlah bantuan pinjaman pendidikan anak-anak FELDA dan pembinaan rumah generasi kedua FELDA (PGBF), ia bergantung pada kewangan FELDA kerana melibatkan nilai yang agak besar. Sebagai contoh, bagi menyiapkan pelan asal PGBF, FELDA memerlukan peruntukan sebanyak RM950 juta. Kebelakangan ini wujud kelewatan dalam membuat pembayaran pinjaman sara hidup dan juga pendahuluan hasil peneroka.

Perkara ini disebabkan kekangan kepada aliran tunai FELDA. Anggaran peruntukan untuk pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil adalah sebanyak RM500 juta setahun untuk 38,000 orang peneroka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aliran tunai FELDA berada pada tahap yang amat kritikal seperti yang saya sebut sebentar tadi. Sewaktu Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, kita dapati tunai dalam akaun FELDA sebenarnya hampir kosong. Sewaktu kita ambil alih kerajaan, kita dapati tunai dalam akaun FELDA hampir kosong dan juga pinjaman FELDA melebihi RM8 bilion. Penurunan harga komoditi sawit dan getah serta peningkatan kos pengurusan dan kutipan bayaran kembali pinjaman peneroka yang rendah menambahkan lagi tekanan kepada aliran tunai FELDA.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Haji Husain bin Awang membangkitkan isu mengenai penganjuran aman oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Generasi bersama peneroka-peneroka FELDA di perkarangan Parlimen pada 11 Disember 2018. Memorandum tersebut antara lain turut menyentuh mengenai hutang peneroka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengambil maklum akan memorandum tersebut. Hutang peneroka seperti mana saya sebutkan sebelum ini, boleh dikategorikan kepada tiga kategori iaitu hutang pembangunan kebun iaitu terdiri daripada hutang pembangunan asal dan pembangunan tanam semula; hutang sosioekonomi iaitu terdiri daripada hutang pinjaman pembesaran rumah; pinjaman saham FGV, skim insentif usahawan, pinjaman pelajaran tinggi dan pinjaman komputer; dan hutang baja. Semua hutang peneroka yang berkaitan bagi ketiga-tiga kategori dirumuskan dalam satu rumusan penyata hutang yang dikenali sebagai e-Penyata.

**■1940**

Sekiranya peneroka mengambil semua kemudahan hutang berkenaan, peneroka akan mendapat bahawa hutang mereka boleh mencecah sehingga RM150 ribu. Jika diambil semua fasiliti hutang yang ada. Berdasarkan rekod FELDA, kumpulan ini hanya dalam lingkungan 20 peratus dari keseluruhan peneroka FELDA. Hutang pinjaman pembangunan tanam semula atau hutang pembangunan kebun adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka iaitu kira-kira 75 peratus.

Majoriti peneroka memerlukan bantuan FELDA untuk menanam semula disebabkan kekangan kewangan, kemahiran dan tenaga. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat juga sebahagian kecil peneroka yang berkemampuan untuk membuat penanaman semula dengan dana mereka sendiri. Peneroka yang memilih untuk menanam semula dengan bantuan FELDA akan menyebabkan mereka berhutang kembali dengan FELDA.

Di samping kos menanam semula dan kos penjagaan kebun, peneroka juga diberi pinjaman sara hidup dan pinjaman pendahuluan hasil bagi membiayai perbelanjaan harian semasa tempoh tanam semula ini. Setelah tanaman mengeluarkan hasil dan telah dimuktamadkan jumlah hutang tanam semula, peneroka akan membuat bayaran kembali hutang tersebut sehinggalah selesai sebelum tempoh tanam semula berikutnya.

Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim, membangkitkan tentang perusahaan kecil dan sederhana di kawasan FELDA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA sentiasa menggalakkan penyertaan komuniti peneroka dalam bidang keusahawanan bagi menjana sumber pendapatan tambahan peneroka. Sehubungan ini, FELDA juga sentiasa memberi khidmat nasihat dan bimbingan keusahawanan kepada peneroka yang ingin menjadi usahawan. Sehingga November tahun 2018, terdapat 15,744 usahawan di kalangan komuniti peneroka sedang menjalankan aktiviti keusahawanan di rancangan-rancangan FELDA.

Antara bidang keusahawanan yang diceburi meliputi bidang perkhidmatan, perniagaan, ternakan, perusahaan, kraf, tanaman dan akuakultur. Selaras dengan usaha membangunkan usahawan di kalangan komuniti peneroka, pinjaman Skim Insentif Usahawan Peneroka (SIUF) diwujudkan pada tahun 2003 sehingga tahun 2014. Walau bagaimanapun, selepas tahun 2014 peranan FELDA dalam aspek pembangunan usahawan di kalangan peneroka lebih tertumpu kepada menawarkan khidmat nasihat dan bimbingan keusahawanan.

FELDA juga melaksanakan program kursus dan latihan keusahawanan dengan kerjasama agensi-agensi dan pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan. Bagi usahawan yang ingin mendapatkan dana pinjaman, FELDA membantu mereka dalam

memberi pandangan dan nasihat untuk mendapatkan dana melalui agensi-agensi yang berkaitan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan PETRONAS. Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, membangkitkan isu kuota dan penglibatan kontraktor dari Sabah dalam projek besar PETRONAS yang dilaksanakan di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan syarikat-syarikat atau vendor dari Sabah dalam industri minyak dan gas setakat suku kedua tahun 2018 adalah sebanyak 206 vendor. Vendor-vendor ini berdaftar dengan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) dan mereka melaksanakan projek-projek PETRONAS.

Selain daripada penganugerahan kontrak dan kerja, PETRONAS turut secara langsung dalam pelbagai usaha pemerkasaan daya saing vendor tempatan melalui Program Pembangunan Vendor atau *Vendor Development Programmed* sejak tahun 1993. *Vendor Development Programmed* (VDP) adalah bertujuan untuk melahirkan lebih ramai vendor tempatan yang berkeupayaan dan kompeten. Buat masa ini terdapat sembilan vendor Sabah yang terpilih untuk menyertai Program VDP.

Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung, tidak ada. Saya sentuh sedikit bab perkembangan terbaru tentang soalan yang ditanya. Yang Berhormat Senator membangkitkan mengenai isu pembayaran tunai hasil Petroleum bagi negeri Sabah yang masih belum selesai. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa penggulungan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan secara mendalam mengenai bayaran tunai- *cash payment*, atau lebih dikenali sebagai royalti minyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, maaf sekejap ya.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Untuk makluman Yang Berhormat, semasa penggulungan perbahasan Usul Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesebelas telah menjelaskan secara mendalam mengenai bayaran tunai- *cash payment* atau lebih dikenali sebagai royalti minyak.

Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mempunyai kepakaran dalam hal-hal yang berkaitan, bertujuan untuk menyemak dan mengkaji secara adil Perjanjian Malaysia 1963. Jawatankuasa ini akan mengesyorkan kepada kerajaan langkah

yang akan diambil bagi melaksanakan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat buat pertama kalinya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada pagi ini 17 Disember 2018.

Setakat ini sahaja penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua, terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Akhir...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat Senator ingin mencelah.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak celah sedikit. Saya hendak tanya sama ada terbabit dengan Kementerian Ekonomi ataupun tidak? Soalan saya berkenaan dengan ECER, ia terbabit dengan PETRONAS. Apakah ini tidak termasuk dalam Kementerian Pembangunan Ekonomi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator ada bangkitkan soalan kah?

**Datuk Razali bin Idris:** Ada. Ada. Saya yang paling *last* sekali.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Soalan tentang ECER atau PETRONAS?

**Datuk Razali bin Idris:** ECER bawah PETRONAS, / tidak tahu ECER ini duduk dalam kategori mana.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya ada jawapan untuk ECER tadi yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas tetapi tidak ada dalam rekod.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey, soalan saya, saya baca sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Soalan saya ada empat soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang telah dibangkitkan?

**Datuk Razali bin Idris:** Ya yang telah dibangkitkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Pertama, apakah hala tuju ECER yang mempunyai lima tonggak untuk *generate ekonomi Pantai Timur iaitu tourism, oil and gas dan petro chemical, manufacturing, agriculture, dan human capital development?*

Kedua, apakah *benefit* kepada rakyat Pantai Timur dari pelaksanaan ECER?

Ketiga, apakah status projek dan berapa statistik usahawan yang telah dilahirkan oleh ECER sehingga tahun 2018?

Keempat, apakah kerajaan tidak bercadang untuk merombak pengurusan dan ubah agar terus relevan? Apa pandang Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Secara umumnya, ECER itu bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Namun, tadi ada satu soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas berkaitan dengan pembangunan Pantai Timur. Dalam menjelaskan berkaitan dengan pembangunan Pantai Timur itu kita ada sebut sedikit tentang ECER mungkin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini di bawah kementerian mana, ECER?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** ECER ini bukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Setahu saya di bawah Kementerian Kewangan ataupun di Jabatan Perdana Menteri. Ia terdapat sedikit- ini perlu- akan dijelaskan oleh pihak yang berkaitan tetapi bukan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Akan tetapi soalan Yang Berhormat Senator Haji Yahaya bin Mat Ghani menyentuh tentang pembangunan Wilayah Pantai Timur. Jadi, sebab itu di jawapan kepada beliau, kami jelaskan tentang isu ECER memandangkan itu adalah sebahagian daripada pembangunan Wilayah Pantai Timur.

#### ■1950

Izinkan saya menyentuh jawapan ECER...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** ...Sedikit yang kita ada dalam menjelaskan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Selain daripada projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian, saya mendapat maklumat bahawa ECER adalah di bawah UKAS dan UKAS adalah di bawah Kementerian Kewangan. Itu maklumat yang saya dapat daripada pegawai.

Akan tetapi saya teruskan penjelasan tentang kesan ekonomi. Kita di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bercakap tentang pembangunan wilayah dan kesan-kesan pembangunan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Daripada empat soalan itu, Yang Berhormat akan menjawab satu soalan kah?

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Macam mana? Daripada empat itu, saya akan menjawab satu soalan, merumuskan sedikit sebanyak tentang ECER. Salah satu daripada mekanisme pembangunan wilayah adalah melalui pelaksanaan projek pembangunan oleh Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur atau ECER.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Disember 2018 sebanyak 133 buah projek dan program Kerajaan Persekutuan telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas untuk

pelaksanaan di Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek-projek strategik yang menjadi fokus pembangunan di ECER merangkumi sektor pelancongan, pembuatan, perniagaan tani, pembangunan modal insan dan pembinaan infrastruktur.

Beberapa projek berimpak tinggi atau projek pemangkin sedang dilaksanakan oleh kerajaan di wilayah timur melalui ECERDC. Antara projek yang sedang dilaksanakan di negeri Pahang adalah Pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan, Projek Peluasan Pelabuhan Kuantan serta Projek Sistem Bekalan Air dan Loji Rawatan Air di Ganchong, Pahang.

Bagi negeri Terengganu pula, antara projek sedia ada meliputi Taman Industri Biopolimer Kerteh, Pembangunan Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC) dan projek pembinaan jalan dari Lapangan Terbang Kuala Terengganu ke KTCC.

Manakala bagi negeri Kelantan, projek pembangunan yang dalam perlaksanaan adalah Taman Industri Halal Pasir Mas, Taman Industri Tok Bali dan Projek Agropolitan Kelantan Selatan.

Jumlah pelaburan swasta yang diterima oleh ECERDC sejak tahun 2008 sehingga Disember 2017 adalah sebanyak RM111.6 bilion iaitu melebihi sasaran awal RM110 bilion untuk dicapai pada tahun 2020. Daripada jumlah ini, RM54.3 bilion adalah pelaburan yang direalisasi. Pelaburan ini dijangka akan terus meningkat di mana tambahan RM70 bilion disasarkan untuk dicapai pada tahun 2025. Melalui pelaburan ini, sebanyak lebih 149,000 peluang pekerjaan telah dijana sepanjang tempoh tahun 2008 hingga tahun 2017.

Dengan adanya sasaran baharu pelaburan, penjanaan peluang pekerjaan dijangka akan terus meningkat dengan tambahan 120,000 lagi peluang pekerjaan pada tahun 2025. Peningkatan ini memberi kesan berganda yang lebih besar kepada pertumbuhan ekonomi di wilayah pantai timur dengan mengambil kira keseluruhan projek pembangunan termasuk yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian. Diharap itu dapat menjelaskan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa soalan tetapi oleh kerana di bawah kementerian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain-lain...

**Datuk Razali bin Idris:** ...Saya rasa saya tangguhkan dahulu soalan saya. Terima kasih banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon bertanya.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Mohon laluan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak lagi soalan kementerian?

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Berkennaan dengan PETRONAS tadi. Saya ada tanya sebahagian daripada soalan saya Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan *Trans-Sabah Gas Pipeline* yang telah dibatalkan. Jadi, dalam perbahasan saya, saya telah bertanya tentang apakah tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa terdapat keseimbangan pembangunan di antara Pantai Timur Sabah dengan Pantai Barat Sabah sebab *Trans-Sabah Gas Pipeline* ini sebenarnya digunakan untuk menyalurkan gas asli dari Pantai Barat Sabah di Kimanis ke bandar-bandar di sebelah Pantai Timur Sabah. Jadi, saya ingin bertanya kalau ini adalah- apakah tindakan kementerian? Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. *Trans-Sabah Gas Pipeline* sebenarnya adalah di bawah bidang kuasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kewangan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Kementerian Kewangan. Jadi ini akan dijawab oleh Kementerian Kewangan, *insya-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Saya rasa ada lagi? Okey.

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon bertanya. Saya ada membangkitkan soalan berkaitan dengan bantuan musim tengkujuh tetapi saya tidak pasti ia berada di bawah kementerian ini atau kementerian lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Musim tengkujuh yang mana Yang Berhormat?

**Puan Asmak binti Husin:** Bantuan musim tengkujuh untuk bulan November dan Disember 2018 yang dua atau tiga hari ini lagi.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Bantuan musim tengkujuh sebelum ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Industri Utama. *Ministry of Primary Commodity*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini musim tengkujuh untuk orang awam kah atau...

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Bantuan musim tengkujuh sebanyak RM200 kepada penoreh getah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penoreh getah.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Kepada penoreh getah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penoreh getah itu Yang Berhormat sudah banyak kali jawab sudah. Ia memang tidak ada peruntukan pun.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Jadi, itu akan dijelaskan oleh Kementerian Industri Utama...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Ada lagi? Jika tiada, akhir sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah

mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkenaan perkara-perkara di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kementerian akan mengambil perhatian terhadap pelbagai perkara yang telah dibangkitkan dan dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk memajukan negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat Menteri, pagi-pagi sudah datang Yang Berhormat Menteri. Minta maaflah kerana masa- tetapi Yang Berhormat Menteri... [Tepuk] Boleh menukar giliran dengan kementerian yang lain kerana kebanyakan mereka Timbalan Menteri. Lain kalilah Yang Berhormat Menteri. Boleh tukar giliran.

#### **7.56 mln.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]:**

Tidak apa, *it is okay. First time learning, insya-Allah.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah.* Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2019 yang menyentuh kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Di depan saya. Saya baru hendak berkenalan. Cuba angkat tangan nanti saya sebut. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Okey, *alhamdulillah.* Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai? *Alhamdulillah* dan Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Okey. Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** *I know him, okay.* Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** *He is not here* dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** *He is not here.* Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** *She is there, okay.* Yang Berhormat Senator Laksamana? Ada. Yang Berhormat Senator Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** *All right, okay.* Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Alright. Okey, cuma satu orang sahaja tidak ada, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. So, *alhamdulillah* dan saya telah merumuskan kepada topik-topik yang telah disentuh oleh pembahas-pembahas ketika itu. Ada lima topik yang telah disentuh. Satu adalah isu perumahan. Kedua adalah kerajaan tempatan. Ketiga, bomba. Keempat, peminjam wang berlesen dan kelima adalah sisa pepejal.

Jadi untuk soalan-soalan perumahan saya boleh rangkumkan semua dalam satu rumusan bahawa ada yang pertama soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook di depan saya ini yang menanyakan dan mencadangkan agar Syarikat Perumahan Negara Berhad, Perbadanan PR1MA dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia digabungkan untuk menjimatkan penggunaan sumber tenaga, masa dan kewangan.

Jadi dalam satu soalan ini juga ada lain-lain juga ada menyentuh- biar saya merumuskannya dengan satu pembentangan bahawa memang ratifikasi untuk semua agensi-agensi perumahan di bawah *Prime Minister Department* dan juga di bawah KPKT telah kita selaraskan. Memang betul dengan penyelarasan ini, *insya-Allah* dengan penyelarasan SPNB, PR1MA, PPAM dan PPR ini akan dapat memudahkan KPKT untuk menyelaraskan dan menyeragamkan konsep rumah- *distribution of the houses* dekat mana kita hendak buat, *in term of design*, dengan izin, *in term of price and in term of quality and the workmanship*.

Jadi, dasar ini memang telah kita ambil dan telah dimulakan dan telah dibuat perancangannya di bawah Dasar Perumahan Negara. So, Dasar Perumahan Negara yang telah kita luluskan di Kabinet dan *insya-Allah* akan dilancarkan pada 8 Januari nanti oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. So, dalam Dasar Perumahan Negara ini ada lima aspek yang kita tekankan dari segi kualiti rumah itu sendiri.

Jadi, kali ini kualiti rumah itu menjadi perkara yang penting kerana *we are talking about-* kita hendak memastikan bahawa kita bukan sahaja membina rumah tetapi kita memastikan rumah itu rumah yang selesa, rumah yang boleh bertahan lama, rumah yang

tidak ada cacat cela dengan memberikan kemudahan-kemudahan, *facilities* dan sebagainya.

## ■2000

Kita juga memastikan tentang *accessibility*. *Accessibility* dari segi pinjaman wang atau pembiayaan permohonan perumahan agar dipermudahkan. Jadi Bank Negara telah memberikan beberapa skim yang boleh memudahkan untuk pembiayaan perumahan ini termasuk fleksi skim yang mana dipanjangkan tempoh peminjaman wang tetapi dimulakan dengan kadar gaji yang seadanya. Sekiranya pemohon itu lima tahun akan datang, gaji dia akan naik maka pembiayaan bulanan hutang itu akan mengikut kadar gaji pemilik atau pemohon.

Ketiganya ialah kita hendak pastikan ada infrastruktur yang sempurna. Kita hendak pastikan rumah-rumah mampu milik ini atau rumah-rumah di bawah Dasar Perumahan Negara yang baharu ini dibuat atas dasar yang satu- *present township*. Makna *township* yang kecil yang mana kita hendak pastikan ia adalah *sustainable*. Maknanya ia ada *self sufficient* punya *support facilities* seperti dewan, padang, surau, tempat *library, parks*, dan juga taman untuk satu-satunya kawasan perumahan.

Kita juga cuba untuk meningkatkan *data management* kita. Setakat ini memang tidak ada satu bit data sistem yang boleh kita dapat rujuk agar apabila kita hendak membuat *projection* untuk keperluan rumah masa akan datang, kita tidak ada data yang boleh memberi kita satu data yang tepat, yang mana kita boleh merancang dalam peringkat lima tahun. Ini dalam usaha KPKT untuk menyelaraskan atau menyeragamkan data-data ini untuk memudahkan kita untuk perancangan pada masa akan datang.

Kelimanya adalah dari segi akta-akta yang harus kita pinda untuk menyesuaikan dengan keadaan yang baharu ini. So, kali ini dalam Dasar Perumahan Negara ada satu sub dasar, Dasar Rumah Mampu Milik Negara. So, Dasar Rumah Mampu Milik Negara inilah yang kita khususkan kepada golongan B40 dan M40. So, jadi dalam Dasar Rumah Mampu Milik ini kita pastikan bahawa tanah-tanah daripada peringkat kerajaan negeri harus menyerahkan kepada KPKT. Dengan tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri, maka kita akan dapat turunkan kos pembangunan apabila premium-premium tanah itu *insya-Allah* adalah dengan kadar yang minimum.

Keduanya *compliance course*. *Compliance course* kepada agensi-agensi seperti Tenaga Nasional, IWK, air, WIFI dan juga Telekom. Ini juga kita bekerjasama dengan kementerian yang lain agar *compliance course* ini akan dibiayai oleh agensi-agensi itu sendiri. Jadi ini akan menurunkan harga pembinaan rumah.

Ketiganya, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad menyentuh tentang IBS. Memang dalam Dasar Rumah Mampu Milik ini memang kita akan go *all out*

untuk IBS. Modelnya semua sudah siap, *standard model and design*, satu atau dua model *design* yang mana kita akan lancarkan. Semua rumah ini akan mengikut model dan *design* ini. IBS ini memang dahulu sudah ada, Malaysia sudah buat tetapi oleh kerana kuantitinya tidak ada, maka ia tidak *cost effective*.

Jadi, kalau sekiranya kita sudah menyeragamkan semua projek perumahan mampu milik ini di bawah satu bumbung KPKT, maka *insya-Allah* kita akan dapat kuantiti dan ianya akan dapat menurunkan harga kos pembinaan rumah. Jadi Dasar Rumah Mampu Milik menekankan tentang keluasan rumah mesti 900 *square feet* ke atas. Memberikan keselesaan kepada penduduk dan harganya adalah- kita juga *streamline* atau menyelaraskan harganya daripada RM150,000 ke bawah, RM150,000 ke RM300,000, RM300,000 ke RM500,000. So, ini adalah skim rumah-rumah mampu milik.

Untuk SPNB, PR1MA dan sebagainya. PR1MA dan SPNB sekarang KPKT sedang *conduct* satu *due diligence* kepada syarikat PR1MA dan juga SPNB untuk memastikan penyerahan aset, akaun dan keadaan semasa- status PR1MA dan SPNB itu adalah dengan keadaan yang sempurna apabila diserahkan kepada KPKT.

Namun demikian, ianya tidak memberhentikan KPKT untuk membina satu juta rumah dalam 10 tahun yang telan dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan. Jadi kita punya *target* untuk setahun adalah 100,000 rumah dan 10 tahun satu juta. Jadi, *insya-Allah* atas nama apa pun- kemungkinannya tidak akan atas nama PR1MA, SPNB, PPN atau PPR. Akan tetapi *insya-Allah*, *in total* rumah 100,000 kita akan bina *insya-Allah* dalam masa setiap tahun, dalam masa 10 tahun untuk mencapai rumah satu juta.

So, dalam pada itu juga bagaimana cara-cara lain yang kita hendak mendapatkan rumah angka 100,000 setiap tahun ini adalah rumah-rumah yang *overhang unit*, yang mana tidak terjual. So, yang mana pihak *developer* telah bersetuju melihat untuk diskau, memberikan diskau harga rumah ini dan boleh kita jual kepada mereka yang mampu dengan bank skim yang telah disebut tadi, yang membolehkan mereka memiliki rumah-rumah yang *overhang unit* ini.

Untuk PR1MA, SPNB ada rumah-rumah yang sudah siap, ada yang tidak terjual kita akan terus jualkan. *We want to cut lost. So that*, kita akan cuba dapat sebanyak mungkin wang untuk kita dapat. Keduanya, adalah rumah-rumah yang dalam pembinaan juga kita teruskan. Cuma rumah-rumah yang projek-projek belum dimulakan, kita hentikan.

So, ada juga soalan yang menanyakan tentang *board of directors* untuk SPNB, ketika ini kita bekukan. Kita bekukan kerana kita masih lagi dalam peringkat *due diligence*, *wait all reports to be in then* barulah kita tengok sama ada kita perlu adakan agensi itu ataupun kita selaraskan sahaja di bawah Jabatan Perumahan Negara di bawah KPKT. Ini kerana kita faham apabila kita seragamkan, menyelaraskan ini kita adakan *cut cost*. Kita

akan turunkan perbelanjaan daripada segi *resources*, tenaga, kerja, gaji dan *duplication of job*. Tidak ada kerja-kerja yang bertindih dan ini sudah tentu akan dapat menurunkan perbelanjaan kita dalam pembinaan rumah. So, *insya-Allah* dengan penjimatan ini, kita akan dapat capai angka yang kita sasarkan untuk membina rumah mampu milik untuk rakyat di negara kita.

Setakat ini semua rumah ini kaedahnya satu adalah tender terbuka. Kalau tanah kerajaan kita akan buka tender terbuka. Tender terbuka *then* mereka boleh masuk, cuba dan kita akan pilih. Ia kaedah adalah *cross subsidy* yang mana tanah itu kita boleh berikan kepada *commercial development* campur dengan rumah mampu milik.

Ketiga, Skim Perumahan Khas yang mana kita ada *financial* untuk bantu jual rumah-rumah yang telah dibina. So, ini adalah kaedah-kaedah yang telah kita jangkakan atau kita rancang agar boleh dapat beri kemudahan-kemudahan kepada mereka untuk memiliki rumah mampu milik ini.

Untuk Sarawak spesifik, ada menanyakan berapa banyak bajet untuk negeri Sarawak yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong. Kita peruntukan sebanyak RM50 juta kepada negeri Sarawak dan projek-projeknya walaupun ada senarainya tetapi harus dikaji semula dan *re-prioritize* untuk melihat dari segi keperluan dan kesesuaian dan di mana yang harus kita utamakan. Itu untuk Sarawak ya.

So, seterusnya saya pergi isu kerajaan tempatan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sebelum itu boleh tanya penjelasan?

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Boleh.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Soalan saya, memandangkan Yang Berhormat Menteri dalam proses melakukan susun atur ataupun *restructuring* terhadap perumahan, terdapat juga agensi-agensi yang mana bersifat federal PERDA, JKP. Selepas itu di Bank Negara pun dahulu tubuhkan Tabung Permohonan Perumahan. Apa akan jadi kepada agensi-agensi tersebut yang di lapangan mereka masih lagi ada juga projek-projek yang terbengkalai dan sebagainya. Mungkin mohon penjelasan.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Ketika ini KPKT hanya menyelaraskan PR1MA, SPNB, PPN dan juga PPR sendiri. Jadi untuk projek-projek perumahan di bawah kementerian masing-masing macam Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan disebut tadi masih lagi belum di bawah penyeragaman bawah KPKT. So, mungkin masa akan datang bila kita dapat satu sistem yang lebih stabil dan keadaan yang lebih tersusun dan terancang. *Insya-Allah* kita

juga akan hendak menyeragamkan semua pembinaan rumah dalam satu bumbung, *insya-Allah*.

So, untuk kerajaan tempatan saya mendapat soalan mengenai geran tahunan. So, memang geran tahunan kita akan beri kepada semua PBT seluruh negara tidak kira lah negeri pembangkang. So, ini kita punya *approach*, pendekatan pada Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu ini kerana kita percaya sekiranya kalau kita hendak negara ini maju, kita tidak boleh ada sifat diskriminasi kepada mana-mana negeri kerana kita hendak pastikan rakyatnya maju, maka negara boleh maju. Jadi untuk peruntukan semua sudah ada. Cuma saya tidak akan baca satu persatu dan itu boleh saya jawab dengan bertulis.

## ■2010

Soalan ini datang dari Sarawak, Sarawak hendak tanya fasal peruntukan. *Insya-Allah*, geran peruntukan untuk tahun 2018 Sarawak dapat adalah sebanyak RM28.2 juta. Walaupun Sarawak ini ia ada satu *law* yang berbeza daripada segi kerajaan tempatan tetapi Kerajaan Persekutuan masih lagi memberikan dana untuk Kerajaan Negeri Sarawak. Itu untuk geran tahunan.

Saya juga ada soalan untuk mengenai pilihan raya kerajaan tempatan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. *He is not here*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak ada. Oh, sudah ada dah. Tadi tidak ada ya? Ada, okey. So mulai pilihan raya kerajaan tempatan, seperti apa yang telah saya sebutkan bahawa KPKT sebagai satu kementerian yang menjaga kerajaan tempatan mesti ada satu *positioning* mengenai kita punya pandangan terhadap pilihan raya kerajaan tempatan. So kerana kita telah melaksanakan pilihan raya di peringkat *Federal, state* dan *the next one, we cannot go away*, dengan izin adalah untuk mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan.

Oleh sebab itu saya membuat kenyataan bahawa saya perlukan tiga tahun dari sekarang untuk mengkaji dan melihat model-model dan melihat akta-akta dan juga membudayakan komuniti agar mereka faham peranan mereka apabila kita melaksanakan pilihan raya kerajaan tempatan ini, rakyat tahu apa peranan mereka dan mereka yang bertanding juga tahu apa peranan mereka.

Jadi ini adalah perkara-perkara yang harus kita berikan pemahaman sebelum kita boleh membuat satu pilihan raya kerajaan tempatan. Walaupun Perdana Menteri juga ada menyuarakan kegusaran beliau tentang kemungkinan tidak mendapat satu keseimbangan daripada segi perwakilan kalau sekiranya ada kerajaan tempatan, ini semua ada beberapa model yang kita boleh ambil contoh dan Malaysia sendiri boleh *create a model of its own*, dengan izin, untuk melaksanakan kerajaan tempatan ini.

Jadi KPKT bertekad dalam masa tiga tahun, bentang satu kertas yang konkrit, yang komprehensif dan dibentangkan di Kabinet dan kita akan menunggu ataupun mendapatkan kelulusan ataupun bantahan daripada Kabinet. Jadi itu *position of* kita punya KPKT *because as Menteri of local government*, kita mesti ada satu *positioning to show that* kita adalah sebuah negara yang maju, sebenarnya hendak mencapai negara maju dan dalam masa tahun 2020, kita mesti ada satu kaedah bahawa kita berusaha untuk mengadakan satu pilihan raya kerajaan tempatan.

Ketiga saya dapat soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi yang mengatakan tentang *Uniform Building by Laws*. Yang Berhormat Senator, sebenarnya ini semua ada.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sudah terlepas kerajaan tempatan.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Alright.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya hendak soalan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari itu saya cuba unjurkan soalan kepada Timbalan Menteri tetapi tidak ada dalam kerangka soalan asal, berkenaan dengan ahli jawatankuasa majlis, ahli-ahli jawatankuasa majlis, ahli jawatankuasa perbandaran dan ahli jawatankuasa bandaraya.

Soalan saya berbentuk negeri pembangkang. Jadi, hampir 60 tahun lebih setiap jawatankuasa majlis daerah ataupun bandar raya di negeri-negeri pembangkang tidak mempunyai wakil daripada Kerajaan Persekutuan kalau sekiranya negeri itu Pusat tidak bersamaan dengan negeri. Jadi sekarang soalan saya, apabila kerajaan negeri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh lantik?

**Datuk Razali bin Idris:** Contoh di negeri Terengganu, kerajaan pembangkang dan Pusat adalah Kerajaan Pakatan Harapan, so tidak ada lantikan daripada Pusat di dalam jawatankuasa yang saya sebutkan tadi. Jadi soalan saya, apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk melantik wakil-wakil Pusat di dalam jawatankuasa yang saya sebutkan tadi supaya kita dapat memantau dan melihat apa pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri yang mana bantuan daripada Pusat seperti mana Yang Berhormat Menteri laporkan tadi? Terima kasih.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali dari Terengganu?

**Datuk Razali bin Idris:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Okey. So, memang Kerajaan Pusat tidak ada halangan untuk meletakkan wakil di situ tetapi saya hendak fahamkan juga, kalau mengikut daripada majlis, daripada kerajaan tempatan, Kerajaan Pusat sudah menulis surat kepada semua Ahli Parlimen di semua kawasan negeri-negeri pembangkang untuk dijemput untuk

menghadiri mesyuarat di peringkat PBT. So saya ingat kalau Ahli Senator juga di negeri-negeri masing-masing hendak juga menghadiri mesyuarat *full council* dalam kerajaan tempatan, saya juga boleh menulis surat agar ada partisipasi daripada Ahli-ahli Senator sendiri. Itu satu.

Keduanya, yang ini saya kira adalah daripada Majlis Tindakan Negara, *it is?*

**Datuk Razali bin Idris:** Tidak. Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat, boleh saya ...? Yang Berhormat, boleh. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey. Soalan saya ahli majlis. Di Terengganu, tidak ada satu orang pun wakil rakyat daripada Kerajaan Pusat sama ada wakil rakyat ADUN ataupun wakil rakyat Parlimen. So maksudnya, kita tidak ada seorang wakil pun dalam majlis daerah perbandaran dan juga dewan bandar raya. Itu maksud saya Yang Berhormat Menteri.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Senator, saya ingat itu di peringkat negeri. Negeri tidak melantik wakil Kerajaan Pusat untuk menghadiri mesyuarat di peringkat negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan dia itu, ada atau tidak Kerajaan Persekutuan boleh melantik?

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Kalau diberi ruang oleh kerajaan negeri, tidak jadi masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika diberi ruang lagi. Buat masa sekarang tidak boleh lagi?

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak ada ruang, tidak ada ruang. *If* kerajaan negeri kata hantar wakil Kerajaan Pusat, *we are more than willing, insya-Allah* untuk daripada segi ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Daripada segi undang-undang tidak boleh?

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Daripada segi – No, boleh. Sebagai pemerhati boleh. Sebagai anggota mesyuarat boleh tetapi ini semua adalah kelulusan di peringkat negeri, bukan peringkat Pusat. Kalau di peringkat Pusat ...

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh saya beri contoh satu?

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Okey.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Menteri, contoh sekarang ialah MPKK. Sebenarnya MPKK kepunyaan Kerajaan Pusat, diserahkan kepada kerajaan negeri. So lima orang ahli jawatankuasa daripada Kerajaan Pusat ...

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Maaf Yang Berhormat. MPKK itu apa? Majlis ...

**Datuk Razali bin Idris:** Majlis Perundingan Komuniti. Dahulu JKKK.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Oh.

**Datuk Razali bin Idris:** Contoh, saya hendak beri contoh. Jadi sekarang kalau MPKK, Pusat boleh membuat lantikan daripada Pusat, lima orang sebagai contoh, duduk dalam jawatankuasa yang diterajui oleh kerajaan pembangkang. Apakah- soalan saya tadiyah, kita balik semulalah, soalan saya apakah pihak PBT juga tidak bersedia untuk meletakkan wakil daripada Pusat dalam ahli majlis daerah, ahli majlis bandar raya ataupun ahli majlis perbandaran? Itu Yang Berhormat.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Satu lagi saya tekankan, untuk ahli majlis di bawah kuasa negeri, so kita tidak ada peranan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Setiap negeri, dia lantik dia punya ahli majlis. So Pusat tidak ada peranan. Jadi untuk MPKK itu kita di bawah KPLB.

**Tuan Yang di-Pertua:** Daripada segi itu- daripada segi perundangan pun tidak ada?

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak ada, tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah saya cakap.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Itu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. So tidak boleh tetapi kalau *you* hendak jemput kita datang, kita boleh datang. *Your chief minister allowed, we can come. No problem, insya-Allah.* Terima kasih. Itu mengenai kerajaan tempatan.

Saya baru sentuh tentang...

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Ya.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ...

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Razali pun pembangkang di Terengganu. [Ketawa] Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita berbincang tentang soal kerajaan tempatan. Jadi saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah *jurisdiction* kerajaan tempatan mengenai hal ehwal landskap? Adakah di bawah- masih *retain* di bawah kuasa kerajaan tempatan ataupun telah diserahkan kepada kementerian lain? Itu yang tidak berapa jelas daripada- diumumkan secara *public* atau...

**Puan Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi. Ya bagus untuk mendapatkan penjelasan ini. Ketika ini, saat ini, pelan Malaysia dan

juga Jabatan Landskap Negara telah dipindahkan kepada Menteri Wilayah. So *anything* mengenai landskap, akan dijawab ataupun akan dikelolakan oleh Menteri Wilayah.

So berbalik kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi tentang undang-undang *Uniform Building by Laws* (UBBL) yang disebutkan dalam bahas. Sebenarnya semua negeri sudah warta, sudah *adopt law* ini dan telah diwartakan. Cuma saya faham penguatkuasaan yang tidak ada. Jadi memang KPKT dalam bawah kerajaan baharu ini, kita menekankan tentang penguatkuasaan. *We have the best laws*, dengan izin. Semua laws kita ada. Macam *all the advance countries*, Australia seperti apa semua.

## ■2020

Akan tetapi, apabila penguatkuasaan itu lemah, maka ia memundurkan kita. So, KPKT amat mengetahui tentang situasi ini- so KPKT akan pastikan bahawa penguatkuasaan harus dilaksanakan dengan lebih tegas. So, terima kasih.

Kebombaan, saya dapat soalan mengenai kebakaran rumah panjang oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai ada?... *Hil!* So, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai tanya mengenai banyak sangat kebakaran di rumah-rumah panjang- dia mahukan statistik ya. Kemalangan yang mana melibatkan litar pintas adalah sebanyak 27.53 peratus dan kemalangan mengenai api dapur sebanyak 24.63 peratus, manakala 47 peratus lagi yang lain-lain.

So, walaupun KPKT telah mengadakan kempen sebanyak 943 kempen keselamatan kebakaran di rumah panjang, Sarawak selama beberapa tahun ini. Kita ada banyak pasukan bomba komuniti- di Sarawak, ada pasukan bomba komuniti dan pasukan bomba sukarelawan yang paling tertinggi sekali. Sebanyak 500- saya lihat sekejap ya. *I thought I saw the figure 500 something, 522?* So, Sarawak has the- paling tinggi sekali 522. Okey, kita ada sebanyak 160 pasukan bomba komuniti dengan 1,304 orang keahlian dan enam pasukan bomba sukarelawan dengan 217 orang keahlian di rumah panjang.

Jadi, Sarawak ada angka yang tertinggi sekali untuk bomba komuniti dan juga bomba sukarelawan. Ini memandangkan bahawa rumah-rumah panjang ini terletak jauh di kawasan pedalaman dan untuk membina satu balai bomba, tidak *cost effective*. Jadi, KPKT melalui Jabatan Bomba, menubuahkan banyak bomba sukarelawan untuk menjaga dan memberikan satu alert awal untuk kebakaran dan bencana-bencana alam agar dapat menjadi orang yang pertama menyampaikan maklumat kepada Jabatan Bomba yang berdekatan.

Seterusnya, tentang isu enam orang anggota bomba yang lemas di Puchong. Jadi, satu komuniti telah dibentuk untuk membuat siasatan dan di peringkat dalaman sudah habis. Peringkat luaran yang melibatkan profesional-profesional tertentu telah menjalankan siasatan dan *insya-Allah* laporannya akan siap dalam masa terdekat dan akan diumumkan

laporan itu. Akhir sekali, saya dapat soalan mengenai- oh, yang kedua iaitu mengenai peminjam wang berlesen.

Oh, yang saya sebut ini okey- di Sarawak juga, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong bertanyakan tentang Sarawak, *because*, ini yang ada tanya spesifik yang lain tidak ada tanya. Ketika ini ada sebanyak 522 pemberi pinjam wang berlesen di negeri Sarawak. Yang Berhormat Senator bertanya tentang ada tidak yang dibatalkan? Setakat ini belum ada lagi pemegang lesen peminjam wang ini dibatalkan lesen mereka.

Jadi, ada perbezaan peminjam wang berlesen dengan KPKT adalah satu peminjam wang yang *legal*, yang sah. Akan tetapi, kalau *Ah Long*, memang tidak dapat lesen daripada KPKT. Jadi, ini adalah di bawah tindakan PDRM. Sekiranya ada pengamal-pengamal *Ah Long*, jadi mereka harus dilaporkan dan diambil tindakan oleh PDRM.

Akhir sekali, mengenai sisa pepejal yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran. Minta maaf, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran- Perak tidak menandatangani Akta 673.

Kalau negeri-negeri yang menandatangani Akta 673, pengurusan sisa pepejal mereka di bawah KPKT. Perak belum lagi menandatangani Akta 673. Jadi, pengurusan sisa pepejal masih di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Saya kira itu sahaja yang saya boleh saya gulung, kepada semua yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan saya ucapkan terima kasih.

Jadi, *insya-Allah* sekiranya ada maklumat yang diperlukan, kami dari KPKT bersedia untuk memberikan maklumat yang terperinci sekiranya diperlukan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Silakan Kementerian Pengangkutan.

#### **8.05 mIm.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin melafazkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Terima kasih sekali lagi di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang bahawa kita menjawab kepada Ahli Yang Berhormat yang hadir, yang tidak hadir kita akan berikan jawapan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing? Tidak ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Kalau tidak ada, saya langkau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Okey, terima kasih. Seterusnya, saya akan menyentuh isu spesifik mengenai masalah parkir kendaraan di Stesen MRT dan KTM Kajang yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Ada? Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator terdapat dua kemudahan ruang parkir kereta dan motosikal disediakan bagi pengguna Stesen MRT dan Stesen KTM Kajang seperti berikut; satu, bangunan parkir setinggi tujuh tingkat dengan kapasiti sebanyak 1,180 unit petak kereta dan 1,552 unit parkir motosikal. Penggunaan harian parkir tersebut adalah pada tahap 95 peratus sehingga 100 peratus dan dua parkir terbuka *upgrade* dan bertar dengan kapasiti sebanyak 270 unit petak parkir kereta. Ruangan parkir yang terletak di hadapan Masjid India di Jalan Reko ini dihubungkan melalui laluan pejalan kaki berbumbung ke Stesen MRT.

Namun begitu, pada 1 Januari 2018, operator parkir tersebut telah memohon penamatkan sewaan kerana ketiadaan pelanggan yang mana telah beralih kepada bangunan parkir bertingkat tadi. Seterusnya, ruang parkir tersebut telah dibuka untuk pengguna MRT dan KTM Kajang dengan tanpa sebarang caj. Walaupun begitu, tiada sebarang caj dikenakan- bilangan pengguna parkir di kawasan terbuka ini masih amat rendah.

Bagi menjawab isu pengguna meletakkan kenderaan di bahu jalan sehingga ke Kolej Era, Kementerian Pengangkutan berpandangan ia adalah berkaitan dengan sikap pemandu yang memilih jalan singkat, cepat dan tanpa pembayaran untuk ke Stesen MRT dan KTM, sedangkan masih terdapat ruang parkir yang masih kosong dan boleh digunakan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan melalui RAC akan terus memantau isu berkenaan parkir ini dan akan segera mengkaji pembangunan ruang parkir tambahan, sekiranya benar-benar terdapat keperluan. Izinkan saya pula Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih. Terima kasih. Kesemuanya berkisarkan mengenai industri pengangkutan udara seperti berikut:

- (i) operasi *MASwings*;
- (ii) *Instrument Landing System (ILS)*;
- (iii) pemasangan CCTV di lapangan terbang; dan
- (iv) *airport Real Estate Investment Trust (REIT)*.

Mengenai isu pertama iaitu operasi *MASwings* di Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat Senator ada bertanyakan mengenai sama ada operasi *MASwings* sektor Kuching ke Sibu, Kuching ke Miri, Kota Kinabalu ke Miri dan Kota Kinabalu ke Sibu akan diambil alih oleh *Malaysia Airlines* atau diberikan kepada *AirAsia* sejurus selepas penamatkan operasi *MASwings* ke sektor-sektor ini pada 1 Januari tahun hadapan. Saya ingin memaklumkan bahawa selaras dengan kajian semula perkhidmatan udara luar bandar, *Rural Air Services* atau RAS, dengan izin, yang dijalankan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, *Malaysian Aviation Commission (MAVCOM)*.

Pada tahun 2017, kerajaan pada 4 Oktober 2017, telah bersetuju supaya enam laluan perkhidmatan ini iaitu Kota Kinabalu ke Sandakan, Kota Kinabalu ke Tawau, Kota Kinabalu ke Miri, Kuching ke Miri, Kuching ke Bintulu dan Kuching ke Sibu yang sedang dioperasi bersama oleh syarikat penerbangan *MASwings*, *Malaysia Airlines Berhad* dan *AirAsia* dijadikan laluan komersial mulai 1 Januari 2019. Ini adalah kerana laluan tersebut bersifat komersial dan tidak memenuhi kriteria obligasi perkhidmatan awam, *Public Service Obligations* atau PSO, yang ditetapkan di bawah Akta MAVCOM 2015 iaitu Akta 771.

## ■2030

Bagi laluan ini, mana-mana syarikat penerbangan boleh menyediakan perkhidmatan penerbangan tertakluk mendapat hak trafik daripada MAVCOM.

Selain daripada enam laluan tersebut yang disebut yang disebutkan tadi, kerajaan juga pada 16 November 2018, telah bersetuju supaya dua laluan RAS iaitu Kota Kinabalu-Sibu, Kota Kinabalu-Bintulu turut dijadikan laluan komersial mulai 1 Januari 2019. Ini berikutan kedua-dua laluan tersebut mempunyai daya maju komersial atau *commercial viability*, dengan izin, berdasarkan permintaan dan minat daripada syarikat komersial untuk beroperasi di kedua-dua laluan tersebut.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah memutuskan bahawa dua laluan tersebut akan hanya dibuka kepada syarikat penerbangan komersial yang lain setelah satu kajian semula ke atas dua laluan ini dilaksanakan bagi memastikan kedua-dua laluan tersebut sudah mencapai tahap kemapanan atau *sustainability*, dengan izin, yang bersesuaian untuk terus beroperasi secara komersial. Ini adalah bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan penerbangan di laluan-laluan ini tidak terjejas.

Sehubungan dengan ini, syarikat penerbangan *AirAsia* akan mula beroperasi di kedua-dua laluan tersebut mulai 1 Januari 2019 dengan kekerapan penerbangan sebanyak 14 kali seminggu bagi kedua-dua laluan. Penempahan tiket bagi kedua-dua laluan tersebut telah pun dibuka pada 5 Disember 2018, di mana-mana saluran penjualan tiket *AirAsia*. Berhubungan operasi syarikat penerbangan komersial di laluan Kuching-Sibu, Kuching-Miri, Kota Kinabalu-Miri, buat masa ini Malaysia Airlines Berhad hanya beroperasi ke laluan Kuching-Miri sebanyak 14 kali seminggu dengan menggunakan pesawat jenis Boeing 737-800, manakala laluan Kuching-Sibu dan laluan Kota Kinabalu-Miri hanya dioperasikan oleh *AirAsia*.

Berhubung operasi RAS di kawasan pendalam Sarawak seperti di Miri, Marudi, Lawas, Limbang, Bakalalan dan sebagainya, operasi RAS ke kawasan tersebut masih dikenalkan berikutan kawasan tersebut masih menepati kriteria PSO di bawah Akta 771 selaras dengan kajian semula RAS yang dijalankan oleh MAVCOM pada tahun 2017.

Persoalan seterusnya yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator ialah mengenai isu yang hangat diperkatakan di negara kita ketika ini dan rakyat di negara jiran kita di seberang Tambak Johor iaitu pelaksanaan *Instrument Landing System* (ILS) oleh Kerajaan Singapura di Lapangan Terbang Seletar.

Yang Berhormat Senator minta penjelasan daripada kementerian, bagaimanakah pelaksanaan ILS mengganggu keselamatan negara kita dan apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menangani isu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, tatacara ILS merujuk kepada kaedah penerbangan yang dibantu alat pandu arah *navigation ace*, dengan izin, di lapangan terbang yang menyediakan panduan menegak- *vertical*, dengan izin, dan mendatar- *horizontal*, dengan izin, kepada juruterbang semasa penerbangan turun- *descent*, dengan izin, mendekati landasan. Tatacara ILS menyediakan jalan masuk yang menjamin ketepatan dan kecekapan penerbangan, lantas meningkatkan kebarangkalian untuk mendarat pesawat di sesuatu lapangan terbang.

Bagi membolehkan pesawat menggunakan tatacara ILS baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, maka butiran terperinci tentang peraturan, kaedah dan maklumat lain yang berkaitan dengan jalan masuk tersebut perlu disiarkan secara rasmi, dengan izin, dalam *Aeronautical Information Publication* (AIP) Singapura yang dikeluarkan oleh pihak *Civil Aviation Authority of Singapore* atau CAAS, dengan izin.

Tanpa penyiaran tatacara ILS baharu untuk Lapangan Terbang Seletar dalam AIP Singapura, maka jalan masuk tersebut adalah bersifat tidak lengkap dan tidak boleh digunakan. Penyiaran tatacara ILS yang baharu di dalam AIP Singapura ini akan melibatkan ruang udara Malaysia di Pasir Gudang yang telah diwakilkan kepada Singapura

melalui *Operational Letter of Agreement Between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departures and Overflight (LOA 1974)*, dengan izin.

Penyiaran AIP Singapura sekiranya dibenarkan akan merancakkan pembangunan di kawasan Pasir Gudang kerana di setiap bangunan atau apa-apa struktur binaan perlu mematuhi had kawalan galangan dan ketinggian yang ditetapkan mengikut piawaian antarabangsa. Lapangan Terbang Seletar terletak hanya dua kilometer dari Pasir Gudang, Malaysia. Dalam jarak tiga kilometer dari Lapangan Terbang Seletar, had ketinggian bagi mana-mana binaan tidak boleh melebihi 54 meter. Manakala dalam jarak enam kilometer, had maksimum ketinggian binaan adalah 145 meter.

Di samping itu, penggunaan ILS juga akan turut menjelaskan operasi perkapalan di Pelabuhan Johor mandangkan terdapat kapal-kapal kontena yang melebihi had ketinggian yang perlu dikuatkuasakan sekiranya pengguna ILS dibenarkan. Dalam masa yang sama, ketinggian kren-kren mudah alih yang digunakan dalam operasi di pelabuhan adalah sekitar 103 meter yang turut melepassi had ketinggian maksimum yang disebutkan di atas tadi.

Dalam kes ini, kawasan yang terkesan dengan sekatan had ketinggian ini adalah dari Pasir Gudang ke utara sehingga ke Air Tawar dan menghampiri Kota Tinggi. Dalam hal ini, pendirian Malaysia sangat jelas di mana Malaysia tidak menentang ILS dan Lapangan Terbang Seletar, tetapi laluan pendaratan kapal terbang ke Seletar tidak boleh melintasi ruang udara kedaulatan negara. Susulan tindakan Singapura menyiarkan AIP tersebut tanpa persetujuan Malaysia, kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan nota bantahan bertarikh 5 Disember 2018 supaya Singapura menarik balik penyiaran tatacara ILS dalam AIP berkenaan.

Kementerian Pengangkutan juga telah mengeluarkan kenyataan media pada 10 Disember 2018 dan 12 Disember 2018 yang menjelaskan bahawa CAAM tidak pernah bersetuju atau memberi sebarang kelulusan berhubung dengan tatacara ILS di Lapangan Terbang Seletar. Selanjutnya, Kementerian Pengangkutan turut menghasilkan klip video berhubung perkara yang sama dengan tujuan memperjelaskan isu berkenaan kepada umum. Malaysia akan berbincang secara lebih terperinci dengan Singapura berkenaan rancangan mengambil balik *delegated airspace*, dengan izin, di Selatan Semenanjung Malaysia dan sekiranya perlu, akan merujuk kepada pihak ICAO untuk saranan selanjutnya.

Mengenai isu pemasangan CCTV di lapangan terbang, saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Senator bahawa jumlah kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang dan berfungsi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching adalah sebanyak 125 unit dan

jangka hayat rakaman serta *playback time* adalah selama 45 hari. Selain daripada itu, jumlah CCTV yang dipasang di lapangan terbang lain kendalian MAHB adalah sejumlah 4,735 unit CCTV. Jangka hayat rakaman dan *playback time* bagi kesemua CCTV tersebut adalah selama 45 hari. Bagi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor yang dikendalikan oleh Senai Airport Terminal Services Sdn Berhad (SATS), jumlah CCTV yang dipasang dan berfungsi adalah sebanyak 138 unit, jangka hayat rakaman serta *playback time* adalah selama 30 hari.

Mengenai isu pelaksanaan *airport Real Estate Investment Trust* atau REIT yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Ada. Terima kasih.

Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa menurut Kementerian Kewangan selaras dengan ucapan Belanjawan 2019, perwujudan *airport Real Estate Investment Trust* lapangan terbang atau *airport REIT* ini akan dilaksanakan selepas rundingan semula perjanjian operasi atau OA di antara kerajaan dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) serta kajian berkenaan pelaksanaan model *regulatory asset base* (RAB) oleh pihak Khazanah Nasional Berhad dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) selesai dimuktamadkan.

Keputusan ini adalah juga selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 9 November 2018, kerangka dan mekanisme berkaitan penubuhan Airport REIT ini akan dibincangkan secara terperinci kelak oleh Kementerian Kewangan; Kementerian Pengangkutan; Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli; MAHB; dan lain-lain kementerian dan agensi yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Tidak ada, saya langkah...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah hendak cakap.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Okey, sila.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan saya dalam perbahasan Bajet.

**■2040**

Cuma secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri. Apakah keperluan kerajaan untuk mengadakan *airport REIT* ini? Kenapa kita tidak menggunakan pakai MAHB yang sedia ada ini? Kenapa perlu adanya REIT? Adakah sebab kerajaan punya kewangan begitu teruk sehingga tidak dapat menampung ataupun tidak dapat menjamin MAHB untuk terbitkan sukuk ataupun bon yang baharu untuk membina *airport* yang baharu dan sebagainya? Itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya adalah kenapa perlunya dibuat REIT ini, dan tidak memperkasakan ataupun tidak menggunakan MAHB? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Senator. Soalan itu sebagaimana yang saya bayangkan dalam jawapan tadi. Sebenarnya *airport REIT* ini adalah suatu daripada pertimbangan yang difikirkan oleh kementerian kewangan dan kementerian-kementerian yang terbabit untuk kita mencari dana yang mencukupi untuk penambahbaikan lapangan-lapangan terbang. Khususnya Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Kota Baharu dan beberapa lapangan terbang yang lain.

Keputusan sama ada akhirnya *airport REIT* ini akan boleh diguna pakai sebagai satu kaedah, belum lagi pasti kerana masih lagi di peringkat perbincangan. Kekangan kewangan memang suatu realiti yang kita hadapi, bukan sahaja untuk kementerian pengangkutan tetapi di dalam kementerian-kementerian lain juga.

Akan tetapi akhirnya, sebagaimana juga disebutkan bahawa Kementerian Pengangkutan dan MAHB sedang membuat persediaan untuk menandatangani perjanjian operasi yang baharu bermula pada awal tahun hadapan. Dalam perjanjian operasi ini, kemudahan dan kelonggaran diberikan kepada MAHB untuk mencadangkan bagaimana kalau boleh dilakukan pembiayaan untuk penambahbaikan lapangan terbang-lapangan terbang ini.

Saya mengira bahawa *airport REIT* ini adalah merupakan salah satu kemungkinan cadangan untuk diguna pakai. Jika MAHB dalam hubungan mereka melalui perjanjian operasi yang baharu ini, ada cadangan dan sumber yang lebih baik, lebih menguntungkan MAHB dan negara, saya fikir cadangan-cadangan lain akan diambil kira jika ia lebih baik daripada yang ada ini.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin selepas ini di luar boleh sembang dengan Menteri lah. Oleh sebab apa, saya kira katalah di sebabkan kekangan kewangan, saya difahamkan- *right me if I'm wrong*, dengan izin, kalau kata lah di bawah MAHB hendak menerbitkan sukuk yang baharu atau pun waran yang

mana faedahnya hanyalah 4 peratus berbandingkan dengan REIT, nilai ambangnya lebih kurang dalam 6.5 peratus kadar faedahnya. Maknanya, kalau kita buat REIT ini lagi tinggi kalau kita hendak bercakap dari segi kewangan. Mungkin tidak apa, lepas ini kita boleh jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** MAHB ini dari segi operasi di bawah kementerian Pengangkutan. Dari segi kewangan itu di bawah Kementerian Kewangan. Betul tidak Yang Berhormat?

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Betul Tuan Yang di-Pertua, dan juga saya difahamkan bahawa kemampuan untuk mengeluarkan sukuk ini juga ada hadnya. Jika ia di dalam had dan kemampuan dari segi mendapat kaedah sukuk yang baik yang rendah dan sebagainya, sudah tentu pertimbangan MAHB adalah untuk memilih kaedah sukuk dan kaedah seperti itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sambung.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih. Jadi, saya langkau yang Yang Berhormat Senator Puan Lim sebab dia tidak hadir. Seterusnya, saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih. Isu seterusnya yang akan dijawab ialah mengenai penaiktarafan Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

Untuk makluman Yang Berhormat, kapasiti penumpang yang boleh ditampung oleh Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) adalah sebanyak 9 juta penumpang setahun. Pada tahun 2017, KKIA telah mengendalikan seramai 8,004,449 juta orang penumpang. Penumpang AirAsia merupakan penyumbang terbesar kepada statistik kendalian penumpang di lapangan terbang tersebut iaitu seramai 4,150,000 juta orang penumpang. Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah mengunjurkan kapasiti Terminal 1 akan mencapai had kapasiti maksimum pada tahun 2021.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan akan terus memantau prestasi pengendalian penumpang kargo dan pergerakan pesawat di semua lapangan terbang di Malaysia, termasuk KKIA dan akan memastikan ia memenuhi permintaan sedia ada. Tertakluk kepada kedudukan kewangan negara, tumpuan akan diberikan kepada projek menaik taraf atau meningkatkan kemudahan infrastruktur di lapangan terbang yang lebih kritikal dan telah mencapai had kapasitinya. Pada masa yang sama, kerajaan mengambil pendekatan bersifat terbuka dalam sebarang cadangan daripada syarikat swasta untuk membantu merancakkan ekonomi negara. Pendirian Kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan di Sabah.

Berikutnya, izinkan saya pula menarik perhatian kepada soalan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Ada ya? Terima kasih. Isu pertama mengenai pemasangan cermin gelap pada kenderaan yang telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini melalui Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2018. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan sedang mengkaji untuk memperkemaskan lagi pemakaian peraturan standard antarabangsa (UNECE 34) berkaitan dengan penggunaan cermin gelap pada kenderaan motor. Apabila pemakaian peraturan standard antarabangsa UNECE 34 ini dilaksanakan, maka rundingan bersama Kementerian Pengangkutan Brunei dapat di harmonikan di antara kedua-dua buah negara. Pemakaian peraturan standard antarabangsa UNECE 34 ini, diharapkan dapat melancarkan pergerakan kenderaan motor bagi kedua-dua buah negara tersebut.

Isu seterusnya ialah berkaitan *VIP Lounge* di Lapangan Terbang Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, penggunaan bilik menunggu khas *VIP Lounge* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Protokol dan Pengurusan Acara Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sarawak.

Manakala, penggunaan bilik menunggu khas di Lapangan Terbang Miri, Sibu, Bintulu dan Limbang adalah tertakluk kepada kelulusan Pejabat Residen bahagian masing-masing. Walau bagaimanapun, MAHB sentiasa berkomunikasi dengan Unit Protokol dan Pengurusan Acara Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sarawak dan Pejabat Residen bagi memastikan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) hanya VIP yang layak sahaja diberikan kelulusan untuk menggunakan Bilik Menunggu Khas berkenaan; dan
- (ii) tidak berlaku pertindihan tempahan dalam satu-satu masa.

Isu seterusnya yang dibangkitkan ialah mengenai tambang penerbangan yang dikatakan mahal untuk laluan atau sektor Sibu, Miri. Yang Berhormat Senator, pada kebiasaananya kadar tambang yang dikenakan oleh *MASWings* selaku operator yang dilantik oleh kerajaan untuk mengoperasi perkhidmatan RAS tadi di laluan tersebut adalah tidak melebihi kadar siling harga tambang yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu sebanyak RM158 sehala.

Kadar siling yang ditetapkan tersebut tidak merangkumi caj-caj lain semasa pembelian tiket penerbangan iaitu caj perkhidmatan penumpang (PSC) sebanyak RM11 dan surc妖 bahan api sebanyak RM50 bagi laluan tersebut yang menjadikan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh penumpang adalah sebanyak RM219 sehala.

Namun begitu, selaras dengan kajian semula RAS oleh MAVCOM, mekanisme penetapan harga siling bagi RAS akan ditambah baik dengan penetapan satu kadar tambang sahaja tanpa caj-caj lain yang dikenakan oleh operator. Siling tersebut juga akan dikaji semula dengan lebih kerap dan mengikut keperluan semasa. Mengenai cadangan untuk membuka laluan Miri-Sibu kepada syarikat penerbangan komersial seperti *AirAsia*.

Buat masa ini laluan ini masih diklasifikasikan di bawah RAS dan menepati kriteria *public service obligation* di bawah Akta MAVCOM 2015 [Akta 771] selaras dengan kajian semula RAS yang dijalankan oleh MAVCOM pada tahun 2017.

Isu terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong ialah mengenai pemasangan mesin pengimbas di lapangan terbang negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) di bawah *Annex 17 - Aviation Security and National Civil Aviation Security Program* telah menggariskan prosedur-prosedur pemeriksaan keselamatan ke atas semua penumpang dan bagasi sebelum dibenarkan menaiki mana-mana pesawat awam.

#### ■2050

Malaysia sebagai negara pejanji telah melaksanakan segala ketetapan dan amalan keselamatan, *standards and recommended practices*, dengan izin, yang ditetapkan oleh ICAO. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah diiktiraf mematuhi sepenuhnya piawaian ICAO oleh pakar-pakar keselamatan ICAO sendiri yang telah menjalankan audit keselamatan pada tahun 2006 hingga tahun 2008 dan tahun 2012.

Peralatan-peralatan keselamatan di KLIA seperti mesin X-ray dan alat-alat pengesan logam di sahkan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh *European Civil Aviation Council*, dengan izin, dan juga *Federal Aviation Administration* dengan izin. Namun, MAHB sememangnya mempunyai perancangan untuk memperoleh mesin pengimbas *full body scanner*, dengan izin, dan ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan KLIA dan KLIA2.

Proses perolehan telah dimulakan dan sebanyak 10 buah mesin akan dijangka memulakan operasi pada suku keempat tahun 2019. Lima buah mesin lagi akan ditempatkan di KLIA dan lima buah mesin lagi di KLIA2. Bagi perancangan jangka masa panjang pula, mesin-mesin tersebut akan terus diperoleh secara berperingkat di antara tahun 2020 hingga tahun 2023 bagi menggantikan peralatan sedia ada iaitu apa yang dipanggil, dengan izin, *walk through metal detector*.

Seterusnya kita beralih kepada persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Ada, terima kasih. Perkara tentang sama ada kerajaan akan meneruskan Projek Pembinaan Lapangan Terbang Kulim. Yang Berhormat Senator, cadangan pembinaan lapangan terbang baharu di Kulim pernah dibuat sebelum ini dan kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah melantik *KPMG Consulting* dan Risk Management Sdn. Berhad untuk menjalankan Kajian Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baharu di utara Malaysia. Hasil dapatan tersebut telah dibentangkan pada Mesyuarat Majlis Ekonomi pada 14 Disember 2015.

Dalam hubungan ini dan mengambil kira kedudukan kewangan dan keutamaan pelaksanaan projek-projek yang lain, kerajaan pada masa itu masih belum membuat keputusan untuk meneruskan pelaksanaan pembinaan lapangan terbang baharu Kulim ini.

Kerajaan kini mengambil pendekatan bersifat terbuka dalam sebarang cadangan daripada mana-mana pihak untuk membantu merancakkan ekonomi negara termasuk cadangan untuk membina lapangan terbang baharu di Kulim, Kedah. Pendirian kerajaan adalah untuk menyokong pertumbuhan industri logistik di Kedah. Sehubungan itu adalah wajar sebarang cadangan berhubung pembinaan lapangan terbang di Kulim dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan untuk dipertimbangkan, selanjutnya mengambil kira peranan dan kapasiti lapangan-lapangan terbang sedia ada yang berdekatan seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah dan Lapangan Terbang Butterworth.

Izinkan saya menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abdul Hamid yang jelas ada di sini yang memohon pandangan kementerian, rancangan untuk mewujudkan satu lembaga siasatan untuk nahas pesawat MH370.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, aspirasi untuk mencari pesawat MH370 tidak akan diabaikan. Dalam hubungan ini sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baharu yang sahih dan kukuh diperoleh, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan oleh kerajaan. Siasatan teknikal kemalangan dan insiden pesawat MH370 telah dilaksanakan berlandaskan Annex 13, dengan izin, *Convention on International Civil Aviation, Aircraft Accident and Accident Investigation* mulai 24 April 2014 hingga 29 Mei 2018. Siasatan ini dikendalikan oleh pasukan penyiasat yang ditubuhkan mengikut Annex 13 tadi yang dikenali sebagai *Malaysian International Civil Aviation Organization Annex 13 Safety Investigation Team for MH370*.

Pasukan penyiasat ini dianggotai oleh 19 orang pakar dari Malaysia dan 7 accredited representative, dengan izin, daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan dua negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Kesemua anggota pasukan penyiasat yang terpilih adalah dilantik berdasarkan kepakaran

mereka. Pasukan penyiasat telah mengemukakan laporan siasatan kemalangan udara pesawat MH370 kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Julai 2018.

Jemaah Menteri juga telah mengambil maklum akan hasil penemuan laporan siasatan tersebut. Penyediaan laporan siasatan ini membuktikan komitmen dan ketelusan Malaysia dalam mematuhi tanggungjawabnya sebagai sebuah negara Pejanji Konvensyen Chicago dan *Annex 13*.

Pasukan penyiasat telah diberikan kebebasan sepenuhnya dalam menjalankan siasatan dan tiada sebarang pindaan yang dibuat ke atas laporan tersebut. Sehubungan itu, pemberhentian siasatan juga dibuat berdasarkan kepada *Annex 13, Convention on International Civil Aviation, Aircraft Accident and Incident Investigation* dan ia selari dengan pendirian pemimpin kerajaan pada hari ini juga bersungguh-sungguh mengutarakan isu keselamatan dan kedaulatan negara yang mesti diutamakan.

Sehubungan itu, buat masa ini tiada keperluan untuk kerajaan mewujudkan suatu lembaga siasatan yang baru untuk nahas pesawat MH370. Yang Berhormat Senator, Marina Pulau Mentagor telah siap dibina pada 31 Julai 2007 dan mula beroperasi pada 22 Mac 2010 berdasarkan Pekeliling Pelabuhan No. 022010 bertarikh 12 Mac 2010. Menurut maklum balas Jabatan Laut Malaysia, tiada sambutan daripada pelayar dan Marina Pulau Mentagor tidak mencatatkan apa-apa kemasukan kapal layar dan hasil di sepanjang tempoh beroperasi.

Selain itu, Jabatan Laut memaklumkan bahawa pada 9 Jun 2010 telah berlaku kerosakan pontun akibat tiupan angin yang kuat serta ombak besar yang mengakibatkan kerja-kerja pembaikan pontun dilaksanakan pada bulan November 2014 dengan kos RM401, 600.

Pada 4 Disember 2015, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Marina Pulau Mentagor dipajakkan kepada Majlis Perbandaran Manjung (MPM) bagi tempoh selama 32 tahun dengan kadar pajak RM160 ribu setahun. Selaras dengan keputusan berkenaan pada 9 Januari 2017, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengeluarkan surat kepada Majlis Perbandaran Manjung agar mengambil tindakan sewajarnya dengan menandatangani perjanjian pajakan dengan PTP.

Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Manjung melalui surat bertarikh 19 Julai 2018 kepada Jabatan Ketua Pengarah dan Galian Persekutuan memaklumkan bahawa pihaknya tidak berminat terhadap tawaran pajakan Marina Pulau Mentagor yang berisiko dan mencadangkan supaya aset kerajaan ini boleh dipajak terus kepada pihak-pihak yang berminat tanpa melalui Majlis Perbandaran Manjung. MPM juga memaklumkan bahawa pihaknya tidak mahu menerima tawaran pajakan bagi Marina Pulau Mentagor mengambil

kira kadar pajakan tinggi, lokasi Marina yang terletak sebahagiannya di kawasan laut dan pergerakan arus yang kuat.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas dan situasi semasa operasi marina-marina yang terlibat, Kementerian Pengangkutan berpandangan bahawa adalah wajar marina-marina awam yang masih diselia oleh Jabatan Laut Malaysia diswastakan secara terus kepada pihak swasta melalui mekanisme pajakan tanah atau *out right sale*, dengan izin, bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan dari aspek kos penyelenggaraan yang tinggi.

Melalui kaedah ini, syarikat swasta bebas membangunkan marina dari aspek komersial termasuk menggalakkan aktiviti-aktiviti marina dan rekreasi yang dapat menarik penggunaan marina secara optimum. Dalam konteks ini syarikat swasta dilihat mempunyai kelebihan berbanding entiti kerajaan untuk mengoperasi marina-marina berkenaan berdasarkan keupayaan dan kreativiti mereka.

Syarikat juga mudah melaksanakan promosi marina secara agresif termasuk penawaran pakej dan insentif kepada para pelayar, bot rekreasi dan pengguna marina. Oleh yang demikian, marina-marina tersebut akan lebih berdaya saing dan *viable*. Jabatan Laut Malaysia juga melalui surat bertarikh 19 November 2018 kepada Kementerian Pengangkutan telah memaklumkan keputusan pihaknya untuk menswastakan ke semua marina awam di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia secara tender terbuka mengikut kesesuaian setiap marina termasuk Marina Pulau Mentagor, Perak ini.

Oleh yang demikian, mengambil kira penjelasan di atas, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan surat kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan pada 14 Disember 2018 mencadangkan supaya semua marina awam termasuk Marina Pulau Mentagor diswastakan sama ada melalui pajakan jangka panjang atau *out right sale* melalui kaedah tender terbuka mengikut kesesuaian setiap marina dan diterajui oleh UKAS, Kementerian Kewangan mengikut prosedur yang ditetapkan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua....

## ■2100

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, sebentar Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B).

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Sukacita saya memaklumkan, oh bukan. Dengan sedih saya memaklumkan bahawa Marina Pulau Mentagor tidak pernah beroperasi setelah siap pada 2007. Saya tidak fikir marina tersebut akan mendapat tawaran daripada sebarang firma untuk dioperasi memandangkan

kedudukannya dan keadaannya. Oleh sebab itu maka saya cadangkan dalam perbahasan saya, saya kata kenapa kita tak serahkan kepada kerajaan negeri dan buat pusat tahfiz supaya budak mudah belajar dan tak boleh keluar, dan *insya-Allah* boleh hafal al-Quran lebih awal, lebih cepat. Maka itu cadangan saya.

Saya yakin dan percaya kalau ditawarkan kepada mana-mana firma, YTL sendiri pun telah menolak tawaran yang ditawarkan oleh kerajaan. Saya mohon pihak kementerian melihat sendirilah keadaan marina tersebut dan percayalah cakap saya, memang tak ada siapa akan menerima tawaran untuk diswastakan oleh kerana keadaannya telah teruk, perlu pembaikan semula Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, cadangan.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Ya, cadangan itu saya tak boleh menolaknya terus terang tetapi sudah tentu akan diberi pertimbangan selepas usaha yang terakhir yang dilakukan oleh kementerian iaitu mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk ianya dibuka secara tender terbuka tadi. Kalau sambutannya tak ada, sudah tentu Kementerian Pengangkutan sekali lagi akan berbincang dengan Kementerian Kewangan dan salah satu cadangan seperti Yang Berhormat Senator sebutkan itu sudah tentu akan diberi pertimbangan yang baru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Tak ada ya? Kalau dibenarkan, saya beralih kepada yang seterusnya sebab banyak yang disebut oleh Yang Berhormat Senator. Yang seterusnya ialah yang terakhir iaitu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Kalau tak ada, itu yang terakhir dibangkitkan. Jadi saya mencadangkan yang lain-lainnya akan kita jawab secara bertulis.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Sila.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tak pasti adakah soalan saya dalam bidang kuasa Yang Berhormat Menteri Kerja Raya atau bukan. Saya bangkitkan tentang cadangan pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan dari Melaka ke Johor Baru dan juga pelebaran Jalan Segamat-Tangkak, dalam proses.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu di bawah JKR.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Kementerian Kerja Raya, Yang Berhormat.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Oh, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya pasti di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Menteri. Saya bertanya berhubung dengan *parking* di- dan bukan *parking*, joki yang beroperasi di *Subang Airport* dan mereka. Para joki ini mengambil dua *lane* daripada *airport* tersebut dan ini menyebabkan laluan kereta untuk mengambil *passenger* sempit dan kadang-kadang saya melihat *tourist* yang datang dan belum sempat masuk kereta, wisel dah dibunyikan kerana terlalu panjang. Ini kerana satu *lane* sahaja yang beroperasi untuk kereta yang mengambil *passenger* dan *drop passenger*.

Jadi kenapakah, soalan saya kepada ketika itu kenapakah perkara ini dibiarkan sedangkan joki itu boleh ambil kereta bawa pergi *parking* di tempat *parking* dan buka jalan itu, bukannya menutup jalan itu untuk diletakkan kereta-kereta *parking* yang menggunakan joki ini. Itu soalan saya semasa perbahasan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Saya tidak diberikan catatan untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bangkitkan itu. Saya akan dapatkannya secara bertulis supaya kita akan memberi jawapan yang tepat dan bukannya rekaan atau jangkaan saya sahaja. Terima kasih.

**Dato' Dr. Anathan a/l Somasundaram:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada saya bertanya tentang *customer call center* AirAsia yang caj dikenakan RM1.95 satu minit. Saya dah tanya kepada Kementerian Pengangkutan, saya ingat pegawai tidak mencatat soalan saya. Memang saya tanya khas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah Yang Berhormat, tanya soalan balik. Apa soalan?

**Dato' Dr. Anathan a/l Somasundaram:** Soalannya, caj panggilan terpaksa ditanggung oleh seorang pelanggan yang pernah mencecah puluhan Ringgit, *Customer Call Center- AirAsia*. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, jika diizinkan, saya akan mendapat jawapan yang tepat dan saya akan berikan kepada Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain kali saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan beritahu kepada pegawai-pegawai dari Kementerian Pengangkutan, catat betul-betul.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Hmm, catat itu sepenuhnya. Kita ambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

**9.05 mlm.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada kerajaan yang telah mencadangkan peruntukan sebanyak RM1,487,832,500. Minta maaf, dah malam Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2019 kepada KKMM dengan pengagihan sebanyak RM415,020,600 bagi perbelanjaan pembangunan dan RM1,072,811,900 bagi perbelanjaan mengurus.

Peruntukan yang disalurkan ini adalah pengurusan sebanyak 16.35 peratus dan berbanding peruntukan tahun 2018. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2019. Seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini dan penggulungan jawapan saya akan menyentuh kepada empat perkara yang utama.

Pertama, penambahbaikan kualiti perkhidmatan telekomunikasi dan internet di kawasan luar bandar. Kedua, industri kreatif. Ketiga, patriotisme dan yang keempat, penyalahgunaan media sosial. Izinkan saya memberikan maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang sekali lagi dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Anathan a/l Somasundaram mengenai perkhidmatan telekomunikasi dan jalur lebar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Mohon saya teruskan. Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim berkenaan isu jalur lebar di kawasan luar bandar di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat USP Fund. Pihak kerajaan telah dan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kadar penembusan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan antaranya adalah perluasan liputan jalur lebar mudah alih.

Sejak tahun 2014 sebanyak 1,769 menara komunikasi telah siap dibina dan beroperasi di kawasan luar bandar di seluruh negara dan 266 menara masih di peringkat pelaksanaan manakala bagi perkhidmatan 3G dan 4G, 4,896 menara sedia ada di seluruh negara telah dinaiktarafkan dan 667 menara lagi sedang dalam proses dinaiktarafkan.

Manakala perluasan jalur lebar talian tetap yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir dan luar bandar dengan 834 ibu sawat di seluruh negara telah dinaiktarafkan melibatkan 512,000 sambungan yang sedia ada dan baik 125,000 sambungan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019.

▪ **2110**

Bagi perluasan rangkaian teras gantian optik sehingga kini sepanjang 917.2 kilometer telah siap dilaksanakan di seluruh negara manakala sepanjang 319 kilometer lagi masih dalam peringkat pelaksanaan. Tambahan lagi pihak kerajaan sedang merangka draf pelan gantian optik dan kesaling hubungan negara atau, dengan izin, *National Fiberisation and Connectivity Plan (NFCP)* bagi menambah baik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh lima tahun yang akan datang.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang berkenaan sumbangan Kumpulan Wang Pembelian Perkhidmatan Sejagat, *USP Fund*, dengan izin, oleh syarikat-syarikat telekomunikasi adalah dimaklumkan bahawa nilai sumbangan untuk dana ini dari tahun 2003 sehingga ke tahun 2017 adalah sebanyak RM16.3 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, oleh kerana senarai pemegang-pemegang lesen yang telah menyumbang kepada dana USP ini agak panjang, saya mohon mencadangkan kepada Yang Berhormat Senator untuk merujuk kepada laporan-laporan tahunan dana USP yang terdapat di laman web SKMM untuk mendapatkan maklumat yang terperinci.

Pada masa ini dana USP adalah sebanyak lebih kurang RM8 bilion. Daripada jumlah ini dianggarkan 80 peratus daripada jumlah tersebut telah diperuntukkan untuk beberapa inisiatif yang akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut tempoh yang berbeza. Pihak kerajaan telah dan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat USP untuk memperluaskan dan menaik taraf liputan jalur lebar di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan pendalamam.

Selain dari pembinaan menara telekomunikasi, penaiktarafan ibu sawat dan pemasangan gantian optik dana USP turut digunakan untuk inisiatif-inisiatif lain seperti pemasangan sistem kabel dasar laut sepanjang 3,800 kilometer yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan *internet* di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Tambahan

99 kilometer kabel gentian optik dasar laut melibatkan Pulau Tioman, Pulau Pangkor, Pulau Perhentian sedang dalam proses pelaksanaan dengan kapasiti sehingga 12 tbps dan sebanyak 867 buah pusat *internet* yang menyediakan perkhidmatan capaian jalur lebar secara kolektif kepada masyarakat bandar dan juga luar bandar di seluruh negara.

Apa yang penting adalah kesemua inisiatif USP ini merangkumi kawasan-kawasan pendalamam yang tidak mempunyai nilai komersial. Oleh sebab itu, pihak kerajaan perlu membelanjakan sejumlah wang yang tinggi, peruntukan yang tinggi bagi menyediakan infrastruktur komunikasi tersebut.

Seterusnya bagi menjawab soalan berkenaan liputan telekomunikasi di kawasan perkampungan Orang Asli yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, ada. Tuan Manolan ada, kerajaan telah membina...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Sejumlah RM16.3 bilion *USP Fund* yang disebutkan tadi teringat saya pada suatu ketika kerajaan pernah memberi *Notebook 1Malaysia*. Adakah *Notebook 1Malaysia* ini diambil daripada *USP Fund* yang disebut oleh Yang Berhormat tersebut tadi. Saya perlu sedikit penjelasan dan berapa banyak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, terima kasih di atas soalan tambahan tadi. Peruntukan untuk *notebook* itu memang diambil daripada Tabung USP Fund yang ada oleh kerajaan yang terdahulu tetapi buat masa kini kita tidak meneruskan pendekatan yang sama. Mengikut maklumat yang diberikan, kesemuanya berjumlah RM1.6 bilion untuk peruntukan *notebook* yang telah diberikan oleh kerajaan lama. Buat sementara waktu bagi kerajaan baharu kita belum ada bercadang untuk membekalkan sebarang *notebook* untuk tujuan yang sama. Mohon saya teruskan.

Seterusnya bagi menjawab mengenai liputan telekomunikasi di kawasan Perkampungan Orang Asli yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, kerajaan telah membina sejumlah 96 menara telekomunikasi yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar mudah alih di sekitar kawasan perkampungan Orang Asli di seluruh negara yang melibatkan tujuh buah negeri.

Daripada 96 buah menara telekomunikasi di seluruh negara, 25 buah menara telekomunikasi telah dibina di negeri Perak dan manakala 19 buah menara komunikasi telah dibina di negeri Pahang, Yang Berhormat. Proses penambahbaikan kualiti perkhidmatan komunikasi di kawasan luar bandar termasuklah perkampungan Orang Asli

sebagai sasaran dan dalam proses yang dilakukan secara berterusan dari semasa ke semasa.

Baik, berhubung dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Farahiyah binti Hj Md. Nordin berhubung kekangan pelesenan TNB, tidak ada ya. Jadi saya mohon izin untuk menyediakan jawapan bertulis.

Selanjutnya berkenaan isu pelaksanaan standard mandatori mengenai harga capaian MSAP yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim pelaksanaan MSAP telah membawa kepada penurunan harga untuk perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dan kesemua penyedia perkhidmatan yang utama telah menurunkan harga untuk perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi seperti mana yang telah diumumkan pada 7 Oktober tahun 2018. Sememangnya pelaksanaan MSAP telah membawa hasil dan impak seperti mana berikut:

- (i) penurunan harga di antara 34 ke 56 peratus;
- (ii) peningkatan dalam kelajuan di antara tiga ke 10 kali ganda; dan
- (iii) peningkatan dalam jumlah pelanggan di antara lapan sehingga 19 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram, *AirAsia* ini soalan tadi. Caj RM1.95 yang dikenakan oleh *AirAsia* adalah untuk perkhidmatan talian premium *AirAsia X* yang bermula dengan nombor 1600. Nombor yang bermula dengan 1600 ini adalah diberikan oleh SKMM kepada syarikat pembekal perkhidmatan untuk menawarkan perkhidmatan tertentu di mana pengguna boleh mendapat akses kepada kandungan seperti maklumat ataupun hiburan dengan caj yang tertentu.

Untuk makluman, caj-caj bagi perkhidmatan tersebut bergantung kepada perancangan komersial oleh pihak pembekal perkhidmatan masing-masing mengikut peraturan dan prinsip sebagaimana yang digariskan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998). Oleh itu syarikat-syarikat telekomunikasi diberikan kebebasan liberalisasi dengan menetapkan kadar bagi perkhidmatan mudah alih dan jalur lebar bagi mewujudkan persaingan yang sihat, menarik pelaburan dan seterusnya berlumba menyediakan mutu perkhidmatan terbaik mengikut keperluan dan kemampuan pengguna.

Seterusnya saya ingin memberikan maklum balas di atas isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang berhubung perkhidmatan radio. Yang Berhormat Senator, SKMM sebagai badan kawal selia tidak menjalankan peranan untuk memasarkan atau mempromosikan lesen-lesen di bawah Akta 1998. Ini

adalah sejajar dengan fungsi dan objektif SKMM sebagai pengawal selia industri komunikasi dan multimedia di negara ini.

Mana-mana pihak yang berhasrat untuk memberikan radio komuniti boleh mengemukakan permohonan kepada SKMM bagi tujuan penilaian. Penilaian oleh SKMM adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang mematuhi peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, peraturan-peraturan komunikasi dan multimedia Malaysia Pelesenan tahun 2000.

Namun begitu radio RTM sedia ada memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat dan membantu kerajaan untuk mendengar dan menyelami permasalahan rakyat selain berfungsi sebagai media hiburan melengkapi keperluan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum dan etnik, RTM telah mewujudkan beberapa siaran radio yang mewakili kaum-kaum etnik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

#### ■ 2120

Keberkesanan stesen radio ini amat ketara dan dirasai serta memberikan satu impak yang besar kepada masyarakat. Di Sabah, RTM telah pun mewujudkan saluran radio yang menyiarkan bahasa mengikut komuniti iaitu saluran Sabah VFM. Sabah VFM merupakan sebuah unit persiaran 24 jam dalam enam bahasa. Bahasa-bahasa etnik adalah bahasa Kadazan, Bajau Pantai Barat dan Timur, Murut dan Dusun manakala dua bahasa lain adalah bahasa antarabangsa iaitu Cina dan Inggeris. Saluran ini juga boleh didengar pada bila-bila masa di mana juga secara atas talian di *link* yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya berkaitan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali berhubung pembangunan industri kreatif negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, Peruntukan Pembangunan Dasar Industri Kreatif Negara bagi tahun 2019 dan 2020 adalah berbentuk geran bersasar yang memfokuskan kepada penggiat industri yang mampu untuk meningkatkan nilai kandungan digital yang dihasilkan dengan memberikan tumpuan kepada aspek komersial dan kualiti yang tinggi. Fokus diberikan kepada penggiat industri muda dan penggiat industri profesional.

Di bawah Dasar Industri Kreatif Negara, kementerian melalui FINAS selaku agensi pelaksana telah memperkenalkan bantuan dana kepada penggiat industri kandungan tempatan untuk menghasilkan karya yang bermutu, iaitu Dana Kandungan Digital (DKD). Dana ini disasarkan kepada penggiat seni individu dan syarikat yang berkecimpung dalam industri kandungan kreatif merangkumi filem dan televisyen animasi, *digital games*, dokumentari dan filem pendek.

Bermula pada tahun 2015 sehingga Oktober 2018, sebanyak 507 permohonan telah diluluskan dengan amaun disalurkan berjumlah RM156 juta. Melalui Peruntukan Pembangunan Dasar Industri Kreatif Negara yang disalurkan kepada pihak syarikat, ia mampu menjana peluang pekerjaan tempatan bagi pelbagai peringkat proses kerja yang terlibat.

Pihak swasta juga melaksanakan projek kerjasama dalam penerbitan industri kreatif dengan memberikan sumbangan berbentuk penajaan bagi sesebuah projek. Bagi menyokong industri perfileman negara, kementerian melalui FINAS telah memperkenalkan Insentif Penerbitan filem di Malaysia, dengan izin, *Film In Malaysia Incentive (FIMI)* yang memberi rebat bagi jumlah perbelanjaan produksi oleh syarikat produksi tempatan dan luar negara di Malaysia. Pelaksanaan insentif ini mampu menarik produksi luar negara untuk menjadikan Malaysia sebagai lokasi penggambaran pilihan, yang sekali gus dapat merancakkan ekonomi negara dengan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, penghasilan kandungan digital ini mampu untuk menjana nilai pasaran yang berterusan kerana produk kreatif yang berkualiti sentiasa mendapat permintaan yang berterusan di pasaran tempatan serta membuka ruang untuk menjadi produk yang kompeten di peringkat antarabangsa.

Di bawah Program Pembangunan Industri Kandungan Kreatif, FINAS menyediakan insentif penerbitan filem tempatan iaitu Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) bagi filem-filem yang ditayangkan di pawagam tempatan melalui Skim Wajib Tayang (SWT). Skim Wajib Tayang diwujudkan bagi menerima dan mempertimbangkan mana-mana filem tempatan atau filem usaha sama untuk ditayangkan secara wajib di Dewan Wayang Gambar oleh pempamer selama 14 hari berturut-turut. Jumlah insentif yang diberikan adalah bergantung kepada jumlah kutipan kasar sesebuah filem di pawagam pada kadar maksimum insentif sebanyak RM500,000.

Untuk makluman, bagi tahun 2017, jumlah kutipan keseluruhan filem tempatan di bawah Skim Wajib Tayang adalah sejumlah RM57.57 juta. Untuk tahun 2018, kementerian menangkakan jumlah kutipan kasar di bawah skim ini, boleh mencecah melebihi RM100 juta memandangkan kutipan untuk filem tempatan sahaja telah berjaya mengumpulkan kutipan sejumlah RM94.5 juta.

Kementerian melalui FINAS sentiasa menyokong dan membantu filem-filem tempatan dalam menembusi festival dan pasaran filem di luar negara. Filem-filem tersebut antaranya merupakan penerima manfaat dan sokongan kerajaan melalui galakan, insentif dan dana seperti Skim Wajib Tayang, Dana Kandungan Digital, Insentif Penerbitan di Malaysia dan Insentif Tayangan Filem Cereka. Bermula tahun 2015 hingga Oktober 2018, sebanyak 312 buah filem tempatan pelbagai format seperti cereka, dokumentari, filem

pendek, drama dan animasi telah menyertai festival-festival filem di peringkat antarabangsa di mana 86 buah filem daripadanya telah berjaya memenangi pelbagai anugerah.

Bermula tahun 2014 sehingga tahun 2018, sebanyak RM540 juta nilai hasil jualan kandungan kreatif tempatan telah diperoleh melalui penyertaan di pelbagai pasaran filem antarabangsa. Penglibatan FINAS dalam pasaran filem antarabangsa sejak sekian lama, telah banyak membantu penerbit filem tempatan untuk mencari peluang pelaburan dan pulangan kepada hasil karya mereka dan seterusnya dapat mempromosikan bakat-bakat tempatan ke luar.

Isu seterusnya berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim berhubung penyalahgunaan media sosial.

Merujuk kepada kes yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong, pihak SKMM memainkan peranan memberikan sokongan secara teknikal sebagai langkah penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak PDRM termasuk dari segi perkongsian maklumat dan analisis forensik bagi membantu siasatan yang dijalankan.

Untuk makluman, platform media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* beroperasi dan berpangkalan di luar negara. Maklumat para pengguna yang berkenaan berada di dalam kawalan platform media sosial yang berkenaan. Oleh itu sebarang proses siasatan biasanya mengambil masa, kerana ia melibatkan proses dan prosedur perundangan yang agak rumit dan langkah untuk mengenal pasti maklumat pengguna adalah tertakluk kepada terma dan syarat platform media sosial yang berkenaan.

Selain tertakluk kepada peruntukan undang-undang di negara di mana platform media sosial tersebut berpangkalan- dalam hal membabitkan penularan berita palsu, pihak SKMM memainkan peranan memberikan sokongan kepada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan PDRM. Di samping itu, SKMM menyelaraskan aduan dan laporan polis yang dijalankan dalam rangka kerjasama di antara pihak SKMM dan pihak PDRM.

Isu seterusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim berhubung penyemaian semangat patriotisme dan cintakan negara. Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dengan usaha yang berterusan memupuk semangat patriotik bagi membetulkan pemikiran dan penyampaian konsep kenegaraan yang betul melalui pelbagai platform siaran dan saluran televisyen dan radio. Untuk itu, RTM sentiasa memastikan bahan-bahan siaran televisyen dan radio sama ada dalam bentuk drama, filem, bual bicara, pesanan khidmat masyarakat, PSA, lagu-lagu patriotik, *promo*, *talking point* dan DJ radio dan sebagainya mengandungi elemen semangat cintakan negara di samping tidak terkecuali menyelitkan elemen patriotik

dalam rancangan kanak-kanak dan animasi tempatan sebagai usaha menyemai semangat cintakan negara di peringkat awal.

### ■2130

RTM menerusi saluran TV1 juga tidak ketinggalan menyiaran siaran langsung Hari Malaysia di Sabah dan Sarawak setiap tahun dan menggambarkan pentingnya kedua-dua negeri berkenaan dalam Malaysia. Penglibatan seluruh rakyat Malaysia di dalam sambutan acara ini tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik dalam dua sambutan iaitu Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia turut mencerminkan persefahaman, perpaduan dan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan mereka.

Selain daripada siaran langsung, acara sambutan berkenaan siaran berita di TV1, *Nasional 7* dan *Nasional 5* setiap hari ada menyediakan segmen 15 minit lintas langsung kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak. Tumpuan kandungan berita adalah agenda nasional untuk kepentingan rakyat di kedua-dua negeri tersebut.

Selain itu, pelancaran siaran TV Okey oleh RTM juga menjadi nilai tambah medium perpaduan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Saluran ini mengetengahkan kepelbagaian budaya dan adat resam masyarakat Malaysia terutamanya Sabah dan Sarawak serta sebagai medium penyampaian berita dan informasi mengenai masyarakat setempat dan isu semasa serta politik.

Untuk itu, diharapkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh RTM ini membantu dalam usaha-usaha kerajaan dalam memupuk semangat patriotisme dan sayangkan negara melangkaui sempadan negeri termasuk Sabah dan Sarawak, seterusnya mengelakkan politik kebencian dan perpecahan kaum di negara ini.

Selain dari itu, Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) juga berperanan memasarkan dan menguruskan maklumat dasar kerajaan dan kenegaraan yang berkesan. Bagi mencapai maksud ini, JaPen telah melaksanakan program-program patriotisme berdasarkan kepada tiga pendekatan yang utama iaitu *advocacy*, dengan izin, *outreach* dan *engagement* yang dapat menjangkau segenap pelosok negara.

JaPen telah manfaatkan aset digital seperti *Facebook*, *YouTube*, *Twitter*, *website*, *Instagram* dan media sosial ini digunakan sepenuhnya sebagai platform pemasaran maklumat kenegaraan yang menjurus ke arah menyemai semangat patriotisme sayangkan negara dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Selain pemasaran maklumat melalui medium digital, JaPen turut melaksanakan program-program turun padang bagi mendekati rakyat di pelbagai peringkat.

Seterusnya pula ada berhubung dengan isu permainan digital yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali bagi membangunkan dan menggalakkan *eSports* dan pemaju permainan digital. KKMM melalui MDEC akan

bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam merencana hala tuju jawatankuasa pembangunan industri eSports di dalam negara.

Jawatankuasa yang bakal dibentuk ini akan bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan ekosistem yang mampan serta kondusif khususnya bagi penggiat industri ini serta memantau perbelanjaan peruntukan yang disalurkan berdasarkan sasaran yang ditetapkan.

Antara perancangan utama yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan ini termasuklah menjadikan Malaysia sebagai hab eSports serantau dengan menarik pelaburan syarikat permainan digital multinasional dan penggiat tempatan. Penganjuran Liga Kebangsaan eSports yang pertama di Malaysia dengan kerjasama KBS dan pemain industri terpilih bagi memacu perkembangan eSports dan ekosistemnya.

Ketiga, kempen promosi eSports serta penyelia penyertaan atlet di kejohanan atau pameran eSports tempatan dan antarabangsa. Keempat, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan baharu *outlet* eSports, pengadil, pengurusan pasukan, personaliti, media sosial, pengelola liga dan kejohanan.

Terakhir, menawarkan program latihan kepada para atlet serta pemaju permainan digital tempatan agar dapat berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Berhubung dengan perwujudan badan khas bagi penyelia kemajuan muzik negara yang telah dibangkitkan dan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, kementerian menyambut baik keprihatinan yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat Senator terhadap industri muzik Malaysia.

Sektor muzik tidak dilupakan kerana muzik merupakan salah satu elemen di bawah FINAS dan merupakan salah satu daripada penyumbang kepada pembangunan industri kreatif dan juga pasaran seni negara. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengkaji cadangan ini dan akan mempertimbangkan setiap pilihan yang ada bersama polisi-polisi yang sedia ada sebagai penamaikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong berkenaan tanah KKMM di Miri Sarawak, kedua-dua lot tanah milik KKMM ini telah diserahkan kepada pihak Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) yang di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk dibangunkan bagi tujuan projek PPAM. Buat masa ini, pihak PPAM sedang dalam proses semakan semula projek-projek pembangunan di atas tanah kerajaan sebelum projek dapat dilaksanakan.

Akhir sekali berhubung pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Ada ya? Yang Berhormat mengenai IR 4.0 dalam perniagaan untuk golongan OKU. Seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum, inisiatif Revolusi Industri 4.0 terletak di bawah kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Namun begitu, KKMM akan sentiasa menyokong pelaksanaan inisiatif ini melalui penyediaan infrastruktur komunikasi dan juga program-program bagi membantu usahawan-usahawan kecil dan sederhana termasuklah golongan OKU dalam bidang perniagaan. Melalui program eUsahawan anjuran MDEC yang telah memberikan ilmu dan kemahiran mengenai penggunaan *social commerce* kepada golongan belia usahawan mikro termasuk golongan OKU dalam memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan mereka.

Dalam program ini juga, MDEC menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Orang Buta dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya dalam menarik penyertaan golongan OKU. Semenjak tahun 2017 sehingga Ogos 2018, seramai 696 OKU telah dilatih menerusi program ini dan seramai 172 peserta telah melaporkan jualan tambahan yang keseluruhannya bernilai lebih daripada RM1.3 juta.

Selain daripada itu, pelaksanaan inisiatif DFTZ adalah bersifat *inclusive* tanpa meminggirkan sebarang kelompok khususnya golongan OKU. Perdagangan elektronik tidak sesekali membezakan sama ada golongan OKU dengan golongan yang selainnya. DFTZ akan mewujudkan peluang kepada PKS tempatan termasuk perniagaan yang diusahakan oleh golongan OKU untuk memasarkan produk-produk mereka ke pasaran global. Teknologi digital serta perkhidmatan logistik yang lebih baik juga dapat meningkatkan penglibatan golongan OKU dalam perdagangan elektronik.

Akhir sekali, kementerian mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 bagi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kementerian dengan ini mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan sebagai penambahbaikan perkhidmatan di bawah kuasa kementerian. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia telah menjawab perutusan itu dengan panjang lebar dan tepat. Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat.

Sekarang saya jemput pula Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dipersilakan.

#### ■2140

#### 9.40 mlm.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Ahli-ahli Senator Dewan Negara yang telah memberikan perhatian terhadap

perkembangan sektor Agromakanan Negara di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019. "Malaysia Wibawa Ekonomi Dinamik Rakyat Sejahtera", tema Belanjawan 2019 ini dirangka sebaiknya mencakupi segenap aspek pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat di dalam suasana ekonomi semasa yang penuh cabaran.

Bagi tahun 2019, sejumlah RM4.417 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi melaksanakan agenda meningkatkan daya saing sektor agromakanan dan menambah baik sosial ekonomi kumpulan sasar, terutamanya petani, penternak dan nelayan, terima kasih saya ucapkan. Sepanjang sesi perbahasan 2019 perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 berlangsung, seramai lapan orang Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dalam membahaskan sebanyak 10 isu spesifik berkaitan kementerian iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

Secara keseluruhannya, perkara pokok yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dewan Negara adalah berkenaan langkah bagi menjamin sekuriti makanan negara melalui pemerkasaan keupayaan kumpulan sasar dan pembangunan yang mapan melalui pemodenan sektor agromakanan. Terima kasih di atas segala saranan dan cadangan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu-isu berkaitan e-sektor agromakanan sebagaimana yang telah dibangkitkan, suka saya mengkategorikan isu-isu tersebut kepada dua isu utama.

Pertama, penstrukturran bantuan kepada pesawah dan nelayan.

Kedua, pembangunan sektor agromakanan.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani Mat, adakah mereka di dalam Dewan ini?...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Tidak ada tetapi mereka memohon penjelasan bantuan subsidi insentif kepada pesawah dan nelayan diteruskan bagi menjamin sekuriti makanan negara. Mereka juga tanya, apakah mekanisme penyaluran subsidi padi beras setelah peruntukan berkurangan? Adakah kajian telah dilaksanakan terlebih dahulu? Walaupun mereka tidak ada di dalam Dewan ini, saya ingin jelaskan sebab ini adalah isu yang paling hangat ditanya terhadap Kementerian Pertanian.

Saya ingin mengambil kesempatan ini- *to put in the record* supaya semua Ahli-ahli Senator boleh memahami dan juga boleh menjawab kepada golongan sasar apabila balik ke negeri masing-masing.

Secara rekod, bajet yang diterima oleh Kementerian Pertanian walaupun dikurangkan, ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi semasa. Ini tidak bermaksud bahawa subsidi dipotong tahun ini tetapi tahun depan akan terus dipotong, tidak. Ia mungkin akan kembali kerana dari segi bajet ini, ia akan turun naik. Apabila ekonomi bagus, subsidi boleh dibagi sepenuhnya. Apabila ekonomi menghadapi masa-masa cabaran seperti masa sekarang, maka subsidi terpaksa dikurangkan. Saya bagi contoh, untuk keperluan subsidi tahun 2018, subsidi yang diperlukan untuk industri padi dan beras adalah lebih kurang RM1.689 bilion. Bajet yang diterima memang RM1.68 bilion.

Akan tetapi tahun 2017, subsidi yang diperlukan adalah RM1.68 bilion juga tetapi pada tahun 2017 kerajaan masa dahulu hanya bagi peruntukan RM1.336 bilion sahaja. Ada kekurangan bajet RM453 juta. Untuk tahun 2016, subsidi yang diperlukan dalam industri padi beras adalah RM1.68 bilion juga tetapi bajet yang diperuntukkan hanya RM1.278 bilion sahaja, kekurangan bajet sebanyak RM411.15 juta.

Maka, saya ingin *put the record straight* bahawa memang subsidi atau insentif dan sebagainya, ia mengikut keadaan ekonomi. Keadaan ekonomi yang bagus, subsidi akan dipulihkan. Dalam ekonomi yang mencabar mungkin subsidi terpaksa dikurangkan. Kita kena buat *adjustment*.

Untuk tahun 2019, kerajaan akan terus memberi bantuan kepada pesawah dan elaun sara hidup nelayan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan dalam Bajet 2019. Kita prihatin dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani *stand together with the* nelayan dan juga pesawah. *We will continue to fight for their rights* dan juga untuk membela nasib-nasib mereka. Kita sedang dalam proses untuk meminta tambahan bajet untuk subsidi dan sebagainya.

Buat masa sekarang, bantuan subsidi pesawah pada masa kini, kementerian sedang melaksanakan penyelarasan dan rasionalisasi penyaluran subsidi berdasarkan jumlah yang diperuntukkan seperti langkah berikut:

- (i) penyelarasan berdasarkan formulasi baharu baja yang dapat menyediakan pakej nutrien yang mencukupi atau optimum dalam meningkatkan hasil padi; dan
- (ii) melaksanakan program pemutihan kepada pesawah yang benar-benar layak menerima bantuan serta keluasan sebenar bertanam. Bagi membantu golongan yang benar-benar layak kementerian telah memohon peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan

dan berharap agar Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan permohonan ini. Ini adalah usaha kita untuk memohon tambahan bajet. Untuk bantuan elaun sara hidup nelayan bagi memastikan hanya nelayan yang benar-benar...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan padi tadi. Yang Berhormat menyatakan apabila ekonomi turun, subsidi juga akan menurun. Kalau ekonomi naik, adakah RM1.68 juta ini akan dinaikkan?

Maknanya, lebihan kepada subsidi kepada petani-petani yang sebelum ini. Contoh, kalau sekarang ini berdasarkan kepada *figure* semasa, maknanya turun. Kalau tahun depan ekonomi baik, adakah ia akan *doublekan* pembayaran tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Saya rasa ini soalan yang *what we call presumptive*. Saya nampak bahawa kita tidak boleh kata, ‘oh, ekonomi baik, kita doublekan’, kita kena lihat optimum ya. Objektif kerajaan adalah untuk mencari formula yang terbaik.

Kalau kita nampak ada keperluan, maka kita akan memohon kepada Kementerian Kewangan untuk tambah bajet atau sebagainya kerana subsidi ini kena ia mengikut keadaan. Contohnya, tanah yang sekarang kita bagi adalah baja sebatи 12 beg. Akan tetapi dalam keadaan tanah itu selepas sekian lama menggunakan baja yang sama mungkin kita perlukan baja yang lain, formula yang lain, baja organik mungkin. Mengikut atau baja nutrien dan sebagainya yang lain. Jadi, kita kena tengok keadaan, kalau kita rasa perlu, kita akan ubah formula dan mengikut baja dan *soil profiling* dan sebagainya.

Jadi, saya rasa itu bukan soal. Ekonomi baik, kita bagi *double*, bukan. Kita kena tengok kesesuaian dan hala tuju. Kita hendak apa yang terbaik. Kementerian Pertanian akan terus mencari formula yang terbaik untuk para pesawah di kawasan masing-masing. Untuk elaun sara hidup nelayan, bagi memastikan hanya nelayan yang benar-benar layak menerima elaun sara hidup nelayan ini, kementerian melalui LKIM dan DOF telah melaksanakan pemantauan dan pemutihan terhadap penerima bantuan elaun sara hidup bermula pada bulan September 2018.

## ■2150

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018 mengenai cadangan penjimatan konsolidasi dan rasionalisasi program atau aktiviti jabatan agensi kementerian. Sehingga kini dianggarkan seramai 40,000 orang nelayan telah dikenal pasti layak untuk terus menerima bantuan elaun sara hidup berbanding seramai 56,000 orang sebelum ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani Mat, ada dalam Dewan atau tak? Tidak ada, okey. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker? Tak ada ya. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai?

Yang Berhormat Senator Paul Igai bertanyakan apakah program yang dilaksanakan supaya tanah yang dibangunkan sesuai dengan jenis tanaman.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, untuk tahun 2019 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian (DOA) telah diperuntukkan sebanyak RM1.2 juta bagi Pembangunan Geoinformasi Tanah yang menyediakan maklumat kesesuaian tanah dengan jenis tanaman yang hendak diusahakan. Sistem Geoinformasi Tanah ini masih di peringkat pembangunan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, pihak DOA telah menyediakan khidmat siasatan tanah bagi pengesahan kesesuaian tanah untuk tanaman. Laporan siasatan tanah yang dikeluarkan meliputi peta tanah dan pengesyoran kesesuaian tanah untuk tanaman. Dengan laporan ini, pengusaha pertanian memperoleh maklumat awal dan boleh terus merancang pengurusan tanah dan amalan agronomi yang sesuai dilaksanakan. Sehingga Oktober 2018, DOA telah menerima sebanyak 750 permohonan bagi penentuan kesesuaian tanah dan tanaman yang melibatkan keluasan 57,000 hektar.

Satu lagi program yang akan dilaksanakan dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah tentang *soil profiling*. *Soil profiling* adalah satu program pembangunan maklumat kesuburan tanah yang kos sebanyak RM3.3 juta bagi menentukan tahap kesuburan tanah dan kandungan nutrien yang tersedia di dalam tanah melalui aktiviti pengumpulan data tanah seperti status dan ciri-ciri kimia dan fizik tanah, keupayaan galas tanah, PH dan keupayaan pertukaran kasyen (KPK). Data ini membolehkan formulasi pengesyoran dan penggunaan baja dapat dibuat dengan lebih tepat dan efisien tanpa pembaziran.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, ada? Tidak ada ya.

Yang Berhormat Senator Tuan Manolan ada ya? Kawan saya. Beliau mohon Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membantu masyarakat Orang Asli dalam bidang pertanian. Sebagai contoh, mengusahakan tanah-tanah terbiar di penempatan mereka. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menjalankan pelbagai kempen untuk menggalakkan penglibatan semua golongan dalam projek pertanian. Pada tahun 2018, MOA telah mengadakan sesi libat urus, *engagement* dengan pelbagai pihak bagi memberi penerangan berkenaan projek-projek dan insentif-insentif yang boleh diperoleh dalam melaksanakan projek pertanian.

Dalam pelaksanaan projek pembangunan tanah terbiar, penglibatan Orang Asli amat digalakkan memandangkan Orang Asli sememangnya terkenal dengan pertanian. Antara projek pertanian yang telah dilaksanakan yang melibatkan masyarakat Orang Asli adalah *Rompin Integrated Pineapple Plantation* (RIPP) di bawah bimbingan LPNM-Lembaga Pembangunan Nanas Malaysia, dan program IAT- Industri Asas Tani di bawah bimbingan MARDI. Walau bagaimanapun, program-program khusus yang melibatkan Orang Asli adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Perdana Menteri. MOA sedia bekerjasama dengan agensi berkaitan bagi mengenal pasti tanah-tanah milik Orang Asli yang berpotensi untuk dibangunkan dengan projek pertanian.

Projek pembangunan tanah terbiar, untuk maklumat tambahan untuk Yang Berhormat Senator Tuan Manolan. Projek pembangunan tanah terbiar telah dilaksanakan sejak RMKe-9 lagi. Projek ini dirangka untuk membangunkan tanah terbiar supaya menjadi tanah yang produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman, makanan menerusi pembangunan infrastruktur ladang dan insentif amalan teknologi dengan bantuan maksimum RM20,000 satu hektar.

Kementerian melalui Jabatan Pertanian menyasarkan seluas 100 hektar tanah terbiar akan dibangunkan setiap tahun dengan bilangan pengusaha seramai 50 orang. Sehingga kini, seluas 10,048.77 hektar tanah terbiar telah dibangunkan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Jadi untuk Yang Berhormat Senator, kalau ada tanah terbiar di kawasan perkampungan Orang Asli di mana terbiar selama tidak diusahakan, mereka boleh- orang yang baru yang ingin mengusahakan tanah terbiar itu boleh mendapatkan persetujuan tuan tanah. Mungkin tuan tanah telah meninggal, mungkin anak tuan tanah atau tuan tanah telah bekerja di tempat lain, maka tanah itu terbiar.

Selepas mendapatkan persetujuan ya, orang baru, selepas mendapat persetujuan tuan tanah, mereka boleh berjumpa dengan Jabatan Pertanian dan memohon bantuan iaitu Skim Pembangunan Tanah Terbiar dan mereka akan mendapat peruntukan *in-kind* dari segi untuk mengerjakan tanah, buat pengairan, buat pagar dan sebagainya untuk membangunkan semula tanah pertanian yang terbiar. Jadi ini saya menggalakkan supaya golongan Orang Asli untuk membuat permohonan mendapatkan peruntukan untuk mengerjakan tanah-tanah terbiar tersebut.

Untuk Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai yang menanyakan apakah langkah bagi mengurangkan kos pengangkutan baja subsidi terutamanya kepada petani yang jauh di pedalaman. Antara langkah yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan kos pengangkutan baja subsidi adalah menyediakan stor dan sub stor pertubuhan peladang kawasan (PPK) di kawasan pedalaman untuk menampung keperluan baja setiap musim.

Saya faham bahawa Yang Berhormat Senator datang daripada Kapit. Kami pun dengan pegawai-pegawai pun tengok kawasan Kapit dan saya tahu bahawa ia memang jauh daripada Sibu ke Kapit dan saya pernah pergi ke Kapit juga, naik bot dan sebagainya. Kalau hendak masuk pedalaman itu, lagi jauh kena menggunakan *logging track* dan sebagainya. Jadi, ia memang menjadi satu isu.

Walau bagaimanapun, setakat kontrak baja, dia hantar kontrak NAFAS, dia menghantar baja ke tempat *distribution center* sahaja. Selepas *distribution center* itu ke kawasan kampung atau sawah masing-masing adalah tanggungjawab pesawah, bukan tanggungjawab kerajaan kerana kita tidak dapat menghantar ke tempat yang- kerana masing-masing tempat yang berbeza. Ada yang dekat, ada yang jauh. Kita tidak dapat cater to everyone. Jadi adalah menjadi tanggungjawab pesawah-pesawah untuk mendapatkan baja subsidi daripada tempat *distribution center*.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah menanyakan apakah usaha mentransformasikan pertanian moden terutamanya di MADA. Antara program-program transformasi pertanian moden yang telah dilaksanakan oleh MADA adalah seperti berikut. Nombor satu, pembangunan sistem pengairan *tertiary* secara menyeluruh.

#### ■2200

Terdapat 128 blok pengairan sekunder sedia ada akan dibangunkan dengan sistem pengairan *tertiary* bermula tahun 2011 sehingga tahun 2026, di bawah projek pemacu pertanian, projek NKEA EPP 10 ya dahulu, sekarang namanya projek pemacu pertanian. Pembangunan sistem pengairan ini akan dapat meningkatkan kepada infrastruktur pengairan daripada 18 meter kepada 30 meter sehektar. Sehingga 30 November 2018, empat blok telah siap sepenuhnya. Sebanyak 10 blok dalam pembinaan dan baki 114 blok sedang dalam proses pengambilan tanah.

Kedua, pemodenan mekanisasi dan automasi. Penggunaan teknologi *agriculture drone* dalam aktiviti penanaman padi seperti menyembur racun bagi mendapatkan semburan yang lebih lengkap, menjimatkan masa dan tenaga serta mengatasi masalah kekurangan buruh pertanian. Penggunaan jentuai mini diperkenalkan sebagai jentera alternatif bagi mengurangkan kadar kerosakan tanah serta mengelak dari masalah tanah jerlus berlaku di kawasan muda. Ianya juga dapat mengurangkan kadar pemotongan pemutuan padi dan peratus kadar tumpah yang lebih rendah berbanding dengan jentuai berat sedia ada, *post-harvest loss*. Kita hendak kurangkan *post-harvest loss* supaya dengan menggunakan jentuai yang lebih kecil dan efisien.

Ketiga, penggunaan baja *Control Release Fertilizers* (CRF). Pelaksanaan projek perintis formulasi teknologi baja berdasarkan pelepasan nutrien secara terkawal menggunakan CRF di 2,000 hektar kawasan sawah.

Untuk maklumat Yang Berhormat, itu yang saya katakan bersetujuan dengan masa, bersetujuan dengan keadaan tanah. Pelbagai baja yang baharu diperkenalkan. Contohnya, di MADA sekarang kita perkenalkan CRF. CRF ini kosnya berbeza. CRF ini mungkin formula berbeza. Dahulu 12 beg, mungkin dengan CRF ini perlukan 10 beg atau lapan beg, kita tak tahu, dan kosnya berbeza.

Jadi, kita tidak dapat memberi satu kata putus bahawa baja, subsidi baja, atau subsidi kepada pesawah akan meningkat kepada *double*, itu tidak dapat. Ini kerana kita kena tengok kesesuaian dengan masa, kesesuaian dengan nutrien tanah dan pemodenan teknologi, itulah kita bantu. Akan tetapi komitmen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kepada pesawah kita, *is always there*. Kita hendak bantu mereka, kita hendak meningkatkan hasil produktiviti, jadi kita akan perkenalkan pelbagai baja yang berbeza dan yang baharu.

Keempat, aplikasi teknologi maklumat berteraskan *geographic information system* (GIS). Pihak MADA sedang membangunkan aplikasi *geographic information system* (GIS) sebagai alat membantu membuat keputusan dan kaedah pemantauan tanaman padi yang lebih efisien.

Kelima, pengurusan penanaman padi secara berpusat. Pengurusan penanaman padi secara berpusat dapat membantu mengatasi ekonomi berskala kecil oleh peladang kawasan MADA. Sehingga 30 November 2018, jumlah keluasan estet padi MADA adalah 38,358.7 hektar, yang melibatkan 20,299 orang peladang.

Keenam, penubuhan Kumpulan Pengguna Air (KPA). KPA bertindak sebagai satu entiti mewakili kumpulan peladang di sesebuah blok pengairan bagi menyelaraskan aktiviti pengurusan pengairan, penanaman padi. Sehingga 30 November, terdapat 54 buah KPA telah ditubuhkan di kawasan MADA.

Ketujuh, kajian dan penyelidikan melibatkan tanah. Pelaksanaan kajian seperti kajian pemulihan tanah jerlus dan kajian kesuburan tanah dapat membantu memulihkan tanah bermasalah dan juga penyediaan profil tanah- *soil profiling*.

Untuk Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, sekali lagi. Adakah FAMA akan mewujudkan pejabatnya di Kapit dan bercadang untuk mewujudkan Pasar Tani di bahagian lain di Sarawak. MOA memang mempunyai cadangan untuk mewujudkan pejabat FAMA daerah Kapit. Namun begitu, ia terpaksa ditangguhkan berdasarkan keutamaan projek dan kekangan kakitangan.

Buat masa ini, pejabat FAMA daerah Sibu masih mampu menampung keperluan perkhidmatan pemasaran di daerah Kapit. Sehingga kini, Pasar Tani di Sarawak beroperasi di 27 kawasan dengan kekerapan sebanyak 70 kali seminggu. Lokasi berhampiran dengan Kapit ialah di Permai, Sibu, Sarawak. Pada tahun 2019, FAMA menasarkan untuk

membuka Pasar Tani di Bintulu dan juga bersedia untuk membuka Pasar Tani di Kapit, tertakluk kepada kesesuaian tapak dan lokasi projek berdaya maju.

Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, juga tanya sejauh manakah pencapaian program galakan belia dalam pertanian seperti *myAgrosis*, PLKPK dan Agropeneur Muda. Sebagai program yang telah dirangka oleh kementerian melalui jabatan dan agensi dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang positif kepada golongan belia. Di antaranya ialah, program *myAgrosis*.

Program kelab *myAgrosis* bertujuan melahirkan usahawan di kalangan mahasiswa yang berdaya saing dan berkaliber dalam bidang pengeluaran serta pemasaran produk berasaskan pertanian. Sejak penubuhan kelab *myAgrosis* pada tahun 2011, sejumlah RM4.5 juta peruntukan telah disalurkan kepada 39 buah kelab *myAgrosis* di bawah bimbingan pelbagai agensi MOA bagi membiayai model projek usahawan yang dijalankan oleh ahli kelab dengan jumlah keseluruhan seramai 42,594 orang peserta.

Saya menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat menggalakkan mahasiswa kita menceburi bidang pertanian. Ini kerana kita tahu bahawa bidang pertanian penuh dengan potensi dan kita mempunyai lebih daripada 200,000 mahasiswa yang menganggur, selepas satu tahun ya, graduan dari universiti. Maka, golongan ini harus digalakkan memasuki pertanian. Kalau mereka mempunyai ibu bapa yang mempunyai tanah di kampung-kampung mereka, mereka boleh memasuki pertanian dengan mudah, dan boleh mendapatkan peruntukan dan juga bimbingan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Contohnya mereka boleh mendapatkan geran, nanti program seperti program Agropeneur Muda dan sebagainya.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga *target* siswazah-siswazah daripada program *myAgrosis* kerana apabila mereka memasuki *myAgrosis* maksudnya mereka ada minat tertentu tentang pertanian. Melalui sana kita akan memberi satu *emphasis* yang baharu supaya kita menarik mereka memasuki pertanian dengan memberi kesedaran dan juga program-program, bukan sahaja dari universiti, tetapi selepas *graduate* dari universiti, kita akan memberi maklumat kepada mereka tentang program-program pertanian dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kedua adalah program Agropeneur Muda. Program ini khusus kepada belia berumur 18 tahun sehingga 40 tahun sebagai galakan kepada bidang keusahawanan pertanian dan keusahawanan. Selain menyediakan geran Agropeneur Muda, di bawah program ini juga turut menawarkan pakej pembiayaan mudah yang menarik dengan kadar faedah serendah dua peratus dengan jumlah pembiayaan RM50,000 hingga RM200,000 melalui TEKUN Nasional dan juga Agro Bank. Bagi tahun 2018, seramai 332 orang

Agropeneur Muda telah mendapat manfaat melalui program Agropeneur Muda di bawah inisiatif geran dan pembiayaan.

Ketiga, Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK). Program ini menawarkan latihan kemahiran pertanian kepada semua generasi muda yang berkelayakan bagi peringkat sijil dan diploma kemahiran di 15 pusat bertauliah di seluruh negara, dalam pelbagai bidang seperti pertanian, veterinar, dan perikanan, termasuk bidang pemprosesan makanan dan pemasaran. Konvokesyen Pertanian 2018 yang telah diadakan pada 6 Oktober 2018 telah menganugerahkan sijil dan diploma kemahiran termasuk sijil pertanian, sijil veterinar dan sijil perikanan seramai 1,274 orang yang telah tamat pengajian.

#### ■2210

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang masih berada dalam Dewan ini sehingga jam 10.10 minit.

Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang tidak berada dalam Dewan ini, saya akan memberi jawapan bertulis dan sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani...

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Minta mencelah sekejap Yang Berhormat. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakhiri ucapan, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat adakah kerajaan atau kementerian mengkaji harga padi supaya dinaikkan kerana subsidi turun itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Buat masa sekarang kita nampak bahawa masih tidak ada keperluan untuk meningkatkan harga padi, harga beras di pasaran kerana kerajaan masih memberikan subsidi yang agak tinggi untuk industri padi beras. Jadi soalan ini tidak timbul. Sekian, terima kasih. Sekali lagi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Sim Tze Tzin, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah menjawab panjang lebar skala masa hadapan pertanian. Terima kasih banyak peluang-peluang yang diluahkan tadi.

Sekarang saya akhirnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Dipersilakan.

#### 10.11 mlm.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang masih sabar dan bertahan. Untuk perbahasan Belanjawan 2019 terdapat 11 orang Yang Berhormat Senator yang

terlibat dalam perbahasan membincangkan bidang kuasa di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya lihat ada lima daripada Yang Berhormat Senator tersebut tidak ada dalam Dewan dan saya akan menjawab secara bertulis.

Mereka yang tidak ada dalam Dewan adalah Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun. Kalau ada silap betulkan ya. Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid dan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip. Jadi saya terus... ada?

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Saya juga ada. Tuan Yang di-Pertua, saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Senator Puan Bathmavathi ada?

**Dr. Lee Boon Chye:** Ada, ada. Saya ambil maklum.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Puan Bathmavathi Krishnan.

**Dr. Lee Boon Chye:** Jadi, saya terus kepada masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing berkenaan dengan Hospital Sri Aman dan juga Hospital Petrajaya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Hospital Sri Aman telah diluluskan pada Rancangan Malaysia Kesepuluh tahun 2012 dengan kapasiti 108 buah katil dan kos projek sebanyak RM242.5 juta. Projek ini dijalankan dalam dua fasa di mana fasa pertama iaitu kerja tanah telah siap pada tahun 2013 dan fasa kedua telah bermula pada tahun 2015.

Sehingga 30 November 2018, status kemajuan fiskal sebenar yang dilaporkan adalah sebanyak 45.63 peratus berbanding jadual sebanyak 61 peratus, terlewat sedikit. Jadi projek ini telah diberikan tempoh lanjutan masa sebanyak 282 hari yang disebabkan oleh beberapa perubahan kerja yang melibatkan kerja-kerja struktur dan konkrit. Tempoh siap semasa projek ini adalah pada 3 Ogos 2019.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada pemantauan kementerian ini adalah sukar untuk projek ini disiapkan pada tarikh tersebut mengambil kira prestasi terkini kontraktor di tapak. Jadi JKR sebagai pelaksana sedang melihat semula hala tuju projek ini dengan meneliti opsyen-opsyen yang berkaitan agar pendekatan terbaik dapat diambil demi menjamin projek ini disiapkan dengan sempurna.

Berkenaan dengan projek pembinaan Hospital Petrajaya dengan 300 buah katil. Ia diluluskan pada Rancangan Malaysia Kesepuluh pada tahun 2011 dengan jumlah kos projek RM500 juta. Kontrak projek ini telah diberikan notis penamatkan pengambilan kerja kontraktor pada 2 Ogos 2018 selepas mendapat kemajuan kontraktor di tapak adalah tidak memuaskan. Projek ini dijangka akan di tender semula pada suku pertama tahun hadapan.

Saya beralih kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang berkenaan dengan perkhidmatan doktor udara di Sabah dan juga status Klinik Kesihatan Nabawan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengembalikan perkhidmatan doktor udara di Sabah untuk membekalkan lawatan dan perkhidmatan kesihatan di kawasan pendalaman secara berkala. Ini dijangka beroperasi pada bulan Mei atau Jun tahun hadapan.

Pada masa ini Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sedang menyediakan proses perolehan secara tender dan iklan telah dilaksanakan pada 14 Disember 2018. Sekian lama dan pada masa ini kes-kes kecemasan di kawasan pendalaman Sabah boleh diakses melalui perkhidmatan Mediven. Berhubung dengan status perkhidmatan kesihatan di Nabawan, projek pembangunan *facility* kesihatan yang telah diluluskan peruntukan dan sedang dilaksanakan di Nabawan adalah projek Klinik Kesihatan Nabawan jenis empat dengan X-ray dengan kuarters dan juga ada *sick bay* yang boleh menampung 12 orang pesakit biasa dan tiga pesakit *post natal* selepas bersalin.

Projek ini telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan projek ini dilaksanakan dalam dua fasa di mana fasa pertama melibatkan kerja pembinaan klinik kesihatan dan fasa kedua melibatkan kerja pembinaan kuarters.

Fasa pertama telah siap sepenuhnya pada 5 September 2016 dan telah memulakan operasi.

Fasa kedua projek ini telah memulakan fasa pembinaan pada 25 November 2016 dengan tarikh siap semasa adalah 15 Februari 2019. Kemajuan fiskal sebenar projek adalah 84.67 peratus. Kelewatian lebih kurang lima peratus. Pada masa ini tiada peruntukan yang telah disediakan untuk tujuan menaiktarafkan perkhidmatan Klinik Kesihatan Nabawan kepada hospital.

Saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong berkenaan dengan hospital baru Miri dan juga pelantikan Ahli Lembaga Pelawat di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Hospital Miri sedia ada merupakan sebuah hospital pakar *major* dan hospital rujukan bagi kawasan utara Sarawak. Hospital ini mempunyai 339 buah katil dengan kadar *bed occupancy rate* bagi tahun 2017 adalah sebanyak 85 peratus. Hampir *full house*, dengan izin.

Bagi menampung kekangan yang dihadapi oleh Hospital Miri, kerajaan telah meluluskan pembinaan hospital tambahan di bawah *Rolling Plan* Pertama, dengan izin Rancangan Malaysia Kesebelas dengan jumlah kos projek sebanyak RM340 juta. Projek

ini akan dilaksanakan secara reka dan bina. JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi projek ini. Iklan tender pra kelayakan telah ditutup pada 22hb 2018, dan pelawaan tender dijangka akan dilaksanakan pada bulan Mac tahun depan.

## ■2220

Fasa pembinaan dijangka akan bermula pada awal tahun 2020 dan dijangka siap pada tahun 2023. Bangunan tambahan ini akan dibina di tapak seluas yang terletak dalam kawasan Hospital Miri sedia ada, dan komponen atau skop projek ini adalah melibatkan penambahan katil sebanyak 328 buah katil termasuk kelengkapan untuk dewan bedah, dewan bersalin, wad rawatan rapi serta kemudahan klinik pakar dan Jabatan Kecemasan.

Berkenaan dengan pelantikan Ahli Lembaga Pelawat di seluruh negeri Sarawak...

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Boleh mencelah sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma ringkas sahaja berkenaan dengan- saya mengalu-alukan pembinaan Hospital Miri yang amat diperlukan. Apakah rancangan mengenai hospital sedia ada sekiranya hospital baharu dibina dan juga masalah *parking* yang wujud, sekian.

**Dr. Lee Boon Chye:** Buat sementara waktu yang saya diberitahu hospital, yang sediakan adakan dikekalkan jadi bangunan baharu itu merupakan tambahan katil yang dibekalkan sebab yang sedia ada *Bed of Occupancy Rate* memang agak tinggi. Jadi saya akan meneliti soal masalah *parking* secara bertulis, okey.

Berkenaan dengan pelantikan Ahli Lembaga Pelawat di seluruh negeri Sarawak – perkhidmatan Ahli Lembaga Pelawat Hospital yang dilantik bagi tempoh tahun 2017 sehingga tahun 2019 akan ditamatkan pada 31 Disember 2018 dan surat untuk penamatan tersebut telah dikeluarkan. Jadi pada masa ini kementerian sedang dalam proses melaksanakan pelantikan Ahli Lembaga yang baharu seperti mana yang ditetapkan di bawah mengikut Surat Pekeliling, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Bil. 4, tahun 2018.

Setakat ini, untuk seluruh negara kita menerima seramai 642 permohonan setakat ini. Untuk negeri Sarawak setakat ini tujuh borang calon sahaja tetapi kita masih menerima yang lebih dalam proses untuk kita melantik sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cuma hendak tahu bagaimana prosedur untuk dicalonkan ataupun menjadi calon-mekanismenya, supaya kita boleh memohon, terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Bakal-bakal calon boleh mendapatkan borang daripada Pengarah Hospital berkenaan dan kemukakan borang tersebut kepada Pengarah Hospital

walaupun sebelum ini ada melalui Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri. Tempoh itu sudah tamat dan sekarang kita serahkan kepada pengarah hospital untuk urusan seterusnya, sekian.

Okey, saya alih kepada isu berkenaan dengan doktor-doktor pelatih yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan telah melaksanakan pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi warganegara Malaysia bagi menjalani latihan siswazah atau khidmat wajib di Kementerian Kesihatan mulai Disember tahun 2016. Graduan perubatan dilantik secara kontrak, dengan tempoh maksimum lima tahun iaitu maksimum tiga tahun bagi tujuan menjalani latihan siswazah dan dua tahun untuk melengkapkan khidmat wajib.

Sepanjang tempoh perkhidmatan kontrak, Pegawai Perubatan Siswazah menikmati gaji, elauan dan kemudahan yang setaraf dengan Pegawai Lantikan Tetap setara dengan kakitangan kerajaan yang lain., kecuali kemudahan untuk pinjaman perumahan. Jadi selepas Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) ataupun menamatkan latihan siswazah dengan jayanya dan mengikut prestasi bakat yang terbaik di kalangan mereka, mereka akan berpeluang untuk dilantik secara tetap dalam perkhidmatan awam. Tertakluk kepada kekosongan perjawatan dan prestasi serta potensi pegawai tersebut untuk dilatih sebagai pakar.

Manakala, untuk mereka yang tidak dilantik tetap, mereka akan meneruskan kontrak mereka bagi menjalani khidmat wajib- *compulsory service*, dengan izin, dan melengkapkan tempoh kontrak yang ditetapkan atas Gred U41 sehingga tempoh khidmat wajib tamat dan selepas itu mereka akan dilepaskan.

Sebagai penghargaan ataupun suguhan hati pegawai lantikan kontrak yang tidak dilantik secara tetap dan menamatkan perkhidmatan kontrak dengan sempurna akan diberikan ganjaran kontrak dan pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan.

Jadi, saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip berkenaan dengan isu Klinik Kesihatan Palong Timur dan Klinik Kesihatan 2 di Jalan Muar, Segamat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kedua-dua klinik ini merupakan dua projek yang berasingan. Klinik Desa Palong Timur yang sedia ada yang dibina pada tahun 1988 menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk yang meliputi kawasan jajaran Gugusan FELDA Palong Timur Satu hingga Tujuh, dengan anggaran bilangan penduduk seramai 9,541 orang.

Secara purata, klinik desa tersebut menerima seramai 372 orang pesakit dalam tempoh sebulan dan angka ini meningkat saban tahun dengan peningkatan bilangan penduduk di kawasan sekitar yang turut mengunjungi klinik ini untuk mendapatkan rawatan kesihatan, terutamanya untuk ibu dan anak. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan akan membangunkan sebuah Klinik Kesihatan Jenis Lima, bagi menampung tambahan permintaan penjagaan kesihatan *premier* dan pesakit luar di samping menyediakan kemudahan dan persekitaran kerja yang lebih selesa dan kondusif bagi warga kerja klinik ini.

Kos projek cadangan klinik kesihatan jenis lima dengan Kuarters 16G Palong Timur ini adalah sebanyak RM20 juta. JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana untuk projek ini dan dijangka di tender pada tahun hadapan. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan rawatan kesihatan kepada penduduk setempat terutamanya di sekitar kawasan Bandar Segamat dapat disediakan...

**Dato' Zahari bin Sarip:** Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sebelum Yang Berhormat Menteri beralih kepada klinik di Jalan Muar- saya cuma mahukan kepastian adakah benar bahawa kementerian telah meluluskan peruntukan ini sejak tahun lepas? Jika benar, kami muahu dapatkan makluman sebenarnya di mana kesilapan sehingga ia menyebabkan kelewatan pembinaan? Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Tahun lepas itu cerita lama lah. Yang saya tahu...

**Dato' Zahari bin Sarip:** Saya cuma muahu tahu, adakah benar ia telah diluluskan pada tahun lepas?

**Dr. Lee Boon Chye:** Saya...

**Dato' Zahari bin Sarip:** Apakah sebab kelewatan itu? Tidak kisahlah yang lama salah kah- cuma muahu tahu, apakah sebab kelewatannya?

**Dr. Lee Boon Chye:** Saya minta maaf saya tidak ada maklumat kenapa ia terlewat. Apa yang saya boleh pastikan bahawa peruntukan telah disediakan untuk projek tersebut dimulakan untuk tahun 2019. Okey...

**Dato' Zahari bin Sarip:** Saya fikir Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya. Adakah benar benda ini telah diluluskan sejak tahun lepas? Itu sahaja.

**Dr. Lee Boon Chye:** Saya tidak ada maklumat. Saya boleh jawab secara bertulis.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye:** Untuk Klinik Kesihatan Jenis Kedua, kawasan Segamat yang kebetulan akan dinaiktarafkan di Hospital Segamat yang lama yang sedia ada dengan kos sebanyak RM40 juta. Seperti Klinik Kesihatan di Palong Timur, projek ini telah diluluskan untuk dilaksanakan untuk tahun hadapan.

**■2230**

Saya beralih kepada masalah yang dibangkitkan berkenaan dengan penyakit jarang jumpa ataupun *rare disease* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat senator Puan Bathmavathi Krishnan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebanyak RM50 juta yang diperuntukkan melalui Belanjawan 2019 bukanlah hanya untuk penyakit jarang jumpa, ia merangkumi peruntukan rawatan virus Hepatitis C, program menangani masalah pertumbuhan terbantut di kalangan kanak-kanak, menyediakan saringan dan perluasan rawatan hemodialisis serta *enhanced primary healthcare*, dengan izin.

Pada tahun 2018, bajet sebanyak RM10.5 juta telah diperuntukkan bagi rawatan penyakit jarang jumpa. Kementerian juga mendapat tambahan peruntukan khas bagi rawatan *rare disease* sebanyak RM8 juta, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM18.5 juta untuk rawatan penyakit tersebut tahun 2018. Untuk tahun depan, kementerian telah menerima sebanyak RM16 juta tambahan untuk penyakit-penyakit *rare disease* ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat, peruntukan ini bukan sahaja untuk penyakit *Lysosomal Storage Diseases*, malah ia turut meliputi penyakit-penyakit jarang jumpa yang lain seperti *Laron-type Dwarfism*, *Prader-Willi Syndrome*, *spinal muscular dystrophy*, *multiple sclerosis*, *acute hyperammonemia due to urea cycle disorder* dan *organic acidemia*, *rare pediatric rheumatic diseases* dan beberapa penyakit jarang jumpa yang lain.

Memandangkan kos rawatan pesakit penyakit jarang jumpa yang mahal sehingga RM1 juta setiap tahun bagi seseorang pesakit, maka adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk juga persatuan dan NGO untuk bekerjasama dalam memastikan pesakit dalam golongan ini mendapat rawatan yang sewajarnya. Kementerian amat mengalu-alukan kolaborasi dari pihak persatuan, NGO, syarikat-syarikat swasta serta badan-badan kebajikan untuk turut bersama-sama menyumbang khidmat bakti kepada pesakit-pesakit penyakit jarang jumpa ini khususnya kepada keluarga yang mempunyai kanak-kanak istimewa ini.

Sejak tahun 2014, kementerian telah mengesyorkan agar persatuan dan NGO dapat menukuhkan satu tabung amanah bagi membolehkan orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat korporat ataupun persatuan untuk turut memberi sumbangan melalui *corporate social responsibility*.

Namun sehingga kini, perkara ini belum direalisasikan lagi oleh persatuan ataupun NGO. Kementerian juga sedang membangunkan *National Framework for Rare Diseases*, dengan izin. Objektif rangka utama ini antara lain adalah untuk mewujudkan satu *governance committee*, dengan izin, bagi mengintegrasikan pengurusan pesakit *rare disease* di Malaysia yang juga dikategorikan sebagai orang kurang upaya secara

komprehensif dan holistik yang akan melibatkan diagnosis, sistem rujukan dan pengurusan pesakit *rare disease* ini. Melalui rangka utama ini, satu sistem data pesakit *rare disease* akan diwujudkan bagi menggubal dasar, program, strategi dan intervensi berkaitan *rare disease* di Malaysia.

Berkaitan dengan *orphan drugs* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, pada masa ini, negara-negara seperti Singapura, Taiwan, Jepun dan Korea Selatan telah mewujudkan undang-undang ataupun polisi berkaitan dengan *orphan drugs* dengan tujuan untuk menggalakkan penyelidikan, pembangunan dan ketersediaan dalam pasaran bagi meningkatkan akses kepada ubat-ubatan tersebut.

Terdapat juga negara-negara lain seperti Bulgaria, Greece, Macedonia, Romania dan Serbia yang telah membangunkan *national plan for rare disease*, dengan izin, dengan tujuan untuk mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan untuk capaian kepada perkhidmatan rawatan serta maklumat berkaitan *orphan drugs*. Sehubungan dengan ini, melihat kepada kepentingan *orphan drugs* kepada rakyat Malaysia, kementerian sedia untuk mengkaji pembangunan polisi dan dasar berkaitan *orphan drugs* bagi meningkatkan capaian pesakit rare diseases terhadap ubat-ubatan tersebut.

Jadi, yang selebihnya nampak ada yang tertinggal tidak? Nampak tidak ada ya. Jadi, / katalah terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang bangkitkan soalan berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Saya mewakili warga kementerian untuk ucapan ribuan terima kasih dan kerana ketabahan Yang Berhormat yang sudi sampai 10.30 malam. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan yang sendiri pun memuji kita kumpulan Senator tadi. Itu dia dan bukan sahaja dari Menteri, pesanan saya pun begitu juga.

Saya hendak beritahu bahawa saya sangat senang hati hari ini, Ahli-ahli Yang Berhormat saya bersama saya sampai ke titisan darah katanya sama saya. Tepuk tangan sikitlah... [Tepuk] Itu dia, sama-sama saya tadi sampai *the end*, dan inilah saya kata hampir pukul 11 malam masih ada bersama saya kerana sifatnya gigih dan kesetiaan itu. Tepuk tangan sikit. Kesetiaan itu yang penting... [Tepuk]

Jadi sebelum saya lupa, saya hendak ingatkan bahawa baru-baru ini saya telah dimaklumkan bahawa ada beberapa orang Senator kita dah tempoh tamat. Itu antaranya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul dan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah. Itu dia.

Jadi, jangan lupa hari Rabu ini kita mulakan kita punya *Majlis Jasamu Dikenang*, tengah hari. Sebelum saya lupa, ingat saya kata, ingatlah kita ini seorang pejuang, orang

politik. Apakah senjata orang politik? Tutur kata dia, mulut dia itu, budi bahasa dia, tutur kata itu, tajam atau tidak, bisa atau tidak. Bak kata orang-orang tua tadi.

*Sayang rokok hisap di mulut;  
Asapnya bergulung hingga ke pipi;  
Tuan bercakap manis di mulut;  
Saya mendengar pedih di hati... [Tepuk]*

Ini khususnya kalau kita hendak beritahu untuk isteri kita, tunang kita, jagalah tutur kata, yang manislah. Sebut selalu- “I love you” selalu. Itu sahaja keluar. Itu dia dan kita ingat bahawa kata-kata orang tua lagi.

*Sirih ada pinang pun ada;  
Saja saya tak letak di tapak;  
Kasih ada sayang pun ada  
Saja saya tak beri nampak... [Tepuk]*

Itu dia. Ini saya rasa Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah faham sangatlah, dan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Jadi pada anda sekalian, syabas dan tahniah.

Terima kasih banyak atas kesetiaan anda sekalian untuk kita bersama-sama. Dengan itu juga, terima kasih banyak, dan *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 18 Disember 2018.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.40 malam]***